

PROGRAM AGAMA DI PUSAT PEMULIHAN AKHLAK  
JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT (JKM):  
KAJIAN DARI ASPEK PELAKSANAAN  
DAN KEBERKESANAN

NOOR HAFIZAH BINTI MOHD HARIDI

AKADEMI PENGAJIAN ISLAM  
UNIVERSITI MALAYA  
KUALA LUMPUR

2016

PROGRAM AGAMA DI PUSAT PEMULIHAN AKHLAK  
JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT (JKM):  
KAJIAN DARI ASPEK PELAKSANAAN  
DAN KEBERKESANAN

NOOR HAFIZAH BINTI MOHD HARIDI

TESIS INI DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI  
KEPERLUAN BAGI IJAZAH  
DOKTOR FALSAFAH

AKADEMI PENGAJIAN ISLAM  
UNIVERSITI MALAYA  
KUALA LUMPUR

2016

PERAKUAN

University of Malaya

## ABSTRAK

Jabatan Kebajikan Masyarakat, merupakan salah sebuah jabatan yang bernaung sepenuhnya di bawah kerajaan Malaysia telah menubuhkan Institusi Pemulihan Akhlak yang menempatkan remaja bermasalah khususnya golongan remaja yang terlibat dalam kes-kes juvana. Institusi tersebut terdiri dari Asrama Akhlak, Taman Seri Puteri dan Sekolah Tunas Bakti. Berdasarkan statistik kemasukan sehingga 2010 seramai 1412 remaja bermasalah telah ditempatkan di institusi tersebut dan 1151 merupakan remaja berbangsa Melayu dan beragama Islam. Sebagai salah sebuah agensi bertanggungjawab memberikan pemulihan khususnya pemulihan berbentuk kerohanian. JKM dengan kerjasama pihak JAKIM telah merangka serta membangunkan modul Pendidikan Islam yang telah diselaraskan di setiap Institusi Pemulihan. Modul ini menjadi asas dan panduan utama dalam melaksanakan program agama di institusi. Kajian ini memberi tumpuan terhadap program agama yang telah dilaksanakan di setiap institusi tersebut dengan menganalisis dari aspek pelaksanaan, keberkesanan dan permasalahan dalam melaksanakan program agama terhadap pelatih di Institusi tersebut. Reka bentuk kajian adalah kuantitatif. Analisis dokumen dan temubual telah digunakan untuk melengkapkan dapatan kajian dan sebagai data sokongan. Responden melibatkan pelatih di institusi, pegawai hal ehwal Islam dan pembantu hal ehwal Islam. Kaedah persampelan rawak berstrata telah digunakan untuk pengagihan soal selidik mengikut institusi. Seramai 286 orang pelatih merupakan responden yang terlibat secara langsung dalam kajian ini yang melibatkan lapan institusi pemulihan di seluruh Malaysia. Data dari borang soal selidik telah dianalisis menggunakan *Statistical Package For The Social Science (SPSS) for window (version 16.0)*. Hasil kajian secara keseluruhan mendapati program-program agama di institusi tidak dilaksanakan secara konsisnten. Berdasarkan kepada peratusan hanya 17.5% responden bersetuju

program agama dilaksanakan 5 hingga 6 kali seminggu. Hasil kajian ini juga mendapati kekurangan guru agama di institusi merupakan faktor program agama yang telah disusun oleh pihak JKM tidak dapat dilaksanakan sepenuhnya kepada pelatih. Keberkesanan program agama di institusi diukur melalui tahap pengetahuan serta peningkatan tahap tingkahlaku pelatih. Analisis secara keseluruhan mendapati tahap pengetahuan pelatih adalah tinggi (min=4.51). Manakala analisis terhadap tingkahlaku pelatih adalah sederhana tinggi (min=3.02). Dapatan ini secara tidak langsung menggambarkan pelatih di institusi memerlukan bimbingan berterusan khususnya dari segi amali berhubung perkara asas Islam. Hasil kajian ini jelasnya memberi tambah nilai kepada institusi pemulihan JKM dalam usaha memberikan pemulihan kepada pelatih. Pihak JKM juga sewajarnya melihat semula Modul Kurikulum Pendidikan Islam JKM agar ianya bersesuaian dengan tahap pelatih di institusi di samping menambah guru agama di setiap institusi.

## ABSTRACT

Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) or the Social Welfare Department that is fully under the auspices of the Malaysian government, has set up Reformatory Institution which accommodates troubled adolescents especially those who are involved in juvenile cases. The institution comprises of Asrama Akhlak, Taman Seri Puteri and Tunas Bakti School. Based on the entry statistic until 2010, 1412 troubled adolescents were institutionalized with 1151 of them were Malay Muslim adolescents. As the responsible agency in providing reformation especially spiritual reformation, JKJ in collaboration with JAKIM (Department of Islamic Development Malaysia) have outlined and developed Islamic Education module that serves as the foundation and principal guidelines in implementing religious program. Its implementation is synchronized in every reformation institution. This study focussed on the implemented religious program by analysing the following aspects: implementation, effectiveness and problems in the implementation concerning the trainees of the institutions. The design of the study was quantitative. Document analysis and interview were used to complement the study findings and as supporting data. The study respondents consisted of trainees and Islamic affairs officers and assistants. For the questionnaire survey, the trainees were selected using stratified random sampling method. A total of 286 trainees from eight institutions all over Malaysia were directly involved in this study. The data from the survey were analysed using Statistical Package for the Social Science (SPSS) for window (version 16.0). Overall, the study showed the religious program in the institutions was not consistently implemented. Only 17.5% of the respondents agreed the religious program was implemented between five to six times in a week. The study also found a lack of religious teacher in the institutions served as the contributing factor to the poor implementation of the religious program

arranged by JKM. The effectiveness of the religious programs in the institutions was measured based on the level of knowledge and behaviour improvement of the trainees. Overall analysis found the level of trainees' knowledge was high (min=4.51). Nevertheless, the trainees' behaviour analysis result was moderately high (min=3.02). The findings indirectly revealed that the trainees in the institutions need continuous guidance particularly in terms of the practical aspect in relation to the basics of Islam. Apparently, the outcomes of this study gave an added value to JKM's reformatory institutions in their effort to reform the trainees. JKM should also review their Islamic Education Curriculum Module in order to ensure its relevance with the trainees' level and at the same time should increase the number of religious teacher in each institution.

## PENGHARGAAN

Dengan nama Allah s.w.t. yang Maha Pemurah lagi Maha Pengasihani. Segala puji bagi Allah s.w.t. selawat dan salam ke atas junjungan. Junjungan Besar Nabi Muhammad s.a.w. dan para sahabat, ulama-ulama serta seluruh umat Islam yang tidak pernah jemu dan lalai memperjuangkan kesucian agama Islam, meninggikan martabat bangsa dan memelihara kedaulatan tanah air tercinta.

Ucapan ribuan terima kasih kepada, Yang Berbahagia Dr.Fakhrul Adabi Bin. Abdul Kadir dan Dr. Yusmini binti Md. Yusoff di atas kesabaran dan kesudian menyelia tesis ini. Hanya Allah s.w.t. sahajalah yang akan membalas dengan kebaikan dan keberkatan di dunia dan juga di akhirat. Penghargaan juga ditujukan kepada Dekan serta warga Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya khususnya Pengarah dan Ketua Jabatan Dakwah Pembangunan Insan serta kakitangan yang telah banyak membantu dalam menyempurnakan tesis ini.

Setinggi-tinggi penghargaan ditujukan buat Pengurusan tertinggi Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, Dekan Akademi Pengajian Islam serta pensyarah-pensyarah yang merupakan rakan sekerja yang telah banyak memberikan kerjasama sepanjang pengkaji menyempurnakan tesis ini. Jutaan terima kasih kerana memberikan peluang kepada pengkaji bercuti atas Skim SLAK yang telah diberikan oleh pihak pengurusan selama tiga tahun.



Ucapan penghargaan buat keluarga tersayang iaitu ayahanda Mohd Haridi b. Hj.Hussain, bonda Junaidah bt. Ahmad. Buat suami tercinta Mohd.Shaifful Bahri b.Othman yang telah banyak memberikan semangat dan perangsang serta buat anakanda tersayang Muhammad Aiman Adam, Noor Alia Iman dan Noor Afiyah Iman yang merupakan penyeri serta motivasi kepada pengkaji. Penghargaan juga dirakamkan buat kekanda-kekanda Mohd Hafiz, Mohd Amir Sadri, Mohd Syafie dan Mohd Khairul Imran. Jutaan terima kasih atas doa kalian.

Akhir sekali, sekiranya wujud kesalahan data dan fakta (tanpa pengetahuan) yang jelas dikutip dari pelbagai bahan bacaan, penulis memohon ampun dan maaf dan amat mengharapkan semuga ia dibetulkan. Kepada semua teman seperjuangan, teruslah maju ke hadapan, usah gentar di medan juang kerana kehidupan itu suatu perjuangan. Kita tidak akan maju dengan menjadi bangsa asing, tetapi kemajuan boleh dicapai apabila kita berjaya tingkatkan martabat Agama serta menjadikan Islam sebagai cara hidup kita. Wallahua'lam.

## ISI KANDUNGAN

<b>PERKARA</b>	<b>Halaman</b>
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	vi
PENGHARGAAN	viii
ISI KANDUNGAN	x
SENARAI JADUAL	xv
SENARAI RAJAH	xvii
PANDUAN TRANSLITRASI	xviii

### **BAB SATU PENDAHULUAN**

1.1 Pengenalan	1
1.2 Penyataan masalah	12
1.3 Objektif kajian	16
1.4 Kepentingan kajian	16
1.5 Skop kajian	18
1.6 Pengertian istilah tajuk kajian	19
1.7 Kerangka teori kajian	21
1.8 Kajian-kajian lepas	22
1.9 Metodologi kajian	28
1.9.1 Rekabentuk kajian	28

1.9.2 Sampel dan Kaedah Persampelan	29
1.9.3 Tatacara Kajian	31
1.9.4 Instrumen kajian	32
1.9.5 Skala jawapan responden	34
1.9.6 Protokol temubua	35
1.9.7 Kajian rintis	37
1.9.8 Tatacara penganalisan data	38

## **BAB DUA**

### **PROGRAM AGAMA DAN REMAJA BERMASALAH**

2.1 Pengenalan	40
2.2 Agama dan kehidupan	40
2.3 Kerangka dasar agama Islam	42
2.3.1 Akidah	42
2.3.2 Ibadah	47
2.3.3 Akhlak	51
2.4 Program Agama	53
2.4.1 Pengertian program agama	53
2.4.2 Matlamat program agama	54
2.4.3 Bentuk-bentuk program agama	58
2.4.4 Pelaksanaan program agama	62
2.4.5 Keberkesanan program agama	70
2.4.6 Unsur-unsur keberkesanan program	71

2.4.7 Masalah pelaksanaan Program Agama	77
2.5 Definisi remaja	84
2.5.1 Skop umur remaja	87
2.5.2 Kelompok-kelompok remaja	88
2.6 Masalah sosial remaja	89
2.6.1 Definisi Devian	92
2.7 Kesimpulan	95

### **BAB TIGA**

#### **PROGRAM AGAMA DI ISNTITUSI PEMULIHAN AKHLAK.**

3.1 Pendahuluan	96
3.2 Sejarah penubuhan Jabatan Kebajikan Masyarakat	97
3.3 Carta organisasi	102
3.4 Dasar Jabatan Kabjikan Masyarakat	103
3.5 Perkhidmatan Kanak-Kanak	106
3.5.1 Asrama akhlak	107
3.5.2 Taman Seri Puteri	109
3.5.3 Sekolah Tunas Bakti	111
3.6 Program Agama di Institusi Pemulihan Akhlak	113
3.6.1 Modul kurikulum pendidikan Islam	116
3.7 Program dan aktiviti dakwah yang dilaksanakan di Institusi Pemulihan Akhlak JKM	123

**BAB EMPAT**  
**PELAKSANAAN DAN KEBERKESANAN PROGRAM AGAMA DI INSTITUSI**  
**PEMULIHAN AKHLAK JKM**

4.1	Pendahuluan	141
4.2	Profil responden kajian	142
4.3	Kesalahan yang telah dilakukan	144
4.4	Amalan beragama sebelum dimasukkan ke institusi pemulihan	145
4.5	Pelaksanaan program agama di institusi pemulihan JKM	153
4.5.1	Bentuk program yang dilaksanakan	154
4.5.2	Pandangan terhadap pelaksanaan program agama	158
4.5.3	Pandangan terhadap guru agama	161
4.5.4	Pandangan terhadap silibus program agama	167
4.6	Masalah menghalang pelaksanaan program agama	172
4.6.1	Masalah pendakwah (guru agama)	174
4.6.2	Masalah sasaran dakwah (pelatih)	178
4.6.3	Masalah pengisian (modul)	180
4.6.4	Masalah pengurusan dan pentadbiran	181
4.7	Kebekerkesanan program agama terhadap pengetahuan:	
4.7.1	Pengetahuan akidah	185
4.7.2	Pengetahuan ibadah	188
4.7.3	Pengetahuan akhlak	191

4.8 Keberkesanan program agama terhadap tingkah laku	193
4.8.1 Tingkah laku akidah	193
4.8.2 Tingkah laku ibadah	197
4.8.3 Tingkah laku akhlak	200
4.9 Minat dan persepsi pelatih terhadap program agama	204
4.10 Kesimpulan	209

**BAB LIMA :**  
**RUMUSAN DAN CADANGAN**

5.1 Pengenalan	211
5.2 Kesimpulan	211
5.2.1 Program Agama Di Institusi Pemulihan Akhlak	212
5.2.2 Pelaksanaan Program Agama di Institusi Pemulihan Akhlak	217
5.2.3 Keberkesanan Program Agama di Institusi Pemulihan Akhlak	221
5.2.4 Masalah dalam Pelaksanaan Program Agama di Institusi Pemulihan Akhlak	225
5.3 Saranan	230
5.4 Kesimpulan	236
Bibliografi	239
Lampiran	250

## SENARAI JADUAL

<b>Perkara</b>	<b>Halaman</b>
1.1 Statistik Kes Juvana 2006-2010	5
1.2 Perbandingan Penglibatan Juvana dan Pelajar Dalam Jenayah Mengikut Kaum Utama di Negeri Selangor dan Kuala Lumpur 2006	9
1.3 Data Kemasukan Pelatih Ke Institusi Pemulihan JKM 2008-2011	14
1.4 Jumlah Responden Kajian	30
1.5 Senarai Informan Mengikut Institusi	36
1.6 Jumlah Responden Mengikut Institusi	38
1.7 Interpretasi Skor Min	39
3.1 Senarai Asrama Akhlak	109
3.2 Senarai Taman Seri Puteri	111
3.3 Senarai Sekolah Tunas Bakti	113
4.1 Demografi Responden	142
4.2 Cara Hidup Beragama	145
4.3 Ke kerap an Menunaikan Solat Fardhu	148
4.4 Mempelajari Tentang Islam	151
4.5 Pelaksanaan Program Agama di Institusi Pemulihan JKM	153
4.6 Bentuk Program Yang Dilaksanakan	154
4.7 Pandangan Terhadap Pelaksanaan Program	158
4.8 Pandangan Terhadap Guru Agama	161
4.9 Pandangan Terhadap Silibus Program Agama	167
4.10 Masalah Dalam Pelaksanaan Program Agama	173

4.11	Keberkesanan Program Agama dalam Meningkatkan Ilmu Tentang Akidah	185
4.12	Keberkesanan Program Agama dalam Meningkatkan Ilmu Tentang Ibadah	188
4.13	Keberkesanan Program Agama dalam Meningkatkan Ilmu Tentang Akhlak	191
4.14	Keberkesanan Program Agama dalam Meningkatkan Tingkah Laku Akidah	193
4.15	Keberkesanan Program Agama dalam Meningkatkan Tingkah Laku Ibadah	197
4.16	Keberkesanan Program Agama dalam Meningkatkan Tingkah Laku Akhlak	200
4.18	Minat dan Persepsi Pelatih Terhadap Program Agama	204



## SENARAI RAJAH

<b>Perkara</b>	<b>Halaman</b>
1.1 Kerangka Teori Kajian	21
4.1 Kesalahan Yang Dilakukan Oleh Responden	144

University of Malaya

## PANDUAN TRANSLITERASI

Ejaan yang digunakan dalam tesis ini adalah berdasarkan sitem ejaan baru Bahasa Melayu manakala perkataan Arab dieja berdasarkan sistem transliterasi seperti berikut.

### Konsonan

Huruf Jawi	Huruf Rumi	Huruf Jawi	Huruf Rumi
أء	a, ‘	ط	Ṭ
ب	B	ظ	Ẓ
ت	T	ع	‘
ث	Th	غ	Gh
ج	J	ف	F
ح	ḥ	ق	Q
خ	Kh	ك	K
د	D	ل	L
ذ	Dh	م	M
ر	R	ن	N
ز	Z	ه	H
س	S	و	W
ش	Sh	ي	Y
ص	ṣ	ة	h,t
ض	ḍ		

## Vokal

Dalam Sistem Vokal Arab terdapat tiga jenis vokal iaitu vokal pendek, vokal panjang dan juga diftong.

Vokal Pendek	Transliterasi	Contoh	Transliterasi
اَ اِ	A	قَاتَ	Qanata
اِ اِي	I	سَلِمَ	Salima
اُ اُو	U	جُعِلَ	ju'ilav

Vokal Panjang	Transliterasi	Contoh	Transliterasi
اِي	Ā	كَبْرِي، بَاب	bāb , kubrā
يِي	Ī	وَكَيْلٍ	Wakīl
وِي	Ū	سُورَةَ	Sūrah

## Diftong

Diftong	Transliterasi	Contoh	Transliterasi
اَوَّ	Aw	قَوَّلَ	Qawl
اَيَّ	Ay	خَيْرَ	Khayr
اُوَّ	Uww	قُوَّةَ	Quwwah
اَيَّ	iy,ī	عَرَبِي	'arabiy / ī

## **SENARAI LAMPIRAN**

### **Perkara**

Surat Memohon Kebenaran Melakukan Kajian

Surat Kelulusan Menjalankan Kajian

Surat Permohonan Panel Penilai Soal Selidik

Soal Selidik Pelatih di Institusi Pemulihan

Borang Temubual Pegawai Agama

Data Temubual

Kurikulum Pendidikan Islam (Asas-Asas Fardhu Ain)

di Institusi Pemulihan JKM

University of Malaya

## BAB SATU

### PENDAHULUAN

#### 1.1 Pengenalan

Agama dan kehidupan merupakan asas dalam kehidupan manusia. Sebagai individu muslim, agama yang berteraskan asas akidah, ibadah dan akhlak merupakan perkara utama dalam pembentukan shakhsiah sebagai individu muslim. Kejatuhan umat Islam kini, tidak lagi dilihat dari aspek material bahkan ia dilihat dari aspek yang lebih khusus berasaskan kepada asas Islam yang terdiri dari aspek akidah, ibadah dan akhlak yang semakin kurang dari aspek penghayatan serta pengamalannya di dalam kalangan masyarakat.

Pengetahuan, penghayatan serta amalan agama yang dilakukan secara konsisten jelasnya amat mempengaruhi dalam konteks cara hidup seharian. Manusia yang hidup tanpa agama dan kepercayaan merupakan manusia yang amat celaka dan rugi. Dia menganggap dirinya seumpama haiwan. Orang yang hidup dengan menikmati kenikmatan hidup kemudian dia mati tanpa mengetahui matlamat kehidupannya atau mengetahui rahsia di sebalik kehidupan, golongan ini merupakan makhluk kerdil yang tidak bernilai.<sup>1</sup>

Setiap manusia tidak dapat lari dari kehidupan beragama. Agama merupakan satu fitrah bagi manusia sebagai panduan serta tatacara hidup yang wajib dipatuhi bagi

---

<sup>1</sup> Yūsuf al-Qaradāwī, *Madkhal li Ma'rifati al-Islam*, terj. Mohammad Zaini Yahya (Bandar Baru Bangi: As-Syabab Media, 2000), 16.

membataskan setiap tingkah laku sesuai dengan situasi dan keadaan. Kesempurnaan dalam beragama menjadikan seseorang akan berada dalam aturan kehidupan yang penuh ketenangan. Oleh itu, agama Islam diturunkan adalah untuk memberi petunjuk kepada manusia melalui utusan Allah s.w.t. iaitu Nabi s.a.w. Sebagaimana firman Allah s.w.t:

الْيَوْمَ أَكْمَلْتُ لَكُمْ دِينَكُمْ وَأَتَمَمْتُ عَلَيْكُمْ نِعْمَتِي وَرَضِيتُ لَكُمُ الْإِسْلَامَ  
دِينًا

Al-Maidah 5: 3

Maksudnya:

Pada hari ini, Aku telah sempurnakan bagi kamu agama kamu, dan Aku telah cukupkan nikmatKu kepada kamu, dan Aku telah redhakan Islam itu menjadi agama untuk kamu.

Agama juga memberi ruang kepada manusia berfikir dengan cara yang betul, menyuruh melakukan kebaikan dan menjauhi serta menegah perkara kemungkar. Agama juga merupakan pengukuh hidup yang dapat mengelakkan manusia daripada hanyut terumbang-ambing dan terperangkap dalam tipu daya syaitan. Firman Allah s.w.t:

وَمَنْ يَبْتَغِ غَيْرَ الْإِسْلَامِ دِينًا فَلَنْ يُقْبَلَ مِنْهُ وَهُوَ فِي الْآخِرَةِ مِنَ الْخَاسِرِينَ



Ali-Imran 3: 85

Maksudnya:

Dan sesiapa yang mencari agama selain agama Islam, maka tidak akan diterima daripadanya, dan ia pada hari akhirat kelak dari orang-orang yang rugi.

Apabila memperkatakan tentang Islam, kita tidak dapat lari daripada membicarakan soal akidah yang merupakan tunjang kepada umat yang bertamadun. Asas akidah Islamiah ialah Tauhid iaitu mengesakan Allah s.w.t. Tauhid dalam Islam merupakan inti Islam itu sendiri. Oleh yang demikian, bukti ketauhidan seseorang muslim ialah menjunjung segala perintah Allah s.w.t. dalam kehidupan dan meletakkan dirinya sesuai dengan kedudukannya sebagai hamba (Allah s.w.t). Pegangan tauhid yang teguh di kalangan individu mampu membentuk sebuah masyarakat yang aman dan harmoni.

Yūsuf al-Qaradāwī menyatakan bahawa kunci kekuatan shahsiah umat ini dan pemangkin kecemerlangannya ialah Iman. Imanlah yang telah melonjakkan umat ini sebagai umat yang terbaik dilahirkan di atas muka bumi ini untuk manusia. Sehingga mampu mencipta kemenangan demi kemenangan ke atas kuasa-kuasa besar pada waktu itu biarpun mereka serba kekurangan dari segi bilangan tentera dan kelengkapan perang.<sup>2</sup>

Akhlak merupakan sesuatu yang amat penting dalam Islam. Islam seseorang tidak akan sempurna tanpa memiliki akhlak yang mulia dan terpuji. Fathi Yakan menjelaskan bahawa akhlak mendapat tempat yang paling penting dan utama dalam Islam. Akidah dan akhlak tidak dapat dipisahkan kerana akidah merupakan tunjang dalam kehidupan seharian umat Islam. Manakala akhlak pula merupakan tanda dan hasil iman yang sebenarnya. Dari akidah itu lahirnya segala sifat dan tingkahlaku merangkumi semua

---

<sup>2</sup> Yūsuf al-Qaradāwī, *Ayna al-Khalal* (Kaheerah: Dar al-Sahwah li al-Nasyr, 1985), 21.

aspek kegiatan kehidupan sama ada baik atau buruk, oleh demikian itulah yang dinamakan akhlak.<sup>3</sup> Tidak ada amalan yang paling berat pada timbangan seseorang Muslim pada hari akhirat kecuali mereka yang berakhlak dengan akhlak yang mulia. Sebagaimana sabda Rasulullah s.a.w.:

ما شيء أثقل في ميزان المؤمن يوم القيامة من خلق حسن فإن الله تعالى  
ليبغض الفاحش البذيء.

Maksudnya:

Tidak ada sesuatu yang lebih berat pada timbangan seseorang mukmin pada hari kiamat daripada akhlak yang mulia. Sesungguhnya Allah s.w.t. amat benci seseorang yang keji lagi tercela.<sup>4</sup>

Al- Farābi menjelaskan bahawa akhlak adalah penting kerana ia merupakan penekanan terhadap keupayaan akal untuk menilai sesuatu perkara sama ada baik mahupun buruk yang dilakukan oleh seseorang. Oleh itu, akhlak berperanan membantu seseorang individu mencapai kebahagiaan hidup di dunia dan akhirat.<sup>5</sup>

Ghazali Darussalam menerangkan bahawa akhlak adalah penting dalam Islam kerana akhlak merupakan roh bagi Islam. Agama tanpa akhlak samalah seperti jasad yang tidak bernyawa. Oleh itu, salah satu misi yang dibawa oleh Rasulullah s.a.w. ialah membina akhlak manusia yang telah runtuh. Akhlak juga merupakan satu ciri kelebihan

---

<sup>3</sup> Fathi Yakan, *Madha Ya'ni Fi Intima'e li al-Islam*, cet. ke-8 (Beyrut: Muassasah al-Risalah, 1982), 37.

<sup>4</sup> Abi Isa Muhammad Bin Isa bin Thaurah, *Kitab al-Birr wa al-Şillah 'an Raşulillah şalla Allah 'alaih wa al-salām*, Bab Mā Ja'ā fi Husnī al-Khuluqi, no. Hadith 2002 dalam *Sunan al-Tirmidhi* (Istanbul: Dār al-Da'wah, 1981), 34: 362.

<sup>5</sup> Al-Farābi, *al-Siyāsah al-Mādaniyyah Mulāqqah bi Mabadie' al-Maujudat* (Beirut: Thulikiyyah, 1964), 32.



di antara manusia, kerana ia merupakan lambang kesempurnaan Iman, ketinggian, ketaqwaan dan kealiman seseorang manusia yang berakal. Kuatnya sesuatu ummah kerana kukuh akhlaknya, sebaliknya runtuh sesuatu ummah kerana lemah akhlaknya. Akhlak merupakan garis pemisah di antara manusia yang berakhlak dengan yang tidak berakhlak.<sup>6</sup>

Berdasarkan kes-kes jenayah sosial yang berlaku di negara, pada tahun 2005 menggambarkan bahawa golongan pelajar dan remaja di Selangor, Pulau Pinang dan Terengganu paling ramai terlibat dalam kes jenayah bagi tempoh enam bulan pertama. Jenis kesalahan paling banyak dilakukan oleh pelajar dan remaja adalah jenayah harta benda terutama pecah rumah iaitu, 1,263 kes dan jenayah kekerasan termasuk membunuh, cubaan membunuh dan mencederakan orang lain (Utusan Malaysia:2010).

---

<sup>6</sup> Ghazali Darussalam, *Ilmu Akhlak Islamiah* (Kuala Lumpur: Utusan Publication and Distributors Sdn. Bhd, 1997), 62.

Jadual 1.1 Statistik Kes Juvana 2006 - 2010

Negeri	2006	2007	2008	2009	2010
Johor	851	972	489	617	454
Kedah	899	441	526	311	460
Kelantan	247	189	197	215	229
Melaka	284	293	159	196	162
<b>Negeri Sembilan</b>	<b>308</b>	<b>197</b>	<b>170</b>	<b>181</b>	<b>214</b>
Pahang	25	362	423	431	368
Perak	396	494	381	264	325
Perlis	140	159	125	158	92
Pulau Pinang	439	434	383	334	332
Sabah	0	326	212	113	46
Sarawak	228	335	88	28	89
Selangor	911	1114	736	562	138
Terengganu	509	327	218	242	411
WP Kuala Lumpur	718	1099	1424	192	158
WP Labuan	0	21	34	18	6
<b>Jumlah</b>	<b>5955</b>	<b>6763</b>	<b>5562</b>	<b>3862</b>	<b>3484</b>

sumber: Harian Metro 8 Mei 2011

Berdasarkan statistik kes juvana dari tahun 2006 sehingga 2010, Selangor mencatatkan kes tertinggi bagi dua tahun berturut-turut iaitu pada tahun 2006 dan 2007. Walaupun berlaku penurunan kes pada tahun berikutnya, langkah pencegahan perlu sentiasa dilakukan.

Persoalan keruntuhan akhlak sepatutnya tidak menjadi isu utama jika kita melihat perkembangan Islam yang wujud di negara ini. Masyarakat Islam di negara ini telah didedahkan sepenuhnya dengan pengajaran-pengajaran mengenai Islam melalui pelbagai kaedah khususnya melalui sistem pendidikan negara dan umumnya melalui kesedaran-kesedaran masyarakat. Hakikatnya, kemelut yang melanda Islam hari ini adalah berkait rapat dengan persoalan pegangan akidah atau keimanan kerana sukar untuk digambarkan

mereka yang memiliki keutuhan akidah melakukan perkara-perkara seperti penagihan dadah, penzinaan dan yang seumpama dengannya.<sup>7</sup>

Remaja bermasalah merupakan salah satu daripada simptom masalah sosial. Masalah sosial bermaksud satu keadaan yang mempengaruhi sebilangan besar orang dengan cara yang tidak diingini, dan ia boleh dibetulkan melalui tindakan kolektif sosial. Seterusnya ia juga dapat dijelaskan sebagai satu fenomena masyarakat yang membawa kesan negatif kepada sebilangan besar orang.<sup>8</sup>

Peringkat remaja merupakan permulaan dalam perkembangan individu untuk mencapai kematangan. Dari perspektif Islam, remaja telah dianggap sudah cukup umur atau diistilahkan sebagai baligh. Pada peringkat usia remaja, golongan ini mengalami peralihan zaman antara zaman kanak-kanak dengan zaman dewasa. Pada peringkat usia remaja, berlaku perubahan yang pesat sama ada perubahan biologi, fizikal, mental dan emosi serta perubahan tanggungjawab dan peranan. Untuk mengimbangi perubahan-perubahan ini, golongan remaja sering berhadapan dengan masalah dan konflik. Dengan sebab itu, ia mendorong remaja terlibat dengan pelbagai gejala sosial serta keruntuhan akhlak di kalangan mereka.<sup>9</sup>

Gejala keruntuhan akhlak di kalangan remaja semakin bertambah serius. Hal ini, semakin terserlah dengan terdedahnya penglibatan remaja dalam kumpulan Black Metal

---

<sup>7</sup> Ahmad Munawar bin. Ismail. *Pengaruh Akidah Terhadap Penghayatan Akhlak Pelajar-Pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan di Malaysia* (Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, 2008), 15.

<sup>8</sup> Sabitha Marican, "Dasar Media Dalam Membendung Tingkahlaku Remaja Yang Bermasalah" (kertas kerja, Seminar Kekeluargaan Peringkat Kebangsaan, Universiti Utara Malaysia, 29-30 Julai 1995 ), 1.

<sup>9</sup> Fariza Md. Sham, "Dakwah Kepada Remaja Yang Mengalami Tekanan Emosi: Kajian di Kajang" (tesis, Fakulti Dakwah dan Akademi Islam, Universiti Malaya, 2005), xxi.

yang menggalakkan aktiviti anti agama dan pemujaan syaitan. Selain itu, berlaku juga masalah sumbang mahram serta masalah-masalah lain yang memburukkan imej remaja seperti penagihan dadah, homoseksual, menggugurkan kandungan, gengsterisme, minum arak, merokok, melepak dan pergaulan bebas.

Di Malaysia, remaja merangkumi lebih daripada separuh keseluruhan penduduk. Oleh kerana bilangannya yang ramai, maka semestinya masalah berkaitan dengan kelompok ini juga banyak. Pada zaman ini, kita saksikan cabaran hidup begitu hebat sekali sehingga kita tidak mampu menghadapi semua itu. Antara cabaran tersebut ialah kesan dan pengaruh globalisasi, ancaman kemelesetan ekonomi, kesan perkembangan teknologi, pengaruh teknologi maklumat (IT) dan gejala negatif yang menular ke semua budaya. Cabaran ini telah menyebabkan ramai golongan remaja telah kecundang dan gagal mempertahankan diri mereka dari pengaruh ini.

Data statistik menunjukkan keruntuhan akhlak di kalangan remaja di negara ini adalah semakin serius. Dalam taklimat pihak Polis di Raja Malaysia (PDRM) kepada Perdana Menteri Malaysia ketika lawatannya ke Bukit Aman pada awal Januari 2008, dilaporkan bahawa di seluruh negara, jenayah ganas meningkat 13.4 peratus, kes rogol naik 30 peratus, rompakan berkumpulan melonjak 160 peratus, mencabul kehormatan naik 12.4 peratus, pecah rumah waktu malam bertambah 21.7 peratus, sementara pecah rumah siang hari naik 4.2 peratus, curi motosikal meningkat 3.2 peratus, curi kereta naik 11.4 peratus, kecurian lain naik 5.1 peratus.<sup>10</sup>

---

<sup>10</sup> Roslan Bin Mohamed, "Gejala Sosial dan Kesannya Kepada Pembangunan Umat" (kertas kerja, Konvensyen Menangani Gejala Sosial Negeri Selangor, Shah Alam: Intekma Resort & Convention Centre, 4 Jun 2009), 4.

Berdasarkan statistik kes penglibatan juvana dan pelajar bagi Kuala Lumpur dan Selangor pada tahun 2006 menunjukkan pelajar Melayu mempunyai peratusan jenayah yang agak tinggi jika dibandingkan dengan keseluruhan jumlahnya. Hal ini memberikan gambaran secara realitinya bahawa masyarakat Melayu berhadapan dengan masalah juvana dan kes jenayah yang banyak. Statistik juga menunjukkan bahawa etnik cina mempunyai kadar penglibatan dalam jenayah yang paling rendah manakala bagi etnik India, perbezaannya adalah lebih rendah berbanding dengan etnik Melayu walaupun peratusannya masih melebihi peratusan sebenar. Perkara ini dapat diperincikan seperti dalam jadual berikut<sup>11</sup>:

**Jadual 1.2 :**  
**Perbandingan Penglibatan Juvana Dan Pelajar Dalam Jenayah Mengikut Kaum**  
**Utama Di Negara Selangor Dan Kuala Lumpur (2006).**

	Juvana dalam Jenayah			Pelajar dalam Jenayah		
	Melayu	Cina	India	Melayu	Cina	India
<b>Kuala Lumpur</b>						
Jumlah	475	131	98	115	12	10
Peratus Terlibat	67.5	18.6	13.9	83.33	9.42	7.25
Peratus Penduduk ( Banci 2000 )	43.79	44.53	11.67	43.79	44.53	11.67
<b>Selangor</b>						
Jumlah	639	107	210	444	33	81
Peratus Terlibat	66.84	11.19	21.97	79.57	5.91	14.52
Peratus Penduduk ( Unjuran 2010 )	50.43	33.53	16.04	50.43	33.53	16.04

Kadar peratusan kes jenayah dalam kalangan pelajar sekolah ini berada pada tahap yang membimbangkan dengan statistik tertinggi yang menunjukkan penglibatan pelajar Melayu sebanyak 83%. Seharusnya perkara ini tidak dipandang enteng dan

<sup>11</sup> Amna Md. Noor dan Asnarulkhandi Abu Samah, "Masalah Sosial Melayu: Hakikat dan Penyelesaian," Jurnal Kebajikan Masyarakat 35, (Disember 2009), 32.

dipertimbangkan secara serius oleh semua pihak terutamanya yang bertanggungjawab terhadap pemantauan para pelajar yang terbabit kerana pelajar merupakan tunggak kecemerlangan negara yang akan memegang dan mewarisi tampuk pimpinan negara pada masa hadapan.<sup>12</sup>

Kemelut gejala sosial di kalangan remaja kini jelasnya berada di tahap serius. Memandangkan gejala ini menular di kalangan golongan pelajar yang mendapat pendidikan agama secara formal di sekolah yang berstatuskan sekolah agama. Berdasarkan kes yang berlaku pada 28 Mac 2004 di mana pelajar tingkatan empat Sekolah Menengah Agama Dato Klana Petra Maamor di Ampangan Negeri Sembilan, Muhammad Farid Ibrahim 16 tahun menjadi mangsa dibelasah oleh 14 orang pelajar tingkatan lima sekolah berkenaan.<sup>13</sup> Kes Mohamad Afiq Qusyairi, pelajar sekolah Menengah Agama Padang Tengku, Kuala Lipis, Pahang yang mungkin lumpuh sepanjang hayat dipercayai akibat dipijak belakangnya dengan kasut polis kadet serta dihentak badannya ke almari oleh pelajar tingkatan lima dan tiga sekolah pada Jun, 2005, antara kes serius yang dilaporkan dan membuka mata ramai pihak agar masalah ini perlu dipantau dan diatasi segera.<sup>14</sup> Kes berikutnya mengenai kematian seorang pelajar tingkatan dua, Mohd Zulkarnain Rahim dari Sekolah Menengah Datuk Abdul Rahman Yassin (SDARY) Tampoi, Johor Bahru yang dipercayai dipukul samseng telah memeranjatkan semua pihak. Peningkatan gejala sosial dalam kalangan remaja sekolah ini turut memberikan impak yang negatif terhadap kredibiliti sekolah yang berperanan

---

<sup>12</sup> *Ibid.*, 33.

<sup>13</sup> Pelajar Mati Dibelasah- 14 Penuntut Tingkatan Lima Sekolah Agama di Seremban Direman. laman sesawang Akhbar Utusan Malaysia, dicapai 29 Mac 2004, [http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2004&dt=0330&sec=Muka\\_Hadapan&pg=mh\\_01.htm](http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2004&dt=0330&sec=Muka_Hadapan&pg=mh_01.htm).

<sup>14</sup> Md. Mydin b. Md Sheriff, "Gejala Buli, Ponteng dan Menghisap Rokok di Kalangan Pelajar" (kertas kerja Seminar Mencegah Gejala Sosial Negeri Selangor, INPENS International College, Shah Alam: Hotel Grand Blue Wave, 24-25 Jun 2009), 3.

dalam pembentukan moral generasi muda di samping menimbulkan kekusaran dan kebimbangan bagi pihak ibu bapa.

Md. Mydin b. Md. Sherif dalam kajiannya terhadap gejala buli, ponteng dan merokok di Selangor menyatakan kefahaman dan didikan agama memainkan peranan yang paling penting dalam sebarang isu gejala sosial dengan mengemukakan contoh tentang menghisap rokok. Fatwa kerajaan jelas menyatakan menghisap rokok adalah haram. Namun, masih ramai yang menghisap rokok. Ini menunjukkan ketidakfahaman dan ketidakendahan terhadap larangan agama.<sup>15</sup>

Peningkatan kes jenayah juvana dalam kalangan remaja bukanlah isu yang boleh dipandang remeh, memandangkan saban tahun bilangan jenayah juvana semakin meningkat dan perkembangan itu amat membimbangkan. Statistik Polis Diraja Malaysia menunjukkan dari Januari – Februari 2008, seramai 233 pelajar yang berumur antara 13 hingga 18 tahun terlibat dengan jenayah. Statistik terkini mendapati 1.5% penjenayah dari kalangan setiap 1000 orang pelajar. Melalui statistik dan kajian pihak berkuasa badan bukan kerajaan ( NGO ) serta institusi pengajian tinggi tempatan jelas menunjukkan betapa jenayah pelajar di bandar atau di luar bandar bukanlah sesuatu yang boleh dipandang ringan. Selain peningkatan kes, jumlah tangkapan pelajar berumur antara 13 hingga 18 tahun turut mencatat peningkatan berbanding tahun sebelumnya. Sepanjang tahun 2007, sejumlah 1,836 kes jenayah dilaporkan dengan 3,383 pelajar ditahan. Angka

---

<sup>15</sup> *Ibid.*, 5.

itu meningkat kepada 2, 218 kes pada tahun 2008 yang menyaksikan seramai 3, 725 orang ditahan.<sup>16</sup>

Oleh itu, kajian berhubung pelaksanaan dan keberkesanan program agama dalam meningkatkan pengetahuan dan amalan remaja khususnya remaja yang dikategorikan bermasalah merupakan kajian yang amat penting. Fokus remaja bermasalah di JKM di atas justifikasi kumpulan remaja ini merupakan pelatih yang diberikan didikan agama secara formal sepanjang tempoh pemulihan dijalankan. Kajian ini penting bagi membuktikan golongan remaja yang mempunyai pengetahuan agama serta menjadikan agama sebagai cara hidup mereka berperanan untuk membentuk insan kamil serta mewujudkan benteng dalaman yang mampu mengekang mereka daripada melakukan perkara-perkara yang bertentangan dengan norma serta cara hidup Islam walau di mana mereka berada.

---

<sup>16</sup> Che Noraini bt. Hashim, "Permasalahan Remaja di Malaysia Masa Kini: Pengabaian dan Cabaran Pendidikan Islam", dalam *Pendidikan Islam Malaysia Membangun Gagasan Baru*, ed. Azrin bin Ab. Majid, ( Shah Alam : Angkatan Edaran Ent. Sdn. Bhd, 2011), 95-96.



## 1.2 Penyataan Masalah

Peringkat umur remaja merupakan suatu tahap perkembangan yang penuh dengan tekanan, gelora, cubaan, ketegangan, emosi dan kebimbangan. Di peringkat ini juga remaja ingin mencari suatu identiti diri. Mereka sedang mengalami satu desakan dan dorongan dalaman yang kuat untuk mencari makna dan arah kehidupan. Ketegangan dan kecelaruan emosi dan personaliti akan mudah menghinggapi remaja sekiranya mereka tidak mempunyai panduan dan kesejahteraan dalam agama. Agama adalah suatu wadah yang boleh memandu, memimpin dan mengawal gejala psikologi negatif yang mungkin menguasai keseluruhan kehidupan. Dengan agama, kesejahteraan hidup akan dapat dicapai kerana kesejahteraan merupakan suatu keadaan emosi yang berkait dengan ketenteraman dan ketenangan, senang, makmur, selamat dan sentosa.<sup>17</sup>

Peningkatan gejala sosial khususnya di Malaysia dibuktikan dengan kadar peningkatan gejala delinkuen di kalangan remaja serta tertubuhnya institusi-institusi pemulihan akhlak sama ada yang didaftarkan di bawah badan kerajaan badan bukan kerajaan atau persendirian. Institusi-institusi ini ditubuhkan atas justifikasi membantu memberikan pemulihan serta perlindungan terhadap golongan remaja bermasalah. Di Malaysia khususnya, terdapat banyak pusat-pusat pemulihan ditubuhkan oleh kerajaan, badan bukan kerajaan (NGO), badan persendirian dan sebagainya yang menempatkan remaja bermasalah seperti Sekolah Henry Gurney, Raudhatus Sakinah (JIM), Rumah Perubatan Al-Syifa' (PERKID), Pusat Wanita dan Lelaki Baitul Ehsan, Inabah, Pusat Pemurnian Akidah dan sebagainya.

---

<sup>17</sup> Asmah Bee Mohd Noor dan Iran Herman, *Membina Kesejahteraan Remaja* (Selangor: Teknoedar, 1995), 207.

Di negara ini terdapat akta atau peraturan-peraturan tertentu yang telah digubal dalam usaha untuk memulihkan semula remaja-remaja yang bermasalah. Antara akta yang terlibat ialah Akta Mahkamah Juvana 1947 (akta 90), Akta perlindungan Wanita dan Gadis 1973 (Akta 106, Taman Seri Puteri, Kaedah-Kaedah Perlindungan Wanita dan Gadis (Tempat Perlindungan 1882), Sekolah Tunas Bakti (Peraturan-Peraturan Yang Diluluskan 1981), Peraturan Asrama Akhlak 1982 dan Peraturan Tempat Tahanan 1950.<sup>18</sup>

Kecenderungan remaja yang dikategorikan bermasalah terjebak dengan gejala-gejala sosial, jelasnya mempunyai hubungan dengan tahap penghayatan agama yang rendah. Bagi menangani isu-isu berhubung masalah sosial remaja JKM merupakan Jabatan yang ditubuhkan khas telah menubuhkan Institusi Pemulihan dan Perlindungan bagi menempatkan remaja bermasalah. JKM merupakan badan pelaksana telah mendapat sepenuh kepercayaan dari pihak kerajaan telah menubuhkan institusi pemulihan akhlak. Institusi ini menempatkan remaja-remaja yang terlibat dengan kes-kes juvana yang berumur lingkungan 12 hingga 18 tahun. Berdasarkan maklumat yang diperolehi di seluruh Malaysia terdapat lebih dari 25 buah institusi-institusi kebajikan yang menempatkan remaja bermasalah yang berdaftar di bawah tiga institusi iaitu Asrama Akhlak, Sekolah Tunas Bakti dan Taman Seri Putri.

Berdasarkan statistik dari tahun 2008–2011 yang diperolehi dari bahagian statistik dan perangkaan didapati setiap tahun hampir 85-90 peratus pelatih yang ditempatkan di institusi pemulihan JKM beragama Islam. Perincian sebagaimana yang terdapat dalam jadual di bawah.

---

<sup>18</sup> Risalah JKM (Kuala Lumpur: Jabatan Kebajikan Masyarakat, t.t.), 1.

### Jadual 1.3

#### Data Kemasukan Pelatih Dari 2008 hingga 2011

Kemasukan Pelatih Ke Institusi Pemulihan JKM							
2008		2009		2010		2011	
Jumlah	Muslim	Jumlah	Muslim	Jumlah	Muslim	Jumlah	Muslim
1420	1210	1308	1073	1412	1151	1374	1104

Sumber: Jabatan Kebajikan Masyarakat

Badan yang bernaung serta mendapat peruntukan dana sepenuhnya dari kerajaan sama ada dari segi prasarana dan kewangan bertanggungjawab membantu kerajaan dalam usaha pencegahan dan pemulihan dalam isu-isu sosial serta pembangunan masyarakat. Peruntukan kewangan yang diberikan oleh kerajaan pastinya mengharapkan pulangan yang setimpal bagi memastikan pencegahan serta pemulihan masyarakat dapat dilaksanakan secara sistematik dan berkesan.

Antara program yang dilaksanakan, Pendidikan Islam merupakan program yang terpenting di Institusi Pemulihan akhlak JKM. Pendidikan agama melibatkan program yang disusun sebagai usaha pementapan dari aspek kerohanian. Ini bagi memberikan kesedaran serta terapi terhadap remaja bermasalah supaya mereka tidak mudah terjerumus dengan gaya hidup yang merosakkan mereka serta meningkatkan tahap amalan agama serta mengamalkan gaya hidup yang berorientasikan Islam.

Pihak JKM dengan kerjasama pihak JAKIM melalui unit Hal Ehwal Islam telah merangka modul Kurikulum Pendidikan Islam. Modul Ini merupakan pementapan kepada kurikulum asal melalui Bengkel Pengukuhan Kurikulum Pendidikan Islam yang telah

diadakan pada 19-22 Mac 2007. Modul ini diselenggara dan diselaraskan sebagai asas pengajaran dan pembelajaran terhadap pelatih atau penghuni di semua Institusi Pemulihan JKM.

Berasaskan kenyataan tersebut, timbul beberapa persoalan, mendorong kajian terhadap Program Agama: Analisis dari aspek pelaksanaan dan keberkesanan di JKM ini dilaksanakan. Di antaranya, bagaimana pihak JKM membantu meningkatkan tahap pengetahuan agama di samping memberikan kesedaran di kalangan remaja bermasalah yang berada di institusi tersebut dan bagaimanakan pelaksanaan modul pendidikan agama dilaksanakan. Kajian ini juga diharap dapat menjawab persoalan berhubung kekangan atau permasalahan yang dihadapi oleh pihak JKM sendiri dalam mengendalikan program agama khususnya Modul Pendidikan Islam yang telah dirangka oleh pihak JKM. Perkara ini penting bagi memastikan program atau modul pendidikan agama Islam yang telah disediakan oleh pihak JKM dilaksanakan sebaik mungkin. Di samping golongan pelatih yang berada di Institut pemulihan tersebut mendapat pendidikan agama serta bimbingan yang dapat memantapkan jiwa mereka serta meningkatkan tahap ibadah mereka. Program-program bersifat keagamaan dan kerohanian diharap dapat membantu mengubah cara hidup golongan remaja tersebut daripada mengamalkan gaya hidup negatif kepada gaya hidup yang lebih positif.

### **1.3 Objektif Kajian**

- a. Mengenal pasti program agama yang dilaksanakan kepada pelatih di institusi pemulihan.
- b. Menganalisis pelaksanaan program agama di JKM terhadap pelatih di institusi.
- c. Menganalisis keberkesanan program agama terhadap peningkatan ilmu pengetahuan dan amalan seharian pelatih di institusi.
- d. Mengenalpasti masalah pelatih dan pegawai dalam melaksanakan program agama institusi.

### **1.4 Kepentingan Kajian**

Pendidikan Agama merupakan asas utama dalam membentuk keperibadian seseorang Muslim. Golongan remaja kini, merupakan pemangkin generasi akan datang perlu diterapkan dengan elemen keagamaan merangkumi aspek akidah, syariah dan akhlak. Kemelut sosial melanda golongan remaja hari ini disebabkan tiada pendedahan serta penerapan dalam aspek keagamaan sebagai pendinding dalam kehidupan mereka. Kewujudan pusat-pusat pemulihan akhlak sama ada yang dinaungi oleh badan kerajaan atau bukan kerajaan (NGO) atau badan persendiriaan seluruh Malaysia, membuktikan kemelut sosial ini berada di tahap meruncing. Senario ini mestilah dipandang serius oleh semua pihak bagi memastikan golongan remaja yang bakal mewarisi kepimpinan negara masa depan diberikan bimbingan dan perhatian. Usaha yang bersungguh-sungguh perlu diambil dalam aspek pendidikan khususnya pendidikan agama. Perkara ini penting bagi

memastikan golongan remaja benar-benar dididik dengan kaedah yang betul supaya mereka mampu menghadapi cabaran semasa dan akan datang.

Kemelut sosial remaja tidak boleh dipandang sebagai satu perkara remeh, malah ia mestilah dipandang serius serta ditangani oleh semua pihak. Kajian dalam bidang ini sangat penting dan bermanfaat kepada pelbagai pihak. Ia akan meningkatkan pemahaman dan kesedaran setiap individu masyarakat berhubung isu yang akan dibangkitkan khususnya berhubung tahap kefahaman agama di kalangan remaja masa kini yang dangkal menjurus mereka melakukan perkara yang bertentangan dengan syariat Islam serta mengamalkan nilai-nilai serta gaya hidup yang bertentangan sebagai individu muslim.

Fokus kajian terhadap remaja bermasalah yang berada di JKM, merupakan langkah awal untuk mengetahui pelaksanaan program agama serta keberkesanan dengan mengkaji dari aspek tahap pengetahuan dan amalan beragama di kalangan pelatih. Memandangkan golongan ini merupakan golongan remaja bermasalah yang sedang mendapat pemulihan atau terapi secara sistematik di JKM khususnya pemulihan berhubung aspek kerohanian khususnya elemen-elemen berhubung pendidikan Islam.

Kajian ini boleh dijadikan panduan kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat, bagi merangka modul kerohanian yang lebih efektif bagi membantu meningkatkan tahap pengetahuan agama di kalangan pelatih di samping memberi kesedaran kepada semua pihak berhubung kerencaman masalah di kalangan remaja berpunca dari kurangnya kefahaman serta penghayatan dari aspek keagamaan serta amalan keagamaan yang longgar

mendorong mereka melakukan amalan-amalan yang bertentangan dengan syariat Islam serta cenderung ke arah gaya hidup yang akhirnya mendorong mereka melakukan salah laku sosial.

Secara umumnya, kajian ini juga boleh dijadikan rujukan kepada institusi, agensi, pertubuhan lain sama ada kerajaan atau bukan kerajaan (NGO) yang terlibat secara langsung dalam proses pemulihan terhadap remaja bermasalah berhubung isu yang akan dikaji sebagai penambahbaikan atau tambah nilai terhadap modul sedia ada bagi membantu golongan remaja yang dikenalpasti bermasalah khususnya serta golongan remaja secara umumnya.

Kajian ini penting dalam menyumbang kepada khazanah ilmu, kerana penerokaan kajian dalam bidang ini menambah lagi maklumat semasa mengenai usaha yang sepatutnya dilakukan oleh semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak dalam proses pemulihan terhadap remaja bermasalah. Di samping itu, kajian ini juga membantu para penyelidik untuk meneruskan penyelidikan seterusnya dalam bidang ini dan bidang-bidang ilmu lain yang berkaitan dengannya. Kesimpulannya kajian ini akan menyumbang ke arah pembentukan modul atau program agama yang lebih efektif khususnya dalam membentuk keperibadian remaja yang berakhlak mulia dan mukmin sejati.

### **1.5 Skop Kajian**

Kajian ini hanya menumpukan kepada pelaksanaan program agama dan keberkesanan terhadap pelatih dengan mengkaji berhubung tahap pengetahuan dan amalan mereka. Terdapat banyak program yang telah dilaksanakan. Kajian ini hanya menumpukan

program agama berasaskan kepada Modul Kurikulum Pendidikan Islam yang telah diselaraskan oleh pihak JKM. Oleh itu, perbincangan dan rumusan yang dibuat adalah meliputi perkara yang berkaitan sahaja. Bagi kajian lapangan, kajian ini hanya memilih remaja bermasalah yang beragama Islam di Institusi Pemulihan Akhlak JKM berumur antara 12 hingga 18 tahun yang sedang mendapat pemulihan selama setahun atau lebih sebagai responden kajian. Kajian ini hanya melibatkan sembilan buah Institusi Pemulihan Akhlak yang telah dibenarkan oleh pihak JKM. Dari segi masa pula, kajian ini hanya meliputi jangka masa bagi 3 tahun sahaja dari tahun 2009 hingga tahun 2012 tempoh penyelidik membuat program doktor falsafah.

## 1.6 Pengertian Istilah Tajuk Kajian

**Program Agama:** Menurut Kamus Dewan, program bermaksud rancangan yang menentukan dasar-dasar yang akan dijalankan sama ada dalam pembangunan negara, perekonomian dan sebagainya.<sup>19</sup> Di dalam Mu'jam al-Wasit menjelaskan program merupakan kandungan yang mengandungi satu rancangan yang bertulis. Rancangan ini akan dilaksanakan dan memberi kesan positif.<sup>20</sup> Terdapat banyak program yang telah dirangka oleh pihak JKM sebagai tujuan pemulihan kepada pelatih di JKM. Kajian ini hanya akan mengkaji pelaksanaan dan keberkesanan program agama yang telah diselaraskan oleh JKM iaitu berasaskan Kurikulum Modul Pendidikan Islam.

**Institusi Pemulihan Akhlak:** Merujuk kepada tiga Institusi di bawah kelolaan dan pemantauan pihak JKM iaitu Asrama Akhlak, Seri Puteri dan Tunas Bakti.

---

<sup>19</sup> Noresah bt. Baharom et al., *Kamus Dewan*, ed. ke-3 (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2002), 1057.

<sup>20</sup> Ibrahim Mustafa et al., *Mu'jam al-Wasit* (Istanbul: Maktabah Islamiyyah, 1872), 52.



**Pelaksanaan:** Perihal, perbuatan atau proses melaksanakan (menjalankan, mengusahakan) rancangan (tugas dan sebagainya).<sup>21</sup> Pelaksanaan yang akan dikaji dalam penyelidikan hanya tertumpu kepada pelaksanaan program agama yang dijalankan oleh pegawai agama yang berkhidmat di institusi serta persepsi pelatih terhadap pelaksanaan program agama yang dijalankan.

**Keberkesanan:** Perihal berkesan, berkesannya sesuatu tindakan.<sup>22</sup> Keberkesanan program akan dinilai dari aspek kefahaman pelatih dari aspek pengetahuan ilmu berhubung akidah, ibadah dan akhlak serta peningkatan amalan pelatih dalam konteks peningkatan tahap amalan pelatih dalam menguasai ketiga-tiga ilmu tersebut.


---

<sup>21</sup> Noresah bt. Baharom, *Kamus Dewan*, 871.

<sup>22</sup> *Ibid.*, 772.

## 1.7 Kerangka Teori Kajian

Rajah 1.1



## 1.8 Kajian-Kajian Lepas

Nor Azira bt. Yusoff mengkaji “*Hubungkait Antara Pengabaian Solat dengan Buruk Laku Individu: Kajian di Sekolah Tunas Bakti Sungai Besi, Kuala Lumpur*” (2008, UM: Kuala Lumpur). Hasil Kajian menunjukkan bahawa terdapat perkaitan yang rapat antara pengabaian solat dengan buruk laku individu. Menurut kajian ini, punca sebenar berlakunya gejala sosial di Malaysia adalah rentetan daripada pelakunya yang mengabaikan ibadat solat.

Fariza Md. Sham mengkaji mengenai “*Dakwah Kepada Remaja Yang Mengalami Tekanan Emosi: Kajian di Kajang Selangor*” (2005, UM: Kuala Lumpur). Hasil kajian ini menunjukkan bahawa remaja sememangnya mengalami tekanan emosi yang majoriti remaja menunjukkan simptom dari aspek psikologi. Terdapat dua bentuk sokongan dakwah yang boleh diberikan iaitu sokongan sosial dan peribadi. Melalui sokongan sosial antara pendekatan dakwah yang boleh digunakan ialah melalui bimbingan dan kaunseling, motivasi, penasihat, contoh teladan, perhatian dan kasih sayang. Manakala sokongan peribadi, antara pendekatan dakwah yang boleh digunakan ialah melalui tazkiyah al-nafs dan membina shahsiah yang baik. Secara keseluruhannya, kajian ini mendapati dakwah boleh membantu dalam menangani tekanan emosi.

Fathiyah Mohd Fakhruddin dalam kajiannya mengenai “*Pembangunan Akhlak Remaja Menurut al-Quran: Kajian Tentang Pendekatannya terhadap pelajar tingkatan empat di Sekolah-Sekolah Menengah Ampang Selangor*”, (2002). Hasil kajian ini menunjukkan beberapa metode pembangunan akhlak menurut al-Quran yang sesuai diaplikasi seperti teladan, nasihat, galakan, latihan dan hukuman sejajar dengan keperluan setiap individu remaja bagi membantu proses pembangunan akhlak di kalangan remaja.

Annuar b. Puteh, Mohd Syukri Yeoh Abdullah dan Che Rohaizan Che Shafaii dalam kajian berhubung “*Gejala Gangsterisme di kalangan remaja sekolah: Kajian terhadap pelajar Sekolah Menengah di Bandar Tanah Merah Kelantan*”. Hasil kajian mendapati di antara faktor utama gejala ini berlaku disebabkan kurangnya didikan agama. Kajian ini hanya mendedahkan dari aspek peratusan responden yang terlibat dengan masalah samseng.

Abdullah Nasih Ulwan dalam penulisannya “*Tarbiyyah al-Awlad fi al-Islam*”, menghuraikan tentang aspek pembangunan akhlak remaja yang merangkumi pendidikan iman, akhlak, jasmani, pemikiran seks, psikologi dan sosial. Penulisan tersebut jelas menunjukkan bahawa tugas membangunkan akhlak remaja perlu menggunakan beberapa metode yang telah digariskan al-Quran.

Abdul Munir bin. Hj. Ismail (2003) “*Keberkesanan Aktiviti Dakwah Terhadap Banduan Di Penjara Kajang: Selangor*”. Kajian ini mendapati Unit Agama Islam Penjara Kajang telah menjalankan tugas dan tanggungjawab memulihkan banduan dengan begitu baik. Aktiviti dakwah mendapat kerjasama dan sokongan daripada para banduan. Kesannya, banduan dapat meningkatkan ilmu pengetahuan, melaksanakan ibadah khusus dengan

lebih baik dan sempurna, meningkatkan pengamalan akhlak mulia dan mampu menguruskan diri termasuk mental dengan baik. Terdapat dua faktor yang menghalang keberkesanan aktiviti dakwah di penjara kajang. Pertamanya masalah yang datang dari sikap banduan dan kedua ialah masalah yang melibatkan pengurusan dan pentadbiran di institusi penjara berkenaan.

Hashim Musa (1997) telah mengkaji berhubung “*Disiplin pelajar dan masalah sosial orang Melayu kini: Menanganinya daripada sudut pendidikan*”. Jurnal Pengajian Melayu. Jilid 7, Mendapati bahawa antara strategi atau kaedah bagi menyemai adab atau disiplin pelajar ialah menerusi kerjasama tenaga guru, kaunselor dan staf sokongan bagi merancang, menyelaraskan, melaksana dan menilai kegiatan pengajaran, program dan aktiviti yang melibatkan moral dan disiplin di dalam dan luar sekolah.

Fariyah bt. Hussain dalam kajiannya mengenai “*Keruntuhan akhlak di kalangan remaja: Suatu kajian di Alor Star*”, (2006). Hasil kajian ini menunjukkan faktor berlakunya masalah keruntuhan akhlak di kalangan remaja Melayu antaranya ialah pengaruh rakan sebaya dan pergaulan bebas antara lelaki dan perempuan, kurangnya kasih sayang, perceraian dan terlalu bebas. Di dalam kajian ini turut mengemukakan langkah mengatasi masalah keruntuhan akhlak antaranya ialah mengelakkan diri dari menonton video dan televisyen, bahan-bahan yang boleh menyebabkan gangguan emosi dan rohani serta peranan ibu bapa memantau tingkah laku anak remaja dengan memberikan didikan agama serta mengikuti aktiviti rakan muda. Kajian ini juga mendapati, kesan daripada masalah keruntuhan akhlak ramai remaja Melayu berada di pusat pemulihan akhlak dan budaya ketimuran akan pupus.

Siti Fatimah Bt. Tasir telah mengkaji mengenai “*Pengaruh Pendidikan Islam Terhadap akhlak Pelajar-Pelajar UITM : Satu Kajian Khusus di UITM kampus Machang, Kelantan*”. Hasil kajian mendapati: Tahap pengamalan akhlak di kalangan pelajar berada di tahap sederhana. Perlu adanya usaha-usaha yang berterusan ke arah memperbaiki mutu pengajaran dan pembelajaran dan juga kaedah pelaksanaannya agar pengamalan akhlak di kalangan pelajarinya berjaya ditingkatkan. Pengaruh pendidikan Islam terhadap akhlak pelajar UITM kampus Machang pada keseluruhannya berada di tahap sederhana.

Wan Norasiah bt. Wan Ismail mengkaji mengenai “*Akhlak Remaja di Felda Ulu Belitong, Kluang, Johor: Kajian Tentang Masalah*”. Hasil kajian ini mendapati ramai remaja sekolah lelaki yang rendah pencapaian akademiknya terlibat dalam pelbagai masalah akhlak yang ringan seperti ponteng sekolah, berfoya-foya dan melepak di bandar. Jenayah-jenayah berat seperti berjudi, minum arak dan penagihan dadah pula banyak dilakukan oleh remaja menganggur dan sudah bekerja. Antara faktor berlakunya gejala tersebut disebabkan kesibukan ibu bapa bekerja, kurang kasih sayang dan perhatian. Antara pendekatan yang dikenalpasti sesuai dan berkesan untuk diaplikasikan ialah melalui teladan dan nasihat yang baik, galakan dan pujian, latihan yang berterusan dan hukuman yang sepatutnya.

Fauzi Bin Abd. Majid (2003) telah mengkaji berhubung “*Pengaruh Persekitaran Keluarga dan Sekolah Terhadap Penghayatan Islam Pelajar: Kajian Kes Pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Sri Serdang*”. Hasil kajiannya mendapati 57% pelajar-pelajar lelaki mempunyai masalah dalam penghayatan Islam berbanding 43% oleh pelajar-pelajar perempuan. Masalah tertumpu kepada nilai-nilai yang tidak sesuai dengan ajaran

Islam yang diamalkan oleh mereka seperti pergaulan yang agak bebas antara pelajar lelaki dan perempuan, pakaian yang mendedahkan aurat, kelonggaran terhadap ibadat solat dan pengabaian nilai-nilai murni serta ajaran Islam.

Masitah bt. Esa. 2004. "*Pendidikan Islam dalam Program Pemulihan Akhlak Wanita: Kajian Kes di Taman Seri Puteri Cheras, Selangor*". Bangi, UKM. Hasil Kajian menunjukkan para pelatih telah menunjukkan minat untuk mempraktikkan ajaran Islam seperti sembahyang, puasa dan sebagainya dengan bersungguh-sungguh. Mereka telah benar-benar insaf dan menyesal di atas perbuatan yang lalu serta mahu mengubah sikap dan tingkahlaku ke arah kebaikan.

Wan Noor Afizatul Liza. Bt. Wan Othman. 2003. "*Black Metal: Keruntuhan Akhlak di Kalangan Remaja*". Bangi: UKM. Hasil kajian beliau menunjukkan remaja yang terlibat dengan gejala ini adalah atas dasar keseronokan, pengaruh rakan sebaya, ingin mencuba sesuatu yang baru, minat kepada sesuatu hiburan yang rancak dan suka kepada pergaulan bebas tanpa terkongkong kepada peraturan yang tetap. Tumpuan kepada kesan tergelincir akidah dan keruntuhan akhlak remaja turut dibincangkan. Setiap aspek dilihat secara terperinci dan membuat pertimbangan sejauh mana terpesongnya remaja dari ajaran Islam.

Abdul Munir bin. Hj. Ismail. 2003. "*Keberkesanan Aktiviti Dakwah Terhadap Banduan di Penjara Kajang, Selangor*". Hasil kajian mendapati Unit Agama Penjara Kajang telah menjalankan tugas dan tanggungjawab memulih banduan dengan begitu baik. Aktiviti dakwah yang dijalankan juga turut mendapat kerjasama dan sokongan dari para banduan. Kesannya, dapat membantu para banduan meningkatkan ilmu pengetahuan, melaksanakan ibadah khusus dengan lebih baik dan sempurna, meningkatkan

pengamalan akhlak mulia dan mampu menguruskan diri termasuk mental dengan baik. Terdapat dua faktor yang menghalang keberkesanan aktiviti dakwah di penjara Kajang. Pertama masalah tersebut datang dari sikap banduan itu sendiri dan keduanya ialah masalah yang melibatkan pengurusan dan pentadbiran di institusi penjara berkenaan.

Juwairiah bt. Hassan 2009. "*Pelaksanaan Dakwah Kepada Orang Pekak di Terengganu*". Hasil kajian mendapati pelaksanaan dakwah kepada orang pekak di Terengganu adalah melalui penganjuran program-program dakwah yang dibahagikan kepada program bulanan, mingguan dan harian. Kajian turut mendapati dua jenis institusi terlibat dalam dakwah orang pekak iaitu institusi kerajaan dan bukan kerajaan. Manakala masalah yang terlibat terdiri daripada pendakwah kurang mahir, sasaran dakwah yang mempunyai pemahaman yang terhad dan organisasi dakwah yang menghadapi masalah pengurusan.

Secara keseluruhannya, dari hasil penelitian yang telah dibuat. Terdapat banyak kajian dijalankan mengkaji berhubung remaja bermasalah dan Program Agama. Namun, kajian yang memfokuskan kepada "*Pelaksanaan Program Agama dan Keberkesanan Program-Program Agama yang dijalankan*" terhadap pelatih masih belum diketengahkan. Kajian kebanyakannya tertumpu dengan mengkaji faktor pembabitan remaja dalam kes-kes juvana, metodologi dakwah, konsep pendidikan agama secara umum. Justeru, kajian ini bertujuan mengkaji berhubung program agama yang dijalankan di kalangan pelatih di Institusi Pemulihan Akhlak JKM. Kajian ini akan menganalisis aspek pelaksanaan program agama yang dijalankan serta menganalisis keberkesanan program tersebut terhadap pelatih.



## **1.9 Metodologi Kajian**

Bahagian ini akan mengemukakan metode yang telah digunakan sepanjang kajian ini dilaksanakan. Di dalam metodologi kajian ini terdapat rekabentuk kajian, tatacara kajian, instrumen kajian, pemerolehan data dan penganalisan data kajian. Secara umumnya, kajian ini adalah kajian berbentuk kepustakaan dan kajian lapangan.

### **1.9.1 Rekabentuk Kajian**

Kajian ini menggunakan reka bentuk kuantitatif. Manakala jenis kajian merupakan kajian tinjauan (*survey*) yang menggunakan satu set soal selidik. Kajian tinjauan digunakan dalam kajian ini berdasarkan kepada kenyataan oleh Wiersma, yang berpendapat bahawa kajian kaedah tinjauan merupakan antara kaedah yang baik jika kajian tersebut merupakan satu kajian yang ingin mengukur atau menilai sikap, persepsi dan pencapaian.<sup>23</sup> Kajian ini menggunakan kaedah tinjauan bertujuan untuk memperoleh maklumat yang berkaitan dengan pelaksanaan dan keberkesanan program agama dalam kalangan pelatih di institusi. Kajian ini juga melibatkan data kualitatif yang bertujuan

---

<sup>23</sup> Wiersma, W, *Research Methods In Education: An Introduction* (7 Edition), (Boston: Allyn & Bacon, 2000), 284.

melengkapkan dapatan data yang diperoleh melalui kuantitatif. Fasa pertama adalah tertumpu kepada kaedah kuantitatif. Manakala fasa kedua melalui pendekatan kualitatif yang melibatkan temubual pengkaji dengan pegawai agama dan pelatih di institusi.

### **1.9.2 Sampel dan Kaedah Persampelan**

Persampelan adalah berkaitan dengan proses memilih sebilangan subjek daripada sesuatu populasi untuk dijadikan sebagai responden kajian.<sup>24</sup>Tujuan sampel dipilih adalah untuk menjimatkan kos, masa serta mengelak ketidakmungkinan penyelidik mengumpul maklumat dari semua populasi.<sup>25</sup>Prinsip utama yang harus diperhatikan dalam persampelan ialah untuk memperoleh sampel yang benar-benar dapat mewakili populasi yang dikaji.

Oleh demikian populasi kajian ini adalah terdiri daripada remaja Islam bermasalah yang ditempatkan di Institusi Pemulihan Akhlak JKM yang sedang menjalani proses pemulihan berumur antara 12 tahun hingga 18 tahun berjumlah sekitar 1152 orang (sumber JKM). Pemilihan responden adalah dipilih secara rawak mudah dan bertujuan<sup>26</sup> (*purposive simple random sampling*). Ciri-ciri remaja yang diperlukan adalah ditetapkan. Antara ciri-ciri responden tersebut ialah pelatih yang berumur antara 12 tahun hingga 18 tahun yang terdiri daripada pelatih lelaki dan wanita yang hampir sama banyak. Responden pula hanya terdiri daripada pelatih beragama Islam sahaja yang sedang menjalani proses pemulihan di Institusi Pemulihan Akhlak JKM. Daripada ciri-ciri

---

<sup>24</sup> Chua Yan Piaw, *Asas Statistik Penyelidikan* (Kuala Lumpur: Mc Graw Hill, 2006), 179.

<sup>25</sup> Ahmad Sunawari, *Pengenalan Metodologi Penyelidikan Pengajian Islam* (Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, 2009).70

<sup>26</sup> Azizi Yahaya dan Shahrin Hashim, *Menguasai Penyelidikan dalam Pendidikan* (Selangor: PTS Professional Publishing sdn. bhd., 2007), 72-73.

responden yang telah ditetapkan, responden telah dipilih dengan menggunakan persampelan rawak mudah iaitu satu teknik pemilihan sampel yang memberi peluang yang sama kepada pelatih di institusi pemulihan untuk dipilih. Pengkaji memilih seramai 291 responden sebagai sampel merujuk kepada data statistik Krejcie dan Morgan sebagaimana yang telah dipersetujui oleh Uma Sakaran.<sup>27</sup> Untuk pengagihan responden mengikut institusi pula pengkaji menggunakan kaedah persampelan rawak berstrata<sup>28</sup> (*proportionate stratified random sampling*) bagi memastikan pelbagai kategori pelatih diwakili daripada populasi sebenar kajian. Strata pelatih yang dipilih telah ditetapkan iaitu pelatih telah mengikuti program agama yang dilaksanakan di institusi dalam tempoh sekurang-kurangnya setahun atau lebih. Jumlah keseluruhan responden sebagaimana dalam jadual 1.4 di bawah.

**Jadual 1.4 Jumlah Respondan**

<b>Bil</b>	<b>Institusi</b>	<b>Jumlah Responden</b>
1	Sekolah Tunas Bakti	192
2	Taman Seri Puteri	43
3	Asrama Akhlak	56
<b>Jumlah</b>		<b>291</b>

iii. Tempat Kajian

Kajian dijalankan terhadap remaja bermasalah (pelatih) yang ditempatkan di institusi pemulihan akhlak JKM. Ia melibatkan tiga institusi iaitu Seri Puteri, Asrama Akhlak dan Tunas Bakti. Bagi menyempurnakan kajian ini pengkaji telah mendapat kelulusan dari

<sup>27</sup> Uma Sekaran, *Research Methods For Business: A Skill Building Approach*, 4th Adition, New York: Southern Illinois University, 2003), 294.

<sup>28</sup> Mohd Najib Abdul Ghafar, *Penyelidikan Pendidikan* (Johor: UTM Skudai,1999), 38.

pihak JKM untuk menjalankan kajian. Pihak JKM telah meluluskan 9 buah institusi sebagai sampel kajian. Institusi yang dimaksudkan adalah seperti berikut:

1. Taman Seri Puteri Cheras, batu 11 ¼ Jalan Cheras, Kajang.
2. Asrama Sentosa, Jalan Sentul, Kuala Lumpur.
3. Asrama Bahagia, Kampung Pandan, Kuala Lumpur. (Kajian Rintis)
4. Sekolah Tunas Bakti, Sungai Besi, Kuala Lumpur.
5. Sekolah Tunas Bakti, Sungai Lereh, Melaka
6. Asrama Bukit Baru, Melaka
7. Asrama Bukit Senyum, Johor Bharu
8. Sekolah Tunas Bakti, Jerantut
9. Taman Seri Puteri, Batu Gajah Perak.

Di samping pengumpulan data secara kuantitatif, pengkaji juga telah mengumpulkan data secara kualitatif. Iaitu melalui satu set protokol temu bual separa berstruktur dengan pegawai agama, guru agama yang bertugas di institusi dan pelatih yang telah dipilih dan ditetapkan oleh pihak institusi untuk menjalani sesi temubual. Temubual telah dijalankan sepanjang tempoh pengumpulan data dilaksanakan. Responden yang terlibat dalam sesi temubual separa berstruktur ialah 2 orang pegawai agama, 8 orang guru agama yang terdiri dari 8 institusi dan 21 pelatih yang dibenarkan oleh pihak institusi.

### **1.9.3 Tatabara Kajian**

Kajian ini melibatkan pegawai agama di JKM, guru agama di institusi dan pelatih di institusi. Bagi proses pengedaran set soal selidik, temubual dan pengumpulan data telah dilaksanakan oleh pengkaji mulai 25 Januari 2011 hingga 25 Januari 2012 iaitu selama setahun sebagaimana yang telah dibenarkan oleh pihak JKM. Untuk merealisasikan proses tersebut, penyelidik telah mengikuti prosedur-prosedur tertentu merangkumi perkara berikut:

- i. Memohon kebenaran bertulis untuk menjalankan penyelidikan daripada Ketua Pengarah Kebajikan Masyarakat Malaysia.
- ii. Memohon kebenaran untuk mengedarkan soal selidik dan menjalankan temubual dengan pihak institusi pemulihan.

Permohonan dan makluman kepada pihak JKM mengandungi tujuan, objektif dan kepentingan kajian dilaksanakan. Manakala bagi sesi temubual, ia dilaksanakan secara individu oleh penyelidik dengan pegawai agama di JKM, guru agama di institusi dan pelatih di institusi. Sesi temubual separa berstruktur telah dirakamkan menggunakan alat perakam MP3 dengan kebenaran warden di institusi.

#### **1.9.4 Instrumen Kajian**

Data di dalam kajian ini telah dikumpul dengan menggunakan kaedah pengumpulan secara kuantitatif. Soal selidik digunakan untuk mendapat maklumat mengenai pelaksanaan program serta keberkesanan program agama yang dilaksanakan di institusi pemulihan terhadap pelatih. Soal selidik bertindak sebagai instrumen utama bagi prosedur pemerolehan data melalui sampel yang dipilih secara rawak bagi mewakili populasi.

Soal selidik diertikan sebagai rangkaian soalan yang distrukturkan berasaskan kepada pembolehubah-pembolehubah yang dikenalpasti untuk menghasilkan sejumlah data bagi menjelaskan masalah yang dikaji.<sup>29</sup> Tujuannya adalah untuk mengumpul data mengenai pembolehubah-pembolehubah yang berkaitan dengan sesuatu fenomena tanpa menyoal mengapa pembolehubah-pembolehubah tersebut wujud. Instrumen ini berkesan dalam mengukur populasi yang besar dan sampel yang banyak.

Soal selidik tertutup dan berstruktur telah digunakan dalam kajian ini. Satu set soal selidik telah diedar kepada pelatih yang terlibat dalam pelaksanaan program agama di institusi pemulihan. Soal selidik dibahagikan kepada lima bahagian iaitu bahagian A: Latar belakang responden. Bahagian B: Interpretasi pelatih terhadap pelaksanaan program agama di JKM. Bahagian C: Keberkesanan program agama yang dijalankan (berdasarkan sukatan pendidikan agama JKM) yang dibahagikan kepada dua bahagian iaitu tahap pengetahuan dan peningkatan amalan agama. Bahagian D: persepsi dan minat pelatih terhadap program agama yang dilaksanakan di JKM. Bahagian E: permasalahan pelaksanaan program agama di institusi.

Instrumen soal selidik telah dibina oleh penyelidik dengan merujuk Instrumen Skala Penghayatan Pendidikan Islam- Menengah (SPPIP-M) yang telah dibina oleh Azma bt. Mahmood dan instrumen soal selidik yang telah dibina oleh Fakhru Adabi b. Abdul Kadir. Instrumen ini menjadi asas kepada pembinaan instrumen yang dibina oleh pengkaji. Instrumen yang telah dibina kemudian dirujuk kepada 4 orang panel yang mempunyai kepakaran dalam bidang kajian yang dilaksanakan.

1. Dr. Fakhru Adabi b. Abdul Kadir

---

<sup>29</sup> Idris Awang, *Penyelidikan Ilmiah Amalan dalam Pengajian Islam* (Selangor: Sri Elila Resources, 2009), 76.

- (Pensyarah di Jabatan Dakwah dan Pembangunan Insan, Universiti Malaya)
2. Dr. Mohammad Fauzi b. Zakaria.  
(Pensyarah di Jabatan Usuluddin, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor)
  3. En. Jamal Zaidi b. Ismail (Penggubal Modul Pendidikan Islam JKM )  
(Pegawai Hal Ehwal Islam, Jabatan Kebajikan Masyarakat, Putrajaya)
  4. Dr. Zanaton bt. Hj. Ehsan  
(Pensyarah di Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia)

Hasil dari komentar yang diberikan oleh pakar telah dibuat pembedaan kemudian dirujuk semula kepada pakar sebelum ujian rintis dijalankan. Ujian rintis (*pilot test*) dibuat bagi menguji kefahaman responden tentang soalan-soalan yang dikehendaki dalam kajian ini. Ujian rintis bertujuan menguji kebolehpercayaan soal selidik yang telah dibentuk oleh penyelidik.

Pendekatan kualitatif juga turut digunakan iaitu dengan menggunakan kaedah temubual separa berstruktur untuk melengkapkan dapatan dan sebagai data sokongan daripada data-data yang diperolehi melalui kaedah kuantitatif.

### **1.9.5 Skala Jawapan Responden**

Kajian ini telah memilih skala jawapan jenis likert lima peringkat sebagai skala jawapan responden terhadap semua pernyataan yang digunakan dalam instrumen kajian ini. Menurut Cohen et al (2002)<sup>30</sup> dan Wiersma (2000).<sup>31</sup> Skala likert ini sesuai digunakan bagi mengukur pandangan yang berikutan tentang sesuatu amalan, persepsi dan sikap. Dalam kajian ini, responden diminta menandakan jawapan yang dipilih daripada lima

---

<sup>30</sup> Cohen, L. Manion, L&Morrison, K.(Research Methods in Education, Ed. 5, 2000), 115.

<sup>31</sup> Wiersma, W, *Research Methods in Education: An Introduction* (Needham Heights: A Division of Simon & Schuster Inc, 2000), 284.

contoh jawapan berdasarkan keterangan pada skala jawapan (5) sangat setuju, (4) setuju, (3) Kurang setuju, (2) tidak setuju dan (1) sangat tidak setuju. Skala ini telah digunakan untuk mengetahui persepsi pelatih terhadap program agama JKM dan pengetahuan agama pelatih. Manakala skala amalan agama pelatih pula penyelidik telah menggunakan skala yang digunakan oleh Azma iaitu (1) tidak pernah, (2) Pernah, (3) Sekali Sekala/Kadang kala (4) Kerap, (5) Amat Kerap/sentiasa.<sup>32</sup> Bagi tujuan analisis data, skor skala likert disusun bagi menunjukkan skor yang tinggi menunjukkan persepsi, amalan dan kekerapan yang lebih tinggi.<sup>33</sup>

### **1.9.6 Protokol Temu bual**

Selain daripada mengumpulkan data secara kuantitatif, pengkaji juga mengumpul data secara kualitatif melalui satu set temu bual separa berstruktur dalam kalangan pegawai hal ehwal Islam JKM, guru agama di setiap institusi dan responden utama yang merupakan pelatih di institusi yang ditetapkan oleh pihak institusi. Kaedah ini merupakan satu kegiatan atau perbuatan komunikasi yang di dalamnya penemubual mengemukakan soalan dengan tujuan memperoleh maklumat daripada informan. Ia adalah satu proses aktif yang melibatkan penemubual dan yang ditemubual.<sup>34</sup> Dalam kajian ini juga pengkaji menggunakan temu bual kumpulan pelatih yang dilakukan secara berkumpulan. Secara umumnya, temubual telah mengambil masa di antara 20-30 minit. Terdapat lapan kumpulan yang telah dibentuk di mana jumlah ahli kumpulan temubual tersebut adalah di antara dua hingga tiga orang informan.

---

<sup>32</sup> Azma binti Mahmood, (*Soal Selidik SPPIP-M (Versi R1, 2005)*), Universiti Kebangsaan Malaysia: Fakulti Pendidikan, 15.

<sup>33</sup> Wiersma, *op. cit*

<sup>34</sup> Syed Arabi Idid, (*Kaedah Penyelidikan Komunikasi dan Sains Sosial* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1998), 33-34.



Proses pengumpulan data bagi setiap kumpulan dikendalikan oleh pengkaji dengan menggunakan merakam temubual menggunakan MP3, mengambil nota semasa temubual dijalankan dan merekod seberapa banyak maklumat temubual yang dapat diingat selepas tamat sahaja sesi temubual dijalankan. Seterusnya, selepas tamat sesi temubual tersebut, pengkaji membuat transkripsi rakaman temubual sepenuhnya. Peringkat ini adalah penting dalam temubual bagi mengurangkan masalah kehilangan dan kesalahan tafsiran data daripada rakaman pita. Oleh demikian, penyelidik perlu memastikan semua jenis data adalah direkodkan dalam transkripsi termasuk setiap kata informan, intonasi, suara, nada, hentian, kesenyapan, perasaan, laju, penjelasan, gangguan dan sebagainya.<sup>35</sup>

Bagi menjaga kerahsiaan setiap informan, pengkaji telah menggunakan kod-kod tertentu seperti berikut:

**Jadual 1.5 Senarai Informan Mengikut Institusi**

<b>Bil</b>	<b>Institusi</b>	<b>Guru Agama</b>	<b>Pelatih</b>
1	Taman Seri Puteri Cheras	GATSP1	1. Pelatih 1 2. Pelatih 2
2	Taman Seri Puteri Batu Gajah	GATSP2	1. Pelatih 3 2. Pelatih 4 3. Pelatih 5
3	Asrama Sentosa Sentul	GAAA1	1. Pelatih 6 2. Pelatih 7 3. Pelatih 8
4	Asrama Bukit Baru Melaka	GAAA2	1. Pelatih 9 2. Pelatih 10
5	Asrama Kempas Johor	GAAA3	1. Pelatih 11 2. Pelatih 12

<sup>35</sup> Mok Soon Sang, 2010, 245

6	STB Jerantut	GASTB1	1. Pelatih 13 2. Pelatih 14 3. Pelatih 15 4. Pelatih 16
7	STB Sg. Lereh Melaka	GASTB2	1. Pelatih 17 2. Pelatih 18
8	STB Sg. Besi	GASTB3	1. Pelatih 19 2. Pelatih 20 3. Pelatih 21
<b>Jumlah Keseluruhan</b>			<b>21 Orang Pelatih</b>

### 1.9.7 Kajian Rintis

Kajian rintis merupakan satu percubaan kajian yang dibuat ke atas bilangan sampel yang kecil sebelum kajian sebenar dijalankan. Tujuannya adalah untuk meneliti, membaiki, meningkatkan kesahan dan kebolehpercayaan soal selidik sebenar dan mengatasi masalah-masalah dalam menjalankan kajian. Instrumen soal selidik yang telah disahkan oleh panel penilai kemudiannya melalui proses kajian rintis yang telah dibuat kepada responden yang mempunyai ciri-ciri yang sama dengan kajian sebenar.

Kajian rintis telah dijalankan di Asrama Bahagia Kampung Pandan. Berdasarkan kepada ujian rintis yang dijalankan kepada 21 pelatih keputusan adalah seperti berikut:

<b>Instrumen</b>	<b>Bilangan Item</b>	<b>Nilai Alpha</b>
Cara Hidup Beragama	6	0.81
Pelaksanaan Program	15	0.83
Pengetahuan Akidah	5	0.98
Pengetahuan Ibadah	5	0.94
Pengetahuan Akhlak	5	0.86

Tingkah laku Akidah	5	0.81
Tingkah laku Ibadah	5	0.84
Tingkah laku Akhlak	5	0.75
Minat dan Persepsi	10	0.70

Secara keseluruhan nilai kebolehpercayaan bagi instrumen yang digunakan adalah tinggi ( $> 0.7$ ) dan boleh digunakan dalam kajian sebenar. Penulis telah menggunakan nilai alpha ( $\alpha$ ) berasaskan *Koeffisien Cronbach* dalam mengukur kebolehpercayaan (reliability) item-item soal selidik. Tafsiran nilai cronbach alpha ( $\alpha$ ) *Koeffisien Cronbach* berasaskan Kirk (1984) adalah seperti berikut:<sup>36</sup>

Jadual Klasifikasi Indeks Kebolehpercayaan Kirk (1984) dan Babbie (1992)

<b>Indikator</b>	<b>Nilai Alpha Cronbach</b>
Sangat Tinggi	$>0.90$
Tinggi	$0.70 - 0.89$
Sederhana	$0.30 - 0.69$
Rendah	$0.30$

### 1.9.8 Tatacara Penganalisan Data

Semua data yang diperolehi, diproses dan dianalisis menggunakan komputer melalui program *Statistical Package For The Social Science (SPSS) for window (version 16.0)*.

Sebanyak 291 set borang soal selidik telah diedarkan kepada pelatih, namun secara keseluruhan hanya 286 set soal selidik telah dianalisis oleh penyelidik. 5 set soal selidik tidak dijawab oleh pelatih. Secara keseluruhannya responden dalam kajian ini 286 orang.

Perincian adalah seperti berikut:

<sup>36</sup> Kirk, R.E, *Elementary Statistics*, (California: brooks/Cole Publishing Company, 1984), 62.

Jadual 1.6 Jumlah Responden yang Terlibat Mengikut Institusi

<b>Institusi</b>	<b>Jumlah Responden ( n )</b>
Asrama Akhlak	58 (20.3%)
Taman Seri Puteri	45 (15.7%)
Sekolah Tunas Bakti	183 (64.0%)
Jumlah	286 (100 %)

### 1.9.8.1 Analisis Data Deskriptif

Kaedah penganalisan data secara deskriptif merupakan satu teknik penghuraian secara menyeluruh tentang kajian yang dijalankan. Teknik statistik yang digunakan dalam penyelidikan ini ialah teknik statistik deskriptif. Statistik deskriptif ialah satu teknik untuk memperihalkan keadaan data yang terdapat pada sampel kajian. Statistik deskriptif menggunakan petunjuk-petunjuk seperti min, sisihan piawai, median. Mod, taburan normal dan skor Z untuk menyatakan ciri-ciri sesuatu variable.<sup>37</sup> Namun dalam analisis kajian ini penyelidik akan menggunakan peratusan dan min untuk menginterpretasi data yang telah diperolehi. Manakala data-data yang diperolehi melalui temu bual dianalisis menggunakan kaedah tipologi iaitu satu kaedah pengelasan data dalam kategori mengikut corak dan tema tertentu. Secara ideal, setiap kategori data haruslah tidak bertindih antara satu sama lain.<sup>38</sup>

Analisis bertujuan mengetahui pelaksanaan program agama di intitusi dan keberkesanan program agama yang telah dilaksanakan di institusi terhadap pelatih. Statistik diskriptif (kekerapan dan peratusan) digunakan untuk menjelaskan profil

<sup>37</sup> Chua Yan Piaw, *Asas Statistik Penyelidikan, Buku 2* (Kuala Lumpur: Mc Graw Hill), 3.

<sup>38</sup> *Ibid*, 47.

responden kajian. Statistik diskriptif (min) turut digunakan untuk menentukan tahap interpretasi pelatih terhadap pelaksanaan program agama di institusi dan keberkesanan program agama terhadap tahap pengetahuan serta peningkatan amalan pelatih. Seterusnya skor min tingkah laku efektif yang telah dirumuskan oleh Nunally telah digunakan. Bagi memudahkan perbincangan, skor-skor min dalam setiap dimensi tersebut telah disusun ikut urutan menurun dari skor min yang paling tinggi kepada skor yang paling rendah.

Jadual Interpretasi skor min bagi melaporkan dapatan deskriptif statistik

<b>Skor Min</b>	<b>Interpretasi</b>
4.01 - 5.00	Tinggi
3.01 - 4.00	Sederhana Tinggi
2.01 - 3.00	Sederhana Rendah
1.01 - 2.00	Rendah

Sumber : Nunally (1978)

## **BAB DUA**

### **PROGRAM AGAMA DAN REMAJA BERMASALAH**

#### **2.1 Pengenalan**

Bab ini menjelaskan konsep-konsep dan teori-teori berhubung aspek agama dan kepentingan dalam kehidupan individu muslim, kerangka asas atau dasar agama Islam serta pengenalan program agama dan ciri-ciri keberkesanan. Bab ini juga turut menghuraikan berhubung konsep remaja, pengenalan remaja bermasalah, permasalahan

atau gejala sosial di kalangan remaja dan penjelasan berhubung kepentingan agama dalam membentuk akhlak manusia khususnya golongan remaja.

## 2.2 Agama dan Kehidupan

Perkataan Islam mengandungi dua makna yang dominan dan berkaitan antara satu sama lain iaitu penyerahan *aslama* dan keamanan *salama*.<sup>39</sup> Islam berasal dari perkataan Arab yang bermaksud aman, damai, selamat dan sejahtera.<sup>40</sup> Islam bermaksud penyerahan diri kepada Allah s.w.t. dengan penuh keikhlasan hati dan mengesakan Allah s.w.t., sujud, tunduk, patuh serta beriman dengan dasar yang telah ditetapkan oleh Allah s.w.t. sebagai satu sistem kehidupan yang lengkap iaitu penerimaan sepenuhnya dari sudut keyakinan dalam hati, ucapan dengan mulut dan dipraktikkan dengan tindakan atau tingkah laku dalam kehidupan.<sup>41</sup>

Firman Allah s.w.t. :

الْيَوْمَ أَكْمَلْتُ لَكُمْ دِينَكُمْ وَأَتَمَمْتُ عَلَيْكُمْ نِعْمَتِي وَرَضِيتُ لَكُمُ الْإِسْلَامَ  
دِينًا فَمَنِ اضْطُرَّ فِي مَخْمَصَةٍ غَيْرِ مُتَجَانِفٍ لِإِثْمٍ فَإِنَّ اللَّهَ غَفُورٌ رَحِيمٌ



Al-Maidah 5: 3

<sup>39</sup> Ibn Manzur, *Lisan al-‘Arab* (Beirut: Dār al-Turath al-‘Arabi, 1992), 6:345-346.

<sup>40</sup> Afzalur Rahman, *Islam Ideology and The Way of Life* (Kuala Lumpur: Pustaka Hayathi, 1995), 3.

<sup>41</sup> Sa’id Hawwa, *al-Islam* (Beirut: Dar al-Shuruq, 1979), 2.

Maksudnya:

Aku telah sempurnakan bagi kamu agama kamu, dan Aku telah cukupkan nikmatKu kepada kamu, dan Aku telah redakan Islam itu menjadi agama untuk kamu. maka sesiapa yang terpaksa kerana kelaparan (memakan benda-benda yang diharamkan) sedang ia tidak cenderung hendak melakukan dosa (maka bolehlah ia memakannya), kerana Sesungguhnya Allah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani.

Pengertian Islam dari segi istilah ialah mentauhidkan Allah s.w.t, patuh, tunduk dan jujur kepada Allah s.w.t serta berIman dengan segala ajaran Allah s.w.t yang dibawa oleh Rasulullah s.a.w.<sup>42</sup> Abd. Karim Zaydan mendefinisikan Islam sebagai ketundukan, penyerahan diri dan kepatuhan kepada Allah s.w.t, tuhan sekalian alam. Disyaratkan kepatuhan ini perlu berlaku dengan penuh kesedaran dan kerelaan bukan secara paksaan. Tunduk dan patuh pada Allah s.w.t. atau sunnatullah secara terpaksa adalah sifat semulajadi semua makhluk.<sup>43</sup>

## 2.3 Kerangka Dasar Agama Islam

### 2.3.1 Akidah

Akidah dalam bahasa Arab berasal dari kata dasar *'aqada* yang bermaksud ikat. Dari kata ini lahirnya perkataan *al-'aqd* yang bermaksud hukum, perjanjian dan pemastian, seperti akad sumpah akad nikah dan sebagainya. Perkataan *akidah* kata jama'nya *'aqāid*

---

<sup>42</sup> Haron Din, *Islam Ada Apa Dengan Islam?* (Kuala Lumpur: PTS Milenia Sdn. Bhd., 2007), 35.

<sup>43</sup> Abd. Karim Zaydān, *Usūl al-Da'wah* (Beirut: Muassasah al-Risalah, 1999), 9.

bermaksud pegangan dan anutan dan tidak termasuk aspek amalan.<sup>44</sup> Akidah berasal dari kata kerja *'aqoda, ya 'qidu* bermaksud ikatan atau simpulan yang kuat dan teguh seperti tali.<sup>45</sup>

Ibn Manzur dalam *Lisān al-'Arab* menjelaskan akidah bermaksud mengikat, menguasai, perjanjian, pegangan, menambat dan kukuh iaitu sesuatu yang telah tersimpul atau terikat serta turut membawa makna sesuatu yang telah teguh dan mantap. Manakala dari sudut istilah bermaksud sesuatu yang pasti bukannya bathil.<sup>46</sup>

Akidah merujuk kepada simpulan yang teguh dan mantap. Akidah dalam kajian merujuk kepada akidah Islam yang bermaksud kepercayaan atau keimanan kepada hakikat dan nilai-nilai mutlak, yang tetap, yang kekal pasti dan hakiki sebagaimana yang telah diwajibkan dalam Islam. Akidah yang benar dan sah adalah menjadi syarat pertama kepada pengakuan seseorang yang telah menerima Islam sebagaimana agama yang mengatur hidupnya.<sup>47</sup> Sebagaimana firman Allah s.w.t. :

إِنَّ الَّذِينَ ءَامَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ يَهْدِيهِمْ رَبُّهُمْ بِإِيمَانِهِمْ  
تَجْرَى مِنْ تَحْتِهِمُ الْأَنْهَارُ فِي جَنَّاتِ النَّعِيمِ ﴿٩﴾

Surah Yunus 10: 9

Maksudnya:

<sup>44</sup> Ahmad Mukhtār 'Umar, et al., *al-Mu'jam al-'Arabī al-Asāsī* (Tunis: al-Munazzamah al-'Arabiah, 1989), 853.

<sup>45</sup> Al-Fayrūz, Abādī, *al-Qāmūs al-Muhīt* (Kaherah: Muassasah al-Risalah), 1987), 383-384.

<sup>46</sup> Abī al-Fadl Jamāl al-Din Muhammad Ibn Mukarram Ibn Manzur, *Lisān al-'Arab* (Beirūt: Dār Sādir, 1968), 3:196-299.

<sup>47</sup> Fathi Yakan, *Apa Ertinya Saya Menganut Islam* (Shah Alam: Dewan Pustaka Fajar, 2008), 15.



Sesungguhnya orang-orang yang beriman dan beramal soleh, Tuhan mereka akan memimpin mereka dengan sebab iman mereka yang sempurna itu. (Mereka masuk ke taman yang) sungai-sungainya mengalir di bawah tempat kediaman mereka di dalam syurga yang penuh nikmat.

Merujuk Kamus Dewan perkataan iktikad hampir sama dengan perkataan akidah bermaksud kepercayaan atau keyakinan di dalam hati yang berkaitan dengan rukun Iman.<sup>48</sup>

Dari sudut istilah, Said Hj. Ibrahim mendefinisikan akidah iaitu sesuatu penyelidikan dan pemeriksaan kepercayaan seseorang berkaitan dengan ketuhanan, kerasulan dan sam'iyāt dengan dalil yaqīniyyah dan naqliyyah yang boleh menghilangkan semua keraguan yang ada dalam hati seseorang manusia.<sup>49</sup>

Hassan al-Banna mendefinisikan bahawa akidah merupakan hal yang berhubung dengan kepercayaan dan keyakinan dalam hati yang akan mendorong hati dan jiwa berasa tenang, tidak bimbang dan ragu, bersih dan murni dari segala perasaan syak wasangka serta dapat melahirkan keyakinan yang kuat dan teguh dalam menghayati seluruh aspek kehidupan dan amal ibadah kepada zat yang Maha Kuasa.<sup>50</sup>

Menurut Sayyid Sābiq, akidah didefinisikan sebagai membenaran dalam hati terhadap sesuatu yang turut dipercayai secara pasti tanpa syak dan ragu walau sedikit

---

<sup>48</sup> Noresah bt. Baharom, *Kamus Dewan*, 565.

<sup>49</sup> Said Hj. Ibrahim, *Aqidah ahli Sunnah wa al-Jamaah* (cet ke-2, Kuala Lumpur: Dār al-Ma'rifah, 1996), 9.

<sup>50</sup> Hassan al-Banna, *al-'Aqa'id* (Kuwait: Maktabah al-Manār al-Islām, t.t.), 7.

pun.<sup>51</sup> Manakala al-Jazā'iri mendefinisikan akidah sebagai satu bentuk gugusan pernyataan benar yang diterima secara mudah oleh akal manusia, didengar dari sumber wahyu dan secara semulajadi begitu mudah diterima oleh manusia dalam keadaan hati sanubari mereka tidak sukar untuk menyimpul atau menetapkan secara pasti kewujudan kesahihan apa yang dipercayainya.<sup>52</sup>

Menurut Zakaria Stapa akidah merupakan satu perkataan yang berasal dari bahasa Arab. Makna literalnya merujuk kepada ikatan kemas atau simpulan mati yang melambangkan adanya unsur-unsur makna seperti kekuatan dan keyakinan.<sup>53</sup>

Sebagaimana firman Allah s.w.t. :

لَا يُؤَاخِذُكُمُ اللَّهُ بِاللَّغْوِ فِي أَيْمَانِكُمْ وَلَكِنْ يُؤَاخِذُكُمْ بِمَا عَقَدْتُمْ  
الْأَيْمَانَ ۖ فَكَفَرْتُمْ ۖ إِطْعَامُ عَشْرَةِ مَسْكِينٍ مِنْ أَوْسَطِ مَا تَطْعَمُونَ  
أَهْلِيكُمْ أَوْ كِسْوَتُهُمْ أَوْ تَحْرِيرُ رَقَبَةٍ ۖ فَمَنْ لَمْ يَجِدْ فَصِيَامُ ثَلَاثَةِ أَيَّامٍ ۚ ذَلِكَ  
كَفَرَةُ أَيْمَانِكُمْ إِذَا حَلَفْتُمْ ۚ وَاحْفَظُوا أَيْمَانَكُمْ ۚ كَذَلِكَ يُبَيِّنُ اللَّهُ لَكُمْ  
آيَاتِهِ ۗ لَعَلَّكُمْ تَشْكُرُونَ ﴿٨٩﴾

Surah al-Maidah 5: 89

Maksudnya:

Kamu tidak dikira salah oleh Allah tentang sumpah-sumpah kamu yang tidak disengajakan (untuk bersumpah), akan tetapi kamu dikira salah olehNya dengan sebab sumpah yang sengaja kamu buat dengan bersungguh-sungguh. Maka bayaran dendanya ialah memberi makan sepuluh orang miskin dari jenis makanan yang sederhana yang kamu (biasa) berikan kepada keluarga kamu, atau memberi pakaian untuk mereka, atau memerdekakan seorang hamba. kemudian sesiapa yang tidak dapat (menunaikan denda yang tersebut), maka hendaklah ia

<sup>51</sup> Sayyid Sābiq, *al- 'Aqāid al-Islāmiyyah* (Qaherah: al-Fath li I'lām al-Arab, t.t.), 8.

<sup>52</sup> Abu Bakr al-Jazā'iri, *Aqidah al-Mukmin* (Qāherah: Dār al-Fikr al-'Arābi, t.t.), 23.

<sup>53</sup> Zakaria Stapa, *Akidah dan Akhlak Dalam Kehidupan Muslim* (Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd., 1999), 2.

berpuasa tiga hari yang demikian itu ialah denda penebus sumpah kamu apabila kamu bersumpah. Dan jagalah - peliharalah sumpah kamu. Demikianlah Allah menerangkan kepada kamu ayat-ayatNya (hukum-hukum agamanya) supaya kamu bersyukur.

Bagaimanapun, apabila akidah diangkat menjadi istilah khusus atau teknikal, secara umumnya ia merujuk kepada kepercayaan dan keyakinan yang cukup pasti terhadap sesuatu, tanpa sebarang syak dan keraguan.<sup>54</sup> Oleh itu, menurut perspektif Islam akidah atau iman dalam konteks teknikal tidak cukup untuk diterima sekiranya ia sekadar terungkap dalam pengisytiharaan verbal semata-mata, kerana dalam kehidupan terdapat ramai di kalangan golongan munafik hipokrit mengisytiharkan secara *lip service* bahawa mereka beriman, sedangkan hati mereka tidak beriman.<sup>55</sup> Sebagaimana firman Allah s.w.t. :

وَمِنَ النَّاسِ مَن يَقُولُ ءَامَنَّا بِاللَّهِ وَبِالْيَوْمِ ٱلْءَاخِرِ وَمَا هُم بِمُؤْمِنِينَ ﴿٨﴾  
تُخَدَعُونَ ۗ ءَلَا يَدْرُونَ ءَأَمَّنُوا وَمَا تَخْدَعُونَ إِلَّا أَنفُسَهُمْ وَمَا  
يَشْعُرُونَ ﴿٩﴾

Al-Baqarah 2: 8-9

Maksudnya:

Dan di antara manusia ada yang berkata: "Kami telah beriman kepada Allah dan kepada hari akhirat"; padahal mereka sebenarnya tidak beriman. Mereka hendak memperdayakan Allah dan orang-orang yang beriman, padahal mereka hanya memperdaya dirinya sendiri, sedang mereka tidak menyedarinya.

Istilah akidah atau iman yang tulen dalam pandangan Islam tidak juga hanya terbatas kepada penunaian serta pelaksanaan tugas atau syiar tertentu seperti yang selayaknya dilaksanakan oleh kalangan dajjal yang hanya bermuka-muka dan menunjuk-

<sup>54</sup> Sayyid Sābiq, *al- 'Aqāid al-Islāmiyyah*, 8.

<sup>55</sup> Zakaria Stapa, *Akidah dan Akhlak*, 3.

nunjuk melakukan perkara kebaikan, sedangkan hati penuh dengan kedurjanaan dan tidak ikhlas kepada Allah s.w.t. Sebagaimana firman Allah s.w.t.

إِنَّ الْمُنَافِقِينَ تَخَذِعُونَ اللَّهُ وَهُوَ خَدِعُهُمْ وَإِذَا قَامُوا إِلَى الصَّلَاةِ قَامُوا  
كُسَالَى يُرَاءُونَ النَّاسَ وَلَا يَذْكُرُونَ اللَّهَ إِلَّا قَلِيلًا

Al-Nisa' 4: 142

Maksudnya:

Sesungguhnya orang-orang munafik itu melakukan tipu daya (terhadap agama) Allah (dengan perbuatan pura-pura beriman sedang mereka kafir pada batinnya), dan Allah pula tetap membalas tipu daya mereka (dengan membiarkan mereka dalam keadaan munafik). Mereka pula apabila berdiri hendak sembahyang, mereka berdiri dengan malas. Mereka (hanya bertujuan) riak (memperlihatkan sembahyangnya) kepada manusia (supaya disangka Bahawa mereka orang yang beriman), dan mereka pula tidak mengingati Allah (dengan mengerjakan sembahyang) melainkan sedikit sekali (jarang-jarang).

Berdasarkan penjelasan di atas dapat disimpulkan bahawa akidah atau iman yang tulen dari perspektif Islam bukan hanya sesuatu yang tertumpu semata-mata kepada kerja-kerja yang dilaksanakan pada peringkat lidah, anggota badan dan mental seseorang. Malah, sesungguhnya secara tepat ia merujuk kepada suatu kerja atau pelaksanaan yang dilaksanakan pada peringkat spiritual atau dalaman diri seseorang manusia yang amat mendalam, sehingga ia dapat menguasai sepenuhnya seluruh kesedaran, kemahuan dan perasaan orang berkenaan.<sup>56</sup>

<sup>56</sup> Zakaria Stapa, *Akidah dan Akhlak*, 104.

Dengan kata lain, akidah adalah iman yang kuat dan mendalam terhadap Allah s.w.t, Malaikat, Kitab, Rasul, Hari Akhirat, Qada' dan Qadar. Beriman dengan semua yang diturunkan oleh Allah s.w.t. di dalam al-Quran dan al-Sunnah Rasulullah s.a.w. yang terdiri dari asas-asas agama, perintah, perkhabaran, ijma' para salaf al-soleh dan menyerah diri dengan sepenuh hati kepada hukum Allah s.w.t. Malaksanakan segala perintahNya, syara'Nya dan bertahkim kepadaNya serta mengikut sunnah Rasulullah s.a.w.<sup>57</sup>

### 2.3.2 Ibadah

Tuntutan beribadah merupakan misi asas penciptaan manusia. Sebagaimana firman Allah s.w.t :

وَمَا خَلَقْتُ الْجِنَّ وَالْإِنْسَ إِلَّا لِيَعْبُدُونِ ﴿٥٦﴾

Al-Dhariyat 51: 56

Maksudnya:

Dan (ingatlah) Aku tidak menciptakan jin dan manusia melainkan untuk mereka menyembah dan beribadat kepadaKu.

Ibadah dalam Islam mempunyai ruang lingkup yang amat luas, meliputi semua tindakan dan aktiviti manusia yang bermatlamat ke arah mencapai kebajikan di dunia dan

---

<sup>57</sup> 'Abd Karim al-'Aql, *Mabāhith Fi Aqādati ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah* (Saudi Arabia: Dar al-Watan, t.t.), 9.

akhirat.<sup>58</sup> Memandangkan tuntutan beribadah adalah berterusan hingga ke akhir hayat manusia, maka perintah ini hendaklah dilaksanakan dengan penuh sabar, kasih dan cinta kepada Allah s.w.t. kerana hanya Allah s.w.t. yang sepatutnya dikasihi dan dicintai. Perasaan cinta ini penting kerana daripadanya akan melahirkan perasaan ikhlas untuk beribadah. Menurut Ibn Taimiyyah seperti yang dipetik dari Yūsuf al-Qaradāwī, tanpa perasaan ini tujuan ibadah sebagaimana yang diperintahkan oleh Allah s.w.t. sudah pasti sukar untuk dilaksana dan diamalkan.<sup>59</sup>

### 2.3.2.1 Tujuan Beribadah

Penciptaan manusia di alam ini bukan sekadar untuk mendiami bumi semata-mata. Bahkan mempunyai tanggungjawab tertentu, iaitu mengabdikan diri atau beribadah kepadaNya. Oleh itu sama ada ibadah itu berbentuk umum atau khusus, ia tetap mempunyai tujuan yang tertentu. Antaranya ialah :

- i. Sebagai tanda syukur dan berterima kasih atas segala nikmat kurniaannya. Nikmat Allah s.w.t kepada manusia di muka bumi ini tidak terhitung banyaknya. Sebagaimana firman Allah s.w.t:

وَإِنْ تَعُدُّوا نِعْمَةَ اللَّهِ لَا تُحْصُوهَا إِنَّ اللَّهَ لَغَفُورٌ رَحِيمٌ

Al-Nahl 16: 18

Maksudnya:

<sup>58</sup> Yūsuf al-Qaradāwī, *al- 'Ibādah, t fi al-Islām* (cet. ke-24, Kaherah: Maktabah Wahbah, 1995), 50-51.

<sup>59</sup> *Ibid.*, 33-34.

Dan jika kamu menghitung nikmat Allah (yang dilimpahkanNya kepada kamu), tiadalah kamu akan dapat menghitungnya satu persatu; Sesungguhnya Allah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani.

Oleh demikian melalui ibadah, seseorang hamba dapat melahirkan tanda kesyukuran kepada pemberi nikmat tersebut. Beribadah adalah bertepatan dengan fitrah kejadian manusia yang telah membuat perjanjian di alam ruh iaitu hanya akan menyembah Allah s.w.t. yang satu. Peristiwa ini sebagaimana firman Allah s.w.t. :

وَإِذْ أَخَذَ رَبُّكَ مِنْ بَنِي آدَمَ مِنْ ظُهُورِهِمْ ذُرِّيَّتَهُمْ وَأَشْهَدَهُمْ عَلَىٰ أَنفُسِهِمْ  
أَلَسْتُ بِرَبِّكُمْ ۖ قَالُوا بَلَىٰ شَهِدْنَا أَن تَقُولُوا يَوْمَ الْقِيَامَةِ إِنَّا كُنَّا  
عَنْ هَذَا غَافِلِينَ ﴿١٧٢﴾

Al-A'raf 7: 172

Maksudnya:

Dan (ingatlah Wahai Muhammad) ketika Tuhanmu mengeluarkan zuriat anak-anak Adam (turun-temurun) dari (tulang) belakang mereka, dan ia jadikan mereka saksi terhadap diri mereka sendiri, (sambil ia bertanya dengan firmanNya): "Bukankah Aku Tuhan kamu? "Mereka semua menjawab: "Benar (Engkaulah Tuhan kami), Kami menjadi saksi". Yang demikian supaya kamu tidak berkata pada hari kiamat kelak: "Sesungguhnya Kami adalah lalai (tidak diberi peringatan) tentang (hakikat tauhid) ini".

- ii. Sebagai menunaikan hak Allah s.w.t. iaitu agar manusia tahu dirinya lemah, tidak ada daya dan pertolongan melainkan bantuan daripada Tuhannya serta tidak boleh bergantung melainkan kepada Allah s.w.t.

### 2.3.2.2 Hubungan Ibadah dan Akhlak

Ibadah sangat berkait dengan akhlak. Keadaan ini dibuktikan dengan ibadah khusus seperti solat, puasa, zakat dan haji sekiranya dilakukan dengan penuh keikhlasan, kesedaran serta kefahaman sudah pasti dapat mendidik pelakunya membentuk peribadi yang memiliki akhlak terpuji.<sup>60</sup>

Ulama-Ulama besar seperti al-Ghazali dan al-Dahlawi yang dipetik dari Mohd. Kamal Hassan, telah menekankan penghayatan ibadah merupakan satu cara membentuk akhlak mulia.<sup>61</sup> Oleh itu, seseorang yang mempunyai keteguhan akidah serta tekun beribadah seharusnya mempunyai budi pekerti yang mulia dan bersopan santun dalam pergaulan sesama manusia. Ibadah bagi mukmin merupakan sebahagian daripada akhlak kerana daripada ibadah yang dilakukan, ia dianggap sebagai menyempurnakan hak Allah s.w.t. tanda kesyukuran atas segala nikmat dan penghormatan kepada yang paling berhak mendapat penghormatan.

### **2.3.2.3 Syarat-Syarat Amalan Menjadi Ibadah**

Menurut Islam seluruh kegiatan kehidupan manusia adalah ibadah. Maka setiap apa yang dilakukan sama ada yang berkaitan dengan individu ataupun masyarakat adalah ibadah selagi mana ia memenuhi syarat-syarat tertentu.

Syarat-syarat tersebut ialah<sup>62</sup>:

---

<sup>60</sup> Uda Mohsin, *Kesan Ibadah dalam Pembentukan Akhlak Seorang Muslim* (Kuala Lumpur: Al-Rahmaniah, 1986), 10.

<sup>61</sup> Mohd. Kamal Hassan, *Pendidikan dan Pembangunan: Satu Perspektif Bersepadu* (Kuala Lumpur : Nurin Enterprise, 1988), 61.

<sup>62</sup> Yūsuf al-Qaradāwī, *Ibadah dalam Islam*, terj. Hasan Idris (Kuala Lumpur: YADIM, 1978), 51-52.



- a. Amalan yang dikerjakan hendaklah diakui Islam, bersesuaian dengan hukum-hukum syara' dan tidak bercanggah dengan hukum-hukum tersebut. Adapun amalan-amalan yang diingkari oleh islam dan ada hubungan dengan yang haram dan maksiat, maka ia bukanlah ibadah.
- b. Amalan tersebut dilakukan dengan niat bertujuan memelihara kehormatan diri, menyenangkan keluarganya, memberi manfaat kepada umat seluruhnya dan bagi memakmurkan bumi sebagaimana yang diperintahkan Allah s.w.t.
- c. Amalan tersebut mestilah dibuat seeloknya bagi menepati apa yang ditetapkan oleh Rasulullah s.a.w.
- d. Amalan tersebut hendaklah sentiasa menurut hukum-hukum syara' dan ketentuan batasnya, tidak menzalimi orang lain, tidak khianat, tidak menipu dan tidak menindas atau merampas hak orang lain.
- e. Tidak mencacatkan ibadah khusus seperti solat, zakat dan sebagainya dalam melaksanakan ibadah umum.

### **2.3.3 Akhlak**

Akhlak (moral) adalah sebuah sistem yang lengkap terdiri dari karekteristik akal atau tingkah laku yang membuat seseorang menjadi istimewa. Karekteristik ini membentuk kerangka psikologi seseorang dan membuat individu berperilaku sesuai dengan dirinya dan nilai yang sesuai dengan dirinya dalam keadaan yang berbeza-beza.<sup>63</sup>

---

<sup>63</sup> Ali Abdul Halim Mahmud, Akhlak Mulia ( Jakarta: Gema Insani, 2004), 27.

Menurut Kamus Dewan, akhlak bermaksud budi pekerti, kelakuan, tabiat dan tingkahlaku manusia.<sup>64</sup> Menurut Kamus Am, akhlak bermaksud budi pekerti, watak dan tabiat.<sup>65</sup> Manakala menurut kamus al-Muhīt, akhlak ialah perkataan jama' di mana mufradnya ialah al-khuluq yang bermaksud maruah, tabiat dan perangai.<sup>66</sup> Sementara itu, Lisān al-'Arab menyatakan al-khuluq sebagai peribadi atau tabiat yang merupakan gambaran kepada jiwa seseorang di mana terdapat sifat-sifat yang tertanam di dalam jiwa lebih serta kaitannya daripada apa yang terpamer pada zahirnya.<sup>67</sup>

Menurut Chambers Dictionary akhlak didefinisikan sebagai moral bermaksud sesuatu yang berkaitan dengan perangai atau tingkahlaku baik mahupun buruk.<sup>68</sup> The Encyclopedia of Islam menyebut akhlak sebagai *innate disposition, ethics*. Encyclopedia ini membahaskan akhlak dalam perbahasan yang panjang lebar tentang sejarah bermulanya kajian akhlak serta kaitannya dengan falsafah. Akhlak menurut sejarah dijelaskan secara terperinci melalui hadith-hadith. Diterangkan juga tentang kemunculan tokoh falsafah seperti Aristotle (384 – 322 S.M.) dan Plato (427 -347 S.M.) yang membahaskan tentang etika serta kemunculan Ibn Maskawayh, al-Ghazali dan al-Kindi yang menyusun tentang ilmu akhlak.<sup>69</sup>

Akhlak menurut perspektif al-Ghazali (m. 505 H) ialah sifat yang tertanam dalam jiwa, muncul daripada perbuatan yang mudah tanpa memerlukan pertimbangan fikiran. Jika yang lahir perbuatan baik dan diiktiraf akal serta syarak, maka ia dipanggil akhlak

---

<sup>64</sup> Noresah bt. Baharom, *Kamus Dewan*, 21.

<sup>65</sup> Othman Puteh, *Kamus Am* (Kuala Lumpur: Crescent News, 1997), 15.

<sup>66</sup> Al-Fayrūz, Abādī, *al-Qāmūs al-Muhīt*, 1137.

<sup>67</sup> Ibn Manzur, *Lisān al-'Arab*, 87.

<sup>68</sup> Kirkpatrick, E.M, *Chambers 20<sup>th</sup> Century Dictionary* (Edinburgh: W & R Chambers Ltd, 1983), 820.

<sup>69</sup> Gibb, H.A.R, *The Encyclopedia of Islam* (Leiden: EJ. Brill, 1979), 1: 325, 327 & 328.

yang baik begitulah sebaliknya ia dinamakan akhlak yang buruk.<sup>70</sup> Ibn Maskawayh (m. 421H) membahaskan tentang akhlak di dalam kitabnya *Tahdhīb al-Akhlāq* menyatakan akhlak ialah keadaan jiwa yang mendorong seseorang untuk melakukan sesuatu tanpa memerlukan pertimbangan fikiran.<sup>71</sup>

Berdasarkan definisi dan pandangan tersebut. Jelas menunjukkan akhlak merupakan sifat yang sehati dalam diri individu. Akhlak merupakan agen yang mencetuskan pelbagai tingkahlaku sama ada baik atau buruk bergantung kepada sifat dalaman tersebut. Akhlak juga merupakan pelakuan yang dipengaruhi oleh sifat semulajadi individu yang terhasil daripada didikan, kebiasaan dan persekitaran.

## **2.4 Program Agama**

Program agama merupakan sesuatu perancangan atau program dakwah yang telah diatur dan disusun rapi supaya program yang dijalankan dapat memberi manfaat dan berkesan kepada sasaran dakwah. Sebelum kajian membahas mengenai program dakwah secara lebih terperinci. Kajian ingin menjelaskan berhubung program agama supaya dapat difahami dengan lebih baik.

### **2.4.1 Pengertian Program Agama**

---

<sup>70</sup> Al-Imam Abī Hamīd Muhammad bin. Muhammad al-Ghazali, *Ihya' 'Ulum al-Din* (Kaherah: Muassasah al-Jablā wa al-Syanwkah, 1967), 3: 368.

<sup>71</sup> Ahmad b. Muhammmad b. Maskawayh, *Tahdhīb al-Akhlāq* (Beirut : Mansurah Dār Maktabah al-Hayah, 1961), 36.

Menurut Kamus Dewan, program bermaksud rancangan yang menentukan dasar-dasar yang akan dijalankan sama ada dalam pembangunan negara, perekonomian dan sebagainya.<sup>72</sup> Di dalam Mu'jam al-Wasīf menjelaskan program merupakan kandungan yang mengandungi satu rancangan yang bertulis. Rancangan ini akan dilaksanakan dan memberi kesan positif.<sup>73</sup> Dalam Kamus al-Munjid fi Lughah wa A'lam menyatakan program adalah kertas yang mengandungi agenda bertulis yang menerangkan sesuatu rancangan beserta dengan syarat-syarat yang akan dilaksanakan.<sup>74</sup>

#### 2.4.2 Matlamat Program Agama

Matlamat program agama adalah signifikan dengan matlamat program dakwah atau matlamat dakwah itu sendiri. Antara elemen utama dalam dakwah ialah mengenal pasti matlamat. Tuntutan dakwah melibatkan rangkaian kegiatan atau proses dalam rangka mencapai matlamat tertentu. Matlamat ini berfungsi sebagai garis panduan atau pedoman bagi gerak langkah kegiatan dakwah. Ia boleh dijadikan panduan bagi menilai sejauh mana matlamat yang digariskan mencapai tujuannya.

Oleh itu penetapan matlamat yang jelas dapat membantu pendakwah dalam melakukan perancangan, strategi dan bentuk pelaksanaan yang akan digunakan bagi mencapai objektif yang digariskan. Tanpa mengetahui matlamat dakwah dengan jelas, setiap pendakwah tidak mampu melaksanakan tanggungjawab dakwah dengan baik. Terdapat pelbagai persepsi berhubung matlamat dakwah yang diutarakan oleh tokoh-tokoh pendakwah. Menurut Ali Mahfudz, matlamat dakwah ialah usaha memberi dorongan kepada manusia ke arah melakukan kebaikan untuk mendapat petunjuk Allah

---

<sup>72</sup> Noresah bt. Baharom et al., *Kamus Dewan*, 1057.

<sup>73</sup> Ibrahim Mustafa et al., *Mu'jam al-Wasīf*, 52.

<sup>74</sup> Munir Ba'al Baki, *al-Munjid fi Lughah wa A'lam* (Beirut: Maktabah Syarqiyyah, 1986), 36.

s.w.t. Menyuru melakukan perkara-perkara kebaikan dan melarang dari melakukan perkara-perkara kejahatan agar mereka mendapat kebahagiaan di dunia dan akhirat.<sup>75</sup>

Menurut Muhammad al-Sayyid al-Wakīl, matlamat dakwah ialah untuk membawa manusia ke arah kebaikan dan petunjuk dengan menyuru melakukan kebaikan dan mencegah dari melakukan kemungkaran.<sup>76</sup> Dengan ini dapat menyelamatkan manusia daripada kecelakaan dunia dan akhirat serta membawa kepada jalan yang benar, yang menjadi matlamat kepada turunnya agama Islam kepada umat manusia.

Yūsuf al-Qaradāwī menjelaskan matlamat dakwah ialah untuk membawa orang lain kepada agama Allah s.w.t. dan mengikut petunjuknya dengan mengesakan Allah s.w.t. dalam peribadatan, membebaskan pemikiran manusia dari kongkongan taghut dan karut marut, mengajak manusia ke arah pemikiran yang berdasarkan logik rasional, menyuru kepada kebaikan dan mencegah kemungkaran serta berjihad ke jalan Allah s.w.t.<sup>77</sup>

Rauf al-Syalabi berpendapat, matlamat dakwah merupakan usaha membawa perubahan kepada manusia dari pemikiran bukan Islam kepada Islam, dari kegelapan kepada cahaya Iman, dari keadaan sempit kepada kelapangan dunia dan akhirat. Di samping itu, ia bertujuan membentuk akidah manusia yang sedia ada kepada akidah tauhid yang bersih.<sup>78</sup>

---

<sup>75</sup> Muhammad Abu al-Fatah Al-bayānūnī, *Al-Madkhal ilā 'ilm al-Da'wah* (Beirut: Muassasah al-Risalah, 1991), 14.

<sup>76</sup> Muhammad al-sayyid al-Wakil, *Usul al-dakwah wa Adab al-Duah* (al-Mansurah: Dār al-Wafa', 1986), 9.

<sup>77</sup> Sayyid Qutb, *Fi Zilal al-Quran*, (cet. ke-7, Beirut: Lubnan, 1971), 13: 243-244.

<sup>78</sup> Rauf Syalabi, *Sikulugiyat al-Ra'i wa al-Da'wah* (Kuwait: Dar al-Kalam, 1882), 49.

Ab. Aziz Mohd Zin menyatakan matlamat dan hala tuju dakwah ialah membawa masyarakat ke arah kesejahteraan hidup di dunia dan akhirat, melalui pelaksanaan tugas sebagai khalifah di muka bumi Allah s.w.t. Dakwah menghala masyarakat kepada umat terbaik, umat tertinggi, umat terkuat dan termulia di kalangan umat yang ada, untuk diselaraskan dengan kedudukan Islam yang tinggi dan mulia.<sup>79</sup>

Keterangan di atas menjelaskan bahawa dalam apa usaha dan aktiviti yang dibuat adalah bertujuan mengajak manusia mengenal Islam, menerimanya serta beramal secara konsisten. Secara tidak langsung, program dakwah yang dilaksanakan dapat menyelamatkan manusia dari kegelapan dan kesesatan dan membawa manusia ke arah kehidupan yang diredhai Allah s.w.t.

Para ulama mempunyai pandangan yang berbeza dalam mengemukakan matlamat dakwah. Menurut 'Abd al-Na'im Muhammad Husnain menyatakan dua tujuan dakwah iaitu<sup>80</sup>:

Menjelaskan kepada umat Islam tentang hakikat agama. Penjelasan ini kerana kebanyakan mereka menganut agama Islam kerana warisan atau keturunan bukan dengan cara pembelajaran. Mereka mewarisi agama Islam daripada ibu bapa mereka sebagaimana mereka mewarisi harta dan wang ringgit tanpa berusaha mempelajari dan

---

<sup>79</sup>Ab Aziz Mohd Zin et al., *Dakwah Islam di Malaysia* (Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2006), 66.

<sup>80</sup>Abd al-Naim Muhammad Husnain, *al-Da'wah ila Allah 'ala Basirah*. Beirut: Dar al-Kutub Islamiyyah. h.24. (1984),

memahami agama mereka. Menyampaikan ajaran Islam kepada bukan Islam dengan menggambarkan keindahan yang ada dalam agama Islam dari segi kebaikan, keadilan dan persamaan yang membawa kebahagiaan di dunia dan akhirat.

Abd al-Karim Zaydan menyatakan matlamat dakwah yang dipertanggungjawabkan kepada pendakwah adalah untuk menyampaikan tugas para rasul kepada umat manusia dengan cara memberi petunjuk dan mengeluarkan mereka dari kegelapan ke arah jalan yang terang, menyelamatkan manusia dari kemusykilan dan membimbing mereka ke jalan yang lurus serta menghindarkan umat manusia dari kehinaan dan azab Allah s.w.t.

81

Sebagai kesimpulan, program agama merupakan usaha-usaha perancangan yang dibuat bertujuan menyeru, mengajak dan seterusnya mendidik manusia supaya menerima Islam dan menghayati segala ajaran dalam kehidupan seharian, sama ada dalam kehidupan secara individu, masyarakat dan negara melalui cara yang telah ditetapkan oleh Islam. Sehubungan itu, konsep berdakwah seharusnya bermula dari asas yang baik sehingga berjaya mencapai kejayaan dan kemenangan dan bukannya berakhir dengan keruntuhan dan kehancuran. Ini sebagaimana yang dijelaskan oleh Ab. Aziz Mohd. Zin bahawa matlamat yang ingin dicapai melalui dakwah ada beberapa peringkat iaitu membawa kepada Islam bagi orang yang belum Islam, mempertingkatkan mutu kefahaman dan penghayatan Islam bagi orang Islam untuk melahirkan kekuatan kepada mereka, mendirikan sebuah negara yang diredhai, menuju kepada keselamatan dan kebahagiaan dan mendapat keredhaan Allah dan syurga-Nya.<sup>82</sup>

---

<sup>81</sup> Abd al-Karim Zaydan, *Usul al- Da'wah* (Baghdad: Maktabah al-Qis, 1987), 318-319.

<sup>82</sup> Ab. Aziz Mohd. Zin, *Pengantar Dakwah Islamiah*, 37.

### 2.4.3 Bentuk Program Agama

#### a. Ceramah

Menurut al- Alūsi (1270 H), ceramah atau syarahan ialah ucapan-ucapan yang bernas yang boleh memberi kesedaran dan dapat menghindarkan manusia dari keburukan.<sup>83</sup>

Ceramah merupakan ikhtiar untuk mencapai sesuatu matlamat dengan mengemukakan agenda melalui perbicaraan. Kandungan perbicaraan tersebut boleh mendatangkan manfaat kepada pendengar.<sup>84</sup> Dalam program dakwah, ceramah didedahkan kepada masyarakat dalam bentuk syarahan yang akan disampaikan oleh mereka yang pakar dalam bidang agama. Tokoh agama ini mestilah berkebolehan menyampaikan syarahan agama dengan baik, menggunakan perkataan yang mudah difahami oleh pendengar dan diselangi dengan unsur-unsur kelucuan supaya pendengar tidak jemu untuk mendengar syarahan tersebut sehingga selesai.<sup>85</sup> Biasanya topik-topik yang dibincangkan di dalam program dakwah berkaitan dengan aspek kemasyarakatan, hal-hal semasa, sosial, kekeluargaan dan sebagainya. Sesetengah penceramah akan mengaitkan isi kandungan syarahan dengan isu-isu semasa yang berlaku di sekitar kehidupan pendengar. Program dakwah ini biasanya menggunakan masa yang pendek sekitar satu hingga dua jam sahaja berbanding sesetengah program lain yang mengambil masa lama.<sup>86</sup>

---

<sup>83</sup> Al-Alūsi, Abu al-Fadl Shihāb al-Din al-Sayyid Mahmud al-Baghdādi, *Rūh al-Ma'ani fī al-Tafsir al-Qurān al-Karim wa al – Sab' al-Mathāni* (Beirut: Dār al-Fikr, 1978), 14: 254.

<sup>84</sup> Hasan Hamzah et al., *Ensiklopedia Malaysiana* (Shah Alam: Anzaqain Sdn. Bhd., 1995), 3: 239.

<sup>85</sup> "Penulis tidak diketahui", *Matlamat Dakwah Islamiah*, (Selangor: Jamiah Dakwah Islamiah Selangor, t.t.) 10.

<sup>86</sup> Abd. Kodir Salleh, "*Dakwah di Kalangan Kakitangan Kerajaan di Kuala Lumpur: Kajian Tentang Penglibatan dan Keberkesanan*" (Disertasi API, Universiti Malaya, 1997) 174-176.



Ceramah biasanya diadakan pada hari kebesaran Islam iaitu pada sambutan Maulidur Rasul, Israk Mi'raj, Awal Muharram, Hari Raya Aidil Fitri dan Aidil Adha dan sebagainya. Ceramah juga merupakan program dakwah yang sering dilaksanakan di mana-mana tempat dalam sesuatu aktiviti yang diadakan oleh pihak penganjur.

#### b. Bimbingan Usrah

Usrah merupakan perbuatan membimbing di dalam kumpulan yang melibatkan kegiatan seperti perbincangan tentang sesuatu dasar yang berkaitan dengan agama. Perkataan usrah berasal dari Bahasa Arab iaitu *usrah* yang bermaksud keluarga. Ia juga didefinisikan sebagai satu kumpulan yang mengikatnya dengan sesuatu perkara yang dikongsi bersama.<sup>87</sup> Usrah terdiri daripada sekumpulan individu yang beriman kepada Allah s.w.t. berusaha tolong-menolong sesama mereka di samping memahami dan menghayati Islam.<sup>88</sup>

Oleh itu bimbingan usrah boleh dijadikan sebagai satu program dakwah kerana ia merupakan salah satu metode tarbiah yang telah digunakan oleh Rasulullah s.a.w. semasa zaman baginda dan mempunyai beberapa matlamat yang ingin dicapai. Antara matlamat tersebut ialah untuk meningkatkan kefahaman ahli tentang ajaran Islam yang syumul ke arah menentukan pendirian Islam terhadap sesuatu masalah kehidupan.<sup>89</sup>

Usrah mempunyai pengisian yang tersendiri antaranya ialah melakukan kajian buku. Sesebuah buku dipilih oleh ketua kumpulan usrah dan akan dijadikan bahan

---

<sup>87</sup> Ibrahim Mustafa et al., *Mu'jam al-Wasit* (Istanbul: Maktabah Islamiah, 1972), 1&2: 17.

<sup>88</sup> Abdul Wahab Zakaria, *Konsep Kepimpinan dalam Islam* (Kuala Lumpur: ABIM, 1982), 158.

<sup>89</sup> Sulaiman Ibrahim, "Tarbiah Da'awiah Untuk Golongan Remaja: Suatu Tinjauan Terhadap Manhaj al-Ikhwān al-Muslimin" dalam *Dakwah dan Perubahan Sosial*, ed. Fariza Md. Sham, Sulaiman Ibrahim dan Ideris Endot (Kuala Lumpur: Utusan Publications and Distributor Sdn. Bhd., 1997), 75.

perbincangan bersama dengan ahli kumpulan usrah yang lain. Pembentangan akan dijalankan mengikut giliran masing-masing di samping ahli-ahli yang lain memberi pendapat dan buah fikiran yang berkaitan tajuk yang dibincangkan.

Sesebuah kumpulan usrah biasanya mempunyai pengisian khusus seperti puasa satu hari dalam seminggu atau sehari dalam dua minggu, sembahyang berjemaah bersama ahli kumpulan, makan bersama, mengadakan aktiviti riadah dan lain-lain. Semua pengisian yang dijalankan berdasarkan landasan dan peraturan syarak bagi memastikan ukhuwah Islamiah tetap terjalin.<sup>90</sup>

c. Diskusi atau Perbincangan

Diskusi ialah pertemuan atau perbincangan ilmiah untuk bertukar fikiran mengenai sesuatu perkara, masalah dan sebagainya.<sup>91</sup> Diskusi atau perbincangan boleh dilakukan antara pendakwah dengan individu yang ingin didakwah, bertujuan menunjukkan jalan yang benar kepadanya. Kaedah ini berlaku antara pendakwah dengan sekumpulan orang ramai.<sup>92</sup> Kesungguhan yang ditunjukkan semasa perbincangan membuatkan sasaran dakwah lebih mudah menerima sesuatu mesej yang disampaikan oleh pendakwah dan mereka lebih yakin dengan pendakwah tersebut.

Walau bagaimanapun dakwah melalui perbincangan ini memerlukan persediaan yang rapi dari pendakwah. Pendakwah perlu menguasai ilmu pengetahuan dari pelbagai

---

<sup>90</sup> Yahya Osman, *Usrah dan Pelaksanaannya; Penyeragaman, Pengisian dan Tindakan* (Kota Kinabalu: Kinabalu Publishers, 1999), 40.

<sup>91</sup> Dewan Bahasa dan Pustaka, *Kamus Bahasa Melayu Nusantara*, (cet. ke-1, Brunei Darussalam: DBP, 2003), 621.

<sup>92</sup> Ahmad Mahmud Abu Zaid, *Pendakwah Masa Kini, Sikap dan Pendekatan*, terj. Usamah bin Hussain (Kuala Lumpur: YADIM, 1996), 158.

aspek sama ada berkaitan secara langsung dengan ilmu dakwah yang hendak disampaikan seperti ilmu fiqh, ilmu tauhid, ilmu tajwid dan sebagainya ataupun ilmu-ilmu semasa yang berkaitan secara langsung dengan dakwah seperti ilmu sosial, pemikiran, pengiraan dan lain-lain.<sup>93</sup> Dengan ini jelas menunjukkan persiapan ilmu pengetahuan yang sempurna daripada pendakwah sebelum mengadakan perbincangan atau diskusi sangat penting bagi membolehkan mereka berhadapan dengan apa jua kehendak dan situasi masyarakat.<sup>94</sup>

Mengadakan diskusi atau perbincangan dapat menyelesaikan masalah yang timbul dengan cara berbincang dan bertukar fikiran untuk mencapai matlamat yang hendak dituju. Oleh demikian, pendakwah mestilah betul-betul bersedia sebelum memulakan sesuatu proses dakwah, lebih-lebih lagi pengetahuan yang berkaitan dengan gelagat sasaran dakwah supaya perbincangan yang diadakan dapat memberi kesan yang sebaik mungkin kepada sasaran. Ini menunjukkan perbincangan boleh dijadikan satu program dakwah dalam melaksanakan usaha dakwah kepada masyarakat.

#### d. Kuliah Agama

Kuliah agama adalah satu usaha dalam dakwah yang dapat diberikan kepada sasaran. Ini bagi membolehkan sasaran dapat mendalami ilmu agama dengan lebih meluas. Kuliah agama biasanya dijalankan di sekolah, masjid, surau atau majlis perjumpaan tertentu. Di dalam kuliah agama biasanya diterangkan ayat-ayat al-Quran, Hadith Nabawi atau

---

<sup>93</sup> Ab. Aziz Mohd Zin, "Dakwah Bukan Sekadar Ceramah", *Majalah al-Islam*, Oktober 2011.

<sup>94</sup> Che Yusoff Che Mat et al., *Dinamika Dakwah dalam Masyarakat* (Bangi: UKM, 1997), 61.

menerangkan sesuatu permasalahan agama seperti fiqh. Kebiasaannya kuliah agama ini dihadiri oleh sasaran tertentu yang berminat mendalami agama.

Kuliah hendaklah disampaikan dengan cara mendalam, meluas dan lengkap dengan perkara yang menyentuh tajuk perbincangan dan boleh memberi persediaan yang baik kepada para pendengar. Pendengar juga dapat menerima maklumat dengan baik apatah lagi apabila kuliah yang disampaikan sesuai dengan tajuk yang ada.<sup>95</sup>

Dalam usaha menyampaikan kuliah agama yang berkesan, pendakwah perlulah mahir dalam mentafsirkan ayat-ayat al-Quran dan al-Sunnah serta mendapat penerangan daripada kitab-kitab tafsir. Kuliah agama juga boleh dijadikan salah satu program dakwah kepada masyarakat kini.

#### **2.4.4 Pelaksanaan Program Agama**

Menurut Kamus Dewan pelaksanaan bermaksud proses melaksanakan atau menjalankan atau mengusahakan rancangan.<sup>96</sup> Pelaksanaan program agama merupakan suatu proses kerja yang mengandungi rancangan yang tersusun rapi untuk menyeru dan mengajak orang ramai melaksanakan dan menghayati ajaran Islam demi kebahagiaan yang berkekalan di dunia dan akhirat. Proses kerja yang berterusan ini dilaksanakan oleh guru-guru agama (pendakwah) yang unggul untuk mengubah sasaran dakwah mengikuti jalan yang telah disyariatkan oleh Allah s.w.t. secara beransur-ansur untuk mengamalkan cara kehidupan berorientasikan Islam.

---

<sup>95</sup> Ghazali Darussalam, *Dinamika Ilmu Dakwah Islamiah* (Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd., 1996), 32.

<sup>96</sup> Noresah bt. Baharom et al., *Kamus Dewan*, 871.

Proses berterusan bermaksud suatu yang berlaku bukan secara kebetulan melainkan harus melalui perancangan teratur yang boleh dilaksanakan dengan baik dan diberi penilaian secara berterusan agar ia dapat merubah perilaku sasaran dakwah bersesuaian dengan matlamat dan tujuan.<sup>97</sup> Berdasarkan penjelasan tersebut, pelaksanaan sesuatu program melibatkan proses merancang, mengelola dan mengawal. Ketiga-tiga elemen tersebut amat penting untuk memastikan pelaksanaan program berjalan lancar, sistematik dan efektif.

Perancangan juga merupakan proses asas yang digunakan untuk memilih matlamat dan menetapkan bagaimana mencapainya.<sup>98</sup> Fungsi perancangan dalam melaksanakan sesuatu program ialah :

- i. Memperolehi dan menggunakan sumber-sumber yang diperlukan untuk mencapai objektifnya.
- ii. Meneruskan aktiviti kerja selaras dengan objektif dan tatacara yang dipilih.
- iii. Mengawal dan menilai objektif supaya tindakan boleh diambil bagi membetulkan keadaan jika kadar kemajuan didapati tidak memuaskan.

Ahmad Ibrahim Abu Sin mendefinisikan perancangan sebagai mengkaji aspek atau perkara yang pelbagai sebelum melakukan sesuatu kerja, kemudian memilih satu-satu cara yang paling efektif untuk membolehkan tercapainya matlamat dalam masa-masa

---

<sup>97</sup> Syamsul Bahri Andi Galigo, "Penelitian Terhadap Dakwah Islamiah," dalam *Intelektualisme dan Dakwah Masa Kini*, ed. Mohd Radhi Ibrahim et al. (Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 2001), 44.

<sup>98</sup> James A.F. Stoner dan Charles Wankel, *Pengurusan*, terj. Yaakob Ibrahim (Petaling Jaya: Amiza Associate (M) Sdn. Bhd., 1989), 109.

tertentu, mengikut keupayaan serta suasana dan keadaan tertentu. Tujuan perancangan dibuat adalah<sup>99</sup>:

- i. Dapat diletakkan garis panduan dan jadual kerja tertentu sama ada dari segi ekonomi atau sosial.
- ii. Dapat ditentukan tempoh pelaksanaan yang tertentu seperti dalam masa setahun atau dua tahun atau sebagainya yang dapat disaksikan dalam mana-mana perancangan ekonomi atau sosial sama ada dalam tempoh jangka panjang atau jangka pendek dan tempoh yang telah ditentukan.

Perancangan juga ditakrifkan sebagai satu proses menentukan objektif yang dikehendaki dan seterusnya membina strategi-strategi tindakan yang sesuai dan terbaik dengan mengambil kira faktor-faktor dalaman organisasi dan persekitaran luaran yang akan mempengaruhi kehidupan sesebuah organisasi tersebut.<sup>100</sup> Langkah-langkah dalam proses perancangan terbahagi kepada lima iaitu:

- i. Menentu dan menetapkan arah tuju dan objektif.
- ii. Meninjau situasi masa kini.
- iii. Membuat analisis bantuan dan halangan.
- iv. Mencari dan mewujudkan strategi yang sesuai.
- v. Mengadakan rancangan tindakan.

---

<sup>99</sup> Ahmad Ibrahim Abu Sin, *Pengurusan Dalam Islam*, terj. Abd Rashid Ngah & Jusoh Kadir (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1997), 111.

<sup>100</sup> Azman Che Omar, *Pengurusan di Malaysia dari Perspektif Islam* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2003), 85.

Berdasarkan definisi-definisi tersebut, menunjukkan proses perancangan tidak akan terhenti apabila sesuatu matlamat itu dapat dicapai. Ia akan diperluas kepada penetapan polisi dan aturan operasi serta perkembangan jadual kerja dalam organisasi. Dalam setiap fasa perancangan, keputusan mesti dibuat. Masalah mesti dikenal pasti, alternatif-alternatif mesti dicari dan dinilai dan alternatif yang paling sesuai dan berkesan perlu dipilih<sup>101</sup>.

Dalam konteks perancangan dakwah, Rozhan Othman mendefinisikan ia sebagai proses menyatukan dan menjuruskan segala sumber organisasi yang terhad secara optimum untuk mencapai matlamat dakwah.<sup>102</sup> Perancangan dakwah yang berkesan hendaklah dimulakan dengan mengenal pasti matlamat-matlamat yang dikehendaki, menyusun sumber-sumber sedia ada, mengatur langkah dan tindakan secara sistematik bagi mencapai matlamat yang telah ditetapkan.

Ab. Aziz Mohd Zin menyatakan perancangan dakwah merangkumi aspek susunan aktiviti yang dilakukan sepanjang sesebuah program dilaksanakan. Ketiadaan perancangan yang teratur mengakibatkan program yang diadakan seolah-olah melepaskan batuk di tangga.<sup>103</sup> Beliau menjelaskan lagi, masalah perancangan juga melibatkan perancangan promosi kurang dititikberatkan sehingga berlakunya sasaran dakwah tidak mengetahui aktiviti yang akan diadakan.<sup>104</sup>

---

<sup>101</sup> Ahmad Atory Hussain, *Pengurusan Organisasi* (Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd, 2007), 47.

<sup>102</sup> Rozhan Othman, *Pengurusan Dakwah* (Selangor: Ummah Media Sdn. Bhd., 1990), 19.

<sup>103</sup> Ab Aziz Mohd Zin et al., *Dakwah Islam di Malaysia*, 279.

<sup>104</sup> *Ibid.*, 280.

Elemen kedua penting selepas perancangan adalah pengelolaan. Pengelolaan ditakrifkan sebagai cara-cara kerja yang dapat diatur dan diagihkan di kalangan ahli organisasi supaya arah tuju organisasi akan dapat dicapai dengan lebih mudah dan berkesan.<sup>105</sup> Proses pengelolaan amat menitikberatkan pengumpulan aktiviti kerja, pengagihan dan penyelarasan tugas. Langkah-langkah yang terdapat dalam pengelolaan kerja adalah seperti berikut:<sup>106</sup>

- i. Menentukan kerja-kerja yang perlu ada bagi mencapai objektif bahagian, jabatan atau unit kerja.
- ii. Menentukan pekerja yang layak bagi menjalankan kerja-kerja tersebut berdasarkan kelayakan dan kebolehan seseorang.
- iii. Memberikan kerja atau tugas kepada pekerja yang mempunyai spesifikasi diri yang sesuai dengan kerja yang akan dilakukannya.
- iv. Melihat dan mengawasi prestasi kerja yang dibuat oleh pekerja secara konsisten dan menyeluruh.
- v. Membangun diri pekerja melalui nasihat dan latihan termasuk latihan bina insan serta mengambil tindakan pembetulan dan pembaikan sewajarnya dari masa ke masa dalam usaha meningkatkan lagi prestasi dan kualiti kerja.

Elemen ketiga penting dalam pelaksanaan sesuatu program atau rancangan adalah pengawalan. Pengawalan ditakrifkan sebagai satu proses yang menjamin bahawa tindakan adalah selaras dengan rancangan.<sup>107</sup> Pengawalan tidak boleh berlaku melainkan

---

<sup>105</sup> Azman Che Omar, *Pengurusan di Malaysia dari Perspektif Islam*, 154-155.

<sup>106</sup> *Ibid.*, 180.

<sup>107</sup> James A.F, *Pengurusan*, 117.



sesuatu rancangan wujud dan sesuatu rancangan itu sukar mencapai kejayaan melainkan usaha dibuat untuk mengesan kemajuannya.

Objektif utama dalam kawalan adalah untuk memastikan tindakan yang dibuat berjalan mengikut seperti yang telah dirancang. Hal ini penting disebabkan ia dapat membantu pihak pengurusan dalam mendapatkan maklumat tepat dan benar tentang prestasi sesuatu kerja atau aktiviti. Prestasi sebenar ini akan dibandingkan dengan piawai yang telah ditentukan. Sekiranya wujud penyelewengan pencapaian, maka pengurusan perlu mengambil tindakan untuk memperbetulkan keadaan tersebut. Oleh sebab itu, kawalan berfungsi untuk mengukur dan memperbetulkan kesalahan yang berlaku dan pelaksanaan aktiviti yang menyimpang daripada sasaran asal untuk memastikan semua kerja dan aktiviti di dalam organisasi mengikut perancangan yang telah ditetapkan.<sup>108</sup>

Secara umum pengawalan terbahagi kepada empat jenis iaitu :

i. Kawalan sebelum tindakan :

Memastikan bahawa sebelum sesuatu tindakan dijalankan, sumber manusia, bahan dan kewangan yang perlu telah diperkirakan.

ii. Kawalan berpandu :

Bertujuan mengesan lencongan dari setengah-setengah piawai atau matlamat dan membolehkan pembetulan dibuat sebelum sesuatu tindakan disempurnakan.

---

<sup>108</sup> Azman Che Omar, *Pengurusan di Malaysia dari Perspektif Islam*, 274.

iii. Kawalan penapisan :

Menyediakan proses penapisan di mana aspek-aspek tertentu sesuatu tatacara itu perlu diluluskan atau syarat-syarat khusus dipenuhi sebelum operasi boleh diteruskan.

iv. Kawalan selepas tindakan :

Mengukur hasil-hasil dari tindakan yang disempurnakan. Sebab-sebab sebarang lencongan dari rancangan atau piawai adalah ditentukan dan penemuan-penemuan itu dipergunakan untuk aktiviti-aktiviti yang sama masa hadapan.

Keempat-empat jenis kawalan tersebut dapat memastikan pelaksanaan sesuatu program dakwah itu akan menuju kepada matlamat sebenar. Kawalan bermula di peringkat sebelum, pertengahan dan selepas sesuatu program dilaksanakan. Sebarang kelemahan, kesilapan dan kekurangan dapat dikesan di peringkat awal pelaksanaan program lagi dan seterusnya dapat diperbetul dan diperbaiki. Dengan cara ini, pelaksanaan program dakwah yang dijalankan akan sentiasa dipantau dan dinilai dari masa ke semasa dan ia dapat berjalan dengan lancar dan berkesan.

Menurut Rozhan Othman, pelaksanaan sesuatu program dakwah perlu melalui beberapa peringkat iaitu<sup>109</sup>:

- i. Memastikan segala perancangan dapat dilaksanakan oleh orang-orang yang mempunyai kemahiran yang diperlukan untuk tugas tersebut. Ahli-ahli yang

---

<sup>109</sup> Rozhan Othman, *Pengurusan Dakwah*, 41-44.

belum mempunyai kemahiran berkenaan perlulah disusun program-program latihan kemahiran yang sesuai.

ii. Memastikan mereka yang terlibat, betul-betul memahami tugas dan peranan mereka. Oleh sebab itu, satu program taklimat yang baik perlu dirancang bagi memastikan sesuatu kerja itu dapat dilaksanakan dengan sempurna.

iii. Menyusun dan mengagihkan tugas secara logik. Langkah ini melibatkan penyusunan struktur organisasi yang dapat berfungsi dengan lebih berkesan dalam menjalankan aktiviti-aktiviti yang ditetapkan.

iv. Menyusun dan mengagihkan sumber organisasi yang melibatkan sumber kewangan dan tenaga manusia. Penyusunan dan pengagihan sumber ini hendaklah dilakukan dengan berpandukan keutamaan-keutamaan yang telah ditetapkan semasa menentukan matlamat.

v. Mendapat sokongan dan penerimaan mereka yang terlibat. Oleh sebab itu, perhatian hendaklah diberikan kepada pandangan dan pendapat mereka. Selain dari program taklimat, amalan seperti syura yang meluas dapat menggalakkan penglibatan mereka dan seterusnya mendapat sokongan dan penerimaan lain daripada mereka.

Elemen lain yang penting dalam melaksanakan sesuatu program dakwah ialah kepimpinan. Kepimpinan didefinisikan sebagai usaha mempengaruhi individu atau sekumpulan individu untuk melakukan sesuatu tugas serta mencapai sesuatu matlamat dan dalam masa yang sama memberi kepuasan kepada orang-orang yang dipimpin.<sup>110</sup> Kepimpinan merupakan aspek utama yang dapat mempengaruhi tindak-tanduk manusia untuk melakukan sesuatu tugas dan tanggungjawab.

---

<sup>110</sup> Rozhan Othman, *Pengurusan Dakwah*, 99.

Seorang pemimpin yang baik, bukan hanya terletak kepada kuasa mutlak atau perundangan yang ada padanya untuk mendorong, merancang, membangun, dan menggembleng sepenuh tenaga kerja, kepakaran mencapai matlamat yang telah ditetapkan, tetapi juga perlu mempamerkan nilai-nilai yang menampilkan keunggulan sebagai pemimpin.<sup>111</sup>

#### 2.4.5 Keberkesanan Program Agama

Keberkesanan atau *effectiveness* boleh dirujuk kepada pencapaian objektif atau *goal approach*.<sup>112</sup> Ia juga membawa maksud hasil yang dikehendaki atau *out come*. Program yang dapat mencapai objektif, ia dikatakan berkesan. Keberkesanan merujuk kepada perihal berkesan (hasil atau perubahan yang diharapkan) hasil tindakan, perubahan dan sebagainya.<sup>113</sup> Keberkesanan juga ditakrifkan sebagai berkesannya sesuatu tindakan atau sesuatu tindakan itu dapat dilihat daripada hasil yang diperolehi sesudahnya.<sup>114</sup> Dalam Kamus Pelajar Delta, keberkesanan bermaksud meninggalkan bekas atau menimbulkan kesudahan yang dinanti-nantikan dan menghasilkan sesuatu pengaruh kepada watak seseorang.<sup>115</sup>

---

<sup>111</sup> Citra Karya, *Falsafah, Nilai dan Etika dalam Perkhidmatan Awam* (Kuala Lumpur: Intan, 1994), 78.

<sup>112</sup> James L. Gibson et al., *Organizations: Behavior, Structure, Processes* (cet. ke-11, New York: McGraw-Hill Companies, 2003), 19.

<sup>113</sup> Hasan Hamzah, *Kamus Melayu Global* (Shah Alam: Piramid Perdana Sdn. Bhd., 1997), 623.

<sup>114</sup> Noresah bt. Baharom et al., *Kamus Dewan*, 665.

<sup>115</sup> Lutfi Abas dan Awang Sariyan, *Kamus Pelajar Delta* (Selangor: Pustaka Delta Pelajaran Sdn. Bhd., 1988), 355.

Funk dan Wagnalls mendefinisikan keberkesanan sebagai pengaruh pada pemikiran, sikap, watak yang timbul akibat daripada melihat sesuatu perkara.<sup>116</sup> Keberkesanan juga merujuk kepada kelebihan yang terdapat dalam diri seseorang hasil daripada perubahan yang berlaku.<sup>117</sup> Menurut Noresah Baharom, keberkesanan merujuk kepada perihal berkesan, berkesannya sesuatu tindakan dan perubahan dapat dilihat daripada hasil yang diperolehi sesudahnya.<sup>118</sup>

Dengan ini dapat ditegaskan bahawa keberkesanan merujuk kepada memberi kesan atau meninggalkan kesan, sama ada dari sudut kebaikan atau keburukan hasil daripada sesuatu kejadian, keadaan, perbuatan atau tindakan di akhir sesuatu perkara. Keberkesanan juga dapat dilihat dari sudut pengaruh pada pemikiran, sikap atau watak yang timbul hasil pengamatan, pembacaan atau pendengaran sesuatu perkara.

Oleh itu, keberkesanan program dakwah ialah sesuatu keadaan yang mendatangkan pengaruh kepada pemikiran, sikap, watak seseorang atau daya tarikan kepada seseorang atau perasaan serta kecenderungan ke arah yang baik. Individu membina kepercayaan berdasarkan keberkesanan realiti apa yang dilalui, disertai, diamati dan diperhatikan.

#### **2.4.6 Unsur-Unsur Keberkesanan Program**

---

<sup>116</sup> Funk & Wagnalls, *Standard Dictionary of English Language* (New York: New International, 1959), 402.

<sup>117</sup>“Penulis tidak diketahui”, *al-Munjid fi al- Lughah wa al-Adab wa al-Ulum* (Beirut: Maktabah al-Kasuilikiah, 1992), 3.

<sup>118</sup> Noresah bt. Baharom et al., *Kamus Dewan*, 663.

Keberkesanan dapat dinilai dari pelbagai perspektif, iaitu secara simplistik, sofistikated, ekspresif dan progresif. Dari sudut simplistik, keberkesanan ajaran Islam dapat diamalkan secara ketara oleh individu dalam masyarakat yang didakwah. Dari sudut sofistikated pula, keberkesanan dakwah diukur secara kualitatif, iaitu seelok mana sesuatu ajaran Islam itu direalisasikan oleh masyarakat dalam kehidupan mereka. Manakala dari sudut ekspresif pula, keberkesanan dakwah diukur berdasarkan kepada sejauh mana penggunaan lambang-lambang, simbol dan label dalam kehidupan individu dan masyarakat. Dari sudut progresif, keberkesanan diukur berdasarkan kepada sejauh mana alternatif Islam dapat menghadapi realiti dan tuntutan semasa.<sup>119</sup>

Terdapat beberapa faktor yang menentukan keberkesanan program dakwah yang dilaksanakan. Faktor-faktor yang dimaksudkan ialah :

a. Personaliti Pendakwah Yang Menarik

Dakwah merupakan amalan mulia. Ia merupakan kelangsungan dakwah para nabi dan rasul. Oleh itu para pendakwah perlu mempersiapkan diri atau personaliti dengan sebaik mungkin. Personaliti merupakan sifat-sifat dan ciri-ciri keperibadian yang ada pada diri seseorang individu. Personaliti seseorang dapat dikenali melalui gaya percakapan, cara bertindak, tingkah laku dan cara bekerja.<sup>120</sup> Personaliti juga dinilai dari beberapa sudut meliputi gerak geri, cara bercakap, bahasa yang digunakan, nada suara, kebersihan diri

---

<sup>119</sup>Amriah Buang, "Keberkesanan Program Dakwah. Pergerakan Dakwah dan Persoalan Peranan Wanita Islam di Malaysia: Suatu Analisis", dalam *Gerakan Dakwah dan Orde Islam di Malaysia: Strategi Masa Depan* (Selangor: ABIM, 1993), 95-96.

<sup>120</sup> Mohd Salleh Lebar, *Asas Psikologi Perkembangan* (Kuala Lumpur: Utusan Publication, 1994), 171.

dan pakaian. Pakaian merupakan tumpuan utama kerana ia boleh menggambarkan keperibadian zahir seseorang.

Menurut Abd. Aziz Mohd Zin, dakwah cuba membina personaliti manusia supaya ia dapat memainkan peranan yang sempurna.<sup>121</sup> Untuk memastikan keberkesanan dakwah, personaliti dan pembinaan peribadi diri pendakwah adalah lebih utama. Islam telah menggariskan tujuh program pembinaan personaliti diri. Program-program tersebut bermula seawal pemilihan suami atau isteri, pendidikan anak-anak, menuntut ilmu, proses pembinaan akhlak, memelihara diri dari sifat takbur, bersifat menjaga kepentingan orang lain dan memahami dengan baik bahaya jika hanya mementingkan diri sendiri.<sup>122</sup>

Menurut Abdul Rahman al-Nahlawi, setiap pendakwah perlu memberi tumpuan terhadap dua perkara berikut sebagai persediaan diri sebelum berdakwah kepada orang lain. Pertama usaha membersihkan diri dan menjauhkan diri daripada dosa. Kedua, usaha belajar secara berterusan untuk mendapatkan sebanyak mungkin maklumat untuk disampaikan kepada umat Islam. Untuk memastikan usaha dakwah yang dijalankan berkesan dan diterima dengan baik, para pendakwah perlu memiliki dan memenuhi syarat-syarat berikut<sup>123</sup>:

---

<sup>121</sup> Abd. Aziz Mohd Zin, *Psikologi Dakwah* (Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, 1999), 230.

<sup>122</sup> *Ibid.*, 232-242.

<sup>123</sup> Abd Rahman Al- Nahlawi, *Uşul al-Tarbiyyah al-Islamiyyah wa Asālībuhā* (Damsyik: Dār Al-Fikr, 1979), 171.

- i. Hendaklah tujuan, tingkahlaku dan pemikiran hanya semata-mata mencari keredhaan Allah s.w.t., beribadah kepadaNya, mematuhi hukum dan peraturanNya.
- ii. Pendakwah perlulah memiliki sifat ikhlas yang merupakan syarat untuk memperoleh keredhaan Allah s.w.t.
- iii. Bersabar di dalam menyampaikan pengajaran terhadap sasaran dakwah yang pelbagai ragam dan tahap keilmuan.
- iv. Hendaklah bersifat benar terhadap ilmu yang disampaikan dengan berusaha mengamalkannya.
- v. Berusaha menambah ilmu pengetahuan dengan membaca dan belajar.
- vi. Berkebolehan mempelbagai dan menyesuaikan cara penyampaian atau dakwah mengikut kesesuaian sasaran, keadaan, tempat dan masa.

Ahmad Tantawi pula menyatakan, penampilan diri yang baik oleh pendakwah membantu menarik minat sasaran kepadanya. Setiap pendakwah perlu menitik beratkan aspek kekemasan diri, berpakaian bersih serta berperawakan menarik.<sup>124</sup> Pendakwah semestinya menampilkan diri sebagai contoh kepada masyarakat dengan terlebih dahulu mempraktikkan ajaran Islam pada dirinya di samping menjalankan usaha tanpa menjejaskan suasana harmoni dalam masyarakat.<sup>125</sup> Kemampuan mengemukakan buah fikiran yang baik dan menarik, dengan analisa yang kritis dan logik serta hasil pemikiran tepat dengan kehendak masyarakat juga, boleh menimbulkan rasa hormat di kalangan sasaran.

---

<sup>124</sup> Al-Ṭanṭāwī, Ahmad, *Fi Fān al-Da'wah Ila Allah*, (t.p.: Dar al-Manar al-Hadithah li Al-Nashr wa al-Tauzi', 2001), 1: 45-49.

<sup>125</sup> Muṣṭafa Mashur, *Min Fiqh al-Da'wah* (t.p.: Dār al-Tauzi' wa al-Nashr al-Islāmiyyah, 1995), 23-25.



Dengan ini, jelas bahawa, personaliti pendakwah adalah penting dan turut memberi kesan terhadap kejayaan dakwah. Personaliti yang menarik bermula dari kekemasan fizikal, kekemasan berpakaian, tingkahlaku dan tuturkata yang bersopan, ikhlas dan berkemampuan mengemukakan buah fikiran. Ini bersesuaian dengan perutusan nabi dan rasul yang dikurniakan dengan peribadi yang bersih dengan keikhlasan diri dan zuhud dalam perjuangan mereka semata-mata kerana Allah s.w.t.<sup>126</sup>

## ii. Matlamat Dakwah Yang Jelas

Untuk membimbing manusia kepada cara hidup yang mampu membawa kepada kebahagiaan di dunia dan akhirat, pendakwah tidak hanya mengajak manusia untuk mencari akhirat dengan meninggalkan dunia. Bahkan menggalakkan mereka untuk mencari nikmat dan mentadbir dunia, tetapi dengan menetapkan tujuan yang sama iaitu bekerja di dunia sebagai amal soleh untuk mendapatkan keredhaan Allah s.w.t. di akhirat.<sup>127</sup>

Menurut Mustafa Masyhur, matlamat dakwah ialah dengan menetapkan bahawa Allah s.w.t. adalah matlamat utama, beriman kepadaNya, mencari keredhaannya dalam perkara besar atau kecil, beribadah dan menyembahnya dan lebih penting ialah mentadbir dunia, memimpin manusia kepada peraturan Islam yang sebenar serta mempraktikkan sistem Islam dalam semua aspek amalan dan kehidupan.<sup>128</sup>

---

<sup>126</sup> Ab. Aziz Mohd Zin, *Metodologi Dakwah* (Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2001), 23-24.

<sup>127</sup> Samin 'Atif al-Zamri, *Siaat al-Da'iyah wa Kaijfiyyah Haml al-Da'wah* (cet. Ke-2, Beirut: Dar al-Kitabah al-Lubnani, 1975), 14.

<sup>128</sup> Mustafa Masyhur, *Min Fiqh al-Da'wah*, 11.

Menurut Rauf al-Syalabi, pendakwah perlu jelas matlamat gerak kerjanya. Ia tidak lain mendorong manusia mengakui kekuasaan Allah s.w.t. tanpa sekutu dan tempat pergantungan dalam segala hal sepanjang hidupnya<sup>129</sup>. Sementara Abd al-naim menggariskan dua matlamat asas dakwah iaitu kepada orang Islam dan bukan Islam. Kepada umat Islam, usaha dakwah adalah untuk memberi penerangan tentang hakikat agama Islam. Bagi masyarakat bukan Islam pula usaha ditumpukan kepada menerangkan Islam dan keistimewaan yang membawa kebahagiaan di dunia dan akhirat.<sup>130</sup>

Abd. Halim Mahmud mengemukakan sepuluh matlamat dakwah yang merangkumi dua aspek. Pertama aspek individu, iaitu untuk mengajak manusia menyembah dan mengubah cara hidup daripada tidak baik kepada baik dan mengeratkan persaudaraan. Aspek kemasyarakatan pula bermatlamat menyebarkan agama Islam ke seluruh dunia dan seterusnya menyatukan umat Islam serta mewujudkan masyarakat yang mengamalkan sistem Islam dalam segala aspek kehidupan.<sup>131</sup>

### iii. Sasaran Dakwah Yang Dikenal Pasti

Seluruh umat manusia adalah golongan sasar bagi dakwah Islamiyyah. Secara umum, sasaran dakwah terbahagi kepada dua iaitu Muslim dan bukan Muslim. Bagi golongan Muslim terdapat pelbagai peringkat keimanan mereka. Manakala golongan bukan Muslim pula merangkumi golongan yang beragama, tidak beragama dan belum beragama.

---

<sup>129</sup> Rauf Syalabi, *al-Da'wah al-Islāmiyyah fi 'Ahd al-Makki, Manāhijuhā wa Ghayātuhā* (Kuwait: Dār al-Qalām, 1982), 462.

<sup>130</sup> Abd. Al-Naim Muhammad Hasanin, *al-Da'wah Ila Allah 'Ala Baṣīrah* (Dār al-Kutub al-Islāmiyyah, 1984), 24.

<sup>131</sup> Abd. Al-Halim Mahmud, *Fiqh Al-Dakwah ilā Allah* (Al-Manṣurah, Misr: Dār al-Wafa', 1990), 205-211.

Sasaran dakwah dalam bahasa arab مدعو yang bermaksud individu atau golongan yang ditujukan dakwah kepadanya.<sup>132</sup> Sasaran dakwah yang dimaksudkan sama ada lelaki atau wanita, muda atau tua, kaya atau miskin ia merangkumi golongan yang dikategorikan sebagai sasaran dakwah. Setiap kejadian yang diciptakan oleh Allah s.w.t. yang termasuk dalam kumpulan manusia ataupun insan merupakan sasaran dakwah yang menjadi fokus utama dalam menyampaikan dakwah Islamiyyah kepada mereka. Sebagaimana firman Allah s.w.t. :

كُنْتُمْ خَيْرَ أُمَّةٍ أُخْرِجَتْ لِلنَّاسِ تَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَتَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ وَتُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَلَوْ ءَامَنَ أَهْلُ الْكِتَابِ لَكَانَ خَيْرًا لَهُمْ مِّنْهُمْ الْمُؤْمِنُونَ وَأَكْثَرُهُمُ الْفَاسِقُونَ ﴿١١﴾

Ali- Imrān 3: 11

Maksudnya:

Kamu (Wahai umat Muhammad) adalah sebaik-baik umat yang dilahirkan bagi (faedah) umat manusia, (kerana) kamu menyuruh berbuat segala perkara yang baik dan melarang daripada segala perkara yang salah (buruk dan keji), serta kamu pula beriman kepada Allah (dengan sebenar-benar iman). dan kalaulah ahli kitab (Yahudi dan Nasrani) itu beriman (sebagaimana yang semestinya), tentulah (iman) itu menjadi baik bagi mereka. (Tetapi) di antara mereka ada yang beriman dan kebanyakan mereka: orang-orang yang fasik.

<sup>132</sup> Muhammad Abu al-Fath al-Bayānunī, *al-Madkhal ilā 'Ilm al-Da'wah* (Beirut: Muassasah al-Risālah, 1991), 41.

#### **2.4.7 Masalah Pelaksanaan Program Agama**

Masalah ditakrifkan sebagai sesuatu yang memerlukan penyelesaian atau perkara yang menimbulkan kesukaran.<sup>133</sup> Dalam konteks pelaksanaan program agama ia merupakan halangan atau gangguan yang melambatkan atau menggagalkan program berkenaan. Permasalahan pelaksanaan sesuatu program boleh dilihat dari dua aspek utama yang melibatkan institusi dakwah dan sasaran dakwah.

- i. Institusi dakwah terbahagi kepada dua iaitu organisasi kerajaan dan bukan kerajaan. Terdapat pelbagai masalah bergantung kepada organisasi yang mengendalikan program dakwah tersebut. Kebiasaannya masalah yang dihadapi berkaitan dengan beberapa aspek penting iaitu :

##### **a. Masalah pengurusan organisasi**

Pengurusan organisasi dakwah melibatkan perancangan, penganjuran, kepimpinan dan juga penyelarasan.<sup>134</sup> Pengurusan organisasi dakwah merangkumi pelbagai aktiviti dan penyusunan segala sumber organisasi termasuklah tenaga manusia untuk dijuruskan kepada pencapaian matlamat dakwah. Fungsi utama pengurusan merupakan penentu kejayaan atau kegagalan sesuatu program yang dijalankan. Sekiranya salah satu fungsi berkenaan gagal

---

<sup>133</sup> Noresah bt. Baharom et al., *Kamus Dewan*, 863.

<sup>134</sup> Ahmad Atory Hussain, *Pengurusan Organisasi*, 54.

berfungsi dengan baik maka ia akan menyumbang kepada kegagalan sesebuah program.

Masalah pengurusan juga berlaku disebabkan kepimpinan yang lemah dan tidak berwibawa. Kegagalan menggembeleng tenaga dengan sewajarnya serta tidak mampu memimpin golongan bawahan ke arah hala tuju dakwah yang sebenar akan melemahkan pengurusan dakwah. Kesannya pengikut dan sasaran dakwah hilang keyakinan dan kepercayaan kepada arahan pemimpin. Akhirnya segala perancangan tidak dapat dilaksanakan dan menemui kegagalan.

#### **b. Masalah Sumber Kewangan**

Kewangan merupakan peruntukan perbelanjaan yang diperlukan untuk melaksanakan sesuatu aktiviti atau program. Merangkumi kos pembelian, ganjaran kepada tenaga manusia dan pengurusan. Melalui organisasi, kekuatan kewangan dapat dibina dengan lebih mudah seterusnya diatur penggunaannya. Melalui organisasi juga sumber kewangan dapat diselaraskan dengan lebih tepat mengikut keutamaan.<sup>135</sup>

Umumnya semua organisasi dakwah akan berhadapan dengan masalah kewangan. Bagi organisasi kerajaan sumber kewangan bukan merupakan satu isu yang besar memandangkan kerajaan telah memperuntukkan dana tertentu

---

<sup>135</sup> Sanep Ahmad, "Pengurusan Ekonomi dalam Pembangunan Dakwah di Malaysia," dalam *Dakwah dan Pengurusan Islam di Malaysia, Konsep dan Pelaksanaan*, ed. Abd. Ghafar Don et al., (Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, 2000), 34.

yang telah ditetapkan dalam bajet tahunan serta disalurkan melalui kementerian tertentu. Namun permasalahan kewangan merupakan masalah yang agak sinonim bagi organisasi bukan kerajaan. Masalah ini disebabkan peruntukan kewangan terhad yang diperolehi bergantung kepada derma orang ramai sama ada individu atau kumpulan serta bantuan ihsan kerajaan.<sup>136</sup> Kekangan kewangan menyumbang kepada program yang disusun tidak dapat dilaksanakan dan mengganggu usaha memperluaskan dan mempelbagaikan program dakwah.<sup>137</sup> Jelasnya di sini, keupayaan organisasi merancang sesuatu projek atau aktiviti dipengaruhi oleh faktor kewangan.

Oleh itu, permasalahan sumber kewangan melibatkan dua elemen utama iaitu:

- i. Bagaimana untuk mendapatkan sumber kewangan.
- ii. Bagaimana cara pengurusan kewangan dari segi kemasukan dan pengeluaran.

Kedua-dua elemen tersebut perlu diteliti dan diseimbangkan oleh organisasi dakwah bagi memastikan permasalahan kewangan dapat diatasi secara efektif.

### **c. Masalah Pendakwah atau Pelaksana**

---

<sup>136</sup> Abdul Manaf Hj. Ahmad, "Masalah Dakwah Islamiah di Malaysia dan Cara Mengatasinya," dalam *Prinsip dan Kaedah dakwah Dalam Arus Pembangunan Malaysia*, ed. Abdullah Muhammad Zin et al. (Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, 1997), 175.

<sup>137</sup> Ab. Aziz Mohd Zin, *Pengantar Dakwah Islamiah*, 140.

Pendakwah atau pengurus organisasi merupakan golongan yang terlibat secara langsung dalam melaksanakan kerja-kerja dakwah. Ia melibatkan kerja-kerja penggubalan, pengurusan dan pengoperasian. Petugas atau pengurus organisasi dakwah dikategorikan kepada dua iaitu secara sambilan atau sepenuh masa.

Petugas organisasi dakwah kerajaan melaksanakan kerja-kerja dakwah secara sepenuh masa dan ia merupakan senarai kerja tahunan yang perlu dilaksanakan setiap tahun. Manakala dalam organisasi bukan kerajaan ia melibatkan dua kumpulan petugas yang melaksanakan kerja dakwah secara sepenuh masa dan separuh masa oleh petugas dakwah iaitu:<sup>138</sup>

- i. Pendakwah tidak dapat menghayati akhlak yang baik atau tiada qudwah hasanah dalam kehidupan mereka.
- ii. Kabur dalam memahami Islam secara keseluruhan yang menyebabkan berlakunya perselisihan pendapat.
- iii. Pendakwah tidak mengikut satu manhaj yang betul.
- iv. Sikap pendakwah yang berkecimpung dalam tugas dakwah bukan kerana dorongan kesedaran terhadap tanggungjawab dakwah, tetapi kerana dorongan kehidupan.

Jelasnya di sini bahawa permasalahan yang dihadapi oleh pendakwah melibatkan dua perkara utama iaitu pendakwah yang tidak menepati ciri-ciri sebagai pendakwah dan kuantiti atau bilangan petugas yang tidak

---

<sup>138</sup> Ab. Aziz Mohd Zin, *Pengantar Dakwah Islamiah*, 137-139.

mencukupi.<sup>139</sup> Pendakwah atau petugas dakwah perlu memiliki sifat yang mulia dan jati diri yang unggul untuk berhadapan dengan pelbagai rintangan dan ujian dalam usaha merealisasikan dakwah. Justeru, bilangan pendakwah juga perlu ditambah dan ditingkatkan dari masa ke masa memandangkan cabaran dakwah yang makin meruncing masa kini.

#### **d. Masalah Metodologi Dakwah**

Metodologi dakwah merupakan penggunaan cara yang teratur dalam menyampaikan ajaran dakwah untuk mempengaruhi sasaran.<sup>140</sup> Terdapat dua masalah utama dalam metodologi dakwah iaitu isi kandungan atau sukatan yang disampaikan kepada sasaran dan kaedah penyampaian.

Isi kandungan dakwah yang tidak mengikut kesesuaian masa, mad'u dan keadaan membuatkan pendengar akan berasa bosan, jemu dan tidak tertarik dengan dakwah yang disampaikan. Ketiadaan sukatan atau modul menyumbang kepada kelemahan metode penyampaian dan berlaku pengulangan serta pertindihan tajuk pembelajaran. Di samping itu, kaedah penyampaian yang lemah, bersifat sehala, kurang komunikasi dan tidak disokong dengan teknologi masa kini menjadikan sasaran dakwah tidak dapat memahami dan menghayati isi kandungan dakwah dengan berkesan.<sup>141</sup>

---

<sup>139</sup> Ab. Aziz Mohd Zin, *Dakwah Islam di Malaysia*, 286.

<sup>140</sup> Ab. Aziz Mohd Zin, *Pengantar Dakwah Islamiah*, 76.

<sup>141</sup> Ab. Aziz Mohd Zin, *Dakwah islam di Malaysia*, 288.



Menurut Wan Hussein Azmi, cara berdakwah berkesan ialah mengikut cara yang dilakukan oleh Nabi Muhammad s.a.w. yang menjalankan dakwah berdasarkan empat perkara utama iaitu:<sup>142</sup>

- i. Menggunakan hujah atau dalil yang kuat.
- ii. Cara penyampaian berhikmah iaitu sesuai dengan keadaan pendengar.
- iii. Mengamalkan budi bahasa yang tinggi.
- iv. Bijaksana dalam politik.

#### **e. Masalah Sasaran Dakwah**

Sasaran dakwah melibatkan dua kumpulan iaitu Islam dan bukan Islam. Masalah yang berlaku kepada sasaran dakwah semasa pelaksanaan program melibatkan dua aspek penting iaitu:

- i. Masalah Komunikasi

Komunikasi bermaksud perhubungan sama ada secara langsung atau melalui perantaraan.<sup>143</sup> Dalam konteks dakwah, perhubungan ini wujud antara pendakwah dengan sasaran. Pendakwah bertindak sebagai sumber komunikasi yang berkongsi pengalaman dengan sasarannya.<sup>144</sup>

---

<sup>142</sup> Wan Hussein Azmi, *Panduan Dakwah Islamiah* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1988), 77.

<sup>143</sup> Noresah bt. Baharom, *Kamus Dewan*, 698.

<sup>144</sup> Abdullah Hassan, *Berdakwah Dengan Efektif: Teori dan Teknik Moden Mendorong Perubahan Tingkahlaku* (Selangor: PTS Islamika, 2007), 120.

Masalah komunikasi yang berlaku antara pendakwah dengan sasaran dakwah adalah disebabkan tidak memahami bahasa yang digunakan dalam penyampaian sesuatu program. Penguasaan bahasa yang lemah oleh sasaran akan menyebabkan salah faham atau salah tafsir terhadap sesuatu maklumat atau ilmu yang disampaikan.<sup>145</sup> Keadaan ini berlaku disebabkan latar belakang keturunan dan pendidikan yang berbeza di kalangan sasaran dakwah.

## ii. Masalah Penglibatan dan Penyertaan.

Kehadiran peserta dalam sesuatu program merupakan kayu pengukur kepada kejayaan program dakwah.<sup>146</sup> Sambutan peserta yang memenuhi kehendak penganjur membuktikan program tersebut berkesan dan diterima oleh masyarakat. Namun begitu penglibatan yang ramai tanpa kefahaman dan penghayatan yang mendalam tidak memberi impak yang positif kepada program tersebut.

Masalah juga timbul disebabkan kehadiran yang tidak konsisten bagi program yang bersiri dan bersambung. Di samping itu, masalah disiplin di kalangan peserta seperti lewat hadir ke program, pulang awal, tidak memberi tumpuan kepada program yang dijalankan akan mengganggu perjalanan keseluruhan program tersebut.<sup>147</sup>

---

<sup>145</sup> Ab. Aziz Mohd Zin, *Dakwah Islam di Malaysia*, 284.

<sup>146</sup> *Ibid.*, 282.

<sup>147</sup> *Ibid.*, 283.

## 2.5 Definisi Remaja

Menurut Kamus Dewan, kata remaja bermaksud mulai dewasa, akil baligh dan cukup umur untuk berkahwin. Remaja putera dan puteri adalah pemuda dan gadis yang sudah mulai dewasa.<sup>148</sup>

Istilah remaja atau perkataan yang bermaksud remaja tidak terdapat dalam Islam. Dalam al-Quran terdapat perkataan *al-fityatu, fityatūn* yang bermaksud orang muda. Firman Allah swt dalam surah al-Kahfi ayat 10 dan 13.

إِذْ أَوْىءَ الْفِتْيَةُ إِلَى الْكَهْفِ فَقَالُوا رَبَّنَا آتِنَا مِن لَّدُنكَ رَحْمَةً وَهَيِّئْ لَنَا مِنْ أَمْرِنَا رَشَدًا

Surah al-Kahfi 18 : 10

Maksudnya :

(ingatkanlah peristiwa) ketika serombongan orang-orang muda pergi ke gua, lalu mereka berdoa: "Wahai Tuhan kami! kurniakanlah Kami rahmat dari sisimu, dan berilah kemudahan-kemudahan serta pimpinan kepada Kami untuk keselamatan Agama kami".

نَحْنُ نَقُصُّ عَلَيْكَ نَبَأَهُم بِالْحَقِّ إِنَّهُمْ فِتْيَةٌ ءَامَنُوا بِرَبِّهِمْ وَزِدْنَاهُمْ هُدًى ﴿١٣﴾

Surah al-Kahfi 18 : 13

Maksudnya:

Kami ceritakan kepadamu (Wahai Muhammad) perihal mereka Dengan benar; Sesungguhnya mereka itu orang-orang muda Yang beriman kepada Tuhan mereka, dan Kami tambahilah mereka Dengan hidayah petunjuk.

<sup>148</sup> Noresah bt. Baharom, *Kamus Dewan*, 1121.

Jelasnya, istilah remaja iaitu transisi masa kanak-kanak dan dewasa, tidak terdapat dalam Islam. Dalam Islam seseorang itu apabila telah sampai tahap akil baligh, telah bertanggungjawab atas setiap perbuatannya. Jika ia berbuat baik akan mendapat pahala dan apabila melakukan perbuatan maksiat akan diberikan balasan dosa oleh Allah swt.<sup>149</sup>

Kamus Dwibahasa Oxford Fajar mendefinisikan remaja sebagai *adolescent* yang bermaksud seseorang yang berumur antara usia kanak-kanak dan dewasa.<sup>150</sup> Kamus Times-Chambers pula mendefinisikan *edolescent* sebagai orang muda, khususnya golongan yang berumur antara 13 tahun - 16 tahun, yang sedang berkembang ke alam dewasa. Manakala kata *edolescent* merujuk kepada peringkat pertumbuhan seseorang dari alam kanak-kanak ke alam dewasa.<sup>151</sup>

Menurut Muhammad Jamāl al-Dīn Mahfūz, kata *adolescence* berasal dari perkataan Latin *adolescere* yang bermaksud perubahan di sekitar anggota badan, alat kelamin, akal dan tingkahlaku.<sup>152</sup> Kata *rahiqa* merupakan kata akar *murāhiq* dan *murāhaqah* bermaksud sampai kepada umur, sampai kepada kematangan seksual dan menjadi remaja.<sup>153</sup> Menurut Ahmad 'Uthmān kata *al-Murāhiq* merujuk kepada pemuda yang mendekati kematangan dan mencapai usia baligh (*adolescent*) manakala kata *al-*

---

<sup>149</sup> Zakiah Daradjat, *Remaja, Harapan dan Tentang* ( Jakarta : CV Ruhama, 1994 ), 11.

<sup>150</sup> Joyce M. Hawkins, *Kamus Dwibahasa Oxford Fajar* (Petaling Jaya: Fajar Bakti Sdn. Bhd., 1991), 173.

<sup>151</sup> "Penulis tidak diketahui", *Times Chambers Essential Dictionary* (Singapura: Federal Publication (S) Pte. Ltd., 1995), 15.

<sup>152</sup> Mahfūz, Muhammad Jamāl al-Dīn, *Tarbiyyah al-Murāhiq fī al-Madrasah al-Islāmiyyah* (t.tp.: al-Hai'ah al- 'Āmmah li al-Kitab, 1984), 25.

<sup>153</sup> Hans Wehr, *A dictionary of Modern Writen Arabic* (London: Mac Donald & Evans Ltd., 1980), 362.

*murāhaqah* merujuk kepada peringkat pertumbuhan dari masa akhir kanak-kanak hingga bermulanya remaja (*adolescence*).<sup>154</sup>

John W. Santrock menyatakan remaja adalah satu jangka masa antara kanak-kanak dan dewasa, antara pergantungan kanak-kanak dan sifat berdikari dewasa.<sup>155</sup> The Social Science Encyclopedia mentakrifkan remaja sebagai peringkat antara *puber* dan dewasa.<sup>156</sup> Perkataan *puberty* merujuk kepada kematangan seks yang ditunjukkan bermulanya pertumbuhan bulu-bulu pada tubuh seseorang kanak-kanak lelaki dan perempuan atau perubahan dalam bentuk mempermain-mainkan atau tindakan mengelak peraturan dan undang-undang sosial.<sup>157</sup> Menurut Ibrahim Mamat, remaja mempunyai beberapa pengertian iaitu:

- ( i ) Seorang muda yang beransur-ansur meningkat menjadi orang dewasa, yang mulai matang atau pandai berfikir sendiri dalam membezakan antara yang baik dan buruk serta yang betul dan salah.
- ( ii ) Dihubungkan dengan istilah Arab *akil baligh* iaitu sudah cukup umur untuk berkahwin apabila timbul rasa cinta.
- ( iii ) Dikaitkan dengan konsep *juvana* yang dipinjam dari bahasa Inggeris *juvenile* yang bermaksud anak muda. Mengikut konsep ini, remaja bukan lagi kanak-kanak, tetapi pada masa yang sama bukan pula dewasa. Dalam erti kata lain, remaja

---

<sup>154</sup> Ahmād ‘Utmān, *Tarbiyyah al-Aulād wa al-Abnā’ fi al-Islam* (Beirut: Qutaibah, 1982), 175.

<sup>155</sup> Santrock, John. W, *Psychology* (Boston: Mc Craw-Hill Companies, 2002), 351.

<sup>156</sup> Adam Kuper dan Jesica Kuper, *The Social Science Encyclopedia* (London: Routledge and Kegan Paul, 1985), 7.

<sup>157</sup> Muhd. Mansur Abdullah dan Siti Nordinar Mohd Tamin, *Psikologi Remaja* (Petaling Jaya: Fajar Bakti Sdn. Bhd., 1988), 17.

merupakan golongan yang sedang mengalami proses pematapan fizikal, intelek, rohani dan emosi.<sup>158</sup>

### 2.5.1 Skop Umur Remaja

Bagi sebahagian kanak-kanak, tanda-tanda keremajaan telah bermula ketika berumur sembilan tahun khususnya kanak-kanak perempuan. Antara tanda-tandanya ialah kedatangan haid. Oleh itu, boleh dikatakan umur sembilan tahun adalah permulaan tahap umur remaja. Peringkat umur ini biasanya disebut sebagai pra remaja. Umur 21 tahun adalah had akhir umur remaja kerana pada tahap ini remaja sudah mencapai tahap kematangan sama ada dari segi mental atau fizikal.

Dari aspek psikologi perkembangan, peringkat remaja boleh dibahagikan kepada beberapa fasa perkembangan. Muhammad Mansur Abdullah dan Siti Noordinar Mohd Tamin mengkategorikan remaja kepada tiga fasa iaitu fasa pra remaja (bermula dari umur sembilan atau sepuluh tahun), fasa remaja (berakhir pada umur 17 atau 18 tahun) dan fasa belia.<sup>159</sup> Muhammad Jamāl al- Dīn al-Mahfūz mengkategorikan perkembangan remaja kepada tiga fasa atau peringkat iaitu fasa pra remaja (*mā qabla al-Murāhaqah*) dari umur 10 hingga 12 tahun. Fasa awal remaja (*al-Murāhaqah al-mubakkirah*) dari umur 13 hingga 16 tahun. Manakala fasa akhir remaja (*al-Murāhaqah al-mutaakhirah*) dari umur 17 hingga 21 tahun.<sup>160</sup> Ahmad 'Uthman juga mengkategorikan golongan remaja kepada

---

<sup>158</sup> Ibrahim Mamat, *Memimpin Remaja Sekolah Teori dan Praktik* (Subang: Kumpulan Budiman Sdn. Bhd., 1997), 5.

<sup>159</sup> Muhd. Mansur Abdullah, *Psikologi Remaja*, 17.

<sup>160</sup> Mahfūz, Muhammad Jamāl al-Dīn, *Tarbiyyah al-Murāhiq*, 26 – 27.

tiga fasa iaitu fasa awal remaja Fasa awal remaja (*al-Murāhaqah al-mubakkirah*) dari umur 12 hingga 14 tahun. Pertengahan remaja (*al-Murāhaqah al-wustā*) dari umur 15 hingga 17 tahun dan akhir remaja (*al-Murāhaqah al-mutaakhirah*) dari umur 18 hingga 20 tahun.<sup>161</sup> Berdasarkan pendapat dan pandangan yang telah dinyatakan penulis merumuskan bahawa perkembangan remaja boleh dibahagikan kepada empat fasa iaitu:

- i. Fasa pra remaja : Dari umur 9 hingga 11 tahun.
- ii. Fasa awal remaja : Dari umur 12 hingga 14 tahun.
- iii. Fasa pertengahan remaja : Dari umur 15 hingga 17 tahun.
- iv. Fasa akhir remaja : Dari umur 18 hingga 21 tahun.

### **2.5.2. Kelompok-Kelompok Remaja**

Terdapat juga kajian yang dibuat terhadap kelompok remaja. Menurut Mohamad Nasir Saladin dan Noreha Mohamed Yusof secara umumnya, remaja boleh dibahagikan kepada tiga kelompok iaitu :

#### **a. Remaja Bersekolah**

Berumur antara 12 hingga 19 tahun atau yang berada dalam tingkatan satu hingga enam atas.

#### **b. Remaja Bekerja**

Di Malaysia biasanya remaja yang berada dalam kelompok umur 18 tahun ke atas. Menurut Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO), umur yang melayakkan seseorang bekerja secara sah ialah 18 tahun ke atas.

#### **c. Remaja Tidak Bekerja**

---

<sup>161</sup> Ahmād ‘Utmān, *Tarbiyyah al-Aulād*, 23.

Golongan ini dikenali sebagai penganggur. Secara umumnya mereka terdiri daripada remaja berusia 18 tahun ke atas.<sup>162</sup>

## 2.6 Masalah Sosial Remaja

Alam remaja dikatakan sebagai saat yang rapuh kerana pada peringkat ini, mereka terdedah kepada pelbagai pengaruh serta tekanan luar yang kebanyakannya menjerumuskan kepada perkara negatif. Apabila terpedaya dengan pengaruh negatif yang mengkhayalkan, akhlak remaja mudah rosak sehingga menimbulkan pelbagai masalah seperti salah laku dan juvenil. Keruntuhan akhlak dan kemerosotan disiplin remaja boleh dibahagikan kepada dua bahagian utama iaitu:

1. Salah laku dan jenayah yang dilakukan oleh pelajar seperti :

- Membunuh
- Mencuri
- Menyalahgunakan dadah
- Rogol
- Samun
- Senjata api dan lain-lain

2. Salah laku yang melibatkan kesalahan ringan seperti :

---

<sup>162</sup> Mohd Nasir Saludin dan Noreha Mohamed Yusof, "Strategi Menangani Gejala Sosial Remaja: Kajian Kes Kuala Lumpur," dalam *Keluarga, Gender dan Cabaran Sosial di Malaysia*, ed. Lukman Z. Muhammad et al. (Kuala Lumpur: Utusan Publication and Distributors Sdn. Bhd., 2002), 200-202.



- Ponteng (Termasuk salah laku seperti ponteng sekolah, ponteng kelas dan kerap keluar kelas).
- Tidak patuh arahan (Kategori ini mencakupi salah laku seperti tidak memberi perhatian kepada pelajaran, tidak membuat kerja rumah, tidak membawa buku, tidur di dalam kelas dan tidak mengikuti pelajaran yang diajar).
- Gangguan pengajaran (Antara salah laku kategori ini adalah membuat bising, merosakkan alat bantu mengajar, mengganggu kawan semasa guru mengajar dan mempertikai ajaran guru).
- Tidak sopan (Salah laku tidak sopan adalah berpakaian tidak kemas dan bercakap kasar dengan guru).<sup>163</sup>

Masalah sosial merangkumi pelbagai perlakuan negatif anggota masyarakat yang boleh menjejaskan kekuatan sistem dan struktur ekonomi serta kestabilan sosial sesuatu masyarakat atau Negara. Pada umumnya, masalah sosial berkisar di sekitar bidang kesihatan, pendidikan, kehidupan keluarga, persekitaran perbandaran yang tidak mesra insan, kemiskinan dan kehidupan komuniti yang kurang sihat.<sup>164</sup>

Pelbagai pendekatan telah diambil oleh para sarjana dalam bidang sosiologi bagi mendefinisikan masalah sosial. Eitzan (1984) menghuraikan bahawa masalah sosial ialah keadaan dalam masyarakat (seperti kemiskinan, perkauman dan proses penuaan) yang mendorong kepada penderitaan fizikal atau material kepada sesetengah kumpulan

---

<sup>163</sup> Zainal Madon dan Mohd Sharani Ahmad, *Panduan Mengurus Remaja Moden* (Pahang: PTS Profesional, 2006), 79-80.

<sup>164</sup> Sayed Abdul Rahman bin. Sayed Mohd, "Menangani Masalah Sosial", *Jurnal Kebajikan Masyarakat* 20, (Disember 1997), 6.

populasi. Ini berkaitan dengan fenomena sosio budaya yang menghalang sebilangan ahli masyarakat untuk membangun dan menggunakan potensi diri mereka sepenuhnya.<sup>165</sup>

Sejak sekian lama masyarakat kita telah banyak membicarakan mengenai gejala sosial terutamanya yang melibatkan golongan remaja. Pada dasarnya, gejala sosial dilihat sebagai satu perlakuan manusia yang terkeluar dari batas-batas normal baik dari aspek politik, sosial serta budaya kehidupan masyarakat.

Masalah sosial adalah sesuatu yang merangkumi pelbagai perlakuan atau tindakan negatif anggota masyarakat yang tidak membawa sokongan dan keuntungan kepada kekuatan sistem dan struktur ekonomi yang diamalkan dalam sesebuah masyarakat, komuniti atau negara. Secara mikronya, di suatu peringkat pertumbuhan ekonomi, kemiskinan dan lain-lain faktor penghasilannya yang negatif dianggap sebagai masalah sosial dan masalah ekonomi. Begitu juga proses inter dan intra penghijrahan dan perbandaran yang seringkali dikaitkan dengan kemiskinan di bandar, kejutan budaya dan jurang pencetus utama kepada masalah sosial.<sup>166</sup>

Kadar jenayah dan masalah sosial yang semakin meningkat di kalangan remaja dan pelajar membimbangkan ibu bapa yang mempunyai anak-anak yang bersekolah. Bagi remaja yang terlibat dalam gejala negatif ini sudah pasti mempunyai sebab-sebab tersendiri mengapa mereka berkelakuan demikian. Di antara faktor berlakunya gejala sosial di kalangan remaja ialah perubahan fizikal yang cepat dan kematangan jantina,

---

<sup>165</sup> Amna Md. Noor dan Asnarulkhandi Abu Samah, "Masalah Sosial Melayu: Hakikat dan Penyelesaian," *Jurnal Kebajikan Masyarakat* 35, (Disember 2009), 22.

<sup>166</sup> Roslan Bin Mohamed, "*Gejala Sosial dan Kesannya Kepada Pembangunan Umat*", 2.

kedudukan sebagai manusia pinggiran dan keperluan untuk menyediakan diri untuk dunia dewasa.<sup>167</sup>

Golongan pelajar yang melanggar norma masyarakat setempat atau dalam institusi persekolahan dikenali sebagai devian dan delinkuen. Bagi sesetengah individu mungkin perkataan ini asing bagi mereka kerana ia jarang digunakan dalam masyarakat kita hari ini. Masyarakat lebih gemar meletakkan label bagi kumpulan ini sebagai samseng, perogol, kaki ponteng, penagih dadah, homoseksual, lesbian dan sebagainya. Mereka yang melanggar norma masyarakat setempat inilah dikenali sebagai kumpulan yang bertingkah laku devian dan apabila golongan ini melibatkan remaja yang masih bersekolah atau belia maka mereka ini dikategorikan sebagai bertingkah laku delinkuen.

### **2.6.1 Definisi Devian**

Menurut Siegel, tingkahlaku devian didefinisikan sebagai apa sahaja perlakuan yang bertentangan dengan norma sosial, iaitu sebahagian daripada tingkah laku jenayah.<sup>168</sup> Tingkah laku devian terutama tingkah laku seksual dianggap sebagai sesuatu yang ganjil dan tidak bermoral serta tidak dapat diterima masyarakat setempat. Menurut Albert Cohen devian bermaksud kelakuan yang melanggar jangkaan yang diinstitusikan, iaitu jangkaan yang dikongsi dan diiktiraf sebagai sah dalam sesuatu sistem sosial.<sup>169</sup>

---

<sup>167</sup> Azizi Yahya, *Penyelewengan Tingkah Laku Remaja Punca dan Rawatan* (Johor: Universiti Teknologi Malaysia, 2012) 203-204.

<sup>168</sup> Affizal bin. Ahmad, Memahami Perapatan Rakan Sebaya di Kalangan Remaja Delinkuen, *Jurnal Kebajikan Masyarakat* 33, (Disember 2008),5.

<sup>169</sup> Azizi Yahaya, *Psikologi Sosial Alam Remaja* (Pahang: PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd., 2005), 52.

Terma delinkuensi didefinisikan sebagai pola “tingkah laku” yang tidak dibenarkan, dilakukan oleh sekumpulan kecil individu, dan hal ini juga merujuk bahawa para remaja menempatkan diri mereka dalam satu kedudukan sebagai seseorang yang mempunyai kuasa.<sup>170</sup> Delinkuen juga ditakrifkan sebagai perbuatan jenayah kecil seperti perbuatan merosak, terutama sekali apabila dilakukan oleh remaja.<sup>171</sup>

Tingkah laku delinkuen merujuk kepada pola-pola tingkah laku daripada jenayah berunsur keganasan terhadap orang dan harta benda (contoh; keganasan seksual, merompak sehingga kepada perbuatan mengambil minuman keras dan pelbagai kesalahan kecil khas dirujuk kepada umur kanak-kanak dan remaja, contoh; pembelian minuman keras, lari dari rumah, aktiviti sosial berunsur seks). Delinkuen juga disamakan maksudnya dengan devian. Devian ialah orang yang berlainan dari segi akhlak dan lari daripada nilai piawai sosial yang dianggap biasa.

Oleh itu, jelaslah devian dan delinkuen membawa maksud tingkah laku yang melanggar norma-norma dan masyarakat tertentu. Devian lebih merujuk kepada tingkah laku ini secara umum manakala delinkuen pula menumpukan kepada sesuatu had umur yang lebih menumpukan para pelajar sekolah dan belia.<sup>172</sup>

Satu pendekatan yang paling popular telah dikemukakan oleh Jessor dan rakan-rakan. Menurut teori tingkah laku bermasalah yang dikemukakan itu, mereka berpendapat sebab utama kecelaruan luaran remaja ialah sifat ketidak konvensional dalam tingkahlaku

---

<sup>170</sup> Affizal Ahmad, “Memahami Perapatan Rakan Sebaya di Kalangan Remaja Delinkuen”, 4.

<sup>171</sup> Kamus Dewan

<sup>172</sup> Azizi Yahaya, *Psikologi Sosial Alam Remaja*, 52.

dan persekitaran sosial remaja. Individu yang tidak konvensional rata-rata agak devian, tidak terlibat dengan sebarang institusi sekolah atau agama dan sangat liberal dalam pandangan sosial. Persekitaran tidak konvensional pula diwujudkan oleh kebanyakan individu yang tidak konvensional.<sup>173</sup>

Individu yang tidak konvensional lebih cenderung untuk terlibat dalam tingkahlaku mengambil risiko termasuk percubaan menghisap dadah, mengadakan hubungan seks bebas, aktiviti delinkuen dan memandu tanpa mematuhi undang-undang. Oleh itu, sebab utama satu-satu masalah tingkahlaku nampaknya wujud seiring dengan masalah yang lain kerana individu tidak konvensional dalam persekitaran yang tidak konvensional lebih cenderung terlibat dalam pelbagai aktiviti berisiko.<sup>174</sup>

Menurut kajian Halcomb (1991), personaliti remaja mempunyai masalah tingkahlaku seperti berikut<sup>175</sup>:

- d. Mempunyai hubungan sentimental tetapi kasar dengan orang lain dan selalu terlebih yakin dengan keupayaan mereka.
- e. Kehidupan harian tidak teratur dan tidak peka pada peraturan.
- f. Lebih menggemari situasi yang tidak dapat dijangka ataupun berunsur suspens.
- g. Mempunyai potensi mempengaruhi orang lain.
- h. Bercakap kasar, tidak bertimbang rasa dan tidak sabar dengan kelemahan atau kekurangan orang lain.

---

<sup>173</sup> Donovan, J, dan Jessor, R, "Structure of Problem Behavior in Edollescence and Young Adulthood" *Journal of Consulting and Clinical Psychology* 53, (1985), 892.

<sup>174</sup> Jessor, Richard, "Risky Driving and Adolescent Problem Behavior: An extension of Problem – Behavior Theory" *Journal of Alcohol, Drugs and Driving* 3, (1987), 5.

<sup>175</sup> Zainal dan Sharani, *Panduan Mengurus Remaja Moden*, 167-168.

- i. Berasa kehidupan keluarga tidak memuaskan, kurang kasih sayang dan mempunyai tahap konflik yang tinggi.
- j. Mempunyai kepercayaan diri yang rendah dalam keupayaan mencapai kepuasan akademik yang baik.
- k. Mengalami ketidak selarasan antara dirinya yang ideal dan dirinya yang sebenar di mana mereka kadang-kadang bermasalah mencapai identiti yang diinginkan .
- l. Kurang kepercayaan bagi mengawal kehendak impulsif

## 2.7 Kesimpulan

Tidak dapat dinafikan bahawa kefahaman dan penghayatan agama di kalangan remaja merupakan perkara yang amat penting. Di dalam Islam, kesejahteraan jiwa akan lahir apabila terjalin hubungan antara manusia dengan penciptaNya. Usaha untuk mendekatkan diri dengan Allah s.w.t. merupakan faktor penting yang dapat membahagiakan jiwa. Pertalian antara penghayatan dan amalan agama dengan kesejahteraan jelas diterangkan dalam al-Quran. Sebagaimana firman Allah swt :

وَنَفْسٍ وَمَا سَوَّاهَا ﴿٧﴾ فَأَلْهَمَهَا فُجُورَهَا وَتَقْوَاهَا ﴿٨﴾ قَدْ أَفْلَحَ مَن  
 زَكَّاهَا ﴿٩﴾ وَقَدْ خَابَ مَن دَسَّاهَا ﴿١٠﴾

Asy-Syams 91: 7-10

Maksudnya :

Demi diri manusia dan yang menyempurnakan kejadiannya (dengan kelengkapan yang sesuai dengan keadaannya). Serta mengilhamkannya (untuk mengenal) jalan yang membawanya kepada kejahatan, dan yang membawanya kepada bertaqwa. Sesungguhnya berjayalah orang yang

menjadikan dirinya - yang sedia bersih - bertambah-tambah bersih (dengan iman dan amal kebajikan). Dan Sesungguhnya hampalah orang yang menjadikan dirinya - yang sedia bersih - itu susut dan terbenam kebersihannya (dengan sebab kekotoran maksiat).

Ayat tersebut jelas menunjukkan kepentingan agama dalam membentuk keperibadian individu Muslim. Kefahaman, penghayatan serta amalan agama yang berterusan secara tidak langsung dapat membantu golongan remaja khususnya dari terjebak dengan gejala sosial yang begitu merancam. Golongan remaja terutama remaja mukmin merupakan potensi termahal dalam masyarakat. Mereka adalah kekayaan masyarakat yang sebenar dan tabungan masa depan ummah. Oleh kerana itu, sewajarnya masyarakat memberi perhatian yang besar kepada mereka.<sup>176</sup>

## **BAB TIGA**

### **PROGRAM AGAMA DI INSTITUSI PEMULIHAN AKHLAK**

#### **3.1 Pendahuluan**

Jabatan Kebajikan Masyarakat, salah sebuah agensi di bawah Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat merupakan suatu jabatan kerajaan yang

---

<sup>176</sup> Yūsuf al-Qaraḏāwī, *Sistem Pendidikan Ikhwan al-Muslimin*, terj. Nabihah Husein (Jakarta: Media Dakwah, 1998), 8.

berorientasikan rakyat dan mempunyai hubungan secara langsung dengan kumpulan sasar di dalam memberikan bantuan dan perkhidmatan yang efektif.

Sebagai salah sebuah agensi kerajaan yang memainkan peranan penting dalam pembangunan sosial, penyertaannya dalam usaha membentuk rakyat dan negara ini bermula sejak dahulu lagi sebelum pembentukan Malaysia.

Dalam jangkamasa 65 tahun, JKM telah mengalami beberapa evolusi dalam memenuhi peranannya di dalam pembangunan negara ini. Bermula dengan penglibatan menangani pelbagai masalah yang timbul akibat dari Perang Dunia kedua ketika di bawah Pentadbiran Tentera British, peranan dan fungsi jabatan ini telah berkembang kepada sistem pencegahan dan pemulihan dalam isu-isu sosial terutama ketika Malaya baru mendapat kemerdekaan seterusnya apabila Malaysia mula membangun sebagai suatu kuasa ekonomi yang dihormati.

Permulaan abad ini melihat skop dan tanggungjawab JKM diperluas dalam mengintegrasikan pembangunan sosial ke arah mewujudkan masyarakat penyayang selaras dengan Wawasan 2020 tanpa tidak mengeneipkan peranan dan tanggungjawab dalam perkhidmatan pencegahan dan pemulihan.<sup>177</sup>

### **3.2 Sejarah Penubuhan Jabatan Kebajikan Masyarakat**

---

<sup>177</sup> "Penulis tidak diketahui", *Buku Sejarah Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia* (Kuala Lumpur: Jabatan Kebajikan Masyarakat, 1996), 1.



Jabatan ini ditubuhkan pada 1946 oleh Pentadbiran Tentera British untuk menangani pelbagai masalah yang timbul akibat Perang Dunia Kedua. Keratan dari Laporan Tahunan Jabatan Kebajikan Masyarakat Tahun 1947 oleh Dr. C. P Rawson, Ketua Pegawai Kebajikan Malaya pada masa tersebut menyatakan bahawa perkhidmatan yang diberikan termasuk<sup>178</sup>:

- Skim Bantuan Tragedi Jalan Keretapi Burma/Siam
- Kebajikan Orang Asli
- Perlindungan Wanita dan Gadis
- Kebajikan Orang Buta
- Skim Bantuan Am
- Restoran Rakyat

Pada tahun 1947 menyaksikan perkembangan jabatan ini dengan pembentukan Perkhidmatan Akhlak memberi penumpuan terhadap Perlindungan Wanita dan Gadis, Kebajikan Orang Tua, Kebajikan Orang Asli, dan Mahkamah Juvana 1947 (Akta 90). Pada tahun 1952, JKM telah dipindahkan di bawah Kementerian Perusahaan dan Perhubungan Sosial sehingga 1955. Pada tahun 1952 telah dibentuk rancangan kebajikan kanak-kanak. Bantuan diberikan kepada tanggungan orang tahanan yang mengalami kesulitan wang serta tidak mempunyai pendapatan atau pekerjaan.

---

<sup>178</sup> *Ibid.*, 3.

Pada tahun 1953 telah ditubuhkan Perkhidmatan Belia dan Skim Wang Amanah. Kementerian Kesihatan dan Kebajikan Masyarakat telah mengambil alih teraju pentadbiran JKM pada tahun 1956-1957.

Pada tahun 1958–1962, jabatan ini telah ditempatkan di bawah Kementerian Kesihatan dan Kebajikan Masyarakat. Pada tahun 1963-1972, Kementerian Buruh dan Kebajikan Masyarakat mengambil alih pentadbiran jabatan ini dari Kementerian Kesihatan dan Kebajikan Masyarakat. Tahun 1964 JKM dipisahkan dari Kementerian Buruh menjadi Kementerian Kebajikan Am berikutan keputusan Pilihanraya pada 25 April 1964. Pada tahun ini juga telah dilancarkan Kempen Mengawal Tuberculosis di peringkat Kebangsaan telah dilancarkan.

Perkhidmatan belia telah ditamatkan dan diambil alih oleh Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan (KKBS) juga memperluas perkhidmatan kebajikan sosialnya ke Sabah dan Sarawak.

Ketika berlaku konfrontasi di Indonesia JKM menghulurkan bantuan kecemasan dan menyumbang sebanyak \$230, 292. Geran Pelancaran dilancarkan bagi membantu mereka yang mempunyai bakat, kecenderungan atau kemahiran dalam sesuatu kerja atau perniagaan tetapi tidak dapat menjalankannya kerana ketiadaan modal.

Pada tahun 1965 Skim Perkhidmatan Pengemis telah ditubuhkan. Manakala pada tahun 1967 Skim Kebajikan Pesakit Melarat serta Badan Pemasaran telah ditubuhkan. Pada tahun 1969, Penguatkuasaan Arahan-arahan Pusat Pemulihan bagi Orang-Orang Cacat Anggota Cheras (Lembaga Pelawat) dikuatkuasakan. Pada tahun 1972

perkhidmatan kebajikan masyarakat telah disusun semula dengan memberi tumpuan kepada pembangunan masyarakat melalui perluasan skop yang meliputi semua lapisan masyarakat. Tahun 1973 – 1982, Skim Kebajikan Kakitangan dan Penyelidikan Perancangan dan Penilaian dibentuk. Bantuan Kesejahteraan Keluarga atau bantuan Guaman diperkenal. Peraturan Jawatan Kuasa Kebajikan Budak-Budak serta Perlembagaan dan Kewajipan-kewajipan dibentuk.

Sekitar tahun 1977 bantuan kebajikan Sekolah dan Keluarga Angkat bagi pekerja Wanita dilaksanakan. Arahan-arahan bagi pusat-pusat pemulihan cacat akal telah dibentuk serta Akta Orang-orang Papa 1977 telah dikuatkuasakan.

Pada tahun 1981, Projek Wanita dalam Pembangunan dan Peraturan- Peraturan Sekolah diluluskan. Kaedah- kaedah (Rumah Kebajikan) Orang-orang Papa 1981 telah diluluskan. Tahun 1982 membawa perubahan besar dalam struktur organisasi JKM. Penubuhan Yayasan Kebajikan Negara iaitu sebuah tabung kebajikan yang terulung di Malaysia ditadbirkan oleh Lembaga Pemegang Amanah dengan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat selaku pengerusi. Ia diperbadankan di bawah Ordinan Pemegang-pemegang Amanah (Perbadanan) 1952 pada 5 Disember 1981. Kementerian Kebajikan Am ditukar kepada Kementerian Kebajikan Masyarakat. Perkhidmatan baru telah ditubuhkan, iaitu Perkhimatan Perkembangan Sosial. Pembentukan Peraturan-Peraturan Asrama Akhlak 1982 Kaedah – kaedah perlindungan Wanita dan Gadis (tempat perlindungan) 1982 telah ditubuhkan.

Sekitar tahun 1983 – 1990 pula, Program Taska bagi Kanak-kanak di bawah 4 tahun dan kaedah-kaedah Rumah Orang Tua 183 ditubuhkan. Pada tahun 1984 telah

ditubuhkan Majlis Perkhidmatan Kebajikan Negara. Tahun 1985 telah dikuatkuasakan Akta Taman Asuhan Kanak-Kanak 1984 (akta 308) dan Peraturan-Peraturan Taman Asuhan Kanak-Kanak 1985. Tahun 1986 JKMM merintis projek baru iaitu Sistem Bayaran Bantuan Kewangan melalui Pos. Tahun 1987, Perkhidmatan Organisasi Komuniti dibentuk. Manakala pada tahun 1989 JKMM dan Bank Simpanan Nasional menubuhkan Sistem Bayaran Bantuan Kewangan melalui GIRO-BSN iaitu perkhidmatan sara jagaan berbentuk pemberian kewangan sebagai langkah sementara kepada golongan masyarakat daif.

Bermula 27 Oktober 1990, Kementerian Kebajikan Masyarakat Malaysia ditukarkan kepada Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat. JKM menjadi salah sebuah agensi di bawah kementerian tersebut. Matlamat penubuhan lebih ke arah menumpukan peningkatan kualiti hidup masyarakat secara menyeluruh dan penglibatan semua lapisan masyarakat.


Pada tahun 2004 sehingga kini Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat telah digabungkan dengan Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga dengan nama Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. JKM merupakan salah satu jabatan di bawah kementerian tersebut. Menumpukan ke arah peningkatan kualiti hidup masyarakat secara menyeluruh dan penglibatan semua lapisan masyarakat dititikberatkan selaras dengan cogan kata "Kebajikan Adalah Tangungjawab Bersama". Dasar Kebajikan Masyarakat Negara diluluskan oleh Kabinet untuk mewujudkan budaya ikram atau yang dikenali sebagai masyarakat penyayang. Perkhidmatan telefon bebas tol TELEDERA 8003040 ditubuhkan agar masyarakat melaporkan segala kejadian.

Pada 31 Oktober 1991 telah diisytihar Hari Q JKMM. JKMM telah terlibat dalam peristiwa puting beliung Bangladesh Malaysia diketuai oleh YB. Dato' Menteri menyertai The 4th Asian & Pasific Ministeral Conference on Social Welfare & Social Development di Manila dengan cogan kata "Kebajikan adalah Tanggungjawab Bersama" dan Dasar Kebajikan Masyarakat Negara dibentuk. Talian tol aduan penganiayaan kanak-kanak diadakan dengan Akta Perlindungan Kanak-Kanak 1991 (Akta 468) dikuatkuasa.<sup>179</sup>

---

<sup>179</sup> *Ibid.*, 11-32.

### 3.3 Carta Organisasi 180



### 3.4 Dasar Jabatan Kebajikan Masyarakat

a. Motto

Berkat berjasa

b. Visi

Masyarakat Sejahtera Penyayang

c. Misi

Membangun Masyarakat Ke Arah Kesejahteraan

d. Objektif

i. Memberi perlindungan pemulihan kepada kumpulan sasaran.

ii. Membangunkan masyarakat melalui perubahan sikap dan peningkatan keupayaan untuk mewujudkan masyarakat yang berbudaya penyayang.

iii. Meningkatkan kesejahteraan masyarakat melalui perkhidmatan kebajikan dan pembangunan profesional dan perkongsian tanggungjawab yang strategik.<sup>181</sup>

---

<sup>181</sup> Visi, Misi dan Objektif. Laman Web Rasmi Jabatan Kebajikan Masyarakat. [http://www.jkm.gov.my/content.php?pagename=visi\\_misi\\_dan\\_objektif&lang=bm](http://www.jkm.gov.my/content.php?pagename=visi_misi_dan_objektif&lang=bm).

e. Strategi

- i. Mengoptimumkan keupayaan dan potensi diri serta kesejahteraan kumpulan sasar jabatan.
- ii. Memastikan aspek kebajikan diintegrasikan dalam perancangan ke arah mencapai pembangunan sosio-ekonomi yang menyeluruh.
- iii. Mempertingkatkan peranan dan keupayaan jabatan sebagai paksi utama dalam perancangan dan penilaian program-program pembangunan kebajikan masyarakat di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.
- iv. Mempertingkatkan perkongsian bijak dan strategik melalui kerjasama dengan semua kumpulan masyarakat, badan-badan bukan kerajaan dan agensi-agensi antarabangsa.
- v. Memantap dan mempertingkatkan penyampaian perkhidmatan kebajikan di semua peringkat.
- vi. Mempertingkatkan pengurusan dan penggunaan sumber manusia secara optimum.
- vii. Mempertingkatkan kualiti perancangan dan pengurusan kewangan serta teknologi maklumat dan komunikasi secara professional.<sup>182</sup>



f. Logo <sup>183</sup>



Logo ini dicipta sebagai memenuhi aspirasi bangsa yang progresif dan membangun. Justeru itu, keseimbangan yang berterusan antara infrastruktur dan pembangunan kebajikan dapat dicapai

Logo dalam bentuk hati membayangkan masa depan dan pemodenan jabatan serta pendayaupayaan yang maksimum dalam menyediakan perkhidmatan kebajikan secara menyeluruh. Pendayaupayaan ini disokong oleh rasa kasih sayang dan kefahaman yang positif daripada kumpulan sasaran dan masyarakat secara keseluruhannya.

Bulatan berwarna jingga di atas hati merupakan simbolik yang mewakili usaha kemanusiaan yang dijalankan dalam merealisasikan misi dan visi jabatan, manakala warna ungu melambangkan sifat semulajadi jabatan yang proaktif dan dinamik selaku sebuah organisasi di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat.

---

<sup>183</sup> Logo Rasional. Laman Web Rasmi Jabatan Kebajikan Masyarakat.  
[http://www.jkm.gov.my/content.php?pagename=logo\\_rasional&lang=bm](http://www.jkm.gov.my/content.php?pagename=logo_rasional&lang=bm).

Sebagai rasa kebanggaan terhadap usaha yang dijalankan, warna-warna jalur gemilang seperti merah, putih, biru dan kuning telah dipilih sebagai asas terhadap integrasi, integriti, dedikasi serta komitmen individu, masyarakat dan bangsa keseluruhannya.

### **3.5 Perkhidmatan Kanak-Kanak JKM**

Perkhidmatan kanak-kanak merupakan perkhidmatan perlindungan kepada kanak-kanak daripada semua bahaya termasuk jenis penyalahgunaan, penyeksaan, penderaan, diskriminasi dan eksplotasi. Di samping itu penekanan khusus diberi kepada perkembangan sihat kanak-kanak dari segi fizikal, sosial, emosi dan mental. Mereka juga dilengkapi dengan nilai dan sikap yang sesuai supaya mereka mempunyai haluan dan tujuan sebagai generasi dan pemimpin masa hadapan. Antara objektif perkhidmatan ini ialah memastikan khidmat pemeliharaan, perlindungan, pemulihan dan pembangunan kanak-kanak disediakan dengan cekap dan berkesan.

Secara keseluruhan jenis perkhidmatan kanak-kanak yang diberikan oleh JKM terbahagi kepada dua iaitu perkhidmatan berbentuk perlindungan dan pemulihan. Dalam konteks pemulihan tiga institusi telah ditubuhkan oleh JKM iaitu Sekolah Tunas Bakti, Taman Seri Puteri dan Asrama Akhlak. Kanak-kanak di sini bermaksud kumpulan individu di bawah umur 18 tahun yang memerlukan jagaan, pemeliharaan, perlindungan dan pemuliharaan mengikut takrifan Akta Kanak-kanak 2001.

### **3.5.1 Asrama Akhlak <sup>184</sup>**

Asrama Akhlak adalah sebuah institusi tahanan sementara dan pemulihan bagi menempatkan kanak-kanak yang menghadapi konflik dengan undang-undang serta kanak-kanak yang tidak terkawal.

Kanak-kanak ditakrifkan sebagai seseorang yang berumur di bawah 18 tahun mengikut Akta Kanak-kanak 2001. Kanak-kanak, dalam hal konflik dengan undang-undang ialah seseorang yang telah mencapai umur bagi tanggungjawab jenayah yang ditetapkan dalam seksyen 82 Kanun Keseksaan. Umur bagi tanggungjawab jenayah menurut seksyen 82 adalah sepuluh tahun. Terdapat lapan buah asrama akhlak untuk menempatkan kanak-kanak lelaki dan tiga buah lagi untuk menempatkan kanak-kanak perempuan.

#### **3.5.1.1 Objektif Asrama Akhlak**

Memberi jagaan, pemulihan dan bimbingan kepada kanak-kanak yang telah diperintahkan oleh mahkamah bagi menjalani tahanan sementara, cubaan akhlak dan yang sedang menunggu pemindahan ke Sekolah Tunas Bakti (STB).

---

<sup>184</sup> Jabatan Kebajikan Masyarakat, Risalah “Asrama Akhlak” (Kuala Lumpur: Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, t.t.).

### 3.5.1.2 Peraturan Kemasukan

Kemasukan bagi tahanan sementara dan kanak-kanak bermasalah tingkah laku adalah melalui Perintah Mahkamah di bawah Akta Kanak-kanak 2001.

Tempoh pemulihan di Asrama Akhlak bagi kanak-kanak adalah seperti berikut:

- a. Cubaan akhlak - tempoh tidak melebihi 12 bulan.
- b. Tahanan sementara sehingga mahkamah mengeluarkan perintah tetap.
- c. Proses pemindahan ke Sekolah Tunas Bakti - tempoh tidak melebihi 2 minggu.

### 3.5.1.3 Perkhidmatan

Perkhidmatan dan kemudahan yang disediakan di Asrama Akhlak adalah seperti jagaan (tempat tinggal, makanan, pakaian, rawatan perubatan dan keperluan harian), kaunseling dan bimbingan (kaunseling individu, kaunseling kelompok dan sesi motivasi), kelas akademik (dalam atau di luar institusi), pendidikan keagamaan dan moral, kelas latihan vokasional, kemudahan sukan/riadah, keistimewaan (cuti, wang saku).

### 3.5.1.4 Jawatankuasa Kebajikan Kanak-Kanak Daerah (JKKD)

Jawatankuasa ini terdiri daripada mereka yang dilantik oleh Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Jawatankuasa ini bertanggungjawab:

- a. Melawat kanak-kanak di Asrama Akhlak yang terletak di dalam daerahnya.
- b. Memastikan kanak-kanak tersebut mendapat penjagaan dan pemulihan yang sewajarnya di institusi tersebut.

#### 3.5.1.5 Senarai Asrama Akhlak

**Jadual 3.1**

**Senarai Asrama Akhlak**

Bil	Institusi	Tahun Ditubuhkan	Kapasiti (pelatih)
1	Asrama Bahagia Kuala Lumpur	1947	70
2	Asrama Bukit Baru, Melaka	1955	50
3	Asrama Kempas, Johor	1957	50
4	Asrama Silibin, Perak	1957	50
5	Asrama Pokok Sena, Kedah	1963	50
6	Asrama Paya Terubung, Pulau Pinang.	1969	17
7	Asrama Dato' Keramat, K.L	1970	15
8	Asrama Rusila, Terengganu	1971	50
9	Asrama Sentosa, K.L	2001	50
10	Asrama Jitra, Kedah	2003	50
11	Asrama Kuching, Sarawak	2008	50

Sumber: Jabatan Kebajikan Masyarakat

#### 3.5.2 Taman Seri Putri<sup>185</sup>

Taman Seri Puteri (TSP) adalah tempat perlindungan. Tempat perlindungan bermaksud mana-mana tempat perlindungan yang ditubuhkan atau ditetapkan di bawah Seksyen 55, Akta Kanak-Kanak 2001. TSP menyediakan pemulihan khusus untuk kanak-kanak perempuan yang berumur di bawah 18 tahun seperti berikut:

- a. Mereka yang terdedah kepada bahaya moral.

<sup>185</sup> Jabatan Kebajikan Masyarakat, Risalah "Taman Seri Putri" (Kuala Lumpur: Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, t.t.).

- b. Mereka yang melibatkan diri/terlibat dalam pelacuran

#### 3.5.2.1 Objektif

Memberi perlindungan dan pemulihan kepada wanita dan gadis yang terdedah kepada bahaya moral atau menghadapi masalah moral dan keruntuhan akhlak.

#### 3.5.2.2 Peraturan Kemasukan

Kemasukan ke TSP adalah melalui perintah Mahkamah Bagi Kanak-Kanak di bawah Akta Kanak-Kanak 2001.

#### 3.5.2.3 Tempoh Pemulihan

- a. Sehingga pelindung berpuas hati bahawa kanak-kanak tidak lagi memerlukan perlindungan segera bagi kes di bawah seksyen 41(1), Akta Kanak-Kanak 2001.
- b. Tidak melebihi tempoh 3 tahun dari tarikh perintah yang dikeluarkan oleh Mahkamah bagi kes yang dikendalikan di bawah seksyen 42(7) (a), Akta kanak-Kanak 2001.

#### 3.5.2.4 Perkhidmatan

TSP menyediakan perkhidmatan kepada pelatih seperti jagaan dan perlindungan, tempat tinggal, makanan dan minuman, pakaian, keperluan harian, kaunseling dan bimbingan, kaunseling individu, kaunseling kelompok, latihan vokasional, kursus kemahiran kulineri 1, kursus kemahiran makanan dan minuman, kelas jahitan, kelas/kursus asas komputer,

rekreasi, muzik, brass band, nyanyian, berkelah, sukan dan permainan dalaman serta menyediakan keistimewaan cuti, wang saku dan lawatan.

#### 3.5.2.5 Senarai Taman Seri Puteri

**Jadual 3.2**  
**Senarai Taman Seri Puteri**

Bil	Institusi	Tahun Ditubuhkan	Kapasiti (pelatih)
1	TSP Cheras, Kajang, Selangor	1965	30
2	TSP Batu Gajah, Perak	1977	200
3	TSP Kota Kinabalu, Sabah	1984	100
4	TSP Kuching, Sarawak	2006	100

Sumber: Jabatan Kebajikan Masyarakat

#### 3.5.3 Sekolah Tunas Bakti <sup>186</sup>

Sekolah Tunas Bakti (STB) adalah institusi pemulihan akhlak untuk kanak-kanak berikut:

- (i) Kanak-kanak yang terlibat dengan jenayah.
- (ii) Kanak-kanak yang tidak terkawal.

##### 3.5.3.1 Objektif Penubuhan

Untuk memulihkan kanak-kanak melalui perubahan nilai, sikap dan tingkah laku positif dengan membina keyakinan dan potensi diri serta membolehkan mereka hidup setelah kembali ke pangkuan keluarga dan masyarakat.

---

<sup>186</sup> Jabatan Kebajikan Masyarakat, Risalah “Sekolah Tunas Bakti” (Kuala Lumpur: Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, t.t.).

### 3.5.3.2 Peraturan Kemasukan

Kemasukan ke STB adalah melalui perintah mahkamah bagi kanak-kanak di bawah Akta Kanak-Kanak 2001.

Tempoh maksimum bagi kanak-kanak menjalani pemulihan ialah selama 3 tahun. Tempoh ini boleh dipendekkan dengan surat keizinan daripada YB, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dan/atau kelulusan Lembaga Pelawat dengan syarat kanak-kanak telah melengkapkan tempoh 12 bulan di institusi.

### 3.5.3.3 Perkhidmatan

TSP menyediakan perkhidmatan seperti jagaan dan perlindungan, tempat tinggal, makan dan minum, keperluan harian, rawatan perubatan, kaunseling dan bimbingan, pelajaran akademik KIA 2M (Membaca, Menulis), persediaan menduduki PMR/SPM, agama/moral, latihan vokasional seperti pertukangan, kayu/seni, binaan jahitan, pertanian dan lanskap, automotif, komputer, pendawaian elektrik, muzik dan kompang, brass band, sukan/riadah, berkelah/lawatan, perlawanan sukan dalam/luar. Pelatih yang ditempatkan di STB juga mendapat keistimewaan seperti cuti (14 hari setahun) dan menerima wang saku.



**Jadual 3.3**  
**Senarai Sekolah Tunas Bakti**

Bil	Institusi	Tahun Ditubuhkan	Kapasiti (pelatih)
1	STB, Taiping, Perak	1947	200
2	STB, Kuching, Sarawak	1948	150
3	STB, Telok Air Tawar	1978	150
4	STB, Sungai Besi, Kuala Lumpur	1952	200
5	STB, Lereh, Melaka	1954	150
6	STB, Jalan Tuaran, Sabah	1971	100
7	STB, Jerantut, Pahang	1976	200
8	STB, Miri, Sarawak	1984	100
9	STB, Marang, Terengganu	2005	186

Sumber: Jabatan Kebajikan Masyarakat

### 3.6 Program Agama di Institusi Pemulihan Akhlak

Program agama merupakan salah satu bentuk pengisian yang telah diselaraskan oleh JKM untuk dilaksanakan di setiap institusi di bawah pengawasan dan pentadbiran JKM. Sejak awal penubuhan sehingga 2003, program agama di institusi tidak dilaksanakan secara sistematik serta tiada penyelarasan di peringkat JKM. Sepanjang tempoh tersebut pelaksanaan program agama diserahkan kepada pihak pengetua atau warden dibantu oleh pegawai-pegawai serta kakitangan yang berkhidmat di setiap institusi. Sehingga tahun 2004, cetusan idea dalam usaha menjadikan program agama sebagai program yang dijalankan secara konsisten, sistematik dan diselaraskan di peringkat institusi.

<sup>187</sup> Jabatan Kebajikan Masyarakat, "Ringkasan Maklumat Mengenai Institusi Kanak-Kanak, Bahagian Kanak-Kanak Jabatan Kebajikan Masyarakat" (Kuala Lumpur: Jabatan Kebajikan Masyarakat, t.t.).

Encik Razuki bin Sibi telah membuat kertas kerja cadangan dalam usaha mewujudkan perjawatan pegawai hal ehwal agama di JKM kepada pengarah JKM ketika itu dalam proses penstrukturan semua jabatan pada tahun 2005. Sepanjang tempoh penubuhan sehingga wujudnya perjawatan pegawai hal ehwal agama di JKM, program agama di institusi telah dibantu oleh pegawai agama (bahagian dakwah) Jabatan Kebajikan Islam Malaysia (JAKIM).<sup>188</sup> Bermula tahun 2005 perjawatan pegawai agama telah diwujudkan di JKM. Pegawai agama yang dilantik merupakan pegawai yang dipinjamkan oleh pihak JAKIM. Sehingga kini JKM mempunyai seorang pegawai agama (S41) di peringkat ibu pejabat yang dipertanggungjawabkan menyelaras program agama di Institusi Pemulihan merangkumi Asrama Akhlak, Sekolah Seri Putri dan Tunas Bakti.

Manakala di setiap institusi terdapat seorang pembantu pegawai (S17) sebagai pelaksana program-program yang telah diselaraskan di setiap institusi. Sebagai usaha memperkemas program agama di institusi Modul Kurikulum Pendidikan Islam telah dibentuk sebagai rujukan asas dalam proses pelaksanaan program agama di institusi pemulihan JKM.

Berdasarkan kepada temuramah dan observasi yang telah dibuat sepanjang pengumpulan data. Kekangan utama pelaksanaan program agama di institusi secara efektif disebabkan hanya seorang guru agama yang ditugaskan di setiap institusi pemulihan JKM. Justeru, peranan guru amat terhad memandangkan terpaksa memantau pelatih yang ramai. Secara purata didapati seorang guru memantau hampir 50 hingga 200 pelatih bergantung kepada institusi. Senario ini menyebabkan program agama yang

---

<sup>188</sup> Mohd Razuki b. Sibi (Pegawai Perancang Ekonomi Jabatan Kebajikan Masyarakat, Putrajaya), dalam temubual dengan penulis, 15 Februari 2012.

dirancang tidak dapat dilaksanakan secara konsisten dan tidak mengikut jadual yang telah ditetapkan.<sup>189</sup>

Berdasarkan temubual yang telah dijalankan bersama Pegawai Agama Jabatan Kebajikan Masyarakat, bermula dari tahun 2007 hingga kini pelaksanaan program agama di institusi adalah berasaskan kepada Modul Kurikulum Pendidikan Islam. Modul ini telah diselaraskan penggunaannya di setiap institusi.

Secara umumnya, pengisian program agama di institusi adalah seperti kelas agama ( fardhu ain ). Setiap pelatih di institusi juga diwajibkan untuk solat fardhu secara berjamaah di samping menghadiri program agama yang lain seperti berzikir selepas solat fardhu, membaca Iqra atau al-Quran, solat sunat seperti Solat sunat Dhuha, Taubat dan sebagainya. Selain itu, turut diadakan program-program lain seperti ceramah, forum atau diskusi. Kebiasaannya program ini akan diadakan sempena menyambut Hari-Hari kebesaran Islam seperti Awal Muharram, Isra' Mikraj, Maulidur Rasul, Ramadhan dan sebagainya.

Menurut Ustaz Jamal Zaidi juga, di peringkat pusat telah diadakan pertandingan-pertandingan seperti Tilawah al-Quran, nasyid dan sebagainya. Manakala di peringkat institusi turut diadakan program-program seperti usrah, mukhaiyyam dan sebagainya. Namun, program-program agama di institusi diserahkan kepada pembantu hal ehwal Islam untuk melaksanakannya. Namun, setiap pembantu hal ehwal Islam atau lebih dikenali sebagai guru agama akan diberikan bersama mereka Modul Kurikulum

---

<sup>189</sup> Mohd Nor Azan b. Mohamad Zin (Pembantu Hal Ehwal Islam, Sekolah Tunas Bakti, Jerantut, Pahang), dalam temubual dengan penulis, 20 Oktober 2011.

Pendidikan Islam. Modul tersebut menjadi asas kepada mereka untuk melaksanakan program agam sebagai kaedah pemulihan kerohanian terhadap golongan pelatih.<sup>190</sup>

### **3.6.1 Modul Kurikulum Pendidikan Islam**

Modul Kurikulum Pendidikan Islam (Asas-Asas Fardhu Ain) telah disusun, dikaji dan dimantapkan semula berdasarkan kurikulum asal melalui Bengkel Pengukuhan Kurikulum Pendidikan Islam dan Pengurusan Hal Ehwal di Islam di Institusi pada 19 – 22 Mac 2007.

Kurikulum ini adalah asas rujukan dan panduan kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat dalam melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran agama kepada semua pelatih dan penghuni di institusi di bawahnya.

Kurikulum ini dibahagikan kepada bidang seperti Akidah, Feqah (Ibadah), Akhlak dan Tilawah al-Quran serta disesuaikan mengikut tahap pengetahuan yang ada pada pelatih atau penghuni.

Kurikulum ini juga dijadikan asas perbincangan mengenai asas-asas fardhu ain yang menekankan konsep keyakinan dan ibadah di dalam setiap diri insan sebagai amalan dan penghayatan terhadap agama Islam secara keseluruhan.

---

<sup>190</sup> Jamal Zaidi bin. Ismail (Pegawai Agama Jabatan Kebajikan Masyarakat, Menara Tun Hussain Ali, Kuala Lumpur), dalam temubual dengan penulis, 10 Mac 2011.

## ii. Objektif

Modul Kurikulum Pendidikan Islam yang telah dirangka oleh JKM mempunyai objektif iaitu menilai tahap pengetahuan dan kefahaman agama penghuni, membolehkan perancangan pendidikan agama yang sesuai diberi kepada penghuni, memberi kesedaran awal mengenai kepentingan agama dalam kehidupan mengikut syariat Islam sebenar, menjadikan penghuni di institusi komited dengan amalan, aktiviti agama dan kerohanian ke arah pembentukan insan yang berakhlak mulia serta mukmin sejati.

## iii. Kandungan

### a. Bidang Akidah

Bidang akidah merupakan asas dalam konteks silibus pengajian dalam modul kurikulum pendidikan Islam. Di antara perkara yang dibincangkan dalam bidang ini iaitu penjelasan dari aspek akidah seperti pengertian dan perkara-perkara yang merosakkan iman. Pengertian iman, Islam dan ihsan merangkumi aspek pengertian iman, Islam dan ihsan.

Rukun Iman merangkumi aspek kepercayaan kepada Allah s.w.t. dengan membincangkan nama-nama Allah s.w.t., sifat wajib, mustahil dan harus dalil kewujudan Allah s.w.t. serta hikmah atau kelebihan beriman kepada Allahs.w.t.

Percaya kepada Malaikat membincangkan mengenai pengenalan dan kejadian malaikat, nama-nama malaikat dan tugasnya, perbezaan antara malaikat, manusia dan jin serta hikmah beriman kepada malaikat.

Percaya kepada Kitab membincangkan berhubung pengertian kitab, jumlah kitab serta nama-nama rasul yang menerimanya serta hikmah beriman kepada kitab (al-Quran).

Percaya kepada Rasul membincangkan berhubung pengertian rasul, perbezaan antara nabi dan rasul, nama-nama rasul yang wajib diketahui dan jumlahnya, sifat-sifat yang mustahil dan harus bagi rasul, rasul-rasul yang bergelar *Ulul 'Azmi* serta hikmah beriman kepada rasul.

Percaya kepada Hari Akhirat memfokuskan perbincangan berhubung pengertian hari akhirat, tanda-tanda hampir kiamat, alam kubur, padang masyar, hisab, titian dosa dan pahala serta syurga dan neraka.

Percaya kepada Qada' dan Qadar membincangkan berhubung pengertian qada' dan qadar, hubungan qada' dan qadar dalam kehidupan serta hikmah beriman dengan qada' dan qadar.

Rukun Islam juga turut diterapkan dalam proses pemulihan di kalangan pelatih di Institusi Pemulihan Akhlak JKM. Antara kandungan Rukun Islam yang diterapkan ialah mengucap dua kalimah syahadah iaitu membincangkan konsep dua kalimah syahadah dari segi bahasa dan istilah, lafaz dan makna dua kalimah syahadah serta perkara yang membatalkan dua kalimah syahadah.

Rukun Islam juga turut menekankan elemen solat dalam konteks membincangkan pengertian, hukum dan dalil. Pendidikan berhubung berpuasa di bulan Ramadhan membincangkan aspek pengertian, hukum dan dalil berpuasa. Elemen zakat juga turut diterapkan dalam proses pendidikan dengan membincangkan aspek pengertian, hukum dan dalil. Modul ini juga turut menerapkan elemen haji dengan membincangkan aspek pengertian, hukum, dalil, hikmah, tujuan dan faedah.

b. Bidang Feqah atau Ibadah

Bidang ibadah membincangkan mengenai pengertian dan pembahagian hukum-hukum dalam Islam seperti hukum wajib, sunat, makruh, haram dan harus. Penekanan juga turut diberikan dalam aspek bersuci dengan membincangkan berhubung pengertian bersuci, hukum dan dalil tuntutan bersuci, sebab dan cara bersuci, air dan jenis-jenisnya seperti air mutlak, musyammas, musta'mal dan mutanajjis.

Modul ini juga turut membincangkan aspek najis dan cara menyucikannya seperti najis mughallazah, mutawassitah dan mukhaffafah. Elemen wuduk juga turut diberi penekanan dari aspek pengertian, fardhu, rukun, syarat, sunat serta perkara-perkara yang membatalkan wuduk.

Modul ini juga membincangkan berhubung aspek mandi wajib dan sunat. Antara pengisian ialah pengertian mandi wajib dan hadas besar, sebab-sebab wajib mandi, fardhu atau rukun mandi wajib, perkara sunat mandi wajib, jenis-jenis

mandi sunat dan perkara-perkara yang haram dilakukan ketika junub dan berhadass kecil.

Solat juga merupakan salah satu pengisian yang dibincangkan. Perbincangan termasuk aspek lafaz azan dan iqamah, solat fardhu, perkara-perkara berkaitan solat seperti syarat wajib solat, syarat sah solat, rukun solat, bacaan dalam solat, perkara-perkara sunat sebelum dan di dalam solat serta perkara-perkara yang membatalkan solat di samping praktikal solat.

Di antara topik lain yang dibincangkan di dalam modul pendidikan Islam JKM termasuk solat berjemaah, pengenalan berkenaan haid, nifas, wiladah dan istihadah, puasa, kaedah-kaedah solat sunat, istinja' / qada' hajat (buang air), solat jumaat, tayammum, solat qasar dan jamak dan solat jenazah.

c. Bidang Akhlak

Bidang akhlak membincangkan berhubung kepentingan akhlak dalam Islam. Perbincangan ini merangkumi aspek sifat-sifat taubat iaitu pengertian taubat, syarat-syarat taubat dan kelebihan taubat. Topik perbincangan juga merangkumi pembahagian akhlak yang dibahagikan kepada lima elemen utama iaitu adab dalam kehidupan harian, adab terhadap ibu bapa dan keluarga, adab dalam kehidupan bersosial, adab menuntut ilmu dan adab dengan al-Quran. Perbincangan juga turut menyentuh berhubung sifat-sifat terpuji (mahmudah) dan sifat-sifat tercela (mazmumah). Adab berdoa dan jenis-jenis doa dalam zikir harian seperti doa-doa lazim dan zikir munajat. Perbincangan juga merangkumi waktu-waktu mustajab doa



dan tempat mustajab berdoa. Contoh akhlak Rasul s.a.w. turut menjadi topik perbincangan. Penambahan terhadap konsep pergaulan dalam Islam dan konsep aurat dan pakaian dalam Islam melengkapkan modul untuk kelas pendidikan Islam yang dilaksanakan di Institusi pemulihan JKM.

d. Bidang Tilawah

Bidang tilawah merupakan di antara pengisian yang termasuk dalam modul pendidikan Islam JKM. Bidang ini membincangkan pengenalan tilawah al-Quran, asas pembelajaran jawi (Iqra'), asas pembelajaran tajwid dan asas pengajian al-Quran. Penekanan diberikan terhadap pembacaan ayat-ayat al-Quran terhadap pelatih di samping pelatih dikehendaki membaca ayat-ayat al-Quran dengan surah-surah yang telah ditetapkan pada setiap pagi dan petang, sebelum tidur, tiap-tiap malam dan pada malam dan hari Jumaat.

e. Aktiviti Ko-Kurikulum

Kurikulum Pendidikan Islam turut memasukkan aktiviti ko-kurikulum.

Aktiviti ini terbahagi kepada dua bahagian iaitu:

1. Program-program sempena Hari Kebesaran Islam seperti ceramah, forum, tazkirah dan sebagainya. Program seperti ini kebiasaannya diadakan pada Awal Muharram, Maulidur Rasul, Israk Mikraj, Awal Ramadhan, Nuzul Quran, Sambutan Hari Raya Aidil Fitri dan sebagainya.

2. Amalan- amalan utama dalam Islam juga turut dimasukkan dalam modul Pendidikan Islam JKM. Antara amalan-amalan tersebut ialah zikir, tahlil dan doa, solat-solat sunat, Qiamullail, Halaqah al-Quran, Bacaan Surah Yassin, Tadarus al-Quran pada bulan Ramadhan, ceramah agama, nasyid dan perkhidmatan kaunseling.

v. Kaedah Penilaian : Ujian Lisan (Amali dan Praktikal)

Ujian lisan merupakan kaedah yang digunakan oleh Pembantu Hal Ehwal Islam di setiap institusi bertujuan menilai tahap pengetahuan pelatih yang dimasukkan ke institusi pemulihan di bawah JKM. Pembahagian tahap pengetahuan pelatih dibahagikan kepada tiga iaitu lemah, sederhana dan baik. Ujian lisan ini diselaraskan di setiap institusi. Perkara asas yang diuji merangkumi aspek akidah, feqah (ibadah) dan tilawah.

Perkara asas akidah merangkumi asas rukun Iman seperti percaya kepada Allah s.w.t., malaikat, kitab, rasul, hari akhirat dan qada' qadar. Manakala perkara asas rukun Islam merangkumi aspek mengucap dua kalimah syahadah, solat, berpuasa, zakat dan menunaikan haji.

Perkara asas feqah yang dinilai merangkumi aspek asas wuduk seperti rukun wuduk dan praktikal wuduk. Asas bersuci seperti mandi wajib dan kedah bersuci serta asas solat seperti rukun solat dan praktikal solat.

Pelatih juga turut dinilai dari aspek asas tilawah al-Quran seperti ujian bacaan surah-surah lazim dan asas tajwid.<sup>191</sup>

Guru agama dipertanggungjawabkan untuk menilai tahap pengetahuan agama pelatih khususnya ilmu-ilmu berkaitan fardhu ain. Ujian ini akan dibuat dalam masa selewat-lewatnya dalam masa sebulan pelatih ditempatkan di institusi pemulihan. Ujian lisan kemudiannya akan dibuat dalam tempoh enam bulan pelatih berada di institusi. Penilaian akan direkodkan dalam rekod penilaian pelatih yang diselaraskan dalam modul pendidikan Islam. Melalui ujian ini tahap pengetahuan pelatih berhubung pengajian agama yang diberikan dapat dikenalpasti.<sup>192</sup>

### **3.7 Program dan aktiviti dakwah yang dilaksanakan di Institusi Pemulihan Akhlak JKM**

Program dan aktiviti dakwah di Institusi Pemulihan Akhlak JKM, telah dijalankan oleh beberapa orang penggerak dakwah. Seorang penggerak dakwah tetap dan beberapa penggerak dakwah sambilan yang dijemput oleh pihak Institusi Pemulihan Akhlak JKM.

---

<sup>191</sup> Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia, “Kurikulum Pendidikan Islam (Asas-Asas Fardhu Ain) Di Institusi-Institusi Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia” (modul, Bengkel Pengukuhan Kurikulum Pendidikan Islam dan Pengurusan Hal Ehwal Islam di Institusi, Hotel Seaview Langkawi, Kedah, 19-22 Mac 2007), 19-20.

<sup>192</sup> Jamal Zaidi bin. Ismail (Pegawai Agama Jabatan Kebajikan Masyarakat, Menara Tun Hussain Ali, Kuala Lumpur), dalam temubual dengan penulis, 10 Mac 2011.

Antara Program atau aktiviti yang dijalankan seperti kelas kerohanian (kelas Fardhu ain, Akidah/Tauhid, Syariah/Fiqh, Akhlak), kelas pengajian Al-Quran, solat berjemaah, bacaan surah Yassin, sambutan hari-hari Kebesaran Islam, ceramah keagamaan, kursus jenazah, Smart solat, pertandingan nasyid dan tilawah Al-quran

Beberapa Program dan Aktiviti di bulan Ramadhan adalah seperti solat Terawih, kuliah Ramadhan dan tazkirah dan tadabbur al-Quran. Jika dilihat, sebilangan penghuni yang melakukan kesalahan dan keterlanjuran, mereka ini tergolong dalam orang yang tidak sempurna kefahaman agama serta nilai pendidikan akhlak dalam diri mereka. Mereka menjadikan hawa nafsu sebagai panduan hidup, sehingga mereka tiada pedoman dan tidak teragak-agak untuk mencebur diri dalam kencah dan kegiatan negatif yang terdedah kepada bahaya moral, rosak atau menjadi mangsa pelacuran.

Oleh yang demikian, menyedari hakikat program dan aktiviti pendidikan agama ini menjadi unsur yang penting dalam program pemulihan, maka pendidikan agama telah disediakan mengikut agama yang dianuti. Namun begitu, di Institusi Pemulihan Akhlak JKM, bagi penganut agama selain Islam, mereka tidak disediakan modul pembelajaran moral oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat, tetapi penulis dimaklumkan bahawa pengetua di Institusi Pemulihan Akhlak JKM cuba mengutarakan hal ini kepada pihak atasan.

Falsafah pendidikan kebangsaan Malaysia menyatakan pendidikan adalah suatu usaha berterusan ke arah memperkembangkan lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmoni dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan.

Usaha ini adalah bagi melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri, serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara.<sup>193</sup>

Tujuan program dan aktiviti ini disediakan adalah untuk memenuhi matlamat falsafah pendidikan kebangsaan dan memberi bimbingan agama kepada pelatih, membentuk keperibadian penghuni sehingga dapat memberi kesedaran dan melahirkan keinsafan dalam diri mereka. Berikut adalah program yang dilaksanakan di institusi pemulihan JKM.

### **3.7.1 Program Kerohanian**

Program didefinisikan sebagai rancangan yang menentukan dasar-dasar yang akan dijalankan.<sup>194</sup> Kerohanian atau rohani, dalam maksud terhad, merujuk kepada perkara-perkara yang berkaitan dengan roh. Manakala dalam maksud yang lebih luas, membawa maksud semangat intrinsik yang dipunyai oleh segala jirim di dunia. Walaupun begitu rohani selalu dikaitkan dengan perasaan dalaman manusia yang melibatkan emosi sendiri dan penaakulan strategik.

---

<sup>193</sup> [www.moe.gov.my/v/falsafah-pendidikan-kebangsaan](http://www.moe.gov.my/v/falsafah-pendidikan-kebangsaan). 3.8.2015

<sup>194</sup> Hjh. Noresah bt. Bharom, *Opcit*, 1057.

Kesucian rohani sangat ditekankan dalam agama. Kesucian rohani membawa maksud keadaan mental yang logik dan mementingkan kebaikan manusia sejagat dan baharulah kebaikan individu itu sendiri. Rohani setiap individu merupakan penentu moral sosial masyarakat itu dan penetapan undang-undang.

Manusia yang hidup di atas bumi ini tidak terlepas dari dibelenggu dengan masalah, sama ada masalah dalaman atau batin dan masalah luaran iaitu zahir. Masalah batin terjadi disebabkan oleh jiwa manusia yang kosong yang tidak diisi dengan makanan rohani seperti berzikir bermuhasabah dengan apa yang telah dilakukan dan melakukan ibadah yang dituntut, kerana jiwa yang dipenuhi kelalaian akan dihuni oleh syaitan, dan tugasnya adalah untuk menyesatkan anak adam. Maka wujudlah pelbagai masalah dalam kehidupan, seperti masalah moral yang terjadi pada hari ini.

Mejoriti pelatih di Institusi Pemulihan Akhlak JKM terdiri daripada mereka yang beragama Islam, mereka dibimbing oleh penggerak dakwah yang ditugaskan mendidik pelatih disitu. Perkara pertama yang perlu dilakukan oleh pelatih apabila masuk ke Institusi Pemulihan Akhlak JKM, mereka terlebih dahulu diajar dan diterangkan mengenai cara-cara mengucap dua kalimat syahadah, sembahyang, mandi wajib dan sebagainya secara berulang-ulang kali sehingga mahir. Kelas pengajian agama disini meliputi asas fardhu ain dan fardhu kifayah.

Asas akidah akidah diajar di dalam kelas supaya mereka mengenal dan mengetahui ilmu tentang akidah, soal Iman, Islam dan Ihsan, serta perihal yang berkaitan ketuhanan, sifat 20, konsep bersyukur kepada Allah SWT dan sebagainya. Tujuannya apabila mereka

keluar nanti mereka tidak lagi terjebak dalam perkara yang sama dan mengamalkan apa yang dipelajari

Bagi pengajian syariah, para pelatih akan didedahkan dan dibimbing mengenai cara solat yang betul dengan mengikut syarat-syarat dan rukun-rukunnya, bersuci, dan berpuasa. Terdapat juga segelintir penghuni yang tidak tahu langsung bagaimana cara untuk menunaikan solat, dan bacaan dalam solat serta mandi wajib. Namun tidak dinafikan ada juga dalam kalangan mereka yang mengetahui sedikit sebanyak dalam pengajian syariah ini, mereka juga turut membantu penghuni yang lain. Justeru itu, mereka dilatih secara berterusan supaya dapat melakukan kewajipan yang telah disyariatkan dengan sempurna dan istiqamah.

Di dalam pengajian ini juga, guru agama turut menerangkan tentang hukum hakam yang terdapat dalam Islam serta wajib diketahui oleh seluruh umat Islam. Mereka juga diberi pendedahan mengenai perbuatan-perbuatan yang membawa keburukan seperti mencuri, berzina atau seks bebas, berkhawat bergaul bebas dengan berlainan jantina, tidak menutup aurat dan lain-lain perkara yang menjadi tegahan dalam agama Islam..<sup>195</sup>

Dalam bidang akhlak pula, dijelaskan mengenai contoh teladan akhlak yang terbaik iaitu Rasulullah SAW sendiri, sebagaimana yang kita ketahui Nabi Muhammad SAW mempunyai akhlak yang terbaik dan menjadi pedoman untuk umat manusia dalam kehidupan seorang Islam contohnya Baginda mengajar kita bagaimana untuk

---

<sup>195</sup>Jamal Zaidi bin. Ismail (Pegawai Agama Jabatan Kebajikan Masyarakat, Menara Tun Hussain Ali, Kuala Lumpur), dalam temubual dengan penulis, 10 Mac 2011.

menghormati ibu bapa, dan sifat-sifat mulia yang ditunjukkan oleh Nabi serta pemahaman mengenai sifat terpuji (*Mahmudah*) dan tercela (*Mazmumah*). Agar apabila tamat tempoh pemulihan di Institusi Pemulihan Akhlak JKM ini, mereka menjadi seorang yang mempunyai akhlak yang mulia dan dapat menjadi contoh kepada orang lain.

### **3.7.2 Kelas Pengajian Asas-asas Fardu Ain**

Kelas pengajian asas-asas fardu ain, adalah untuk membantu pelatih di Institusi Pemulihan Akhlak JKM, mempelajari perkara-perkara asas dalam ajaran Islam, supaya mereka mempunyai asas yang kukuh mengenai ajaran Islam seterusnya mampu menjadi seorang Muslim yang bertaqwa. Pengisian bagi kelas ini ialah pengajian akidah, akhlak, fikah serta membaca Al-Quran dan menghafaznya.

Jadual kelas ini bermula pada hari Isnin hingga Khamis, waktunya pagi hingga petang. Mereka akan dibahagikan kepada dua kumpulan. Jika kumpulan pertama menghadiri kelas keagamaan atau fardhu ain pada sesi sebelah pagi, maka kumpulan kedua akan mengikuti kelas jahitan. Kumpulan mereka akan bergilir-gilir menghadiri kelas tersebut sama ada pagi atau petang.

### **3.7.3 Kelas Pengajian al-Quran<sup>196</sup>**

Kelas Pengajian Al-Quran yang dijalankan di Institusi Pemulihan Akhlak JKM menjadi asas utama kepada pelatih dalam pembelajaran mengenai ajaran Islam. Kelas ini diadakan

---

<sup>196</sup> Jamal Zaidi bin. Ismail (Pegawai Agama Jabatan Kebajikan Masyarakat, Menara Tun Hussain Ali, Kuala Lumpur), dalam temubual dengan penulis, 10 Mac 2011.



untuk memberi pendedahan awal mengenai pembelajaran bacaan Al-Quran serta erti yang tersurat dan tersirat di dalamnya.

Menurut ustazah kelas pengajian Al-Quran sangat penting kepada pelatih kerana mereka dapat mempelajari bacaan Al-Quran mengikut hukum tajwid seperti hukum *nun mati* dan *tanwin*, *mim mati*, *qolqolah* dan hukum tajwid yang lain. Selain itu, tumpuan kepada sebutan makhraj di beri perhatian supaya bacaan tidak bertukar dari maksud yang asal. Dan bertadurus serta dapat mempelajari isi yang terkandung di dalamnya.<sup>197</sup>

Objektif utama pengajian Al-Quran adalah seperti berikut:

1. Memberi didikan kepada pelatih untuk belajar membaca al-Quran dari permulaan mengenal huruf hingga secukupnya sebagai seorang Muslim.
2. Membimbing, membantu dan memberi dorongan kepada pelatih agar dapat mempertingkatkan pengetahuan, amalan dan menghayati ajaran al-Quran semaksimumnya.
3. Melahirkan pelatih yang celik al-Quran, bukan hanya sekadar pandai membaca malah mampu mengamalkannya.
4. Membentuk budaya al-Quran dalam diri pelatih Institusi Pemulihan Akhlak JKM

---

<sup>197</sup> Jamal Zaidi bin. Ismail (Pegawai Agama Jabatan Kebajikan Masyarakat, Menara Tun Hussain Ali, Kuala Lumpur), dalam temubual dengan penulis, 10 Mac 2011.

Kelas ini juga dapat memantapkan lagi keimanan dan keyakinan kepada Allah SWT serta membentuk akhlak yang mulia. Bahkan dapat menghakis kejahilan serta mendatangkan manfaat yang amat besar di dunia dan akhirat.

### 3.7.4 Solat Berjemaah <sup>198</sup>

Solat berjemaah adalah ibadah yang didirikan oleh dua orang atau lebih secara bersama-sama. Seseorang dari mereka bertindak menjadi imam dan yang lainnya menjadi makmum.<sup>199</sup> Menurut kamus dewan, jemaah bererti kumpulan orang beribadat. Berjemaah bererti beramai-ramai, bersama-sama atau sembahyang bersama-sama.<sup>200</sup>

Konsep solat berjemaah juga ialah mengerjakan sesuatu secara berkumpulan. Dalam konsep ini, solat dilakukan secara berjemaah dengan cara yang sama. Dan dari segi akidah, didapati terdapat penyatuan yang kukuh diantara para Jemaah. Dengan adanya Jemaah terdiri satu kekuatan umat Islam yang melambangkan perpaduan tanpa mengira bangsa, pangkat, dan darjat.<sup>201</sup>

Solat adalah ibadah yang menghubungkan seseorang dengan Allah SWT, ia membuktikan ketaatan, kepatuhan serta mengingatiNya. Solat juga mendidik jiwa seseorang mengerti hakikat ketaqwaan, ketenangan, kesabaran, tawakal jihad dan Allah sahajalah tempat bergantung yang optimum dalam semua urusan hidup<sup>202</sup>

---

<sup>198</sup> Jamal Zaidi bin. Ismail (Pegawai Agama Jabatan Kebajikan Masyarakat, Menara Tun Hussain Ali, Kuala Lumpur), dalam temubual dengan penulis, 10 Mac 2011.

<sup>199</sup> Prof.Dr.H.Baihaqi.A.K.*fiqh Ibadah*.Bandung: Terbitan Mzs.Hlm 66.

<sup>200</sup> Kamus Dewan, Opcit.Hlm,33

<sup>201</sup> Ustazah Zurina Khalid.2002.*Fardhu Ain Dan Permasalahannya*. Kuala Lumpur: Pustaka Haji Abdul Majid.Hlm 75.

<sup>202</sup> Hasan al-Tabari (Dr). 1974. *Al-Salah 'Imad al-Din*. Kuwait: Dar al-Qalam. Hlm.11.

Oleh itu, Allah SWT mentaklifkan solat ke atas mereka yang dipilih memikul amanah Nubuwwah dan risalah kerana solat dapat menghubungkan mereka secara langsung dengan Allah. Ia juga menjadi kekuatan rohani dalam melaksanakan amanah yang besar itu.

Institusi Pemulihan Akhlak JKM telah mewajibkan pelatih mereka yang beragama Islam untuk menunaikan solat berjemaah di surau yang disediakan dari solat subuh hingga Isyak. Imam akan dilantik dari kalangan pelatih sendiri, dan dilakukan secara bergilir-gilir. Kebiasaanya Imam dipilih dari pelatih yang lama tinggal dan mereka yang sepenuhnya menguasai ilmu tentang solat seperti memenuhi syarat-syarat seorang Imam iaitu seorang yang beragama Islam, berakal, cukup umur, bebas dari hadas dan kotoran, mempunyai bacaan yang baik serta Imam itu bukan seorang makmum.

Dari segi konsep pemulihan kepada pelatih, solat jemaah dapat mewujudkan dan membentuk rasa kemesraan antara pelatih, mendidik sikap kerjasama dan menanam sifat saling sayang menyayangi dalam ikatan persaudaraan antara mereka. Solat juga dapat membentuk sahsiah pelatih supaya berdisiplin dalam setiap perkara yang dilakukan, serta dapat mencegah mereka dari melakukan perkara yang mungkar. Perkara yang baik dan elok akan tergambar dalam kehidupan jika solat itu ditunaikan dengan khusyuk dan ikhlas kepada Allah.

### 3.7.5 Bacaan dan Penghayatan Surah Yasin<sup>203</sup>

Bacaan dan penghayatan surah Yasin adalah sebahagian dari aktiviti-aktiviti yang dijalankan kepada pelatih di Institusi Pemulihan Akhlak JKM. Ia diadakan Pada setiap hari Jumaat bersama kakitangan dan pelatih, mereka akan membaca Surah Yasin secara berjemaah dan aktiviti ini menjadi agenda tetap mingguan yang diadakan oleh Institusi Pemulihan Akhlak JKM.

Objektif Bacaan dan Penghayatan Surah Yasin ialah untuk:

1. Mendedahkan budaya bacaan Yasin kepada pelatih.
2. Melatih pelatih Institusi Pemulihan Akhlak JKM supaya mahir membaca Yasin dan membiasakan mereka membaca ayat-ayat al-Quran.
3. Mengeratkan hubungan silaturahim sesama pelatih yang lain.
4. Membentuk peribadi Muslimah dalam diri pelatih.

Pelatih juga diberi pendedahan mengenai kelebihan dan keistimewaan membaca Surah Yasin, seperti Allah akan menghapuskan dosa orang yang membacanya dengan seikhlas hati, boleh dijadikan amalan untuk ibu yang mengandung, dan dengan membaca Surah Yasin Allah akan memakbulkan hajat hambaNya serta banyak lagi kelebihan dan keistimewaanya. Dan yang terakhirnya pelatih di sarankan untuk menghadiakan pahala bacaan kepada ibu bapa mereka.

---

<sup>203</sup> Jamal Zaidi bin. Ismail (Pegawai Agama Jabatan Kebajikan Masyarakat, Menara Tun Hussain Ali, Kuala Lumpur), dalam temubual dengan penulis, 10 Mac 2011.

Pengisian dalam aktiviti bacaan dan penghayatan Surah Yasin merupakan elemen penting dalam proses pembelajaran dan pengajaran. Dimana pelatih membentuk keperibadian mereka dengan nilai-nilai murni sejajar dengan kehendak ajaran Islam sebagai Muslimah. Amalan ini dapat memberi kesedaran dan ketenangan kepadanya dalam erti kehidupan. Bukan sekadar sedemikian, bahkan ia dapat memberi semangat kepada pelatih untuk melangkah lebih jauh lagi.

Aktiviti bacaan dan penghayatan Surah Yasin memainkan peranan penting dalam usaha mendidik dan pemulihan pelatih membaca Yasin dan celik Al-Quran serta membentuk mereka mendekati dan menghayatinya dengan lebih mendalam bahkan dapat memperbaiki bacaan mereka dengan lebih lancar dan fasih serta dapat mengeratkan lagi silaturahim sesama mereka.

### **3.7.6 Ceramah/Kuliah Agama**

Ceramah ialah ucapan yang membicarakan sesuatu perkara seperti bahasa, politik dan lain-lain.<sup>204</sup> Ceramah ialah proses komunikasi sehalu atau dua hala dalam menjelaskan atau memberi informasi tertentu, sementara peserta atau audiens mendengarnya.<sup>205</sup> Ceramah dalam Islam merupakan satu corak hidup, satu kegiatan yang membolehkan agama meresap ke hati, bergerak daripada suatu fikiran yang

---

<sup>204</sup>Kamus Dewan, edisi ke empat (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2005), 270.

<sup>205</sup> Siti Hajar Hj. Abdul Aziz, *Aktiviti Lisan* (Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman Sdn. Bhd, 2006), 21.

lain, berpindah daripada satu generasi yang mengikut masa, dari satu negeri kepada satu negeri yang lain mengikut tempat.<sup>206</sup>

Ceramah yang berkesan ialah ceramah yang berfokus ke arah tujuan dan sasarannya yang jelas dan nyata, diikuti dengan penjelasan yang lengkap dan rasional.<sup>207</sup> Penceramah hendaklah mahir dengan masalah hidup dan tahu penyakit masyarakatnya dan mengetahui hal wahyu serta menjalankan kerja berpandu kepadanya. Apabila dikemukakan masalah oleh orang ramai, dia dapat menghilangkan keraguan mereka dengan memuaskan hati mereka.<sup>208</sup>

Institusi Pemulihan Akhlak JKM menjadikan ceramah sebagai salah satu cara untuk menyampaikan dakwah. Di mana pada setiap hari Rabu, Pihak Institusi Pemulihan Akhlak JKM akan menjemput penggerak dakwah dari luar untuk menyampaikan ceramah mengenai topik-topik tertentu dan solat jemaah bersama penghuni di Institusi Pemulihan Akhlak JKM.

### **3.7.7 Sambutan Hari-Hari Kebesaran Islam <sup>209</sup>**

Majlis sambutan hari-hari kebesaran dalam Islam akan diraikan oleh pelatih Institusi Pemulihan Akhlak JKM. Seperti sambutan Maulidur Rasul, pelatih dan kakitangan akan

---

<sup>206</sup> Ghazali Darusalam *Dinamika Ilmu Dakwah Islamiah* ( Kuala Lumpur: Utusan Publication dan Distributors Sdn Bhd, 1996), 32.

<sup>207</sup> ` Abd al-Karim Zaydan (1987), *op.cit.* 477

<sup>208</sup> Ghazali Darusalam (1996), *op.cit.* 32

<sup>209</sup> Jamal Zaidi bin. Ismail (Pegawai Agama Jabatan Kebajikan Masyarakat, Menara Tun Hussain Ali, Kuala Lumpur), dalam temubual dengan penulis, 10 Mac 2011.

berarak menyambut Maulidur Rasul dan menjemput penceramah luar untuk menyampaikan ceramah mengenai hari kelahiran Baginda. Dari situ, sedikit sebanyak mereka akan dapat menambah pengetahuan dan ilmu dan rasa kasih akan Rasulullah SAW.

Tidak hanya Maulidur Rasul, sambutan hari-hari kebesaran lain seperti awal Muharam, membaca doa Akhir dan Awal Tahun, Nisfu Syaaban, Nuzul Quran, Israk Mikraj serta sambutan Hari Raya Aidilfitri dan Aidil Adha.

Dengan cara sambutan hari-hari kebesaran dan ceramah, mesej-mesej Islam dapat disampaikan tanpa mereka sedari, seperti penceramah mendatangkan cerita mengenai umat-umat terdahulu yang derhaka dan bagaimana mereka mendapat balasan dari Allah, ataupun menceritakan keistimewaan hari-hari tersebut dan kebesaran kuasa Allah semasa peristiwa Israk Mi'kraj Nabi.

Untuk menyampaikan mesej dakwah seorang dai'e harus berfikiran kreatif dan menggunakan pelbagai cara yang sesuai dengan sasaran, tetapi pendakwah perlu membuat kajian terlebih dahulu sebelum menyampikana mesej, ditakuti apa yang ingin disampaikan diibaratkan seperti angin lalu sahaja tanpa meninggalkan kesan pada hati penerima. Antara Majlis yang telah diprogramkan:

#### **3.7.7.1 Majlis Penghayatan Ramadhan**

Bulan Ramadhan menyimpan peristiwa penting dan hikmah serta keberkatan buat sekalian manusia. Umat Islam diwajibkan berpuasa dan berlaku peristiwa turunnya ayat

Al-Quran yang pertama kepada Nabi Muhammad SAW pada malam 17 Ramadhan. Bulan ini juga telah berlaku peperangan Badar 109 iaitu peperangan yang pertama di dalam sejarah Islam.

Majlis penghayatan Ramadhan diadakan pada setiap Ramadhan bagi setiap tahun. Pendekatan yang diambil dalam majlis ini ialah, tazkirah, majlis berbuka puasa, solat maghrib dan isyak secara berjemaah serta tarawih. Majlis ini adalah untuk mengeratkan lagi hubungan silaturahim sesama pelatih dan kakitangan yang ada.<sup>210</sup>

Tazkirah yang diberikan pada majlis ini, menjelaskan perkara-perkara yang perlu dilakukan untuk melatih diri iaitu bersabar, ikhlas, menjaga kesihatan fizikal, mengawal keinginan diri dan menyentuh mengenai cabaran dan dugaan umat Islam masa kini. Institusi Pemulihan Akhlak JKM akan menjemput ustaz dari luar untuk mengimamkan solat terawih dan memberi tazkirah mengenai bulan Ramadhan.

Puasa bukan sahaja menahan diri daripada makan dan minum semata-mata, malah ia juga mampu menahan nafsu dari melakukan perkara yang boleh membawa kepada kemungkar. Puasa juga dapat melatih diri pelatih erti kesabaran dalam menempuh kehidupan. Pada bulan ini, Allah SWT menjanjikan bahawa pintu Rahmatnya akan dibuka seluas-luasnya untuk hambaNya. Jadi dibulan ini, pelatih bukan sahaja berpuasa tetapi mereka memperbanyakkan melakukan ibadah seperti membaca Al-Quran dan berzikir

---

<sup>210</sup> Jamal Zaidi bin. Ismail (Pegawai Agama Jabatan Kebajikan Masyarakat, Menara Tun Hussain Ali, Kuala Lumpur), dalam temubual dengan penulis, 10 Mac 2011.



Dorongan serta rangsangan diberikan kepada pelatih supaya mereka dapat membina kekuatan jati diri dengan lebih teguh dan mantap pada masa yang akan datang.

### **3.7.7.2 Majlis Sambutan Maal Hijrah**

Majlis sambutan Maal Hijrah ini diprogramkan pada setiap tahun. Maal Hijrah atau juga dikenali sebagai Awal Muharam, merupakan sambutan tahun baru mengikut perkiraan kalendar Islam. Sehubungan dengan itu Institusi Pemulihan Akhlak JKM mengadakan sambutan ini dengan berbagai-bagai bentuk pengisian yang berfaedah kepada pelatih untuk menyambut hari kebesaran Islam atas sikap prihatin dan bertanggungjawab kepada mereka.

Objektif utama program ini ialah mengajak pelatih untuk mengimbas kembali sejarah penghijrahan Rasulullah SAW dan para sahabat pada zaman dahulu, dan merasakan bersemangat untuk meningkatkan kualiti sebagai seorang Muslim yang benar-benar bertaqwa kepada Allah SWT. Sambutan Maal Hijrah skopnya amat luas bukan sekadar mengadakan majlis dan perarakan tetapi merangkumi kehidupan harian seperti sikap, cara hidup, pergaulan, percakapan dan lain-lain lagi

Islam amat menggalakkan umatnya untuk melakukan perubahan. Islam adalah agama yang dinamik, bukan jumud dan kaku. Malah Islam menuntut umatnya agar selalu membuat perubahan. Contohnya, dari sudut perlakuan buruk merubah kepada baik dan sebagainya.

Kesimpulannya, majlis sambutan Maal Hijrah bermanfaat dan memberi kesan positif kepada pelatih dari segi pegangan akidah, asas-asas fardu ain perkembangan Islam

semasa dan memupuk kasih sayang serta cinta kepada Rasulullah SAW agar menjadikannya sebagai contoh ikutan yang terbaik dalam menjalani kehidupan harian. Ia juga dapat menyedarkan mereka, memberi keyakinan diri, memberi dorongan untuk terus berusaha dengan lebih gigih serta berubah ke arah kebaikan yang berintegriti.

### **3.7.7.3 Majlis Sambutan Maulidur Rasul**

Sambutan majlis ini adalah agenda tetap tahunan yang diadakan bagi mengenang kembali detik kelahiran Rasulullah SAW pada 12 Rabiulawal bersamaan 571 Masihi.

Objektif utama program ini adalah untuk:

1. Mengingati hari kelahiran junjungan besar Nabi Muhammad SAW.
2. Menjadikan peribadi Baginda SAW sebagai contoh dan ikutan yang terbaik.
3. Memberi pendedahan kepada saudara baru mengenai erti perjuangan dan pengorbanan Nabi Muhammad SAW dalam menghadapi cabaran semasa dan globalisasi.

Antara pengisian program adalah seperti Bacaan selawat beramai-ramai, berarak sambil berselawat, Ceramah agama/forum, dan jamuan makan. Inti ceramah yang disampaikan oleh penggerak dakwah jemputan dengan menerangkan kepada pelatit mengenai kegemilangan masyarakat Islam di zaman Rasulullah SAW dan dikaitkan dengan perkembangan Islam masa kini. Majlis ini juga banyak pengajaran untuk dijadikan panduan dan pegangan dalam kehidupan harian

Kesimpulannya, Majlis ini mengajar pelatih dan kakitangan di Institusi Pemulihan Akhlak JKM agar mengenang kembali detik kelahiran Rasulullah SAW dan menghayati perjalanan kehidupannya dengan mengambil iktibar untuk meningkatkan keimanan dan ketakwaan kepada Allah SWT.

#### **3.7.7.4 Majlis Sambutan Isra' dan Mi'raj**

Saban tahun, umat Islam akan menyambut Isra' dan Mi'raj pada 27 Rejab. Sambutan ini, amat penting kerana ia adalah salah satu dari hari kebesaran Islam, malah ia disambut sebagai mengenang kembali peristiwa perjalanan Nabi Muhammad SAW yang amat istimewa iaitu diangkat ke langit untuk menerima wahyu, disyariatkan solat fardu lima waktu daripada Allah SWT. Justeru, sambutan ini sepertimana juga Maulidur Rasul, bukanlah satu majlis keagamaan yang diperintahkan merayakannya, tetapi ia juga tidak dilarang. Pihak Institusi Pemulihan Akhlak JKM juga mengadakan Majlis Sambutan Isra' Mikraj ini.

Objektif yang ingin disampaikan kepada pelatih mengenai Isra' Mikraj ini pertamanya adalah untuk meninggikan syiar Islam, dan seterusnya mengajar pelatih supaya mengambil nilai-nilai murni yang terdapat dalam peristiwa ini contoh seperti kepercayaan yang telah ditunjukkan oleh Saidina Abu Bakar kepada Rasulullah sewaktu Baginda menceritakan mengenai Isra' Mi'raj dan beliau membenarkan apa yang dikatakan oleh Nabi SAW.

### **3.8 Kursus Jenazah**

Dengan kerjasama Pejabat Agama Islam Daerah, satu program Kursus Jenazah di jalankan bagi memberi pendedahan kepada penghuni mengenai cara-cara untuk menguruskan jenazah, seperti memandikan jenazah, mengapankan jenazah dan lain-lain. Program ini juga mendapat perhatian daripada penghuni etnik lain untuk melihat lebih dekat bagaimana agama Islam menguruskan mayat, ternyata cara pengurusannya berbeza dengan agamanya.

Objektif kursus jenazah ini diadakan bertujuan untuk memberi pendedahan dan kemahiran secara teori dan amali mengenai :

1. Mendedahkan bahan dan peralatan yang diperlukan semasa menguruskan jenazah.
2. Membantu peserta mengetahui lebih jelas dan tepat berkenaan pengkebumian jenazah yang betul.
3. Mengeratkan silaturrahim di kalangan peserta dan saling mengingatkan di antara satu sama lain tentang kematian dan persediaannya.

Selain itu, kursus ini dapat memberi keyakinan kepada pelatih untuk lebih berkeyakinan dan berpengetahuan dalam menguruskan jenazah, Meningkatkan kemahiran serta menguasai cara mengendalikan jenazah dari awal hingga akhir dengan betul dan memupuk kesedaran peserta tentang pentingnya ilmu pengetahuan dalam menguruskan jenazah kerana ianya adalah fardhu kifayah di kalangan umat islam.

### 3.9 Modul Rekreasi/ziarah<sup>211</sup>

Dakwah melalui ziarah merupakan satu usaha untuk mendampingi diri dengan sasaran iaitu pelatih. Islam amat menggalakkan umatnya melakukan ziarah menghubungkan silaturahim, ketika sakit, kenduri, membantu mereka yang memerlukan pertolongan dan sebagainya.<sup>212</sup> Oleh demikian, dakwah dengan cara ini dapat merapatkan lagi hubungan yang telah terjalin dan inilah masa yang terbaik untuk melaksanakan tugas-tugas dakwah kerana dalam diri mereka sudah ada kepercayaan, senang berurusan, mudah menerima kehadiran dan lain-lain lagi.

Pendekatan dakwah yang seterusnya ialah ziarah, dimana tujuan aktiviti ziarah ini dijalankan untuk memulihkan mental dan fizikal, kesihatan serta memberikan cara kehidupan dan persekitaran yang sihat kepada pelatih. Ia merupakan aktiviti yang disediakan oleh pihak Institusi Pemulihan Akhlak JKM.

---

<sup>211</sup> Jamal Zaidi bin. Ismail (Pegawai Agama Jabatan Kebajikan Masyarakat, Menara Tun Hussain Ali, Kuala Lumpur), dalam temubual dengan penulis, 10 Mac 2011.

<sup>212</sup> Jamal Zaidi bin. Ismail (Pegawai Agama Jabatan Kebajikan Masyarakat, Menara Tun Hussain Ali, Kuala Lumpur), dalam temubual dengan penulis, 10 Mac 2011.

University of Malaya

**BAB EMPAT**

# PELAKSANAAN DAN KEBERKESANAN PROGRAM AGAMA DI INSTITUSI PEMULIHAN AKHLAK JKM

## 4.1 Pendahuluan

Bab ini membincangkan penganalisan data yang telah diperolehi daripada pelatih, pegawai agama dan guru agama di Institusi Pemulihan JKM. Data diperolehi melalui dua sumber iaitu soal selidik yang telah diedarkan kepada pelatih di institusi pemulihan JKM. Manakala sumber kedua iaitu temubual yang telah dijalankan kepada 21 orang pelatih (yang ditentukan oleh pihak institusi), 2 orang pegawai Hal Ehwal Islam JKM dan 8 orang guru agama di setiap institusi.

Responden yang terlibat dalam analisis soal selidik kajian ini terdiri daripada 286 orang pelatih (n=286). Analisis bertujuan menganalisis pelaksanaan program agama di institusi dan keberkesanan program agama yang telah dilaksanakan di institusi terhadap pelatih dengan menganalisis tahap pengetahuan serta peningkatan kualiti amalan seharian pelatih. Satu set borang soal selidik telah digunakan. Data yang diperolehi, kemudiannya dianalisis dengan menggunakan perisian "*Statistical Package for the Social Science (SPSS)*" versi 16.0.

Statistik deskriptif (kekerapan dan peratusan) diguna untuk menjelaskan profil responden kajian. Statistik diskriptif (min) turut diguna untuk menentukan tahap persepsi

pelatih terhadap pelaksanaan program agama di institusi dan keberkesanan program agama terhadap tahap pengetahuan serta amalan pelatih yang dibahagikan kepada tiga elemen utama iaitu akidah, ibadah dan akhlak.

## 4.2 Profil Responden Kajian

Sebanyak 286 unit borang soal selidik yang telah dijawab dengan sempurna oleh responden kajian yang terdiri daripada 8 institusi pemulihan akhlak JKM. Profil responden yang dipilih merujuk kepada dua aspek utama tentang latar belakang responden yang terlibat dalam kajian iaitu latar belakang demografi (institusi pemulihan, jantina, umur, kesalahan juvana yang pernah dilakukan) dan amalan beragama sebelum dimasukkan ke institusi pemulihan.

### 4.2.1 Latar Belakang Demografi

Jadual 4.1 Demografi Responden

Perkara	Kekerapan	Peratus
<b>Institusi</b>		
Asrama Akhlak	58	20.3
Taman Seri Puteri	45	15.7
Sekolah Tunas Bakti	183	64.0
<b>Jantina</b>		
Lelaki	199	69.6
Perempuan	87	30.4
<b>Umur</b>		
12 thn – 13thn	9	3.1
14thn – 15 thn	79	27.6
16thn – 17 thn	159	55.6
18 tahun	39	13.6

Berdasarkan jadual 4.1, seramai 286 responden dari tiga buah institusi utama di bawah JKM iaitu Asrama Akhlak, Taman Seri Puteri dan Sekolah Tunas Bakti. Seramai 286 pelatih yang merupakan responden kajian ini iaitu 58 orang responden (20.3%) dari



Asrama Akhlak, 45 orang responden (15.7 %) dari Taman Seri Puteri dan 183 orang responden (64.0%) dari Sekolah Tunas Bakti. Responden yang terlibat merupakan pelatih institusi yang dibenarkan oleh pihak JKM . Daripada data yang diperolehi menunjukkan sebahagian besar responden terdiri daripada pelatih dari Sekolah Tunas Bakti.

Daripada jumlah keseluruhan responden. Seramai 199 orang responden (69.6%) adalah lelaki. Manakala 87 orang responden (30.4%) adalah perempuan. Responden kajian ini melibatkan remaja berumur 12 tahun hingga 18 tahun ke atas. Berdasarkan analisis yang telah dibuat daripada 286 orang responden seramai 9 orang responden (3.1%) berumur 12 tahun – 13 tahun, 79 orang responden (27.6%) berumur 14 tahun – 15 tahun, 159 orang responden (55.6%) berumur 16 tahun - 17 tahun dan 39 orang responden (13.6%) berumur 18 tahun. Lebih separuh responden yang terlibat dalam kajian ini berumur antara 16 tahun - 17 tahun iaitu 55.6%.


Golongan ini jelasnya berada pada tahap membina identiti serta berhadapan dengan pelbagai konflik identiti.<sup>213</sup> Justeru, pendidikan agama mestilah dijadikan teras utama dalam usaha membantu golongan remaja ini agar tidak terjebak semula dalam gejala delinkuen yang dilakukan oleh mereka sebelum ini.

### **4.3 Kesalahan Yang Telah Dilakukan**

#### **Carta 4.1 Kesalahan Yang Dilakukan**

---

<sup>213</sup> Rahil Mahyuddin, *Psikologi Kanak-Kanak dan Remaja*(Serdang: Universiti Putra Malaysia, 2004) ,117-120.



Berdasarkan analisis soal selidik, menunjukkan kesemua responden yang ditempatkan di institusi pemulihan terlibat dengan gejala sosial. Berpandukan graf seramai 183 orang (64.0%) responden terlibat dengan kegiatan lesbian dan penkid, 131 orang responden (48%) terlibat dengan kes pengambilan dadah dan ganja, lari dari rumah seramai 134 orang responden (46.9%), lumba haram seramai 124 orang responden (43.4%), minum arak seramai 120 orang responden (42%), berzina seramai 115 orang responden (40.2%). Responden juga terlibat dengan gejala sosial seperti berjudi seramai 71 orang responden (24.8%), vandalisme seramai 58 orang responden (20.3%), peras ugut seramai 45 orang responden iaitu (15.7%), bohsia dan bohjan seramai 41 orang responden (14.3%), menggugurkan kandungan seramai 17 orang (5.9%), pelacuran dan GRO seramai 15 orang responden (5.2%), sumbang mahram seramai 13 orang responden (4.5%), membuang bayi seramai 12 orang responden (4.2%) dan membunuh seramai 9 orang responden (3.1%).

Analisis juga mendapati, terdapat responden yang melakukan lebih dari dua gejala sosial. Kebanyakan responden terlibat dengan gejala seperti lesbian/penkid di mana peratusan adalah sebanyak (64.0%), lari dari rumah (46.8%), pengambilan dadah dan ganja sebanyak (46%), lumba haram atau merempit (43.4%) dan berzina (40.2%). Dapatan ini secara tidak langsung membuktikan bahawa setiap responden terjebak dalam gejala delinkuen yang mungkin memberikan kesan kepada kehidupan mereka.

Berdasarkan analisis juga, terdapat (3.1%) pelatih terlibat dalam kes membunuh. Walaupun dapatan ini kecil dari segi peratusan. Namun, ia memberi gambaran bahawa golongan pelatih yang berada di institusi pemulihan ini terdedah dengan kes jenayah yang berat di sisi Islam. Perkara ini mestilah dipandang serius khususnya oleh pihak institusi. Justeru, program-program yang berbentuk keagamaan dan kerohanian mestilah dimantapkan serta menjadikan agama sebagai teras pendidikan dalam pembinaan jati diri khususnya dalam kalangan pelatih di institusi.

#### 4.4 Amalan Beragama Sebelum Dimasukkan ke Institusi Pemulihan

Jadual 4.2 Cara Hidup Beragama

Perkara	5	4	3	2	1	Min
	SS n(%)	S n(%)	KS n(%)	TS n(%)	STS n(%)	
Sentiasa menghadiri program agama	45(15.7)	48(16.8)	64(22.4)	58(20.3)	71(24.8)	2.79
Menunaikan solat lima waktu	48(16.8)	42(14.7)	89(31.1)	61(21.3)	46(16.1)	2.95
Berpuasa pada bulan Ramadhan	64(22.4)	71(24.8)	75(26.2)	45(15.7)	31(10.8)	3.32
Sentiasa berzikir kepada Allah s.w.t.	44(15.4)	62(21.7)	93(32.5)	43(15.0)	44(15.4)	3.06
Menghormati Ibu bapa	86(30.1)	95(33.2)	65(22.7)	18(6.3)	22(7.7)	3.71
Sentiasa Membaca al-Quran	34(11.9)	38(13.3)	101(35.3)	58(20.3)	55(19.2)	2.78
Min Keseluruhan						3.10

Jadual 4.2, menunjukkan taburan amalan beragama responden sebelum dimasukkan ke institusi pemulihan. Secara keseluruhan, analisis kajian ini mendapati amalan beragama responden adalah sederhana tinggi (min=3.10). Dapatan ini menggambarkan responden sebelum dimasukkan ke institusi telah mengamalkan amalan-amalan agama dalam kehidupan seharian mereka.

Analisis secara terperinci mendapati min bagi tahap amalan agama responden sebelum dimasukkan ke institusi adalah sederhana tinggi bagi item menghormati ibu bapa (min=3.71), berpuasa pada bulan Ramadhan (min=3.32) dan sentiasa berzikir pada Allah SWT (min=3.06). Manakala min sederhana rendah bagi item menunaikan solat lima waktu (min=2.95), sentiasa menghadiri program agama (min=2.79) dan sentiasa membaca al-Quran (min=2.78).

Solat merupakan ibadah yang dituntut dan merupakan asas dalam pembentukan individu muslim. Perintah menunaikan solat dan kesan meninggalkan solat telah banyak dibincangkan di dalam al-Quran dan al-Hadith. Analisis secara terperinci menunjukkan (68.5%) responden secara keseluruhan memilih kurang setuju, tidak setuju dan sangat tidak setuju pada item menunaikan solat lima waktu. Dapatan ini membuktikan bahawa sebahagian besar responden sebelum dimasukkan ke institusi tidak masih tidak menunaikan solat lima waktu secara sempurna. Hasil temubual responden, mendapati responden menunjukkan bahawa mereka tidak pernah dan jarang menunaikan solat fardhu sebelum ini. Terdapat juga responden mengakui bahawa keculasan menunaikan solat merupakan faktor mendorong mereka melakukan gejala sosial.

Hasil temubual pelatih 4 menyatakan :<sup>214</sup>

“...saya tak pernah menunaikan solat lima waktu sebelum ni..”

Hasil temubual pelatih 12 menyatakan:<sup>215</sup>

“...saya tahu..sembahyang sebenarnya menghalang saya dari melakukan gejala buruk..tapi saya memang jarang sembahyang sebelum ni...”

Dapatan temubual ini secara tidak langsung menunjukkan responden sebelum ini mengambil ringan dan tidak konsisten dalam melakukan ibadah solat. Ini secara tidak langsung menyumbang kepada faktor yang mendorong mereka melakukan gejala sosial yang akhirnya mereka dimasukkan ke institusi pemulihan akhlak JKM.

Dari segi menghadirkan diri ke program agama, 67.5% responden secara keseluruhan memilih kurang setuju, tidak setuju dan sangat tidak setuju dengan item sentiasa menghadiri program agama. Dapatan ini menunjukkan sebahagian besar responden sebelum dimasukkan ke institusi pemulihan tidak mengikuti program-program bercorak kegamaaan. Dapatan ini disokong berdasarkan analisis temubual, pelatih yang dimasukkan ke institusi mengakui tidak berminat mengikuti program atau kelas agama sebelum dimasukkan ke institusi pemulihan.

Ini dibuktikan melalui sesi temubual bersama pelatih 13 menyatakan :<sup>216</sup>

“...saya tak minat pergi program agama...program agama *boring*..”

---

<sup>214</sup> Pelatih 4 dalam temu bual dengan penulis di TSP Batu Gajah, Perak Darul Ridzuan, pada 28 Oktober 2011

<sup>215</sup> Pelatih 12 dalam temu bual dengan penulis di Asrama Kempas, Johor, pada 31 Oktober 2011

<sup>216</sup> Pelatih 13 dalam temu bual dengan penulis di STB Jerantut, Pahang, pada 20 Oktober 2011

Disokong dengan temubual bersama pelatih 16 menyatakan:<sup>217</sup>

“...masa di luar pusat pemulihan...saya memang tak minat datang program agama..”

Secara keseluruhan analisis menunjukkan, responden sebelum dimasukkan ke institusi pemulihan telah melaksanakan amalan hidup beragama. Namun, sikap meringankan dalam melaksanakan tuntutan Islam dan tidak mempunyai pegangan agama yang kuat mendorong mereka melakukan gejala seperti membunuh, membuang bayi, berzina, merempit dan sebagainya.

Terdapat juga pelatih yang tidak memahami Islam sebelum dimasukkan di institusi mula mempelajari Islam dan mengamalkan cara hidup Islam ketika berada di institusi.<sup>218</sup> Hasil temubual juga mendapati program agama yang dilaksanakan di institusi membantu dalam meningkatkan kefahaman terhadap agama Islam di samping dapat memberikan kesedaran kepada pelatih terhadap kepentingan mempelajari Islam serta menjadikan Islam sebagai cara hidup.<sup>219</sup>

Jadual 4.3 Kekerapan Menunaikan Solat Fardhu

<b>Perkara</b>	<b>Bilangan</b>	<b>Peratus(%)</b>
5 kali sehari	87	30.4
3-4 kali sehari	32	11.2
1-2 kali sehari	75	26.2
Tidak Pernah	92	32.2
Jumlah	286	100

<sup>217</sup> Pelatih 16 dalam temu bual dengan penulis di STB Jerantut, Pahang, pada 20 Oktober 2011

<sup>218</sup> Pelatih 3,4,5 dalam temu bual dengan penulis di TSP Batu Gajah, Perak Darul Ridzuan, pada 28 Oktober 2011

<sup>219</sup> Pelatih 1 dan 2 dalam temu bual dengan penulis di TSP Cheras, Selangor, pada 2 November 2011.

Jadual 4.3, menunjukkan dapatan soal selidik berhubung kekerapan menunaikan fardhu. Berdasarkan analisis yang telah dibuat didapati 79.6 % pelatih yang menjadi responden kajian tidak menunaikan solat fardhu secara sempurna. Daripada jumlah tersebut 32.2% pelatih tidak pernah menunaikan solat fardhu.. Analisis juga menunjukkan 26.2% pelatih menunaikan solat fardhu 1-2 kali sehari dan 11.2% pelatih menunaikan solat fardhu 3-4 kali sehari. Hanya 30.4% pelatih menunaikan solat fardhu secara sempurna

Merujuk kepada analisis tersebut 32% (92 pelatih) tidak pernah menunaikan solat fardhu. Hasil temubual bersama pelatih di institusi juga menyokong dapatan tersebut. Terdapat pelatih yang mula mengerjakan ibadat solat ketika dimasukkan di institusi.<sup>220</sup>

Ini dibuktikan melalui sesi temubual yang diadakan bersama pelatih 3:<sup>221</sup>

“...saya tak pernah sembahyang sebelum ni..”

Disokong dengan dapatan temubual bersama pelatih 9:<sup>222</sup>

“ saya solat ikut *mood*..jika nak sembahyang saya sembahyang...jika tak de *mood* saya tak sembahyang..”

Culas terhadap ibadat wajib yang dituntut oleh Allah swt merupakan penyumbang utama pelatih terjebak dengan pelbagai gejala sosial di samping faktor sampingan yang lain. Ibadat solat jika dilaksanakan dengan penuh penghayatan dan khusyuk menjadikan

---

<sup>220</sup>Pelatih 3,4,5 dalam temu bual dengan penulis di TSP Batu Gajah, Perak Darul Ridzuan, pada 28 Oktober 2011

<sup>221</sup> Pelatih 3 dalam temu bual dengan penulis di TSP Batu Gajah, Perak Darul Ridzuan, pada 28 Oktober 2011

<sup>222</sup> Pelatih 9 dalam temu bual dengan penulis di Asrama Bukit Baru, Melaka, pada 9 November 2011

individu itu sentiasa sedar terhadap tanggungjawab kepada Allah swt. Sekiranya seseorang itu berhati-hati dalam tindak lakunya dalam solat kerana merasakan Allah swt melihatnya, sudah semestinya dia akan terus berhati-hati dalam tingkah lakunya dalam seluruh kehidupannya. Rasa takut dan harap terhadap Allah swt yang ditanamkan oleh ibadat solat ini akan memimpin seluruh hidupnya, hinggakan seluruh tindak tanduknya dipengaruhi oleh sifat-sifat yang terkandung dalam solat tersebut.<sup>223</sup>

Berasaskan kepada firman Allah s.w.t.

أَتْلُ مَا أُوْحِيَ إِلَيْكَ مِنَ الْكِتَابِ وَأَقِمِ الصَّلَاةَ ۖ إِنَّ الصَّلَاةَ تَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ  
وَالْمُنْكَرِ ۗ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ ۗ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ ﴿٤٥﴾

Maksudnya:

bacalah serta ikutlah (Wahai Muhammad) akan apa Yang diwahyukan kepadamu dari Al-Quran, dan dirikanlah sembahyang (dengan tekun); Sesungguhnya sembahyang itu mencegah dari perbuatan Yang keji dan mungkar; dan Sesungguhnya mengingati Allah adalah lebih besar (faedahnyanya dan kesannya); dan (ingatlah) Allah mengetahui akan apa Yang kamu kerjakan.

Surah al-Ankabut(29):45

Firman Allah swt :

وَالْمُؤْمِنُونَ وَالْمُؤْمِنَاتُ بَعْضُهُمْ أَوْلِيَاءُ بَعْضٍ يَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَيَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ  
وَيُقِيمُونَ الصَّلَاةَ وَيُؤْتُونَ الزَّكَاةَ وَيُطِيعُونَ اللَّهَ وَرَسُولَهُ ۗ أُولَٰئِكَ سَيَرْحَمُهُمُ اللَّهُ  
إِنَّ اللَّهَ عَزِيزٌ حَكِيمٌ ﴿٧١﴾

Maksudnya :

<sup>223</sup> Abu 'Urwah ( 2003 ),Asas-Asas Kefahaman Islam. Kuala Lumpur: Pustaka Salam, h. 19.



dan orang-orang Yang beriman, lelaki dan perempuan, setengahnya menjadi Penolong bagi setengahnya Yang lain; mereka menyuruh berbuat kebaikan, dan melarang daripada berbuat kejahatan; dan mereka mendirikan sembahyang dan memberi zakat, serta taat kepada Allah dan RasulNya. mereka itu akan diberi rahmat oleh Allah; Sesungguhnya Allah Maha Kuasa, lagi Maha Bijaksana.

Surah At- Taubah (9): 71

Jadual 4.4 Mempelajari Tentang Islam

<b>Perkara</b>	<b>Bilangan</b>	<b>Peratus(%)</b>
Rumah	38	13.3
Sekolah	146	51.0
Institusi Pemulihan JKM	102	35.7

Jadual 4.4, menunjukkan dapatan analisis soal selidik responden berhubung institusi di mana responden mempelajari Islam. Analisis mendapati sebahagian besar responden (86.7%) mendapat pendidikan agama secara formal iaitu di sekolah dan di institusi pemulihan JKM. Manakala selebihnya iaitu sebanyak (13.3%) mendapat pendedahan berhubung agama di rumah. Dapatan ini secara tidak langsung menunjukkan, sebahagian besar responden yang dimasukkan di institusi menerima pendidikan formal khususnya berhubung pendidikan agama di sekolah (51.0%).

Hasil temubual bersama responden juga mendapati mereka mula mempelajari Islam semasa di institusi pemulihan. Ini dibuktikan melalui sesi temubual yang diadakan bersama pelatih 17:<sup>224</sup>

“ ....di sini kami belajar cara sembahyang...belajar agama dalam kelas, dengar ceramah...dulu tak pernah..”

<sup>224</sup> Pelatih 17 dalam temu bual dengan penulis di STB Sg. Lereh, Melaka, pada 25 Oktober 2011

Hasil dapatan ini menunjukkan, institusi pemulihan JKM merupakan institusi yang berperanan memberikan pendedahan serta pendidikan berorientasikan Islam. Kenyataan ini berasaskan temubual yang telah dijalankan kepada pelatih mendapati ke semua 21 pelatih yang telah ditemubual mengakui mereka benar-benar mempelajari Islam secara konsisten ketika berada di institusi. Di institusi juga mereka ditekankan dengan ibadat-ibadat seperti solat fardhu, membaca al-quran, solat secara berjamaah dan sebagainya. Responden bersetuju bahawa terdapat peningkatan dalam ilmu-ilmu berhubung agama khususnya ilmu-ilmu fardhu ain dan terdapat peningkatan dalam ibadah seharian mereka berbanding ketika mereka berada di luar. Sebagaimana dalam temubual yang dijalankan kepada pelatih 17 dan 18:

“ .....di sini guru ajar kami tentang ilmu seperti sembahyang, rukun Islam, rukun Iman dan banyak lagi...di sini kami diajar cara sembahyang...dan sembahyang wajib di sini..<sup>225</sup>

“...Dekat rumah tak pernah belajar agama..tapi di pusat ni, saya dan kawan-kawan diajar banyak perkara tentang islam...contohnya sembahyang, puasa..dan lain-lain lagi lah..”<sup>226</sup>

Analisis dapatan temubual mendapati, di institusi pemulihan JKM responden diajar tentang perkara-perkara asas agama di samping responden juga diwajibkan melaksanakan ibadat-ibadat seperti solat berjamaah, menghadiri ceramah, kelas agama. Di institusi juga, pelatih diwajibkan mematuhi jadual yang telah ditetapkan dan solat fardhu merupakan rutin harian yang diwajibkan kepada semua pelatih.

---

<sup>225</sup> Temu bual dengan pelatih 17, 25.10.2011, jam 8.00 pg, di Sekolah Tunas Bakti Lereh: Melaka.

<sup>226</sup> Temu bual dengan pelatih 18, 25.10.2011, jam 8.00 pg, di Sekolah Tunas Bakti Lereh: Melaka.

#### 4.5 Pelaksanaan Program Agama di Institusi Pemulihan JKM

Jadual 4.5 Pelaksanaan Program Agama di Institusi Pemulihan JKM

Pelaksanaan program agama	Bilangan	Peratus (%)
1-2 kali seminggu	99	34.6
3-4 kali seminggu	75	26.2
5-6 kali seminggu	50	17.5
Setiap hari	62	21.7
JUMLAH	286	100.00

Jadual 4.5 menunjukkan dapatan pelaksanaan program agama di institusi pemulihan JKM. Seramai (34.6%) daripada responden menyatakan program agama dilaksanakan 1-2 kali seminggu. Sebanyak (26.2%) menyatakan program agama diadakan 3-4 kali seminggu. Sebanyak 21.7% menyatakan program agama dilaksanakan setiap hari dan 17.5% menyatakan program diadakan 5-6 kali seminggu.

Berdasarkan temubual yang telah dibuat bersama pegawai agama di JKM Putrajaya, program agama merupakan program bercorak harian yang dilaksanakan oleh pegawai (guru agama) yang dilantik oleh pihak JKM. Pelaksanaan program agama secara konsisten jelasnya membantu secara tidak langsung proses pemulihan atau terapi kepada pelatih khususnya dalam pemulihan jiwa.<sup>227</sup> Namun, terdapat permasalahan dalam proses pelaksanaan di mana para pelatih terlibat dengan program-program lain yang telah disusun oleh pihak institusi.<sup>228</sup> Jumlah pelatih yang ramai dengan hanya seorang guru agama yang ditugaskan juga menjadi faktor program agama tidak dapat dilaksanakan mengikut jadual yang telah ditetapkan.<sup>229</sup> Berdasarkan temubual yang dibuat, mendapati

<sup>227</sup> Jamal Zaidi bin. Ismail (Pegawai Agama Jabatan Kebajikan Masyarakat, Menara Tun Hussain Ali, Kuala Lumpur), dalam temubual dengan penulis, 10 Mac 2011.

<sup>228</sup> Nor Azura bt Sumailan (Pembantu Hal Ehwal Islam, Taman Seri Putri, Cheras, Kuala Lumpur), dalam temubual dengan penulis, 4 Nov 2011.

<sup>229</sup> Aziyah bt. Ahmad (Pembantu Hal Ehwal Islam, Sekolah Tunas Bakti Lereh, Melaka), dalam temubual dengan penulis, 25 Oktober 2011.

kekangan perjawatan juga merupakan faktor program agama tidak dapat dilaksanakan pada setiap hari termasuk Sabtu dan Ahad berdasarkan analisis hanya 21.7% responden bersetuju program agama dilaksanakan setiap hari.

#### 4.5.1 Bentuk Program Yang Dilaksanakan

Jadual 4.6 Bentuk Program Yang Dilaksanakan

<b>Perkara</b>	<b>Ya (%)</b>	<b>Tidak (%)</b>
Ceramah	79.4	20.6
Kelas pengajian	71.0	29
Forum	12.2	87.8
Qiamullail	38.5	61.5
Solat jamaah	78.3	21.7
Majlis zikir	47.9	52.1
Membaca Al-Quran	59.8	40.2
Solat sunat	53.5	46.5
Program hari kebesaran	51.7	48.3

Jadual 4.6 menunjukkan dapatan analisis soal selidik berhubung bentuk program yang dilaksanakan di institusi pemulihan. Peratusan tertinggi merujuk kepada ceramah (79.4%), solat fardhu secara berjamaah (78.3%) dan kelas pengajian agama (71.0%) merupakan program yang sering dilaksanakan di institusi. Sebahagian responden bersetuju program seperti membaca al-Quran (59.8%), solat sunat (53.5%) dan program hari kebesaran (51.7%) dilaksanakan di institusi. Namun, berdasarkan peratusan, program seperti majlis zikir (47.9%), qiamullail (38.5%) dan forum (12.2%) kurang diadakan di institusi.

Sebagai sebuah institusi pemulihan, yang menempatkan individu bermasalah. Solat fardhu secara berjamaah sewajarnya dilaksanakan secara serius dan konsisten oleh pihak institusi. Berdasarkan analisis soal selidik kepada responden, mendapati hanya 78.3% sahaja mengakui solat secara berjamaah dilaksanakan secara konsisten di institusi

mereka. Dapatan ini menggambarkan masih terdapat institusi yang tidak memberatkan pelaksanaan solat berjemaah di institusi mereka. Dapatan ini disokong dengan temubual yang telah dijalankan bersama Ustaz Zuraimy mendapati:<sup>230</sup>

“...jadual solat berjemaah disediakan...waktu *office hour* kami pantau..selepas waktu tersebut terpulang pada *duty officer* yang bertugas...terpulang pada mereka untuk arahkan pelatih solat berjemaah..biasanye..pelatih solat sendiri dalam bilik..”

Disokong oleh temubual bersama ustaz. Mohd. Shamsul:<sup>231</sup>

“...solat fardhu berjemaah dilaksanakan di sini..cume, masalah solat fardhu Subuh, Maghrib dan Isya’..begitu juga Sabtu dan Ahad serta cuti umum...kekadang ada pelatih yang tidak dikejutkan solat subuh..sebab *duty officer* takkejut dari tidur...”

Berdasarkan dapatan tersebut, pihak institusi mestilah memandang serius perkara ini bagi memastikan tahap pelaksanaan solat secara berjemaah mencapai tahap 100% di institusi. Begitu juga dengan qiamullail perlu diambil serius pelaksanaanya memandangkan kebanyakan pelatih yang dimasukkan ke institusi merupakan golongan yang perlu diberi perhatian khususnya dari segi terapi jiwa . Ibadat solat jelasnya mampu menjadi benteng dalam usaha menjauhkan mereka dari melakukan perkara-perkara yang bertentangan dengan syariat Islam. Perkara ini jelas dinyatakan dalam al-Quran bahawa solat itu mencegah perbuatan keji dan mungkar.

---

<sup>230</sup> Zuraimy b. Rosmani, Pembantu Hal Ehwal Islam, Asrama Bukit Baru, Melaka, dalam temubual dengan penulis, 8 November 2011

<sup>231</sup> Mohd Shamsul b. Ramli, Pembantu Hal Ehwal Islam, Asrama Kempas, Johor, dalam temubual dengan penulis, 31 Oktober 2011

Qiamullail merupakan salah satu program yang perlu dilaksanakan secara berterusan dan dilaksanakan secara serius memandangkan program ini dapat membantu memberi kekuatan dalaman khususnya dalam membentuk semula kerohanian pelatih. Namun berdasarkan temubual yang dilaksanakan terdapat institusi yang menjadikan program ini sebagai program tahunan.<sup>232</sup> Malah terdapat juga institusi yang menjadikan program Qiamullail sebagai program berkala<sup>233</sup> dan terdapat juga institusi yang masih menjadikan program Qiamullail dalam proses perancangan dan belum dilaksanakan di Institusi. Namun demikian, terdapat juga institusi yang menjadikan program Qiamullail sebagai program bulanan.<sup>234</sup> Namun berdasarkan temubual yang telah dijalankan didapati program Qiamullail tidak menjadi satu pemberatan di institusi. Terdapat pelbagai faktor yang dinyatakan di antaranya bimbang pelatih akan lari, sukar untuk dilaksanakan memandangkan pegawai yang bertugas tinggal di kawasan luar institusi, pelatih penat memandangkan jadual harian yang padat dan pelbagai lagi faktor yang diberikan. Perkara ini perlu dilihat secara serius, bagi memastikan program Qiamullail ini dapat diselaraskan pelaksanaannya di setiap institusi sekurang-kurangnya ia dijadikan sebagai program bulanan atau mingguan di setiap institusi.

Berdasarkan dapatan temubual, terdapat institusi yang melaksanakan usrah atau halaqah di kalangan pelatih. Program ini dilaksanakan atas inisiatif pegawai agama di institusi tersebut. Program ini dilaksanakan sekali seminggu iaitu pada hari Jumaat. Institusi yang telah melaksanakan program ini ialah STB Lereh, Melaka dan Asrama Sentosa, Sentul. Menurut Ustazah Aziyah program usrah dan halaqah ini mampu

---

<sup>232</sup> Zuraimy b. Rosmani (Pembantu Hal Ehwal Islam, Asrama Bukit Baru, Melaka), dalam temubual dengan penulis, 8 Nov 2011.

<sup>233</sup> Aziyah bt. Ahmad (Pembantu Hal Ehwal Islam, Sekolah Tunas Bakti Lereh, Melaka), dalam temubual dengan penulis, 24 Oktober 2011.

<sup>234</sup> Yusnadee bin Ahmad (Pembantu Hal Ehwal Islam, Asrama Sentosa, Sentul), dalam temubual dengan penulis, 24 Oktober 2011.

mengeratkan hubungan antara pegawai dan pelatih serta antara pelatih dengan pelatih. Melalui program sebegini juga, pelatih dapat menambah pengetahuan dan berkongsi ilmu di kalangan mereka.<sup>235</sup> Di antara pengisian dalam program ini ialah hafazan di mana pelatih akan *ditasmi*’ bacaan mereka oleh pegawai yang bertugas.<sup>236</sup>

Berdasarkan temubual yang dijalankan, di peringkat Unit Hal Ehwal Islam JKM, telah mengadakan program-program berbentuk tahunan seperti program motivasi. JKM juga turut melaksanakan program *amal Islami* seperti pertandingan tilawah dan nasyid di antara institusi pemulihan JKM seluruh Malaysia. Program yang telah disusun dan dilaksanakan jelas mendapat sambutan yang menggalakkan dalam kalangan pelatih di samping memupuk semangat cintakan al-Quran secara langsung. Selain itu, melalui program ini pelatih lebih memahami serta menghayati intipati al-Quran dan membentuk persekitaran yang berorientasikan Islam. Selain menyerlahkan bakat pelatih, program ini juga memupuk keyakinan serta jati diri mereka. Program ini bukan sahaja diadakan pada peringkat institusi, malah program ini dilaksanakan hingga ke peringkat negeri dan kebangsaan.<sup>237</sup>

#### 4.5.2 Pandangan Terhadap Pelaksanaan Program Agama

Jadual 4.7 Pandangan Terhadap Pelaksanaan Program

Perkara	5	4	3	2	1	Min
	SS	S	KS	TS	STS	
	n (%)	n (%)	n (%)	n (%)	n (%)	
Mengikut jadual yang telah ditetapkan	100(35.0)	144(50.3)	29(10.1)	4(1.4)	9(3.1)	4.12

<sup>235</sup> Aziyah bt. Ahmad (Pembantu Hal Ehwal Islam, Sekolah Tunas Bakti Lereh, Melaka), dalam temubual dengan penulis, 24 Oktober 2011.

<sup>236</sup> *Ibid.*

<sup>237</sup> Jamal Zaidi bin. Ismail (Pegawai Agama Jabatan Kebajikan Masyarakat, Putrajaya), dalam temubual dengan penulis, 15 Februari 2012.

Tiada jadual pendidikan agama yang khusus	29(10.1)	67(23.4)	93(32.5)	54(18.9)	43(15.0)	2.94
Guru sentiasa hadir	69(24.1)	128(44.8)	60(21.0)	15(5.2)	14(4.9)	3.77
Kehadiran guru memuaskan	68(23.8)	129(45.1)	58(20.3)	14(4.9)	17(5.9)	3.75
Program agama dilaksanakan setiap hari	71(24.8)	108(37.8)	76(26.6)	19(6.6)	12(4.2)	3.72
<b>Min Keseluruhan</b>						<b>3.66</b>

Jadual 4.7, menunjukkan taburan pandangan responden terhadap pelaksanaan program di institusi. Secara keseluruhan, analisis kajian ini mendapati pandangan responden adalah sederhana tinggi berdasarkan dapatan (min=3.66). Dapatan ini menunjukkan program agama dilaksanakan di institusi pemulihan. Namun, terdapat kelemahan yang telah dikenalpasti dan memerlukan penambahbaikan oleh pihak institusi.

Analisis secara terperinci menunjukkan pandangan responden kepada item program agama dilaksanakan mengikut jadual yang telah ditetapkan adalah tinggi iaitu (min=4.12). Terdapat beberapa item menunjukkan sederhana tinggi iaitu (min =3.77) guru sentiasa hadir dalam setiap program agama, (min=3.75) kehadiran guru memuaskan dalam setiap program agama dan (min=3.72) program agama dilaksanakan setiap hari. Manakala, dapatan sederhana rendah (min=2.94) tiada jadual pendidikan agama yang khusus disediakan oleh pihak institusi.

Berdasarkan analisis yang telah dibuat berhubung pandangan pelatih terhadap pelaksanaan program agama di institusi. Seramai 83.3% responden sangat setuju dan setuju program agama dilaksanakan mengikut jadual yang ditetapkan dengan (min=4.12). Dapatan ini menunjukkan setiap institusi mempunyai jadual yang wajib dipatuhi oleh setiap pelatih. Manakala seramai 62.6% responden secara keseluruhannya memilih sangat setuju dan setuju dengan program agama dilaksanakan setiap hari di institusi. Namun,



tiada jadual pendidikan agama yang khusus di institusi adalah sederhana rendah berdasarkan hasil dapatan (min=2.94). Analisis ini secara tidak langsung menunjukkan setiap institusi melaksanakan program agama terhadap pelatih. Walau bagaimanapun masih terdapat pihak pengurusan institusi yang tidak memberatkan pelaksanaan program agama di institusi mereka.

Dapatan ini disokong dengan temubual bersama pegawai dan pelatih di institusi pemulihan mendapati terdapat institusi pemulihan yang lebih memberi penekanan terhadap aspek kemahiran seperti kimpalan, automatif, penternakan, pertanian elektrik dan sebagainya. Program yang berbentuk agama hanya dijadikan sebagai program sampingan di institusi.<sup>238</sup> Kekurangan kakitangan merupakan faktor berlakunya perkara tersebut. Malah di sesetengah institusi kakitangan yang lain tidak memberikan kerjasama dalam melaksanakan program agama.<sup>239</sup> Selain itu, hasil temubual mendapati, terdapat pengawal bertugas yang tidak mengejutkan pelatih untuk solat Subuh dan perkara ini kerap berlaku di institusi.<sup>240</sup>

Berdasarkan temubual yang dijalankan kekurangan kakitangan pembantu hal ehwal Islam di institusi menyebabkan program agama hanya dilaksanakan pada waktu bekerja (Isnin hingga Jumaat) iaitu antara jam 8.00 pagi hingga 5.30 petang. Rentetan dari permasalahan tersebut, program agama yang berbentuk berkala tidak dapat

---

<sup>238</sup> Mohd Nor Azan b. Mohamad Zin (Pembantu Hal Ehwal Islam, Sekolah Tunas Bakti, Jerantut, Pahang), dalam temubual dengan penulis, 20 Oktober 2011.

<sup>239</sup> Nor Azura bt Sumailan (Pembantu Hal Ehwal Islam, Taman Seri Putri, Cheras, Kuala Lumpur), dalam temubual dengan penulis, 2 Nov 2011.

<sup>240</sup> Mohd. Shamsul b. Ramli (Pembantu Hal Ehwal Islam, Asrama Kempas, Johor Bharu), dalam temubual dengan penulis, 31 Oktober 2011.

dilaksanakan pada hari Sabtu dan Ahad.<sup>241</sup> Kelonggaran juga diberikan kepada pelatih untuk melakukan aktiviti bebas pada hujung minggu.<sup>242</sup>

Kesimpulannya, pelaksanaan sesuatu program jelas melibatkan tiga elemen utama iaitu pelaksana, sasaran dan topik yang disampaikan. Dalam konteks pelaksanaan program agama di institusi pemulihan JKM, pembantu hal ehwal Islam sebagai pelaksana mestilah memandang serius tugas dan amanah yang diberikan. Memandangkan golongan sasar di institusi pemulihan merupakan golongan yang mesti diberikan perhatian serius dan setiap tugas yang diberikan tidak boleh dipandang ringan. Pengisian program yang berbentuk keagamaan seharusnya dijadikan asas dalam program pemulihan yang dijalankan. Perkara ini penting bagi memastikan pelatih yang dimasukkan ke institusi benar-benar sedar kesilapan mereka, tidak mengulangi dan bersedia untuk berubah dengan mengamalkan cara hidup Islam yang sempurna.

#### 4.5.3 Pandangan Terhadap Pelaksanaan Program Agama (Guru)

Jadual 4.8 Pandangan Terhadap Pelaksanaan Program Agama (Guru)

Perkara	5	4	3	2	1	Min
	SS n(%)	S n(%)	KS n(%)	TS n(%)	STS n(%)	
Penyampaian guru adalah jelas	122(42.7)	114(39.9)	40(14.0)	1 (0.3)	9(3.1)	4.18
Guru berkomunikasi dengan baik	123(43.0)	125(43.7)	25(8.7)	6(2.1)	7(2.4)	4.23
Guru memberi galakan melaksanakan Islam	151(52.8)	112(39.2)	14(4.9)	4(1.4)	5(1.7)	4.40
Guru mengadakan perbincangan dan soal jawab	97(33.9)	124(43.4)	47(16.5)	8(2.8)	10(3.5)	4.01

<sup>241</sup> Zuraimy b. Rosmani (Pembantu Hal Ehwal Islam, Asrama Bukit Baru, Melaka), dalam temubual dengan penulis, 9 Nov 2011.

<sup>242</sup> Azyiah bt. Ahmad (Pembantu Hal Ehwal Islam, Sekolah Tunas Bakti Lereh, Melaka), dalam temubual dengan penulis, 25 Oktober 2011.

Guru menyediakan latihan dan aktiviti	98(34.3)	115(40.2)	51(17.9)	13(4.5)	9(3.1)	3.97
<b>Min Keseluruhan</b>						<b>4.16</b>

Jadual 4.8, menunjukkan taburan pandangan responden terhadap guru dalam proses pelaksanaan program agama di institusi. Secara keseluruhan, analisis kajian ini mendapati pandangan responden adalah tinggi berdasarkan dapatan (min=4.16). Dapatan ini menggambarkan responden sangat berpuas hati dengan kaedah dan cara penyampaian yang digunakan oleh guru agama di institusi.

Analisis secara terperinci pandangan responden terhadap bebarapa item juga adalah tinggi iaitu guru memberikan galakan melaksanakan Islam (min=4.40), Guru berkomunikasi dengan baik (min=4.23), penyampaian guru adalah jelas min (4.18), guru mengadakan perbincangan dan soal jawab min (4.01). Manakala dapatan min sederhana tinggi bagi guru menyediakan latihan dan aktiviti min (3.97). Berdasarkan dapatan min tersebut menjelaskan bahawa pembantu hal ehwal Islam yang ditugaskan di setiap institusi melaksanakan tugas dan tanggungjawab sebagai guru agama secara komited.

Analisis peratusan bagi item guru menyediakan latihan dan aktiviti. Seramai (74.5%) responden secara keseluruhan memilih sangat setuju dan setuju bagi item tersebut. Dapatan ini menunjukkan terdapat guru agama yang ditugaskan tidak menyediakan latihan dan aktiviti kepada pelatih. Latihan atau aktiviti merupakan elemen penting bagi memastikan responden lebih memahami ilmu yang disampaikan oleh guru.

Berdasarkan analisis temubual yang dijalankan mendapati di setiap institusi hanya mempunyai seorang guru agama yang menjawat jawatan sebagai pembantu hal ehwal Islam. Nisbah yang tidak seimbang antara pelaksana dan sasaran merupakan faktor

pelatih tidak mendapat bimbingan dan perhatian sepenuhnya. Malah terdapat institusi yang mempunyai nisbah 1:120 iaitu nisbah bagi pembantu hal ehwal Islam dan pelatih.<sup>243</sup>

Hasil temubual juga mendapati, jumlah tenaga pengajar yang amat terhad, menyebabkan program agama yang telah dijadualkan tidak dapat dilaksanakan. Perkara ini berlaku disebabkan tenaga pengajar bercuti atau mempunyai urusan lain seperti mesyuarat, kursus dan sebagainya.<sup>244</sup> Senario ini benar-benar berlaku ketika kajian dijalankan di salah sebuah institusi, program agama tidak dapat dilaksanakan kerana tenaga pengajar bercuti akibat kemalangan. Berdasarkan temubual bersama pelatih mendapati tiada guru ganti disediakan dan pelatih bebas melakukan aktiviti mereka.<sup>245</sup> Bagi menangani masalah ini, pihak pengurusan seharusnya memandang serius serta bertanggungjawab bagi memastikan program agama dapat dilaksanakan mengikut jadual yang telah ditetapkan. Kaedah terbaik ialah dengan mengambil guru ganti (tenaga luar) atau mengguna khidmat kakitangan sedia ada. Tindakan ini penting, bagi menjamin pelatih dari melakukan perkara-perkara yang tidak berfaedah. Di samping dapat memastikan program yang telah dirancang dapat dilaksanakan secara konsisten.

Kekurangan guru agama di institusi juga menyebabkan pengisaaan antara solat maghrib dan Isyak diserahkan kepada tenaga pengajar luar. Malah berdasarkan temubual mendapati di sesetengah institusi tiada pengisaaan agama antara solat maghrib dan isyak dan seorang pelatih dilantik untuk menjadi imam dalam solat fardhu tersebut.<sup>246</sup>

---

<sup>243</sup> Nurrul Ain bt. Alias (Pembantu Hal Ehwal Islam, Taman Seri Putri, Batu Gajah, Perak), dalam temubual dengan penulis, 28 Oktober 2011.

<sup>244</sup> Mohd Nor Azan b. Mohamad Zin (Pembantu Hal Ehwal Islam, Sekolah Tunas Bakti, Jerantut, Pahang), dalam temubual dengan penulis, 20 Oktober 2011.

<sup>245</sup> Pelatih 19, 20, 21 (Pelatih, Sekolah Tunas Bakti, Sungai Besi, Kuala Lumpur), dalam temubual dengan penulis, 11 Nov 2011.

<sup>246</sup> *Ibid.*

Bagi menangani permasalahan tersebut, pihak pengurusan institusi mestilah mengambil peranan yang serius. Pelatih yang dimasukkan ke institusi pada dasarnya memerlukan bimbingan dan pemantauan secara berterusan. Program-program berbentuk kegamaan dan kerohanian mestilah dimantapkan dari masa ke masa. Kesedaran berbentuk spiritual merupakan elemen utama yang mesti diterapkan kepada pelatih.

Berdasarkan dapatan temubual bersama pembantu hal ehwal Islam didapati kebanyakan pelatih mempunyai latar belakang agama yang lemah<sup>247</sup> malah terdapat juga pelatih yang tidak memahami Islam sebelum dimasukkan ke institusi<sup>248</sup>Perkara ini diperakui oleh Ustazah Aziyah:<sup>249</sup>

“ Kebanyakan pelatih di sini..mempunyai latar belakang agama yang lemah..ada yang memang buta huruf...tak pandai mengaji..dan sebagainya..”

Manakala menurut Ustaz Zuraimy :<sup>250</sup>

“pelatih di sini..kebanyakannya tidak tahu bacaan dalam solat...dan ada yang buta huruf...”

---

<sup>247</sup> Aziyah bt. Ahmad (Pembantu Hal Ehwal Islam, Sekolah Tunas Bakti Lereh, Melaka), dalam temubual dengan penulis, 25 Oktober 2011.

<sup>248</sup> Pelatih 3,4,5 (Pelatih,Taman Seri Putri, Batu Gajah, Perak), dalam temubual dengan penulis, 28 Oktober 2011.

<sup>249</sup> Aziyah bt. Ahmad, Pembantu Hal Ehwal Islam, Sekolah Tunas Bakti Lereh, Melaka, dalam temubual dengan penulis, 25 Oktober 2011

<sup>250</sup> Zuraimy b. Rosmani, Pembantu Hal Ehwal Islam, Asrama Bukit Baru, Melaka, dalam temubual dengan penulis, 8 November 2011

Peranan guru terhadap pembelajaran pelajar merupakan faktor utama yang menentukan keberkesanan sesebuah kelas pengajian. Maka aspek interaksi guru dengan pelajar telah dikenalpasti membawa implikasi terhadap persepsi pelajar dan perhubungan mereka dengan guru. Guru yang mengamalkan tingkah laku jenis autokratik dalam interaksi dengan pelajar lebih bersifat dominan terhadap pelajarnya. Kebanyakan pelajar kurang gemar tingkah laku seperti itu, kerana terlalu menyekat kebebasan dan tidak melayan keperluan psikologi mereka.<sup>251</sup>

Dari aspek personaliti guru, satu kajian yang dilakukan oleh Mohd Yasin Sulaiman mendapati murid-murid memberi nilai yang rendah terhadap guru yang selalu marah-marah dan suka menyindir. Murid-murid akan lebih menghargai personaliti seseorang guru itu jika dibandingkan dengan kebolehan guru itu mengajar. Sebenarnya kecekapan mengajar itu hanyalah nilai subjektif yang diukur dengan ukuran tertentu dan ia boleh diperbaiki. Murid-murid juga mungkin sanggup menerima hakikat bahawa setiap guru ada kelemahannya dalam pengajaran teratama bagi guru-guru baru. Namun begitu, sikap suka berkasar, garang dan suka menyindir tidak dapat diterima oleh murid sebagai cara yang berkesan dalam proses pengajaran dan pembelajaran.<sup>252</sup>

Al-Ghazali (m.505H) amat menekankan agar akhlak seseorang penyebar ilmu sesuai dengan ajaran ilmu yang diajarnya kepada murid-murid. Ini kerana keperibadian seorang pendidik akan dicontohi oleh murid-muridnya secara langsung atau tidak langsung. Beliau telah menyenaraikan beberapa syarat keperibadian seorang pendidik

---

<sup>251</sup> Mohd Yasin bin. Sulaiman, *Persepsi Murid Terhadap Guru dan Implikasinya Terhadap Pendidikan* (Jurnal Pendidikan, Selangor:MPI, Oktober 2010), 91.

<sup>252</sup> Atan bin Long, *Pendidik dan Pendidikan* (Selangor: Fajar Bakti, 2002), 167.

yang baik iaitu:<sup>253</sup>

1. Sabar menerima pelbagai masalah murid-murid dan menerima dengan baik.
2. Sentiasa bersifat kasih sayang dan tidak pilih kasih.
3. Mencontohi akhlak Rasulullah s.a.w dan tidak mengharapkan sanjungan dan pujian.
4. Tidak takbur kecuali terhadap orang zalim iaitu dengan tujuan mencegah tindakan orang zalim itu.
5. Menanam sifat bersahabat dalam hatinya terhadap semua muridnya.
6. Membimbing dan mendidik murid yang bodoh dengan cara yang sebaik-baiknya.
7. Berani berkata " saya tidak tahu" terhadap masalah yang dia tidak fahami.
8. Beramal dengan ilmunya, pastikan amalannya menyamai apa yang diucapkan.

Kesimpulannya, pandangan pelatih terhadap pelaksanaan program agama dari segi guru atau pelaksana adalah di tahap tinggi iaitu pada purata min (4.16). Hasil temubual yang dijalankan bersama pelatih juga mendapati guru agama berinteraksi dengan baik, penyampaian guru boleh diterima oleh pelatih. Namun, program agama di institusi tidak dapat dilaksanakan secara konsisten disebabkan bilangan kakitangan pembantu hal ehwal Islam di samping mereka tidak mendapat kerjasama dari pihak pengurusan yang melibatkan kakitangan atasan dan bawahan. Kekurangan ilmu, terutama ilmu berkaitan psikologi remaja juga menyebabkan ada di kalangan guru yang tidak sabar dengan pelatih.<sup>254</sup> Selain itu pembantu hal ehwal Islam yang ditugaskan juga perlu diberi latihan

---

<sup>253</sup> Al-Ghazālī, Abi Hamid Muhammad b. Muhammad, *Ihya' 'Ulūm al-Dīn* ( Beirut: Dar al-Kitab al-Ilmiyyah, 1986), 72-79.

<sup>254</sup> Mohd Shamsul b. Ramli (Pembantu Hal Ehwal Islam, Asrama Kempas, Johor), dalam temubual dengan penulis, 31 Oktober 2011.

secara berkala berhubung teknik pengajaran bertujuan untuk memperbaiki serta mempelbagaikan teknik penyampaian serta pengisian untuk mengelakkan pelatih dari sikap malas, bosan dan tidak berminat untuk menghadiri program agama.<sup>255</sup>

#### 4.5.4 Pandangan Terhadap Silibus Program Agama

Jadual 4.9 Pandangan Terhadap Silibus Program Agama

Perkara	5	4	3	2	1	Min
	SS n(%)	S n(%)	KS n(%)	TS n(%)	STS n(%)	
Program agama dilaksanakan mengikut sukatan	67(23.4)	117(40.9)	83(29.0)	7(2.4)	12(4.2)	3.76
Isi kandungan menepati keperluan saya	69(24.1)	118(41.3)	69(24.1)	19(6.6)	11(3.8)	3.75
Banyak pengajaran yang dapat saya ambil	135(47.2)	120(42.0)	21(7.3)	2(0.7)	8(2.8)	4.30
Modul yang digunakan bersesuaian	87(30.4)	128(44.8)	47(16.4)	12(4.2)	12(4.2)	3.93
Modul mengandungi perkara asas yang mesti diketahui	102(35.7)	129(45.1)	36(12.6)	12(4.2)	7(2.4)	4.07
<b>Min Keseluruhan</b>						<b>3.96</b>

Jadual 4.9, menunjukkan taburan pandangan responden terhadap silibus program agama di institusi pemulihan JKM. Secara keseluruhan, analisis kajian ini mendapati pandangan responden terhadap silibus program agama yang digunakan adalah sederhana tinggi berdasarkan dapatan (min=3.96). Dapatan ini menunjukkan modul yang digunakan oleh pihak institusi dapat diterima oleh pelatih. Namun, terdapat kelemahan yang perlu diberikan perhatian, penilaian serta penambahbaikan oleh pihak JKM.

<sup>255</sup> Nurrul Ain bt. Alias (Pembantu Hal Ehwal Islam, Taman Seri Putri, Batu Gajah, Perak), dalam temubual dengan penulis, 27 Oktober 2011.



Analisis secara terperinci pandangan responden terhadap beberapa item juga adalah tinggi iaitu terhadap item banyak pengajaran yang dapat saya ambil (min=4.30), modul mengandungi perkara asas yang mesti diketahui (min=4.07). Manakala dapatan min sederhana tinggi bagi modul yang digunakan bersesuaian min (3.93), program agama dilaksanakan mengikut sukatan (min=3.76) dan isi kandungan menepati keperluan saya (min=3.75).

Berdasarkan analisis soal selidik dapatan peratusan (90.8%) responden secara keseluruhan memilih sangat setuju dan setuju terhadap item modul mengandungi perkara asas yang mesti diketahui. Dapatan ini disokong dengan peratusan yang tinggi iaitu (89.2%) responden secara keseluruhan memilih sangat setuju dan setuju dengan item banyak pengajaran yang dapat mereka ambil. Analisis dapatan ini secara tidak langsung menunjukkan modul agama yang digunakan di institusi dapat diterima oleh pelatih. Namun, dari segi kesesuaian modul secara keseluruhan peratusan (75.2%) responden memilih sangat setuju dan setuju dengan modul yang digunakan oleh JKM bersesuaian. Manakala (65.4%) responden sangat setuju dan setuju dengan isi kandungan modul menepati keperluan mereka.

Hasil temubual yang telah dijalankan terhadap guru agama di institusi, didapati modul yang diberikan oleh pihak JKM sukar untuk dilaksanakan. Kesukaran di sini bermaksud modul yang telah disediakan terlalu padat dengan keterbatasan waktu pelaksanaan program agama yang telah ditetapkan di institusi.<sup>256</sup> Hasil temubual juga mendapati pelatih mempunyai latar belakang agama yang lemah dan tenaga pengajar

---

<sup>256</sup> Azyiah bt. Ahmad (Pembantu Hal Ehwal Islam, Sekolah Tunas Bakti Lereh, Melaka), dalam temubual dengan penulis, 25 Oktober 2011.

perlu menyesuaikan topik yang akan disampaikan dengan tahap pengetahuan serta dapat diterima oleh pelatih.<sup>257</sup> Masalah ini ditambah pula dengan kebanyakan pelatih yang dimasukkan ke institusi buta huruf serta tidak tahu membaca terutama bacaan di dalam solat.<sup>258</sup> Justeru, guru agama yang ditugaskan, perlu memberikan perhatian yang serius dengan memperbanyakkan latihan.

Solat merupakan elemen penting dan asas utama dalam pembentukan keperibadian dan shahsiah pelatih. Dalam konteks ini, pemberatan kepada asas bacaan serta kaedah solat mesti diberikan prioriti dan tidak boleh diambil sambil lewa oleh pelatih. Justeru, guru agama yang ditugaskan di setiap institusi memainkan peranan bagi memastikan setiap pelatih mendapat bimbingan dalam melaksanakan solat secara teori dan amali. Perkara ini termasuk bimbingan berwuduk. Dengan bilangan guru agama yang terhad di institusi bimbingan dan pemantauan tidak dapat dilaksanakan secara konsistan. Perkara ini sebagaimana diperakui oleh Ustaz Muhammad Shamsul :<sup>259</sup>

“..hanya saya seorang guru agama di sini..kakitangan lain pula kurang bagi kerjasama..ada juga DO (*duty officer*) yang tak berat agama tak kejut pelatih solat subuh...”

Ditambah dengan temubual bersama Ustaz Yusnadee b. Ahmad :<sup>260</sup>

“ ...jika saya tak ada di institusi atau terlibat dengan tugas lain..program agama tak dilaksanakan...staf lain pun tak bagi kerjasama..”

---

<sup>257</sup> Azyiah bt. Ahmad (Pembantu Hal Ehwal Islam, Sekolah Tunas Bakti Lereh, Melaka), dalam temubual dengan penulis, 25 Oktober 2011.

<sup>258</sup> Zuraimy b. Rosmani (Pembantu Hal Ehwal Islam, Asrama Bukit Baru, Melaka), dalam temubual dengan penulis, 9 Nov 2011.

<sup>259</sup> Muhammad Shamsul bin. , Pembantu Hal Ehwal Islam, Asrama Kempas, Johor, dalam temubual dengan penulis, 31 Oktober 2011

<sup>260</sup> Yusnadee bin. Ahmad, Pembantu Hal Ehwal Islam, Asrama Sentosa Sentol, Kuala Lumpur, dalam temubual dengan penulis, 3 November 2011

Modul yang digunakan oleh pihak JKM perlu dilihat semua dan disesuaikan dengan tahap pengetahuan serta penerimaan pelatih.<sup>261</sup> Pengisian program juga perlu diselaraskan di setiap institusi. Perkara ini penting bagi memastikan setiap pembantu hal ehwal agama merangkap tenaga pengajar dapat membantu pihak JKM pusat mencapai misi dan visi dalam usaha memberikan pemulihan kepada pelatih. Realiti yang berlaku, tenaga pengajar hanya mengajar perkara-perkara asas berhubung agama.<sup>262</sup>

Hasil temubual juga mendapati, tiada buku panduan khusus diberikan oleh pihak JKM. Setiap pembantu hal ehwal Islam di setiap institusi hanya disediakan garis panduan umum yang terkandung di dalam modul kurikulum pendidikan Islam.<sup>263</sup> Merujuk kepada modul yang diberikan. Isi kandungan yang terdapat di dalam modul tersebut dibuat secara umum. Justeru, kandungan penyampaian adalah bergantung kepada inisiatif serta bahan rujukan dipilih oleh guru itu sendiri.

Dalam konteks perancangan dakwah, Rozhan Othman mendefinisikan ia sebagai proses menyatukan dan menjuruskan segala sumber organisasi yang terhad secara optimum untuk mencapai matlamat dakwah.<sup>264</sup> Perancangan dakwah yang berkesan hendaklah dimulakan dengan mengenal pasti matlamat-matlamat yang dikehendaki, menyusun sumber-sumber sedia ada, mengatur langkah dan tindakan secara sistematik bagi mencapai matlamat yang telah ditetapkan.

---

<sup>261</sup> Nor Azura bt Sumailan (Pembantu Hal Ehwal Islam, Taman Seri Putri, Cheras, Kuala Lumpur), dalam temubual dengan penulis, 4 Nov 2011.

<sup>262</sup> *Ibid.*

<sup>263</sup> Zuraimy b. Rosmani (Pembantu Hal Ehwal Islam, Asrama Bukit Baru, Melaka), dalam temubual dengan penulis, 9 Nov 2011

<sup>264</sup> Rozhan Othman, *Pengurusan Dakwah* (Selangor: Ummah Media Sdn. Bhd., 1990), 19.

Ab. Aziz Mohd Zin menyatakan perancangan dakwah merangkumi aspek susunan aktiviti yang dilakukan sepanjang sesebuah program dilaksanakan. Ketiadaan perancangan yang teratur mengakibatkan program yang diadakan seolah-olah melepaskan batuk di tangga.<sup>265</sup> Beliau menjelaskan lagi, masalah perancangan juga melibatkan perancangan promosi kurang dititikberatkan sehingga berlakunya sasaran dakwah tidak mengetahui aktiviti yang akan diadakan.<sup>266</sup>

Dalam melaksanakan program agama kepada pelatih di institusi pemulihan. JKM telah menyediakan modul khusus yang telah diselaraskan penggunaannya di setiap institusi. Modul ini mempunyai objektif iaitu menilai tahap pengetahuan dan kefahaman agama penghuni, membolehkan perancangan pendidikan agama yang sesuai diberi kepada penghuni, memberi kesedaran awal mengenai kepentingan agama dalam kehidupan mengikut syariat Islam sebenar, menjadikan penghuni di institusi komited dengan amalan, aktiviti agama dan kerohanian ke arah pembentukan insan yang berakhlak mulia serta mukmin sejati.<sup>267</sup>

Kesimpulannya, walaupun dapatan min secara keseluruhan responden terhadap modul adalah di tahap sederhana tinggi. Namun, dapatan temubual bersama guru agama di institusi mestilah diberi perhatian oleh pihak institusi terutama JKM pusat. Buku panduan khusus juga perlu diberikan kepada setiap pelatih bagi memastikan pelatih lebih

---

<sup>265</sup> Ab Aziz Mohd Zin et al., *Dakwah Islam di Malaysia*, 279.

<sup>266</sup> *Ibid.*, 280.

<sup>267</sup> Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia, "Kurikulum Pendidikan Islam (Asas-Asas Fardhu Ain) Di Institusi-Institusi Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia" (modul, Bengkel Pengukuhan Kurikulum Pendidikan Islam dan Pengurusan Hal Ehwal Islam di Institusi, Hotel Seaview Langkawi, Kedah, 19-22 Mac 2007), 19-20.

serius dan bersemangat untuk menghadiri kelas agama yang telah diprogramkan di institusi.

#### **4.6 Masalah Menghalang Pelaksanaan Program Agama di Kalangan Pelatih.**

Masalah ditakrifkan sebagai sesuatu yang memerlukan penyelesaian atau perkara yang menimbulkan kesukaran.<sup>268</sup> Permasalahan dakwah ialah masalah-masalah yang wujud disebabkan oleh keadaan-keadaan tertentu yang sepatutnya tidak ada. Masalah-masalah yang dihadapi oleh dakwah masa kini iaitu:<sup>269</sup>

1. Pendakwah
2. Jentera dakwah atau organisasi dahwah
3. Sasaran dakwah
4. Musuh dakwah

Bermula dari zaman Rasullullah s.a.w, Islam berhadapan dengan pelbagai ancaman, halangan, sekatan dan cabaran. Namun, dengan semangat serta keyakinan yang ada dalam kalangan pencinta dakwah. Islam terus bertapak dan mencapai kejayaan demi kejayaan.

---

<sup>268</sup> Noresah bt. Baharom et al., Kamus Dewan, 863.

<sup>269</sup> Ab.Aziz Mohd. Zin.Pengantar Dakwah Islamiah (Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 1997), 135.

Namun, dalam fenomena tersebut Islam sentiasa berhadapan dengan pencabar-pencabarnya yang datang dari dua arah iaitu dalaman dan luaran.

Jadual 4.10, menunjukkan pandangan responden terhadap masalah pelaksanaan program agama di institusi. Berdasarkan analisis soal selidik didapati, masalah menghalang pelaksanaan program agama di kalangan pelatih ialah 45.8% menyatakan kemudahan alat tulis tidak disediakan, 42.7% menyatakan mereka terpengaruh dengan pelajar senior, 33.2% menyatakan masa pengajian terlalu singkat, 32.5% menyatakan isi kandungan terlalu susah, 29.7% menyatakan penyampaian guru tidak menarik, 29.4% menyatakan tiada buku panduan disediakan, 28.3% menyatakan waktu pengajian tidak sesuai, 26.9% menyatakan guru sentiasa bertukar dan tempat belajar tidak selesa, 25.9% menyatakan guru sering tidak hadir dan tiada pemantauan dalam solat jemaah, 25.2% menyatakan program agama membosankan berbanding program lain, dan 20.35% menyatakan mereka tiada peluang bertanya.

Jadual 4.10 Taburan Masalah dalam Pelaksanaan Program Agama

<b>Perkara</b>	<b>Ya (%)</b>	<b>Tidak(%)</b>
Masa pengajian terlalu singkat	33.2	66.8
Waktu pengajian tidak sesuai	28.3	71.7
Penyampaian guru tidak menarik	29.7	70.3
Guru sering tidak hadir	25.9	74.1
Tiada peluang untuk bertanya	20.3	79.7
Guru sentiasa bertukar	26.9	73.1
Isi kandungan terlalu susah	32.5	67.5
Tempat belajar tidak selesa	26.9	73.1
Tiada buku panduan disediakan	29.4	70.6
Kemudahan alat tulis tidak disediakan	45.8	54.2
Tiada pemantauan dalam solat berjemaah	25.9	74.1
Terpengaruh dengan pelatih senior	42.7	57.3
Program agama membosankan berbanding program lain	25.2	74.8

Hasil temubual pengkaji bersama responden yang terdiri dari pelatih dan guru agama di institusi mendapati empat perkara yang telah dikenalpasti menjadi masalah utama dalam pelaksanaan program agama di institusi-institusi pemulihan yang dikelolakan oleh JKM iaitu :

1. Pendakwah ( Penceramah atau Tenaga Pengajar ).
2. Sasaran Dakwah ( Pelatih JKM ).
3. Topik Dakwah ( Modul Agama JKM )
4. Pengurusan dan Pentadbiran JKM.

#### **4.6.1 Masalah Pendakwah ( Penceramah atau Tenaga Pengajar )**

Pendakwah ialah seorang yang sanggup mengorbankan diri, harta dan waktunya untuk Allah swt bagi menegakkan risalah yang agung dan meneruskan tugas mulia para nabi dan rasul yang diutuskan oleh Allah swt untuk menyeru manusia ke jalan yang lurus serta menyuruh manusia membuat kebaikan dan menjauhi kemungkaran.<sup>270</sup>

Tugas sebagai pendakwah bukanlah tugas yang boleh dilaksanakan sambil lewa. Tugas mulia ini merupakan tugas yang diwariskan oleh para Rasul s.a.w. Golongan pendakwah seharusnya mencontohi cara terbaik para Rasul berdakwah dan menjadikan mereka sebagai ikutan. Mereka menyedarkan manusia yang lalai daripada mengingati dan mentaati Allah swt.<sup>271</sup>

---

<sup>270</sup> Ab. Aziz Mohd Zin, *Pengantar Dakwah Islamiah* (Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 1997), 137.

<sup>271</sup> *Ibid*

Masalah utama dalam pelaksanaan program agama di JKM adalah kurangnya kakitangan iaitu guru agama yang menjawat jawatan pembantu hal ehwal Islam yang ditempatkan di institusi. Berdasarkan temubual yang telah dijalankan, mendapati setiap institusi hanya mempunyai seorang Pembantu Hal Ehwal Islam atau sinonimnya guru agama. Pembantu Hal Ehwal Islam atau guru agama ini ditugaskan untuk merangka serta melaksanakan program agama kepada pelatih di institusi.

Nisbah yang tidak seimbang antara guru dan pelatih jelasnya mengganggu kelancaran program yang telah dirangka dan secara tidak langsung memberi impak dalam proses pemulihan khususnya aspek kerohanian pelatih. Purata pelatih yang ditempatkan di institusi adalah lebih dari 30 orang dan terdapat sesetengah institusi yang mencecah 120-150 orang pelatih.<sup>272</sup> Keadaan ini jelasnya menyumbang kepada program-program yang telah dirangka tidak dapat dilaksanakan sebaik mungkin. Hal ini sebagaimana yang diutarakan oleh Ustazah Nurrul Ain bt. Alias dalam temuramah bersama beliau.<sup>273</sup>

“.....saya seorang saja guru agama di sini..jumlah pelatih dalam 120 orang semuanya...”

Menurut Ustaz. Mohd Shamsul b. Ramli, rentetan dari kekangan perjawatan iaitu pembantu hal ehwal Islam yang ditugaskan di institusi ditambah pula dengan masa bertugas yang terhad mengikut jam bekerja iaitu dari jam 8.00 pagi hingga 5.30 petang dan Isnin hingga Jumaat. Perkara ini menyebabkan program agama yang dijalankan di institusi tiada pemantauan oleh guru agama pada waktu malam. Begitu juga pada hari Sabtu dan Ahad atau cuti umum. Terdapat juga di sesetengah institusi solat jamaah yang

---

<sup>272</sup> Pamplet, Institusi Pemulihan, JKM, 2011.

<sup>273</sup> Nurrul Ain bt. Alias ( Pembantu Hal Ehwal Islam, Taman Seri Putri, Batu Gajah, Perak ), dalam temubual dengan penulis, 28 Okt 2011.



menjadi program wajib di institusi tidak dilaksanakan secara berjamaah. Ini disebabkan tiada guru agama yang memantau mereka khususnya pada waktu solat fardhu Subuh, Maghrib dan Isyak.<sup>274</sup>

Di sesetengah institusi, masalah kekangan perjawatan guru agama dari pihak JKM diatasi dengan mengambil guru agama secara sambilan. Jelasnya, guru sambilan berperanan mengambil tugas-tugas guru agama terutama pada waktu petang ( selepas waktu bekerja ), pada waktu malam serta pada Sabtu dan Ahad. Hal ini sebagaimana yang diperjelaskan oleh Ustaz Mohd Nor Azan b. Mohamad dan disokong oleh Ustazah Nurrul Ain bt. Alias dalam temubual bersama mereka. Namun, terdapat juga institusi yang tidak mempunyai guru sambilan. Hal ini sebagaimana yang dinyatakan oleh Ustaz Yusnadee b. Ahmad. Jelasnya, guru memainkan peranan utama dalam memastikan kelangsungan program agama di institusi. Ketiadaan guru, jelasnya memberikan impak yang besar di mana program-program agama yang telah dirancang tidak dilaksanakan. Ini termasuk program-program yang melibatkan rutin harian pelatih seperti solat fardhu serta kelas-kelas agama yang telah dijadualkan.<sup>275</sup>

Perkara ini jelasnya menimbulkan masalah serta mengganggu proses pemulihan kepada pelatih terutama dalam konteks kerohanian. Hasil temubual bersama pelatih di salah sebuah institusi mendapati program agama telah sebulan tidak dapat dilaksanakan disebabkan guru agama (pembantu hal ehwal Islam) bercuti rehat akibat kemalangan. Perkara ini secara tidak langsung mengganggu kelancaran program-program yang telah

---

<sup>274</sup> Mohd Shamsul b. Ramli ( Pembantu Hal Ehwal Islam, Asrama Kempas, Johor ), dalam temubual pada 31 Okt 2011.

<sup>275</sup> Yusnadee b. Ahmad ( Pembantu Hal Ehwal Islam, Asrama Sentosa, Sentol ), dalam temubual pada 3 Nov 2011.

disusun untuk pelatih di institusi.<sup>276</sup> Justeru, pihak pengurusan institusi mestilah memainkan peranan mengambil guru sambilan yang terdiri daripada kakitangan di institusi yang mempunyai latar belakang pendidikan agama atau guru agama separuh masa bagi menggantikan pembantu hal ehwal Islam sekiranya mereka bercuti. Inisiatif dari pihak pengurusan ini secara tidak langsung menunjukkan keprihatinan mereka dalam usaha membantu pelaksanaan program dan pemulihan pelatih dilaksanakan secara konsisten .

Perkara ini yang dinyatakan oleh Ustaz Mohd. Nor Azan b. Mohamad, sebagaimana yang diamalkan di institusi beliau, guru sambilan diambil dan dibayar oleh pihak institusi.<sup>277</sup> Guru sambilan jelasnya, memainkan peranan penting bagi membantu kelancaran program-program yang telah disusun. Selain itu guru sambilan juga berperanan mengendalikan program-program agama selepas waktu pejabat, pada hari Sabtu dan Ahad serta berperanan menggantikan guru agama (pembantu hal ehwal Islam) sedia ada sekiranya tidak hadir ke institusi.<sup>278</sup> Namun, tidak kurang juga, terdapat institusi yang tidak mengambil guru agama sambilan dan mengharapkan pembantu hal ehwal Islam yang dilantik melalui perjawatan melaksanakan program agama di institusi sepenuhnya. Sebagaimana yang dinyatakan oleh Ustazah Azyiah bt. Ahmad, Sabtu dan Ahad merupakan waktu rehat untuk pelatih. Justeru, tiada pemantauan khusus oleh guru agama terhadap mereka.<sup>279</sup>

---

<sup>276</sup> Pelatih 19,20,21, dalam temubual pada 11 November 2011.

<sup>277</sup> Nor Azan b. Mohamad ( Pembantu Hal Ehwal Islam, Sekolah Tunas Bakti, Jerantut ), dalam temubual pada 20 Okt 2011.

<sup>278</sup> Ibid.

<sup>279</sup> Azyiah bt. Ahmad ( Pembantu Hal Ehwal Islam, Sekolah Tunas Bakti , Lereh ), dalam temubual pada 25 Okt 2011.

Menurut Ustazah Aziyah bt. Ahmad, kekurangan ilmu serta penguasaan dari segi teknik penyampaian juga merupakan faktor program agama kurang diminati berbanding program-program lain. Kepelbagaian teknik dan kaedah penyampaian amat perlu untuk merangsang serta menarik minat pelatih di samping guru agama juga perlu tahu ilmu-ilmu berhubung psikologi. Menurut Ustaz Mohd Shamsul b. Ramli, antara cabaran yang dihadapi oleh guru agama di institusi ialah adalah apabila pelatih tidak mahu serta tidak berminat menghadiri program-program agama yang telah diwajibkan ke atas mereka. Memahami psikologi pelatih adalah penting bagi memastikan pelatih benar-benar berminat terhadap program agama yang diadakan oleh pihak institusi.<sup>280</sup>

#### **4.6.2 Masalah Sasaran Dakwah ( Pelatih JKM )**

Secara umumnya, sasaran dakwah terbahagi kepada dua golongan iaitu orang Islam dan bukan Islam. Dalam konteks kajian ini, tumpuan diberikan kepada pelatih JKM yang merupakan sasaran dakwah yang dikategorikan sebagai golongan yang melakukan maksiat. Sebagaimana menurut Abdul Karim Zaidān, golongan yang melakukan maksiat merupakan golongan yang beriman yang telah mengucap dua kalimah syahadah, namun mereka tidak menunaikan isi dan jiwa syahadah yang dituturkan, sehingga ternyata mengerjakan sebahagian perintah agama dan menyalahi sebahagian yang lain.<sup>281</sup>

Antara masalah yang dikenalpasti dalam pelaksanaan program agama di institusi ialah pelatih malas dan tidak berminat dengan program agama yang dijalankan dan

---

<sup>280</sup> Mohd. Shamsul b. Ramli ( Pembantu Hal Ehwal Islam, Asrama Kempas, Johor ), dalam temubual pada 31 Okt 2011.

<sup>281</sup> Alwisral Imam Zaidallah, Drs, *Strategi Dakwah dalam Membentuk Da'I dan Khotib Profesional* ( Jakarta: Kalam Mulia, 2002 ), 67-68.

terdapat juga pelatih yang memboikot program-program agama yang dijalankan. Perkara ini sebagaimana yang dinyatakan oleh Ustazah Azyiah bt. Ahmad.<sup>282</sup>

Menurut Ustazah Nurrul Ain bt. Alias, pelatih di institusi kurang berminat dengan program agama yang dijalankan. Ditambah pula di pihak pengurusan memberikan kelonggaran terhadap pelatih hingga menyebabkan pelatih tidak serius untuk mengikuti program-program agama yang dijalankan.<sup>283</sup>

Manakala menurut Ustaz Mohd Shamsul b. Ramli, pelatih di institusi kurang berminat dengan program agama yang dilaksanakan di samping pelatih lebih memberikan komitmen terhadap program-program lain yang bersifat lebih santai. Justeru, untuk mengatasi masalah ini, guru agama yang ditugaskan perlu mempelbagaikan bentuk penyampaian dan program-program agama juga perlu dipelbagaikan dan tidak bersifat statik.<sup>284</sup>

Hasil temubual yang dijalankan juga mendapati, kebanyakan pelatih mempunyai latar belakang agama yang lemah. Masalah ini, merupakan cabaran kepada guru agama. Tahap pengetahuan agama pelatih yang pelbagai ditambah dengan pelatih yang tidak boleh mengenal huruf sama ada rumi atau jawi. Perkara ini diakui oleh Ustaz Zuraimy bin. Rosmany, beliau menyatakan kebanyakan pelatih buta huruf dan tidak tahu bacaan

---

<sup>282</sup>Azyiah bt. Ahmad ( Pembantu Hal Ehwal Islam, Sekolah Tunas Bakti, Lereh ), dalam temubual pada 25 Okt 2011.

<sup>283</sup> Nurrul Ain bt. Alias ( Pembantu Hal Ehwal Islam, Taman Seri Putri, Batu Gajah ), dalam temubual pada 28 Okt 2011.

<sup>284</sup> Mohd. Shamsul b. Ramli ( Pembantu Hal Ehwal Islam, Asrama Kempas, Johor ), dalam temubual pada 31 Okt 2011.

dalam solat.<sup>285</sup>Ini menimbulkan kesukaran kepada guru agama. Dalam mengatasi permasalahan ini, pelatih terlebih dahulu akan menduduki ujian penilaian. Ujian ini penting bagi mengenalpasti tahap pengetahuan agama pelatih.<sup>286</sup>

Pertembungan antara pelatih baru dan lama juga merupakan masalah yang dihadapi oleh pembantu hal ehwal Islam dalam melaksanakan program yang sistematik kepada pelatih. Ditambah pula, dengan nisbah guru agama yang tidak seimbang dengan jumlah pelatih. Perkara ini secara tidak langsung mengganggu pelaksanaan program agama di institusi dan proses pemulihan kerohanian pelatih.<sup>287</sup>

#### **4.6.3 Masalah berhubung Pengisian Program Agama ( Modul Agama JKM )**

Terdapat satu modul yang telah digunakan dan diselaraskan oleh JKM dalam melaksanakan program di institusi. Modul ini merupakan modul yang dirangka oleh pihak JKM bersama dengan JAKIM. Namun, hasil kajian mendapati, terdapat masalah yang timbul dalam proses implimentasi modul tersebut terhadap pelatih di institusi.

Secara keseluruhan dari hasil temubual mendapati modul yang digunakan oleh JKM sukar untuk dilaksanakan. Perkara ini diakui sendiri oleh Ustazah Aziyah bt. Ahmad.<sup>288</sup>

“Modul yang disediakan terlalu sukar untuk dilaksanakan...memandangkan pelatih di sini mempunyai latar belakang agama yang lemah...”

---

<sup>285</sup>Zuraimy b. Rosmani ( Pembantu Hal Ehwal Islam, Asrama Bukit Baru, Melaka ), dalam temubual pada 9 Nov 2011.

<sup>286</sup> Jamal Zaidi bin. Ismail ( Pegawai Agama Jabatan Kebajikan Masyarakat, Menara Tun Hussain Ali, Kuala Lumpur ), dalam temubual dengan penulis pada 10 Mac 2011.

<sup>287</sup> Mohd. Nor Azan b. Mohamad ( Pembantu Hal Ehwal Islam, Sekolah Tunas Bakti, Jerantut ), dalam temubual pada 20 Okt 2011.

<sup>288</sup> Aziyah bt. Ahmad ( Pembantu Hal Ehwal Islam, Sekolah Tunas Bakti, Lereh ), dalam temubual pada 25 Okt 2011.

Menurut Ustazah Nor Azura bt. Sumailan, pengisian modul juga agak tinggi dan tidak sesuai dengan tahap pengetahuan pelatih. Realitinya, guru agama yang ditugaskan hanya mengajar perkara-perkara asas mengikut inisiatif mereka sendiri. Sebagai cadangan, pihak pengurusan JKM perlu melihat dan mengkaji semula modul yang telah digunakan dan menyesuaikan modul dengan pelatih di institusi.<sup>289</sup> Perkara-perkara asas mestilah diberikan penekanan serta menjadikan modul lebih praktikal untuk digunakan kepada pelatih institusi yang tergolong dalam kalangan individu yang bermasalah. Perkara ini diakui oleh Ustaz Yusnadee b. Ahmad, di mana modul JKM perlu penambahbaikan dan mestilah lebih spesifik kepada pelatih.<sup>290</sup>

Ustaz Mohd Shamsul b. Ramli juga mengakui bahawa modul yang dikeluarkan oleh JKM tidak dapat dilaksanakan sepenuhnya kepada pelatih.<sup>291</sup> Sebagai saranan, pihak pengurusan JKM perlu menilai kembali modul yang telah dibuat. Perkara ini penting bagi membantu guru agama dalam melaksanakan tugas mereka di institusi. Modul yang sedia ada, jelasnya terlalu umum dan kurang bersesuaian dengan pelatih. Sewajarnya, pihak JKM menyediakan modul agama yang lebih praktikal. Hal ini disebabkan, golongan pelatih yang dimasukkan ke institusi secara keseluruhan memerlukan pemulihan dari aspek kerohanian.

#### **4.6.4 Masalah Pengurusan dan Pentadbiran.**

---

<sup>289</sup> Nor Azura bt. Sumailan ( Pembantu Hal Ehwal Islam, Taman Seri Puteri Cheras, Kuala Lumpur ), dalam temubual pada 4 Nov 2011.

<sup>290</sup> Yusnadee b. Ahmad ( Pembantu Hal Ehwal Islam, Asrama Sentosa, Sentol, Kuala Lumpur ), dalam temubual pada 3 Nov 2011.

<sup>291</sup> Shamsul b. Ramli ( Pembantu Hal Ehwal Islam, Asrama Kempas, Johor Baharu ), dalam temubual pada 31 Okt 2011.

Pengurusan bermaksud satu proses melaksanakan sesuatu melalui orang lain. Ia juga merupakan proses merancang dan memelihara persekitaran apabila individu sama-sama bekerja dalam satu kumpulan bagi mencapai matlamat yang dikehendaki.<sup>292</sup>

Pentadbiran perlu bagi sesebuah pertubuhan atau institusi dalam walau apapun bentuk, bidang, kegiatan dan objektifnya. Dengan adanya pentadbiran dengan segala peraturan dan tatacara yang kemas, pertubuhan tersebut akan berjalan dengan lancar, mampu memainkan fungsinya dengan berkesan dan berkembang dengan pesat serta dapat dikawal segala kegiatan dari sebarang kelemahan dan penyelewengan. Inilah di antara tujuan pentadbiran diadakan. Begitupun tidak semua bentuk pentadbiran mampu memainkan peranannya dengan berkesan.<sup>293</sup>

Pengurusan dan pentadbiran mempunyai tiga peranan utama, iaitu:<sup>294</sup>

- i. Untuk melaksanakan dan mengimplimentasikan polisi atau keputusan yang telah dibuat.
- ii. Untuk mengkoordinasi aktiviti-aktiviti organisasi dalam usaha mencapai tujuan tertentu.
- iii. Untuk mewujudkan kerjasama bagi memenuhi matlamat yang dikongsi bersama.

Kekurangan kakitangan iaitu pembantu hal ehwal Islam yang dilantik dari JKM merupakan masalah utama dalam proses pelaksanaan program agama di institusi. Perkara ini diakui sendiri oleh guru agama yang telah ditemui oleh pengkaji. Rentetan dari pemasalahan ini, program agama seperti kelas fardhu ain, solat jamaah, amalan zikir dan

---

<sup>292</sup> Ab. Mumin ab. Ghani dalam *Dimensi Pengurusan Islam , Sistem Pengurusan Islam:Tinjauan Menyeluruh dari Aspek Konsep* (Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 2006), 3.

<sup>293</sup> Mohd Amin b. Abdul Rahim, *Panduan Pendakwah Secara Praktikal* (Kuala Lumpur: Darul Fikir Sdn. Bhd, 2001 ), 155-156.

<sup>294</sup> David L.Sills, *International Encyclopedia of Social Sciences* (New York:The Macmillan Company&The FreePress, vol.9, 1968), 61-62.

sebagainya tidak dapat dilaksanakan secara intensif. Di sesetengah institusi pelatih tidak mendapat pemantauan sepenuhnya dan mereka bebas ketika berada di asrama.<sup>295</sup>

Menurut Ustazah Azyiah bt. Ahmad, program agama tidak diberatkan oleh pihak institusi.<sup>296</sup> Tidak kurang juga, menyatakan program agama di insituti terlalu longgar dan tidak dipandang serius dari segi pelaksanaannya.<sup>297</sup> Rentetan dari pemasalahan tersebut, program agama yang telah dirangka tidak dapat dilaksanakan mengikut jadual. Terdapat juga, pihak pengurusan institusi yang hanya memberi pemberatan kepada program-program yang lebih berbentuk kemahiran.

Terdapat juga institusi yang memfokuskan kepada program-program berbentuk latihan seperti kelas kimpalan, automatif, penternakan, pertanian dan elektrik. Manakala program-program agama dijadikan sebagai program sampingan. Perkara ini diakui sendiri oleh Ustaz Nor Azan b. Mohamad.<sup>298</sup>

Kekurangan guru agama di institusi, mestilah diambil serius oleh pihak institusi. Pihak institusi berperanan memastikan terdapat guru agama memantau setiap program agama yang melibatkan pelatih di institusi. Guru agama yang merupakan pembantu hal ehwal Islam jelasnya tidak mampu melaksanakan program-program agama yang telah ditetapkan khususnya selepas waktu pejabat iaitu pada waktu malam, hari Sabtu dan Ahad. Senario ini, jelasnya secara tidak langsung mengganggu dari aspek pemulihan kerohanian pelatih.

---

<sup>295</sup> Mohd Shamsul b. Ramli ( Pembantu Hal Ehwal Islam, Asrama Kempas, Johor ), dalam temubual pada 31 Okt 2011.

<sup>296</sup> Azyiah bt. Ahmad ( Pembantu Hal Ehwal Islam, Sekolah Tunas Bakti, Lereh ), dalam temubual pada 25 Okt 2011.

<sup>297</sup> Nurul Ain bt. Alias ( Pembantu Hal Ehwal Islam, Taman Seri Puteri Batu Gajah, Perak ), dalam temubual pada 28 Okt 2011.

<sup>298</sup> Nor Azan b. Mohamad ( Pembantu Hal Ehwal Islam, Sekolah Tunas Bakti Jerantut, Pahang ), dalam temubual pada 25 Okt 2011.



Solat jamaah juga mestilah dijadikan program wajib di institusi. Ia tidak terbatas hanya solat fardhu Zohor dan Asar. Penekanan serta pemberatan dua solat fardhu ini disebabkan pembantu hal ehwal Islam bertugas pada waktu tersebut. Namun, timbul persoalan berhubung solat fardhu Subuh, Maghrib dan Isya. Berdasarkan kajian yang telah dijalankan, terdapat pengurusan di institusi yang tidak memberikan pemantauan kepada pelatih ketika solat. Hal ini diperakui oleh Ustaz Nor Azan b. Mohamad di mana jika guru agama atau guru sambilan tidak hadir solat berjamaah akan dikendalikan oleh pelatih sesama pelatih.<sup>299</sup>Walaupun, perkara ini tidak menyalahi hukum Islam. Namun, dalam konteks pelatih di institusi, situasi ini mestilah dipandang serius. Memandangkan pelatih yang ditempatkan di institusi pemulihan memerlukan bimbingan dan pemantauan dari masa ke masa.

Bagi memastikan pelatih mendapat bimbingan dan pemulihan secara berterusan terutama dari aspek agama dan kerohanian. Pihak pengurusan institusi dan pengurusan JKM disarankan mengambil kakitangan tambahan atau sambilan. Perkara ini perlu, bagi memastikan terdapat pengisian agama pada hari Sabtu dan Ahad, cuti umum serta selepas waktu bekerja. Senario yang berlaku di setiap institusi pada hari Sabtu dan Ahad diisytiharkan sebagai cuti untuk mereka berehat serta melakukan aktiviti bebas dan santai sesama mereka. Perkara ini diperakui oleh ustaz Mohd Shamsul b. Ramli dalam temubual bersama beliau menyatakan:<sup>300</sup>

---

<sup>299</sup> Nor Azan b. Mohamad ( Pembantu Hal Ehwal Islam, Sekolah Tunas Bakti Jerantut, Pahang ), dalam temubual pada 20 Okt 2011.

<sup>300</sup> Mohd. Shamsul b. Ramli, Pembantu Hal Ehwal Islam, Asrama Kempas, Johor, dalam temubual dengan penulis, 31 Oktober 2011

“ jadual agama yang ditetapkan hanya pada office hour..jadi selepas masa tu tiada program agama..begitu juga Sabtu dan Ahad...”

Ditambah oleh Ustaz. Yusnadee b. Ahmad

“ program agama pada hari Sabtu dan Ahad bergantung pada guru agama di institusi untuk buat..tapi biasanya tiada program...”

#### 4.7 Keberkesanan Program Agama Terhadap Peningkatan Ilmu Pengetahuan

Dalam kajian ini, keberkesanan program agama dalam meningkatkan ilmu pengetahuan dan amalan pelatih atau responden di institusi dinilai melalui tiga asas iaitu tahap pengetahuan ilmu agama dan peningkatan amalan responden tentang akidah, ibadah dan akhlak.

##### 4.7.1 Pengetahuan Akidah

Jadual 4.11

Keberkesanan Program Agama Dalam Meningkatkan Ilmu Tentang Akidah

Perkara	5	4	3	2	1	Min
	SS n(%)	S n(%)	KS n(%)	TS n(%)	STS n(%)	
Rukun iman terbahagi kepada enam perkara	224(78.3)	49(17.1)	4(1.4)	1(0.3)	8(2.8)	4.67
Percaya kepada Allah swt adalah Rukun Iman Pertama	229(80.1)	46(16.1)	4(1.4)	1(0.3)	6(2.1)	4.71
Percaya Kepada Malaikat adalah Rukun Iman	226(79.0)	44(15.4)	6(2.1)	2(0.7)	8(2.8)	4.67
Rukun Islam terbahagi kepada lima perkara	218(76.2)	50(17.5)	7(2.4)	1(0.3)	10(3.5)	4.62
Mengucap Dua Kalimah Syahadah adalah Rukun Islam.	232(81.1)	42(14.7)	3(1.0)	3(1.0)	6(2.1)	4.71
<b>Min Keseluruhan</b>						<b>4.68</b>

Jadual 4.11, menunjukkan taburan tahap pengetahuan akidah responden. Analisis secara keseluruhan menunjukkan tahap pengetahuan akidah responden adalah tinggi berdasarkan dapatan (min=4.68). Analisis secara terperinci pandangan responden terhadap item dalam soal selidik juga adalah tinggi iaitu percaya kepada Allah swt adalah rukun iman pertama dan mengucap dua kalimah syahadah adalah rukun Islam (min=4.71), rukun iman terbahagi kepada enam perkara dan percaya kepada malaikat adalah rukun (min=4.67) dan Rukun Islam terbahagi kepada lima perkara (min=4.62).

Berdasarkan analisis tersebut menunjukkan responden di institusi pemulihan mempunyai pengetahuan yang tinggi dalam ilmu asas akidah. Namun, analisis juga mendapati terdapat responden yang mempunyai tahap pengetahuan ilmu akidah yang rendah dengan purata peratusan keseluruhan adalah kurang dari 5% memilih jawapan kurang setuju, tidak setuju dan sangat tidak setuju pada setiap item yang telah diberikan.

Walaupun peratusan tersebut merupakan peratusan yang kecil. Namun, ia perlu diberi perhatian serius oleh pihak pengurusan khususnya Unit Hal Ehwal Islam JKM. Memandangkan item soalan yang diberikan adalah asas dalam Rukun Iman dan Rukun Islam yang wajib diketahui oleh setiap umat Islam. Guru agama di institusi bertanggungjawab memastikan setiap pelatih mempunyai pengetahuan terhadap asas-asas akidah tersebut. Metode pengajaran dan penyampaian mestilah dipelbagaikan bagi merangsang minat pelatih untuk mengikuti kelas-kelas pengajian serta program agama yang dilaksanakan di institusi.

Pengetahuan terhadap ilmu akidah merupakan elemen yang amat penting memandangkan akidah Islam merupakan asas yang memisahkan ummat Islam dari

mengikuti dengan membuta tuli tanpa mempunyai asas yang kukuh terhadap sesuatu perkara.<sup>301</sup> Akidah adalah iman yang kuat dan mendalam terhadap Allah s.w.t, Malaikat, Kitab, Rasul, Hari Akhirat, Qada' dan Qadar, beriman dengan semua yang diturunkan oleh Allah s.w.t. di dalam al-Quran dan al-Sunnah Rasulullah s.a.w. yang sah yang terdiri dari asas-asas agama, perintah, perkhabaran, ijma' para salaf al-soleh dan menyerah diri dengan sepenuh hati kepada hukum Allah s.w.t., perintahNya, syara'nya dan bertaklim kepadaNya serta mengikuti sunnah Rasulullah s.a.w.<sup>302</sup>

Dapatan kajian ini, sejajar dengan kehendak ajaran Islam yang meletakkan penghayatan akidah pada kedudukan yang paling utama. Usaha untuk memperoleh dan mencapai penghayatan akidah dalam Islam bukan sekadar minat atau keperluan malah ia merupakan satu perintah yang mutlak dari Allah s.w.t. kepada seluruh umat Islam.<sup>303</sup> Dalam hal ini al-Ghazālī menegaskan kepentingan penghayatan akidah perlu ditanam semenjak usia kanak-kanak. Bagi memantapkan akidah, seseorang itu perlu melalui proses penghayatan akidah yang berlaku secara berperingkat dan tersusun. Pada peringkat awal, kanak-kanak hanya diminta menghafal bahan-bahan pengajian akidah seperti menghafal nama-nama Allah yang mulia, menghafal nama-nama nabi, nama-nama malaikat, sifat-sifat Allah swt dan sebagainya. Setelah itu barulah mereka akan diberi penjelasan dan kefahaman kepada nama-nama tersebut.<sup>304</sup>

Berdasarkan analisis peratusan menunjukkan, lebih (90%) responden secara keseluruhan memilih sangat setuju dan setuju dalam menjawab item berhubung

---

<sup>301</sup> Al-Qaradawi, Yusuf, Iman dan Kehidupan ( Shah Alam: Dewan Pustaka Fajar, 2008 ), 53.

<sup>302</sup> 'Abd Karim al-'Aql (t.t), Mabāhith Fi Aqīdati ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah (Saudi Arabia: Dar al-Watan,1982), 9.

<sup>303</sup> Wan Mohd. Zahid Nordin, *Pendidikan Islam Era 2020:Tasawwur dan Strategi* (Bangi: maktab Perguruan Islam, 1992), 4

<sup>304</sup> al-Ghazali, Abu Hamid. *Ihya' 'Ulum al-Din*. j. 3, 4. (Kaherah: Dar al-Fajr li al-Turath, 2005),72.

pengetahuan asas akidah yang diberikan. Dapatan ini, jelasnya menggambarkan bahawa responden yang berada di institusi pemulihan mempunyai pengetahuan dalam asas ilmu akidah. Justeru, setiap guru agama di institusi mestilah mengambil peluang untuk menarik minat pelatih mempelajari ilmu agama di institusi terutama ilmu-ilmu berasaskan akidah. Akidah yang benar dan sah menjadi syarat pertama pengakuan seseorang yang telah menerima islam sebagai agama yang mengatur kehidupan.<sup>305</sup> Malah akidah menjadi asas sesuatu amalan diterima oleh Allah S.W.T serta membentuk diri manusia menjadi muslim dan mukmin.<sup>306</sup>

#### 4.7.2 Pengetahuan Ibadah

Jadual 4.12

Keberkesanan Program Agama Dalam Meningkatkan Ilmu Tentang Ibadah

Perkara	5	4	3	2	1	Min
	SS n(%)	S n(%)	KS n(%)	TS n(%)	STS n(%)	
Ibadah solat fardhu terserah pada individu untuk melaksanakannya	93(32.5)	81(28.3)	63(22.0)	14(4.9)	35(12.2)	3.63
Wajib dan Haram adalah di antara hukum Islam	214(74.8)	59(20.6)	10(3.5)	0.0	3(1.0)	4.68
Harus berwuduk sebelum menunaikan solat.	127(44.4)	73(25.5)	21(7.3)	28(9.8)	37(12.9)	3.78
Wajib berpuasa pada bulan Ramadhan	178(62.2)	85(29.7)	17(5.9)	5(1.7)	2(0.7)	4.51
Solat taubat dan hajat adalah di antara solat-solat sunat.	208(72.7)	60(21.0)	12(4.2)	1(0.3)	5(1.7)	4.63
<b>Min Keseluruhan</b>						<b>4.25</b>

<sup>305</sup> Fathi Yakan, *Apa Ertinya Saya Menganut Islam*, terj: Alias Othman ( Kuala Lumpur: Pustaka Salam Sdn. Bhd, 1992), 18.

<sup>306</sup> Haji Said bin. Hj. Ibrahim, *Aqidah Ahli Sunnah wa al-Jamaah* (Sabah: Jabatan Mufti Negeri Sabah), 26.

Jadual 4.12, menunjukkan taburan tahap pengetahuan ibadah responden. Secara keseluruhan, analisis kajian ini mendapati tahap pengetahuan ilmu akidah responden adalah tinggi berdasarkan dapatan (min=4.25). Analisis secara terperinci pandangan responden terhadap *sub* item juga adalah tinggi iaitu wajib dan haram adalah di antara hukum Islam (min= 4.68), solat taubat dan hajat adalah di antara solat-solat sunat (min=4.63), wajib berpuasa pada bulan ramadhan (min=4.51). Namun, dapatan min sederhana tinggi pada item harus berwuduk sebelum menunaikan solat (min=3.78) dan Ibadah solat fardhu terserah pada individu untuk melaksanakannya (min=3.63).

Berdasarkan analisis tersebut jelas menunjukkan responden di institusi pemulihan secara keseluruhan mempunyai tahap pengetahuan yang tinggi dalam ilmu asas ibadah (min=4.25) . Ibadah dalam Islam mempunyai ruang lingkup yang amat luas, meliputi semua tindakan dan aktiviti manusia yang bermatlamat ke arah mencapai kebajikan di dunia dan akhirat.<sup>307</sup> Pengertian ibadah secara khusus ialah mendekatkan diri kepada Allah SWT dengan melaksanakan syiar-syiarNya, berzikir serta bersyukur kepadaNya.<sup>308</sup>

Analisis peratusan menunjukkan (95.4%) responden secara keseluruhan memilih sangat setuju dan setuju bagi item wajib dan haram adalah di antara rukun Islam. Seramai (93.7%) responden secara keseluruhan memilih sangat setuju dan setuju terhadap item solat taubat dan hajat adalah di antara solat-solat sunat .Manakala bagi item wajib berpuasa pada bulan Ramadhan secara keseluruhan seramai (91.9%) memilih sangat setuju dan setuju. Dapatan ini menggambarkan responden mempunyai pengetahuan dalam hukum asas dalam Islam. Namun, dalam beberapa item asas ilmu ibadah yang

---

<sup>307</sup>Yusuf al-Qardawi, al-Ibadah fi al-Islam (Cet ke-24, Kaherah: Maktabah Wahbah, 1995), 50-51

<sup>308</sup> Yusof al-Qardawi, Sistem Pendidikan Ikhwanul Muslimin, Terj: Mohd. Nabhan Husein ( Johor Bharu: Thinkers Library Sdn. Bhd. 1986), 26.

dikemukakan responden masih keliru serta tidak mencapai tahap kefahaman dan penguasaan. Ini berdasarkan dapatan soal selidik berhubung itu harus berwuduk sebelum menunaikan solat. Secara keseluruhan seramai (69.9%) responden memilih sangat setuju dan setuju dengan item tersebut.

Merujuk kepada analisis peratusan dalam item ibadah solat fardhu terserah pada individu melaksanakannya. Analisis peratusan menunjukkan (60.8%) responden secara keseluruhan memilih sangat setuju dan setuju. Dapatan ini menunjukkan responden masih tidak mendapat pendedahan sewajarnya berhubung pengetahuan asas sebagai seorang muslim. Solat adalah tiang agama yang mana ibadah solat adalah sebesar-besar ibadah yang mendekatkan hamba kepada Tuhannya dan ia adalah seteguh-teguh perhubungan makhluk dan penciptanya. Solat lima waktu wajib dilakukan ke atas setiap umat Islam yang berakal dan baligh. Kewajipan menunaikan solat fardhu tidak gugur selagi hayat dikandung badan. Kewajipan solat juga dinyatakan dengan jelas dalam firman Allah swt :

أَتْلُ مَا أُوحِيَ إِلَيْكَ مِنَ الْكِتَابِ وَأَقِمِ الصَّلَاةَ ۖ إِنَّ الصَّلَاةَ تَنْهَىٰ عَنِ  
الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ ۗ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ ۗ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ ﴿٤٥﴾

Maksudnya:

Bacalah apa yang telah diwahyukan kepadamu, yaitu Al Kitab (Al Quran) dan dirikanlah shalat. Sesungguhnya shalat itu mencegah dari (perbuatan-perbuatan) keji dan mungkar. Dan sesungguhnya mengingat Allah (shalat) adalah lebih besar (keutamaannya dari ibadat-ibadat yang lain). Dan Allah mengetahui apa yang kamu kerjakan.

Surah al-Ankabut:29(45)

Ibadah dalam Islam mempunyai ruang lingkup yang amat luas, meliputi semua tindakan dan aktiviti manusia yang bermatlamat ke arah mencapai kebajikan di dunia dan

akhirat.<sup>309</sup> Memandangkan tuntutan beribadah adalah berterusan hingga ke akhir hayat manusia, maka perintah ini hendaklah dilaksanakan dengan penuh sabar, kasih dan cinta kepada Allah s.w.t. kerana hanya Allah s.w.t. yang sepatutnya dikasihi dan dicintai. Perasaan cinta ini penting kerana daripadanya akan melahirkan perasaan ikhlas untuk beribadah. Menurut Ibn Taimiyyah seperti yang dipetik dari Yūsuf al-Qaradāwī, tanpa perasaan ini tujuan ibadah sebagaimana yang diperintahkan oleh Allah s.w.t. sudah pasti sukar untuk dilaksana dan diamalkan.<sup>310</sup>

#### 4.7.3 Pengetahuan Akhlak

Jadual 4.13  
Keberkesanan Program Agama Dalam Meningkatkan Ilmu Tentang Akhlak

Perkara	5	4	3	2	1	Min
	SS	S	KS	TS	STS	
	n(%)	n(%)	n(%)	n(%)	n(%)	
Taubat merupakan sifat yang dituntut dalam Islam.	216(71.5)	52(18.2)	6(2.1)	6(2.1)	6(2.1)	4.63
Islam menetapkan adab-adab yang tertentu dalam kehidupan seharian.	195(68.2)	73(25.5)	12(4.2)	2(0.70)	4(1.4)	4.58
Seorang anak wajib mentaati kedua ibu bapa	186(65.0)	75(26.2)	20(7.0)	1(0.3)	4(1.4)	4.53
Taubat, ikhlas dan amanah adalah di antara sifat-sifat terpuji.	218(76.2)	56(19.6)	9(3.1)	0.0	4(1.4)	4.68
Menutup aurat adalah wajib dalam Islam	212(74.1)	52(18.2)	8(2.8)	4(1.4)	9(3.1)	4.59
<b>Min Keseluruhan</b>						<b>4.60</b>

<sup>309</sup> Yūsuf al-Qaradāwī, *al-‘Ibādah, t fī al-Islām* (cet. ke-24, Kaherah: Maktabah Wahbah, 1995), 50-51.

<sup>310</sup> *Ibid.*, 33-34.



Jadual 4.13, menunjukkan taburan tahap pengetahuan akhlak responden. Secara keseluruhan, analisis kajian ini mendapati tahap pengetahuan ilmu akhlak responden adalah tinggi berdasarkan dapatan (min=4.60). Analisis secara terperinci pandangan responden terhadap beberapa item juga adalah tinggi iaitu taubat, ikhlas dan amanah adalah di antara sifat-sifat terpuji (min=4.68), taubat merupakan sifat yang dituntut dalam Islam (min=4.63), menutup aurat adalah wajib dalam Islam (4.59), Islam menetapkan adab-adab yang tertentu dalam kehidupan seharian(4.58), seorang anak wajib mentaati kedua ibu bapa (min=4.53)

Berdasarkan analisis tersebut jelas menunjukkan tahap pengetahuan ilmu asas akhlak responden adalah tinggi. Peratusan bagi setiap item responden memilih sangat setuju dan setuju melebihi (80%) menggambarkan responden yang terlibat dalam kajian ini mempunyai pengetahuan dalam ilmu asas akhlak. Akhlak yang mulia adalah matlamat asasi bagi risalah Islam.<sup>311</sup>Rasulullah SAW membuat kesimpulan terhadap misi pengutusannya sebagai menyempurnakan akhlak. <sup>312</sup> Akhlak menurut perspektif al-Ghazali (m. 505 H) ialah sifat yang tertanam dalam jiwa, muncul daripada perbuatan yang mudah tanpa memerlukan pertimbangan fikiran. Jika yang lahir perbuatan baik dan diiktiraf akal serta syarak, maka ia dipanggil akhlak yang baik begitulah sebaliknya ia dinamakan akhlak yang buruk.<sup>313</sup>

Ibn Maskawayh (m. 421H) membahaskan tentang akhlak di dalam kitabnya Tahdhīb al-Akhlāq menyatakan akhlak ialah keadaan jiwa yang mendorong seseorang

---

<sup>311</sup> Fathi Yakan, *op.cit*, 60.

<sup>312</sup> Yusof al-Qardawi, *Pengantar Pengetahuan Islam*, terj: Mohamad Zaini Yahya (Selangor: As-Syabab Media, 2000), 138.

<sup>313</sup> Al-Imam Abi Hamīd Muhammad bin. Muhammad al-Ghazali, *Ihya 'Ulum al-Din* (Kaherah: Muassasah al-Jablā wa al-Syanwkaḥ, 1967), 3: 368.

untuk melakukan sesuatu tanpa memerlukan pertimbangan fikiran.<sup>314</sup> Akhlak merupakan sifat yang sebatu dalam diri individu. Akhlak merupakan agen yang mencetuskan pelbagai tingkahlaku sama ada baik atau buruk bergantung kepada sifat dalaman tersebut. Akhlak juga merupakan pelakuan yang dipengaruhi oleh sifat semulajadi individu yang terhasil daripada didikan, kebiasaan dan persekitaran.

Merujuk kepada dapatan tersebut, tahap pengetahuan responden terhadap ilmu-ilmu asas akhlak perlu dipertingkatkan. Al-Ghazali meletakkan peranan syarak dan akal sebagai piawaian mengukur kebaikan dan keburukan akhlak seseorang.<sup>315</sup> Ini bermakna apa jua perbuatan atau pelakuan yang dilakukan oleh seseorang itu yang sesuai dengan kehendak syarak dan akal manusia dianggap akhlak yang baik. Dapat disimpulkan bahawa seseorang yang menghayati Islam akan menonjol pada dirinya aspek-aspek akhlak yang mulia.

#### **4.8 Keberkesanan Program Agama Terhadap Pelatih Dalam Perubahan dan Peningkatan Amalan Sehari-hari.**

Keberkesanan program agama yang dilaksanakan di Institusi Pemulihan JKM turut dinilai melalui amalan sehari-hari responden melalui tiga elemen iaitu a) Tingkahlaku akidah, b) Tingkahlaku ibadah dan c) Tingkahlaku akhlak. Pengukuran terhadap aspek amalan sehari-hari dalam kajian ini amat penting bagi melihat keberkesanan program agama yang dilaksanakan di institusi pemulihan terhadap pelatih.

---

<sup>314</sup> Ahmad b. Muhammad b. Maskawayh, *Tahdhīb al-Akhlāq* (Beirut : Mansurah Dār Maktabah al-Hayah, 1961), 36.

<sup>315</sup> Dr. Ali Abdul Halim Mahmud, *Akhlak Mulia* (Jakarta: Gema Insani, 2004), 28.

#### 4.8.1 Tingkah Laku Akidah

Jadual 4.14  
Keberkesanan Program Agama Dalam Meningkatkan  
Tingkah Laku Akidah

Perkara	5	4	3	2	1	Min
	AK n(%)	K n(%)	P n(%)	SS n(%)	TP n(%)	
Saya tidak lupa mengingati Allah s.w.t	47(16.4)	40(14.0)	84(29.4)	50(17.5)	65(22.7)	2.84
Saya yakin pada Allah s.w.t. walaupun tidak solat	68(23.8)	93(23.8)	30(10.5)	27(9.4)	68(23.8)	3.23
Saya berdoa pada Allah s.w.t. dalam keadaan susah dan senang.	54(18.9)	53(18.5)	82(28.7)	55(19.2)	42(14.7)	3.08
Saya memohon ampun dari Allah s.w.t.	60(21.0)	51(17.8)	86(30.1)	54(18.9)	35(12.2)	3.16
Saya menjauhi perbuatan yang dikutuk oleh Allah s.w.t	34(11.9)	39(13.6)	80(28.0)	83(29.0)	50(17.5)	2.73
<b>Min Keseluruhan</b>						<b>3.00</b>

Jadual 4.14, menunjukkan taburan dapatan perubahan tahap tingkah laku akidah responden. Secara keseluruhan, analisis kajian ini mendapati tahap tingkah laku akidah responden adalah sederhana tinggi berdasarkan dapatan (min=3.00). Analisis secara terperinci mendapati min bagi tahap perubahan tingkahlaku akidah responden adalah sederhana tinggi bagi saya yakin pada Allah s.w.t. walaupun tidak solat (min=3.23), saya memohon ampun dari Allah s.w.t. (min=3.16) dan saya berdoa pada Allah s.w.t. dalam keadaan susah dan senang(min=3.08). Manakala min sederhana rendah bagi item saya tidak lupa mengingati Allah s.w.t (min=2.84) dan saya menjauhi perbuatan yang dikutuk oleh Allah s.w.t (min=2.73).

Analisis secara terperinci menunjukkan (58.1%) responden secara keseluruhan memilih amat kerap, kerap dan pernah terhadap item saya yakin pada Allah SWT walaupun tidak solat. Dapatan ini menunjukkan responden mempunyai tahap keimanan

kepada Allah SWT. Walau bagaimanapun masih terdapat responden yang tidak melakukan ibadat solat yang merupakan kewajiban sebagai seorang muslim. Analisis peratusan juga menunjukkan (59.8%) responden secara keseluruhan memilih amat kerap, kerap dan pernah pada item saya tidak lupa mengingati Allah SWT. Dapatan ini menunjukkan responden mempunyai keyakinan dan kepercayaan kepada Allah SWT.

Dapatan kajian juga mendapati (53.5%) responden secara keseluruhan memilih amat kerap, kerap dan pernah pada item saya menjauhi perbuatan yang dikutuk oleh Allah SWT. Dapatan ini menunjukkan masih terdapat responden yang melakukan perkara-perkara yang dikutuk oleh Allah SWT. Dalam konteks responden yang merupakan pelatih di dalam sebuah institusi pemulihan. Perkara ini perlu diberikan perhatian serius oleh pihak institusi, memandangkan masih terdapat pelatih yang melakukan perkara yang bertentangan dengan ajaran Islam. Dapatan ini disokong dengan temubual yang bersama Ustaz. Mohd Syamsul menyatakan:

“.....terdapat kes liwat, bergaduh dan lain-lain di institusi ini melibatkan pelatih sesama pelatih..”

Merujuk kepada analisis keseluruhan dapatan terhadap pengetahuan akidah responden (min=4.68) adalah tinggi. Manakala dapatan terhadap tingkah laku akidah responden (min=3.00) iaitu pada tahap sederhana rendah. Dapatan ini menunjukkan responden yang mewakili pelatih di institusi pemulihan mempunyai pengetahuan asas dalam ilmu akidah. Namun, pengetahuan asas tersebut masih kurang diamalkan dalam kehidupan seharian mereka.

Akidah merupakan roh bagi setiap individu yang mana dengan berpegang teguh kepadanya ia akan hidup dalam keadaan baik dan menggembirakan. Sebaliknya jika

ditinggalkan ia akan mematikan semangat kerohanian manusia.<sup>316</sup> Malah dengan akidah juga seseorang itu mampu menampilkan contoh tauladan yang sempurna kepada umat lain dan sesuai dijadikan sebagai pedoman dan ikutan yang baik.<sup>317</sup>

Istilah akidah atau iman yang tulen dalam pandangan Islam tidak juga hanya terbatas kepada penunaian serta pelaksanaan tugas atau syiar tertentu seperti yang selayaknya dilaksanakan oleh kalangan dajjal yang hanya bermuka-muka dan menunjukkan melakukan perkara kebaikan, sedangkan hati penuh dengan kedurjanaan dan tidak ikhlas kepada Allah s.w.t. Sebagaimana firman Allah s.w.t.

إِنَّ الْمُنْفِقِينَ يُخَدِّعُونَ اللَّهَ وَهُوَ خَدِّعُهُمْ وَإِذَا قَامُوا إِلَى الصَّلَاةِ قَامُوا  
كُسَالَى يُرَاءُونَ النَّاسَ وَلَا يَذْكُرُونَ اللَّهَ إِلَّا قَلِيلًا

Al-Nisa' 4: 142

Maksudnya:

Sesungguhnya orang-orang munafik itu melakukan tipu daya (terhadap agama) Allah (dengan perbuatan pura-pura beriman sedang mereka kafir pada batinnya), dan Allah pula tetap membalas tipu daya mereka (dengan membiarkan mereka dalam keadaan munafik). Mereka pula apabila berdiri hendak sembahyang, mereka berdiri dengan malas. Mereka (hanya bertujuan) riak (memperlihatkan sembahyangnya) kepada manusia (supaya disangka Bahawa mereka orang yang beriman), dan mereka pula tidak mengingati Allah (dengan mengerjakan sembahyang) melainkan sedikit sekali (jarang-jarang).

<sup>316</sup> Sayid Sabiq, Akidah Islam, terj: Mohd Abdai Rathomy ( Bandung: Diponegoro, 1978), 21.

<sup>317</sup> Yusof al-Qardawī, Membangun Ummah Suatu Kenyataan Bukan Khayalan, 1996( Selangor: as-Syabab Media), 66.

Berdasarkan penjelasan di atas dapat disimpulkan bahawa akidah atau iman yang tulen dari perspektif Islam bukan hanya sesuatu yang tertumpu semata-mata kepada kerja-kerja yang dilaksanakan pada peringkat lidah, anggota badan dan mental seseorang. Malah, sesungguhnya secara tepat ia merujuk kepada suatu kerja atau pelaksanaan yang dilaksanakan pada peringkat spiritual atau dalaman diri seseorang manusia yang amat mendalam, sehingga ia dapat menguasai sepenuhnya seluruh kesedaran, kemahuan dan perasaan orang berkenaan.<sup>318</sup>

Dengan kata lain, akidah adalah iman yang kuat dan mendalam terhadap Allah s.w.t, Malaikat, Kitab, Rasul, Hari Akhirat, Qada' dan Qadar. Beriman dengan semua yang diturunkan oleh Allah s.w.t. di dalam al-Quran dan al-Sunnah Rasulullah s.a.w. yang terdiri dari asas-asas agama, perintah, perkhabaran, ijma' para salaf al-soleh dan menyerah diri dengan sepenuh hati kepada hukum Allah s.w.t. Malaksanakan segala perintahNya, syara'Nya dan bertahkim kepadaNya serta mengikut sunnah Rasulullah s.a.w.<sup>319</sup>

#### 4.8.2 Tingkah Laku Ibadah

Jadual 4.15 Keberkesanan Program Agama Dalam Meningkatkan Tingkah Laku Ibadah

Perkara	5	4	3	2	1	Min
	AK n(%)	K n(%)	P n(%)	SS n(%)	TP n(%)	
Saya menunaikan solat fardhu apabila masuk waktu	72(25.2)	49(17.1)	81(28.3)	63(22.0)	21(7.3)	3.31
Saya berpuasa pada bulan Ramadhan	87(30.4)	70(24.5)	46(16.1)	64(22.4)	19(6.6)	3.50
Saya menunaikan solat-solat sunat	58(20.3)	47(16.4)	78(27.3)	75(26.2)	28(9.8)	3.11

<sup>318</sup> Zakaria Stapa, Akidah dan Akhlak, 104.

<sup>319</sup> 'Abd Karim al-'Aql, Mabāhith Fi Aqīdati ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah (Saudi Arabia: Dar al-Watan, t.t.), 9.

Saya sentiasa membaca ayat suci al-Quran	27(9.4)	19(6.6)	107(37.4)	97(33.9)	36(12.6)	2.66
Saya membaca buku-buku mengenai cara hidup Islam	30(10.5)	21(7.3)	98(34.3)	100(35.0)	37(12.9)	2.67
<b>Min Keseluruhan</b>						<b>3.05</b>

Jadual 4.15, menunjukkan taburan tahap tingkah laku ibadah responden. Secara keseluruhan, analisis kajian ini mendapati tahap tingkah laku ibadah responden adalah sederhana tinggi berdasarkan dapatan keseluruhan (min=3.05). Analisis secara terperinci mendapati min bagi tahap perubahan tingkahlaku ibadah responden adalah sederhana tinggi bagi item berpuasa pada bulan Ramadhan (min=3.50), saya menunaikan solat fardhu apabila masuk waktu iaitu (min=3.31) dan saya menunaikan solat-solat sunat (min=3.11). Manakala min sederhana rendah bagi item saya membaca buku-buku mengenai cara hidup Islam (min=2.67) dan saya sentiasa membaca ayat suci al-Quran (min= 2.66).

Analisis peratusan mendapati (70.6%) responden secara keseluruhan memilih amat kerap, kerap dan pernah pada item menunaikan solat fardhu apabila masuk waktu. Manakala (71%) responden secara keseluruhan memilih amat kerap, kerap dan pernah pada item saya berpuasa pada bulan Ramadhan. Dapatan ini menunjukkan solat fardhu dan berpuasa di bulan Ramadhan merupakan amalan yang diwajibkan di institusi. Namun, hasil kajian mendapati masih terdapat responden yang masih culas dalam kewajipan tersebut.

Kajian juga mendapati, (53.4%) responden secara keseluruhan memilih amat kerap, kerap dan pernah terhadap item saya membaca buku-buku mengenai cara hidup Islam. Manakala (52.1%) responden secara keseluruhan memilih amat kerap, kerap dan pernah terhadap item saya sentiasa membaca ayat suci al-Quran. Dapatan ini

menunjukkan masih terdapat responden yang tidak menjadikan amalan membaca buku agama dan membaca al-Quran sebagai amalan dalam kehidupan seharian mereka. Dapatan ini juga turut menggambarkan bahawa membaca al-Quran tidak dijadikan sebagai amalan harian di institusi.

Merujuk kepada analisis keseluruhan dapatan terhadap pengetahuan ibadah responden (min=4.25) adalah tinggi. Manakala dapatan terhadap tingkah laku ibadah responden (min=3.05) iaitu pada tahap sederhana rendah. Dapatan ini menunjukkan responden yang mewakili pelatih di institusi pemulihan mempunyai pengetahuan asas dalam ilmu ibadah. Namun, pengetahuan asas tersebut masih kurang diamalkan dalam kehidupan seharian mereka.

Menurut Mustafa Haji Daud, ajaran Islam yang dilaksanakan akan dianggap sebagai ibadat sekiranya memenuhi ciri-ciri iaitu niat dan ikhlas. Manakala Yusof al-Qardhawi pula mensyaratkan kepada dua perkara iaitu komitmen dan hati yang cintakan Allah SWT. Ibadah dalam Islam mempunyai ruang lingkup yang amat luas, meliputi semua tindakan dan aktiviti manusia yang bermatlamat ke arah mencapai kebajikan di dunia dan akhirat.<sup>320</sup>

Memandangkan tuntutan beribadah adalah berterusan hingga ke akhir hayat manusia, maka perintah ini hendaklah dilaksanakan dengan penuh sabar, kasih dan cinta kepada Allah s.w.t. kerana hanya Allah s.w.t. yang sepatutnya dikasihi dan dicintai. Perasaan cinta ini penting kerana daripadanya akan melahirkan perasaan ikhlas untuk beribadah. Menurut Ibn Taimiyyah seperti yang dipetik dari Yūsuf al-Qaradāwī, tanpa

---

<sup>320</sup> Yūsūf al-Qardāwī, *al-'Ibādah, t fī al-Islām* (cet. ke-24, Kaherah: Maktabah Wahbah, 1995), 50-51.



perasaan ini tujuan ibadah sebagaimana yang diperintahkan oleh Allah s.w.t. sudah pasti sukar untuk dilaksana dan diamalkan.<sup>321</sup>

Fathi Yakan dalam bukunya *Apa Ertinya Saya Menganut Islam* menyatakan bahawa ibadat dalam Islam merupakan kemuncak dari perasaan tunduk dan patuh kepada Allah SWT serta merasakan kebesaraNya sebagai tempat pengabdian. Ibadat juga mempunyai kesan-kesan yang mendalam dari sudut hubungan makhluk dengan penciptaNya. Beliau seterusnya menyenaraikan perkara-perkara yang harus dilakukan bagi menjadikan diri sebagai muslim dalam seluruh peribadatan yang diringkaskan seperti berikut:

- i. Menjadikan seluruh ibadat hidup dan berhubung terus dengan Allah sebagai tempat mengabdikan diri.
- ii. Ibadat yang dilakukan mestilah khusyuk.
- iii. Menghadirkan diri dan hati sewaktu serta membebaskan diri dari urusan dan kepentingan dunia.
- iv. Merasa tamak dan tidak bercukupan dalam melakukan ibadah.
- v. Mengambil berat melakukan qiamul-lail dan mengasuh diri melakukan qiamullail sehingga menjadi kebiasaan.
- vi. Menentukan masa tertentu untuk membaca dan mengamati Al-Qur'an terutama di waktu fajar .

Daripada perbincangan ini dapat disimpulkan bahawa seseorang yang menghayati Islam mesti melaksanakan ibadat sebagaimana yang dikehendaki dalam konteksnya yang luas.

---

<sup>321</sup> *Ibid.*, 33-34.

Ini bermakna bahawa penghayatan Islam seseorang itu juga boleh diukur melalui amalan ibadatnya yang khusus (solat, puasa, zikir, doa dll) serta umum (makan, tidur, belajar dll). Penghayatan ibadat khusus dapat membentuk seseorang untuk memiliki akhlak yang luhur yang terpancar dalam ibadat umumnya.

#### 4.8.3 Tingkah Laku Akhlak

Jadual 4.16 Keberkesanan Program Agama Dalam Meningkatkan Tingkah Laku Akhlak

Perkara	5	4	3	2	1	Min
	AK n(%)	K n(%)	P n(%)	SS n(%)	TP n(%)	
Saya menjaga batasan aurat ketika berpakaian	39(13.6)	32(11.2)	89(31.1)	79(27.6)	47(16.4)	2.78
Saya sentiasa mendoakan kebahagiaan ibubapa	93(32.5)	52(18.2)	70(24.5)	51(17.8)	20(7.0)	3.51
Saya mengajak rakan-rakan mempelajari Ilmu Islam.	32(11.2)	25(8.7)	75(26.2)	88(30.8)	66(23.1)	2.54
Saya patuh terhadap peraturan di Institusi	53(18.5)	60(21.0)	78(27.3)	69(24.1)	26(9.1)	3.16
Saya sentiasa menjaga kebersihan diri dan alam sekitar.	59(20.6)	50(17.5)	82(28.7)	70(24.5)	25(8.7)	3.17
<b>Min Keseluruhan</b>						<b>3.03</b>

Jadual 4.16, menunjukkan taburan tahap tingkahlaku akhlak responden. Secara keseluruhan, analisis kajian ini mendapati tahap tingkah laku akhlak responden adalah sederhana tinggi berdasarkan dapatan keseluruhan (min=3.03). Analisis secara terperinci

mendapati min bagi tahap tingkahlaku ibadah responden adalah sederhana tinggi bagi item saya sentiasa mendoakan kebahagiaan ibubapa iaitu (min=3.51), saya sentiasa menjaga kebersihan diri dan alam sekitar (min=3.17) dan saya patuh terhadap peraturan di institusi (min=3.16) dan. Manakala min sederhana rendah bagi item saya menjaga batasan aurat ketika berpakaian (min=2.78) dan saya mengajak rakan-rakan mempelajari Ilmu Islam (min=2.54).

Analisis peratusan menunjukkan (75.2%) responden secara keseluruhan memilih amat kerap, kerap dan pernah terhadap item saya sentiasa mendoakan kebahagiaan ibubapa. Dapatan ini menunjukkan responden mempunyai kesedaran terhadap tanggungjawab mereka kepada ibu bapa. Min bagi dapatan ini adalah (min=3.51) adalah sederhana tinggi dan dapatan ini selari dengan amalan beragama responden sebelum dimasukkan ke institusi bagi item menghormati ibu bapa (min=3.71). Namun, dapatan ini menunjukkan terdapat responden yang masih tidak mempunyai kesedaran terhadap tanggungjawab mereka terhadap ibu bapa.

Merujuk kepada item saya menjaga batasan aurat ketika berpakaian. Analisis peratusan mendapati (55.9%) secara keseluruhan memilih amat kerap, kerap dan pernah terhadap item tersebut. Dapatan ini menunjukkan masih terdapat responden yang tidak menjaga batasan aurat ketika berpakaian. Memandangkan di institusi pemulihan menempatkan pelatih dalam kalangan muslim dan non muslim. Masih ramai di kalangan pelatih tidak mengetahui batas aurat tersebut. Malah, terdapat juga pelatih yang tidak bertudung ketika mengikuti program selain dari program agama. Menutup aurat merupakan perkara yang dituntut dan kewajiban bagi setiap muslim. Bagi menangani masalah ini, pihak institusi mestilah memberikan penekanan dan kesedaran kepada

pelatih berhubung kewajiban menutup aurat. Etika berpakaian di institusi mestilah sejajar dengan tuntutan etika berpakaian dalam Islam. Guru agama juga berperanan memberikan bimbingan dan penjelasan berhubung isu aurat agar pelatih lebih memahami isu ini.

Merujuk kepada analisis keseluruhan dapatan terhadap pengetahuan akhlak responden (min=4.60) adalah tinggi. Manakala dapatan terhadap tingkah laku akhlak responden (min=3.03) iaitu pada tahap sederhana rendah. Dapatan ini menunjukkan responden yang mewakili pelatih di institusi pemulihan mempunyai pengetahuan asas dalam ilmu akhlak. Namun, pengetahuan asas tersebut masih kurang diamalkan dalam kehidupan seharian mereka.

Ibadah sangat berkait dengan akhlak. Keadaan ini dibuktikan dengan ibadah khusus seperti solat, puasa, zakat dan haji sekiranya dilakukan dengan penuh keikhlasan, kesedaran serta kefahaman sudah pasti dapat mendidik pelakunya membentuk peribadi yang memiliki akhlak terpuji.<sup>322</sup>

Ulama-Ulama besar seperti al-Ghazali dan al-Dahlawī yang dipetik dari Mohd. Kamal Hassan, telah menekankan penghayatan ibadah merupakan satu cara membentuk akhlak mulia.<sup>323</sup> Oleh itu, seseorang yang mempunyai keteguhan akidah serta tekun beribadah seharusnya mempunyai budi pekerti yang mulia dan bersopan santun dalam pergaulan sesama manusia. Ibadah bagi mukmin merupakan sebahagian daripada akhlak kerana daripada ibadah yang dilakukan, ia dianggap sebagai menyempurnakan hak Allah s.w.t. tanda kesyukuran atas segala nikmat dan penghormatan kepada yang paling berhak mendapat penghormatan.

---

<sup>322</sup> Uda Mohsin, *Kesan Ibadah dalam Pembentukan Akhlak Seorang Muslim* (Kuala Lumpur: Al-Rahmaniah, 1986), 10.

<sup>323</sup> Mohd. Kamal Hassan, *Pendidikan dan Pembangunan: Satu Perspektif Bersepadu* (Kuala Lumpur : Nurin Enterprise, 1988), 61.

Akhlak dalam Islam meliputi hubungan manusia dengan Allah, hubungan manusia sesama manusia dan hubungan manusia dengan makhluk-makhluk lain.<sup>324</sup> Dr. Mohd Abdullah Darraz dalam bukunya *Dustūr al-Akhlaq fī al-Qurān* menunjukkan bahawa segala nilai yang diperlukan oleh manusia untuk keselamatan di dunia dan akhirat adalah terkandung di dalam al-Quran. Beliau telah mengklasifikasikan nilai-nilai akhlak ini kepada lima jenis: perseorangan, keluarga, masyarakat, negara dan keagamaan.<sup>325</sup>

#### 4.9 Minat dan Persepsi Pelatih Terhadap Program Agama

Jadual 4.18 Minat dan Persepsi Pelatih Terhadap Program Agama

Perkara	5	4	3	2	1	Min
	SS n(%)	S n(%)	KS n(%)	TS n(%)	STS n(%)	
Saya lebih memahami pendidikan agama semasa berada di institusi.	136 (47.6)	100 (35.0)	44 (15.4)	4 (1.4)	2 (0.7)	4.27
Saya merasakan perubahan tingkahlaku apabila saya mempelajari pendidikan agama di sini.	140 (49.0)	111 (38.8)	31 (10.8)	1 (0.3)	3 (1.0)	4.34
Saya membuat kerja lain ketika guru agama mengajar mengenai agama.	52 (18.2)	58 (20.3)	99 (34.6)	48 (16.8)	29 (10.1)	3.19
Program pendidikan agama merupakan program yang paling saya minati berbanding program lain.	71 (24.8)	104 (36.4)	86 (30.1)	13 (4.5)	12 (4.2)	3.73
Guru agama menarik minat saya terhadap pelajaran agama.	78 (27.3)	109 (38.1)	84 (29.4)	9 (3.1)	6 (2.1)	3.86
Guru agama mengaitkan pengajian agama dengan kehidupan saya sebagai pelatih.	100 (35.0)	112 (39.2)	57 (19.9)	7 (2.4)	10 (3.5)	3.99
Saya suka apabila pegawai/guru agama di institusi ini tidak hadir.	41 (14.3)	56 (19.6)	79 (27.6)	51 (17.8)	59 (20.6)	2.89

<sup>324</sup> Yusuf al-Qardhawi, *Pengantar Pengetahuan Islam*, terj: Mohammad Zaini Yahya (Selangor: As-Syabab Media, 2000), 178.

<sup>325</sup> Hassan Langgulung, *Pendidikan Islam dan Peralihan Paradigma*(Hizbi: Shah Alam, 1987), 20.

Program agama membosankan.	59 (20.6)	53 (18.5)	86 (30.1)	41 (14.3)	47 (16.4)	3.12
Guru agama membantu meningkatkan kefahaman saya tentang akidah, ibadah dan aakhlak Islam.	136 (47.6)	101 (35.3)	36 (12.6)	6 (2.1)	7 (2.4)	4.23
Guru agama tidak mesra dengan saya.	42 (14.7)	39 (13.6)	86 (30.1)	59 (20.6)	60 (21.0)	2.80
<b>Min Keseluruhan</b>						<b>3.64</b>

Jadual 4.18, menunjukkan analisis minat dan persepsi pelatih terhadap program agama di institusi. Minat yang mendalam serta persepsi yang positif dalam kalangan pelatih, jelasnya mempengaruhi kelancaran program agama yang dilaksanakan. Impak dari minat dan persepsi tersebut secara tidak langsung meningkatkan keberkesana program agama yang dilaksanakan dalam kalangan pelatih. Analisis keseluruhan, mendapati minat dan persepsi responden adalah di tahap sederhana tinggi berdasarkan dapatan keseluruhan (min=3.64).

Analisis secara terperinci mendapati min bagi minat dan persepsi reponden adalah tinggi bagi item saya merasakan perubahan tingkahlaku apabila saya mempelajari pendidikan agama di sini. iaitu (min=4.34) dan saya lebih memahami pendidikan agama semasa berada di institusi (min=4.27). Manakala min sederhana tinggi bagi item pegawai agama mengaitkan pengajian agama dengan kehidupan saya sebagai pelatih (min=3.99), pegawai agama menarik minat saya terhadap pelajaran agama (min=3.86), program pendidikan agama merupakan program yang paling saya minati berbanding program lain (min=3.73), saya membuat kerja lain ketika pegawai agama mengajar mengenai agama

(min=3.19), program agama membosankan (min=3.12). Manakala dapatan min sedarhana rendah bagi item saya suka apabila pegawai/guru agama di institusi ini tidak hadir (min=2.89) dan guru agama tidak mesra dengan saya (min=2.80).

Merujuk kepada min tertinggi bagi item minat dan persepsi responden terhadap program agama di institusi (min=4.34) adalah tinggi iaitu pada item responden merasakan perubahan tingkahlaku apabila mempelajari pendidikan agama di institusi. Analisis kekerapan dan peratusan mendapati (87.8%) responden secara keseluruhan memilih sangat setuju dan setuju terhadap item tersebut. Dapatan ini menunjukkan pendidikan agama yang diperolehi oleh responden melalui program agama di institusi memberikan kesan positif dalam kehidupan seharian responden. Dapatan ini disokong dengan dapatan responden lebih memahami pendidikan agama semasa berada di institusi dengan peratusan (87.6%) responden secara keseluruhan memilih sangat setuju dan setuju dengan item tersebut.

Hasil temubual bersama responden, mendapati responden mengakui bahawa mereka lebih memahami Islam ketika berada di institusi.

Hasil temubual pelatih 17 menyatakan :<sup>326</sup>

“...saya merasakan terdapat peningkatan dalam pengetahuan agama saya di sini..terutama peningkatan dalam ibadat...”

Disokong dengan dapatan temubual bersama pelatih 5 menyatakan:<sup>327</sup>

---

<sup>326</sup> Pelatih 17,( Pelatih, STB Lereh, Melaka) dalam temubual dengan penulis, 25 Oktober 2011

<sup>327</sup> Pelatih 5 (Pelatih, Taman Seri Puteri Cheras, Kuala Lumpur) dalam temubual dengan penulis, 2 Nov 2011

“...Sebelum masuk ke institusi saya tak faham Islam dan agama...di sini guru agama mengajar saya tentang solat dan sebagainya...”

Pelatih 1 dan 2 juga menyatakan:<sup>328</sup>

“...bila saya dimasukkan di institusi ini..saya dapat merasakan kefahaman agama saya meningkat..” dan pelatih 2 turut menyatakan “...saya dapat merasakan perubahan positif dalam kehidupan saya...saya tak pernah tinggal solat dan setiap hari saya mengaji..”

Berdasarkan dapatan min terhadap item pegawai/guru agama membantu meningkatkan kefahaman responden tentang akidah, ibadah dan akhlak adalah tinggi (min=4.23). Dapatan ini menunjukkan guru agama menjalankan tanggungjawab mereka dalam usaha menyampaikan ilmu-ilmu Islam kepada pelatih. Dapatan soal selidik juga mendapati guru agama menarik minat responden terhadap pelajaran agama (min=3.86) berada pada tahap sederhana tinggi. Dapatan ini menunjukkan guru agama dapat menarik minat responden terhadap pelajaran agama.

Manakala min terendah bagi item minat dan persepsi responden terhadap program agama di institusi (min=2.80) adalah di tahap sederhana rendah iaitu pada item guru agama tidak mesra dengan saya. Dapatan ini menunjukkan kebanyakan guru agama di institusi memberikan perhatian dan layanan mesra terhadap pelatih. Dapatan ini sejajar dengan temubual bersama pelatih mengakui bahawa guru agama mempunyai hubungan yang baik dengan pelatih.<sup>329</sup>

---

<sup>328</sup> Pelatih 1 dan 2(Pelatih, Taman Seri Puteri Cheras, Kuala Lumpur) dalam temubual dengan penulis, 2 Nov 2011

<sup>329</sup> Pelatih 6,7 dan 8(Pelatih, Asrama Sentosa, Sentol, Kuala Lumpur) dalam temubual dengan penulis, 3 Nov 2011.



Dapatan ini secara tidak langsung menggambarkan responden mempunyai kecenderungan, minat dan persepsi yang positif terhadap program agama yang telah dilaksanakan di institusi. Min yang tinggi terhadap item saya merasakan perubahan tingkahlaku apabila saya mempelajari pendidikan agama di sini. iaitu (min=4.34) dan saya lebih memahami pendidikan agama semasa berada di institusi (min=4.27) secara tidak langsung membuktikan bahawa program agama yang dilaksanakan di institusi memberikan kesan dalam kehidupan responden.

Analisis temubual, mendapati responden mengakui program agama di institusi banyak memberikan perubahan yang positif dalam kehidupan seharian mereka.<sup>330</sup>

“saya lebih faham agama di sini..dan saya diajar cara sembahyang, mengaji...”

Responden juga mengakui bahawa program agama banyak memberikan faedah serta memberikan banyak perubahan positif dalam kehidupan mereka.<sup>331</sup>

“banyak faedah yang saya dapat..di sini saya solat secara konsisten dan banyak perubahan positif dalam hidup saya berbanding dulu...”

Namun terdapat beberapa perkara yang perlu diberi perhatian oleh pihak JKM. Analisis min sederhana tinggi (min=3.19) pada item saya membuat kerja lain ketika pegawai agama mengajar mengenai agama. Manakala dapatan min sederhana tinggi juga (min=3.12) pada item program agama membosankan. Perkara ini diperakui dan disedari oleh guru agama di institusi.

---

<sup>330</sup> Pelatih 1 dan 2(Pelatih, Taman Seri Puteri Cheras, Kuala Lumpur) dalam temubual dengan penulis, 2 Nov 2011.

<sup>331</sup> Pelatih 6,7 dan 8(Pelatih, Asrama Sentosa, Sentol, Kuala Lumpur) dalam temubual dengan penulis, 3 Nov 2011.

Ustazah Aziyah dalam temubual bersama beliau menyatakan:<sup>332</sup>

“...kebanyakan pelatih di sini malas dan tak minat belajar terutama pengajian Islam..malah ada di kalangan pelatih boikot kelas-kelas agama yang diadakan di sini..”

Ustazah Nurrul Ain juga menyatakan:<sup>333</sup>

“..pelatih di sini kurang minat dengan program agama..”

Ustaz Syamsul juga turut menyatakan :<sup>334</sup>

“...pelatih di sini lebih minat program lain..program agama mereka tak minat...jadi, nak terik perhatian mereka memerlukan kepelbagaian dalam teknik penyampaian..”

Dapatan ini menunjukkan pihak JKM perlu memandang serius setiap program yang dilaksanakan. Bentuk program perlu dipelbagaikan agar tidak berbentuk hanya satu hala. Jelasnya, dengan bantuan teknologi sedia ada program-program agama yang ingin dilaksanakan atau disampaikan perlu mengikut arus semasa serta bersesuaian dengan peringkat umur remaja. Perkara ini penting bagi memastikan program yang dilaksanakan dapat diterima dan diikuti oleh pelatih.

#### **4.10 Kesimpulan**

Secara keseluruhan pelaksanaan program agama di institusi terhadap pelatih perlu diberi penekanan dan dipertingkatkan. Memandangkan golongan pelatih yang ditempatkan di institusi adalah golongan remaja bermasalah. Golongan ini jelasnya

---

<sup>332</sup>Aziyah bt. Ahmad, Pembantu Hal Ehwal Islam, STB Sg. Lereh, Melaka, dalam temubual dengan penulis, 25 Oktober 2011

<sup>333</sup> Nurrul Ain bt. Alias, Pembantu Hal Ehwal Islam, TSP Batu Gajah, Perak, dalam temubual dengan penulis, 28 Oktober 2011

<sup>334</sup> Mohd. Shamsul bin. Ramli, Pembantu Hal Ehwal Islam, Asrama Kempas, Johor, dalam temubual dengan penulis, 31 Oktober 2011

memerlukan pengawasan, pemerhatian serta bimbingan. Beberapa kajian yang dijalankan untuk mengenal pasti masalah tingkah laku remaja masa kini menampakkan bahawa golongan remaja yang kurang mendapat bimbingan mempunyai tendensi yang lebih besar untuk terlibat dengan permasalahan sosial.<sup>335</sup> Justeru, pihak JKM perlu memandang serius serta mengambil inisiatif bagi mempelbagaikan program-program berbentuk keagamaan. Perkara ini penting bagi memastikan pelatih yang berada di institusi benar-benar mendapat bimbingan dan tarbiah khususnya dari aspek berhubungan ilmu-ilmu akidah, ilmu ibadah dan akhlak. Perhatian yang serius mestilah diberikan khususnya dari aspek amalan agama pelatih di institusi. Penekanan perlu diberikan bagi memastikan golongan pelatih benar-benar melaksanakan cara hidup Islam. Dalam konteks ini, pihak pengurusan perlu memandang serius serta menjadikan akidah sebagai paksi dalam program-program pemulihan pelatih serta melengkapkan dengan dan cara hidup iaitu syariat Islam melalui pertaturan-peraturan yang sedia ada di setiap institusi.<sup>336</sup>

---

<sup>335</sup> Iran Herman dalam *Dakwah dan Perubahan Sosial* (Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd. 2000, 85.

<sup>336</sup> Berhanuddin bin. Abdullah dalam *Dakwah dan Perubahan Sosial* (Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd. 2000, 147

## **BAB 5**

### **KESIMPULAN DAN PENUTUP**

#### **5.1. Pengenalan**

Dalam penulisan bab terakhir ini, pengkaji akan membentangkan rumusan dan perbincangan dapatan kajian dan saranan-saranan berkaitan yang bertepatan dengan objektif yang telah disenaraikan dalam kajian ini. Kajian ini adalah berhubung pelaksanaan dan keberkesanan program agama yang dilaksanakan di Institusi Pemulihan Akhlak di bawah kelolaan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).

## 5.2. Kesimpulan

Berdasarkan kepada hasil kajian ini, beberapa kesimpulan telah dapat dirumuskan dan dibahagikan kepada empat bahagian seperti berikut :

1. Program Agama di Institusi Pemulihan Akhlak JKM
2. Pelaksanaan Program Agama di Institusi Pemulihan
3. Keberkesanan Program Agama di Institusi Pemulihan
4. Masalah dalam Pelaksanaan Program Agama di JKM

### 5.2.1 Program Agama di Institusi Pemulihan Akhlak JKM.

Jabatan Kebajikan Masyarakat merupakan salah sebuah agensi di bawah Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat merupakan sebuah jabatan yang berorientasikan rakyat dan mempunyai hubungan secara langsung dengan kumpulan sasar di dalam memberikan bantuan dan perkhidmatan yang efektif. Terdapat banyak perkhidmatan yang diberikan oleh JKM. Antara perkhidmatan yang diketengahkan dalam kajian ini ialah perkhidmatan dalam konteks pemulihan khusus kepada golongan kanak-kanak. Kanak-kanak di sini didefinisikan sebagai Kanak-kanak di bawah umur 18 tahun yang memerlukan jagaan, pemeliharaan, perlindungan dan pemuliharaan mengikut takrifan Akta Kanak-kanak 2001.

Melalui perkhidmatan pemulihan ini terdapat tiga institusi ditubuhkan iaitu Asrama Akhlak, Taman Seri Puteri, Sekolah Tunas Bakti. Ketiga-tiga institusi ini berperanan sebagai pusat memberi khidmat perlindungan dan pemulihan terhadap pelatih.

Responden yang terlibat dalam analisis soal selidik kajian ini terdiri dari 286 orang pelatih (n=286). Analisis bertujuan menganalisis pelaksanaan program agama di institusi dan keberkesanan program agama yang telah dilaksanakan di institusi terhadap pelatih dengan melihat dari aspek tahap pengetahuan serta peningkatan kualiti amalan seharian pelatih. Satu set borang soal selidik telah digunakan. Data yang diperoleh, kemudiannya dianalisis dengan menggunakan perisian "*Statistical Package for the Social Science (SPSS)*" versi 16.0.

Hampir semua pelatih yang dimasukkan ke institusi pemulihan terjebak dengan gejala-gejala sosial seperti lesbian, pengambilan dadah dan ganja, minum arak atau minuman keras, lari dari rumah, berzina dan sebagainya. Kajian ini mendapati, hampir kesemua pelatih terlibat dengan lebih dari satu gejala sosial.

Antara peratusan tertinggi ialah lesbian/ penkid ( 64% ), pengambilan dadah dan ganja ( 48% ), lari dari rumah ( 46.9% ), lumba haram dan rempit ( 43.4 % ) dan berzina ( 40.2% ). Merujuk kepada cara hidup beragama pelatih sebelum dimasukkan ke institusi adalah di tahap sederhana. Manakala lebih 50% pelatih tidak pernah menunaikan solat fardhu atau mengerjakan hanya satu atau dua solat fardhu sahaja. Keculusan pelatih atau mengambil ringan ibadah solat serta ibadah-ibadah lain sebagai seorang muslim, jelasnya

membawa mereka terjebak dengan gejala-gejala devian tersebut. Sebagaimana firman Allah swt dalam surah al-‘Ankabūt ayat 45 :

أَتْلُ مَا أُوْحِيَ إِلَيْكَ مِنَ الْكِتَابِ وَأَقِمِ الصَّلَاةَ ۖ إِنَّ الصَّلَاةَ تَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ  
وَالْمُنْكَرِ ۗ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ ۗ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ ﴿٤٥﴾

Maksudnya:

bacalah serta Ikutlah (Wahai Muhammad) akan apa Yang diwahyukan kepadamu dari Al-Quran, dan dirikanlah sembahyang (dengan tekun); Sesungguhnya sembahyang itu mencegah dari perbuatan Yang keji dan mungkar; dan Sesungguhnya mengingati Allah adalah lebih besar (faedahnya dan kesannya); dan (ingatlah) Allah mengetahui akan apa Yang kamu kerjakan.

Surah al-‘Ankabūt 29 : 45

Ibadat solat dan zikir bermaksud fokus pemikiran hanya diarahkan kepada berbakti dan mematuhi perintah Allah swt. Jelasnya, apabila fikiran dan perbuatan selalu diisi dengan ibadat solat dan zikir secara tidak langsung segala kejahatan, kemungkaran dan maksiat tidak mendapat tempat.

Di peringkat pusat, seorang pegawai agama telah ditugaskan memantau setiap institusi yang telah ditubuhkan. Pegawai agama telah dibantu oleh Pembantu Hal Ehwal Islam yang telah dilantik secara rasmi melalui perjawatan JKM. Pembantu Hal Ehwal Islam memainkan peranan dalam usaha memberikan perkhidmatan dari aspek pemulihan kerohanian kepada pelatih.

Dalam usaha merealisasikan pemulihan dalam konteks kerohanian terhadap pelatih. JKM telah menggunakan Modul Kurikulum Pendidikan Islam. Modul ini kemudiannya diselaraskan penggunaannya dan digunakan sebagai panduan oleh pembantu hal ehwal Islam yang ditugaskan di setiap institusi di bawah JKM. Modul ini memberi penekanan terhadap pemantapan ilmu dari segi akidah, ibadah dan akhlak.

Secara keseluruhan, program-program agama yang disusun oleh pihak JKM adalah berbentuk harian, mingguan, bulanan dan tahunan. Namun, di setiap institusi, kelas pengajian Islam atau fardhu ain merupakan program berbentuk harian yang wajib untuk dilaksanakan. Setiap pembantu hal ehwal Islam yang ditugaskan bertanggungjawab untuk menyusun jadual waktu harian yang dinamakan sebagai jadual kelas asas fardhu ain. Jadual ini jelasnya menunjukkan komitmen JKM memberikan pemulihan dari segi kerohanian pelatih. Hasil kajian menunjukkan kelas agama merupakan program yang diadakan di institusi. Namun, atas beberapa masalah, kelas ini tidak dapat dilaksanakan setiap hari. Kelas ini jelasnya merupakan platform utama bagi pembantu hal ehwal Islam atau guru agama untuk menyampaikan ilmu-ilmu berhubung Islam terhadap pelatih. Kelas secara formal amat penting bagi memastikan pelatih menerima pendidikan Islam secara konsisten.

Solat fardhu secara berjamaah juga merupakan perkara yang menjadi rutin dan diwajibkan ke atas setiap pelatih. Solat berjamaah ini sewajarnya dipantau pelaksanaannya oleh pembantu hal ehwal Islam yang ditugaskan. Namun, kekangan perjawatan ditambah ketiadaan guru agama tambahan di institusi menjadi faktor menyebabkan terdapat di sesetengah institusi pelatih tidak dipantau atau hanya dipantau oleh pelatih senior. Dalam satu keadaan, pelatih tidak menunaikan bukan sahaja solat



fardhu secara berjamaah malah terdapat pelatih yang tidak menunaikan solat fardhu khususnya solat fardhu Subuh.

Amalan zikir juga turut diterapkan kepada pelatih. Amalan zikir ini penting kerana amalan ini jika dilakukan secara berterusan ia menjadi salah satu dari proses terapi dari segi kerohanian pelatih. Tambahan pula, pelatih yang dimasukkan ke institusi pemulihan tergolong dalam kalangan remaja yang terjebak dengan pelbagai gejala sosial. Antara faktor mereka terjebak dengan gejala tersebut disebabkan mereka mengalami penyakit iaitu kerohanian. Penyakit ini merupakan :

1. Penyakit rohani ialah sifat buruk dan merosak dalam batin manusia yang mengganggu kebahagiaan.
2. Penyakit rohani ialah sikap mental yang buruk, merosak dan merintang peribadi memperoleh keredhaan Allah swt.
3. Penyakit rohani ialah sifat dan sikap dalam hati yang tidak diredhai Allah swt, sifat dan sikap mental yang mendorong peribadi melakukan perbuatan buruk dan merosak.<sup>337</sup>

Justeru, amalan zikir yang diamalkan setiap kali selepas solat fardhu, di dalam kelas dan sebagainya. Secara tidak langsung membantu dalam usaha pemulihan pelatih di institusi pemulihan JKM.

Selain itu, program-program lain seperti forum, ceramah, diskusi juga turut diadakan di institusi. Namun, program tersebut diadakan sempena menyambut hari kebesaran Islam seperti Awal Muharram, Mawlidur Rasul, Isra' Mi'raj, dan sebagainya.

---

<sup>337</sup> H. Hamzah Ya'qub, *Tingkat Ketenangan dan Kebahagiaan Mukmin*, ( Singapura: Pustaka Nasional, 1980 ), 88.

Ceramah juga turut diadakan selepas waktu Solat Fardhu Maghrib. Namun, ia bergantung kepada pembantu hal ehwal Islam yang ditugaskan. Hasil temuramah yang diadakan mendapati untuk mengadakan program ini kebiasaannya penceramah luar akan dipanggil. Di sesetengah institusi pembantu hal ehwal Islam berhadapan dengan kekangan belanjawan dari pihak pengurusan institusi. Mereka juga diminta untuk menyediakan kertas kerja memohon belanjawan untuk mengadakan sesuatu program. Sistem ini diistilahkan oleh mereka sebagai birokrasi. Malah terdapat juga keadaan di mana kertas kerja tersebut ditolak disebabkan pihak pengurusan institusi tidak memberatkan program-program berbentuk keagamaan.

### **5.2.2 Pelaksanaan Program Agama di Institusi Pemulihan Akhlak**

Secara keseluruhan program Agama di Institusi Pemulihan Akhlak JKM adalah berasaskan kepada Kurikulum Pendidikan Islam ( Asas-Asas Fardhu Ain ). Kurikulum ini jelasnya menjadi rujukan utama pembantu hal ehwal Islam yang merupakan guru agama di Institusi. Pelatih yang dimasukkan ke institusi secara keseluruhannya memerlukan bimbingan serta pemulihan khususnya dari aspek kerohanian. Justeru, pembantu hal ehwal Islam di setiap institusi bertanggungjawab memastikan setiap pelatih mendapat bimbingan khususnya dalam usaha memberi kesedaran kepada pelatih serta menyedarkan mereka dari terus menerus melakukan gejala yang boleh merosakkan kehidupan dan masa depan mereka.

Dalam konteks ini, program-program agama yang dilaksanakan di institusi secara tidak langsung menyedarkan pelatih kepentingan agama Islam. Memberikan kesedaran kepada mereka bahawa Islam adalah agama yang mencakupi seluruh aspek kehidupan manusia dan tidak ada yang terkecuali dari mempelajari, mengamalkan serta menghayati pendidikan Islam. Dalam konteks pendidikan Islam manusia jelasnya terbahagi kepada tujuh dimensi utama iaitu tubuh, akal, agama, akhlak, kejiwaan, estetika dan kemasyarakatan.

Secara keseluruhan, analisis menunjukkan kebanyakan institusi melaksanakan program agama kurang dari lima kali seminggu. Berdasarkan analisis soal selidik mendapati 34.6 % pelatih menyatakan program agama dilaksanakan 1 hingga 2 kali seminggu di institusi mereka. Dapatan tersebut menggambarkan program agama di institusi tidak dilaksanakan secara konsisten. Pihak JKM perlu mengambil serius senario ini dan pihak pengurusan institusi mestilah memainkan peranan bagi memastikan program agama (kelas pendidikan Islam) dilaksanakan sekurang-kurangnya 5 kali seminggu.

Antara faktor yang dikenalpasti menyebabkan program agama khususnya kelas pendidikan Islam tidak dapat dilaksanakan mengikut jadual adalah disebabkan faktor kekurangan kakitangan. Setiap institusi hanya mempunyai seorang pembantu hal ehwal Islam yang merupakan guru agama mereka. Berhadapan dengan kumpulan sasaran yang merupakan pelatih yang terlibat dengan pelbagai gejala sosial di institusi pemulihan bukanlah satu perkara mudah. Sebagaimana anggapan sesetengah pihak bahawa pelatih di institusi JKM ini merupakan golongan remaja yang tidak mempunyai masa depan. Justeru, bagi memberikan pemulihan kepada pelatih khususnya pelatih yang beragama

Islam, pemulihan dari aspek kerohanian mestilah dijadikan asas utama dalam usaha memberikan kesedaran kepada pelatih. Program-program berbentuk kegamaan mestilah dipelbagaikan bagi menarik minat pelatih serta merangsang mereka untuk mengikuti program-program yang telah dirancang oleh pihak institusi.

Merujuk kepada bentuk program yang dilaksanakan. Solat fardhu berjamaah merupakan pengisian utama yang dijadikan rutin harian di setiap institusi. Namun peratusan pelaksanaan menunjukkan hanya 78.3 % sahaja bersetuju solat berjamaah dilaksanakan setiap hari di institusi. Solat Fardhu merupakan kewajiban setiap individu muslim. Melalui solat juga sebenarnya dapat memelihara individu itu dari melakukan perkara-perkara mungkar. Justeru, penekanan terhadap ibadat solat fardhu mestilah diberi keutamaan. Kerana hampir kesemua pelatih yang terlibat sebagai responden kajian tidak menunaikan solat fardhu secara sempurna dan yang paling membimbangkan lebih 50% pelatih hanya mendirikan solat fardhu 1-2 kali sehari. Manakala 32.2% tidak pernah mendirikan solat fardhu sebelum dimasukkan ke institusi.

Membaca al-Quran, majlis zikir serta Qiamullail seharusnya diberikan penekanan tentang pelaksanaannya di institusi pemulihan. Merujuk kepada peratusan soal selidik pelatih membaca al-Quran ( 59.8% ), majlis zikir 47.9 % dan qiamullail ( 38.5 % ). Berdasarkan peratusan tersebut, jelas menunjukkan pihak JKM kurang memberikan penekanan terhadap pelaksanaan program tersebut terhadap pelatih di institusi. Merujuk kepada pelatih yang terdiri dari golongan yang terlibat dengan pelbagai gejala sosial terapi dari segi kerohanian mestilah menjadi asas dalam pemulihan.

Setiap orang merasakan dan mengetahui betapa buruknya akibat penyakit jasmani yang menimpa seseorang. Tetapi penyakit rohani sebenarnya mempunyai akibat-akibat buruk yang lebih serius daripada penyakit jasmani antaranya ialah menjauhkan diri dari Allah swt.<sup>338</sup> Dalam konteks pelatih di institusi pemulihan, mereka jelasnya memerlukan terapi dari segi kerohanian. Justeru, program-program agama mestilah diberikan keutamaan berbanding program-program yang berbentuk kemahiran, hiburan dan sebagainya.

Secara keseluruhan, pelatih memberikan pandangan yang baik terhadap pelaksanaan program agama yang dilaksanakan di institusi. Item adalah berhubung pandangan terhadap program agama secara umum iaitu berhubung kelas pendidikan Islam. Pandangan terhadap guru agama ( pembantu hal ehwal Islam ) dan silibus yang digunakan. Namun, terdapat beberapa perkara yang mesti dipandang serius oleh pihak institusi iaitu dari segi kehadiran guru. Berdasarkan analisis soal selidik responden mendapati hampir 70% responden menyatakan sangat setuju ( 24.1% ) dan setuju ( 44.8% ) dengan kenyataan guru sentiasa tidak hadir. Isu ini sebenarnya amat sinonim di setiap institusi pemulihan JKM rentetan daripada pihak JKM hanya meletakkan seorang pembantu hal ehwal Islam di setiap institusi. Merupakan satu perkara yang mustahil untuk seorang pembantu hal ehwal Islam melaksanakan program-program yang telah ditetapkan dengan kekangan masa. Memandangkan mereka hanya bekerja pada hari Isnin hingga

---

<sup>338</sup> H. Hamzah Ya,kub, *Tingkat Ketenangan dan Kebahagiaan Mukmin* ( Singapura : Pustaka Nasional PTE. LTD, 1980 ), 94.

Jumaat dan bertugas dari jam 8.00 pagi hingga 5.30 petang dan Sabtu dan Ahad merupakan cuti bekerja.

Dalam usaha memberikan pendidikan agama berterusan. Masalah guru atau pembantu hal ehwal Islam ini mestilah ditangani. Memandangkan mereka merupakan penggerak dalam usaha memberikan pemulihan dalam konteks kerohanian kepada pelatih.

Secara keseluruhan, program agama mestilah diberikan keutamaan kepada pelatih di institusi. Setiap institusi seharusnya memberikan pemberatan dengan memasukkan solat berjamaah, amalan zikir serta qiamullail sebagai rutin harian dan diwajibkan kepada pelatih. Pihak pengurusan institusi jelasnya mempunyai autoriti dalam menentukan bentuk pemulihan yang diberikan oleh institusi mereka terhadap pelatih. Justeru, di peringkat pusat, pegawai hal ehwal Islam mestilah memandang serius perkara ini. Peluang yang ada mestilah digunakan semaksima yang mungkin bagi memastikan setiap pelatih yang Bergama Islam diberikan keutamaan dalam konteks pemulihan kerohanian.

Kajian-kajian seperti kesan program kerohanian di Institusi Kemahiran Belia Negara Dusun Tua ( IKBNDT ) terhadap golongan belia, Agama sebagai terapi salah laku seksual dalam kalangan masyarakat Muslim; Analisis menurut perspektif Islam, jelas menunjukkan bahawa asas pemulihan agama merupakan dimensi utama yang diberikan penekanan terhadap golongan sasaran.

### **5.2.3 Keberkesanan Program Agama di Institusi Pemulihan Akhlak**

Keberkesanan program agama di institusi terhadap pelatih secara keseluruhan dilihat dari dua aspek tersebut iaitu peningkatan tahap pengetahuan dan tingkah laku pelatih dalam tiga elemen tersebut iaitu akidah, ibadah dan akhlak.

Program agama yang diadakan di institusi pemulihan banyak memberikan kesan dalam pengetahuan pelatih terhadap ilmu berhubung akidah Islam. Item dipecahkan kepada asas yang wajib diketahui oleh individu muslim iaitu rukun Iman dan Islam. Secara keseluruhan, analisis menunjukkan responden mempunyai tahap pengetahuan akidah yang tinggi berdasarkan purata (min=4.68). Namun terdapat juga pelatih yang tidak mengetahui konsep akidah berdasarkan analisis jawapan yang diberikan oleh pelatih terdapat pelatih yang sangat tidak setuju terhadap item asas pengetahuan akidah yang dikemukakan dalam soal selidik iaitu peratusan di antara 2.1% - 3.5%.

Dari aspek pengetahuan ibadah, analisis keseluruhan mendapati tahap pengetahuan pelatih juga adalah tinggi. Berdasarkan analisis yang telah dibuat, mendapati purata skor min pelatih adalah tinggi iaitu (min=4.25) dalam item berhubung asas-asas ibadah dalam Islam seperti solat, puasa dan hukum asas dalam Islam iaitu Wajib dan Haram. Namun, terdapat item di mana skor min pelatih adalah di tahap sederhana tinggi dalam soalan berhubung ibadah solat fardhu terserah kepada individu (min=3.63) dan harus berwuduk sebelum menunaikan solat min (3.78) . Dapatan ini menggambarkan terdapat responden masih tidak tahu berhubung konsep pengetahuan ibadah secara umum.

Hasil kajian ini juga, mendapati kebanyakan responden menyatakan bahawa program agama yang dilaksanakan di Institusi membantu meningkatkan tahap pengetahuan akhlak mereka. Ini secara tidak langsung membuktikan bahawa program agama yang diadakan di institusi memberi kesan kepada pembentukan akhlak yang baik

di samping responden dapat mengetahui serta memahami dengan lebih jelas tanggungjawab yang mesti dilakukan oleh mereka sebagai individu Muslim. Secara keseluruhan tahap pengetahuan asas akhlak responden adalah tinggi iaitu (min=4.60).

Secara keseluruhan, program agama yang dilaksanakan di institusi membantu memberikan pendedahan kepada responden untuk mengetahui ilmu-ilmu akidah, ibadah dan akhlak. Namun, pelaksanaan program agama di institusi masih lagi kurang mempengaruhi responden dalam konteks amalan Islam dalam kehidupan seharian. Secara teori tahap pengetahuan pelatih terhadap ilmu berhubung akidah, ibadah dan akhlak adalah tinggi berdasarkan (min=4.51). Namun analisis min secara keseluruhan perubahan tingkahlaku responden adalah sederhana tinggi (min=3.02).

Dapatan terhadap analisis yang telah dibuat, mendapati min terhadap tingkah laku responden adalah di tahap sederhana tinggi. Analisis secara terperinci mendapati dapatan min terhadap tingkah laku akidah ialah (min=3.00) iaitu pada tahap sederhana rendah. Min terhadap tingkah laku ibadah adalah (min=3.05) di tahap sederhana tinggi. Manakala min terhadap tingkah laku akhlak adalah (min=3.03) iaitu di tahap sederhana tinggi. Analisis min secara keseluruhan menunjukkan responden masih kurang mengamalkan cara hidup beragama di institusi pemulihan. Malah, dapatan yang diperolehi dalam konteks amalan agama responden masih di tahap yang sama. Ini dibuktikan dengan dapatan terhadap cara hidup responden sebelum dimasukkan ke institusi adalah di tahap sederhana tinggi (min=3.10).

Bagi menangani masalah ini, pihak pengurusan JKM dan institusi melalui pembantu hal ehwal Islam mestilah memandang serius perkara ini. Program-program agama mestilah



dipertingkat dan dipelbagaikan di samping menerapkan cara hidup Islam dalam kehidupan mereka di institusi agar ia menjadi amalan dalam kehidupan mereka.

Biarpun tiada paksaan dalam melaksanakan agama. Namun, tugas dan tanggungjawab setiap pembantu hal ehwal Islam serta pihak pengurusan institusi membantu dalam memastikan program agama yang diadakan di institusi menjadi asas dalam proses pemulihan responden. Program-program agama mestilah diperhebat agar dapat membantu memulih serta memantapkan kerohanian pelatih.

Hasil analisis soal selidik mendapati kebanyakan pelatih iaitu ( 64.0% ) pelatih mendapat pendedahan serta mula mempelajari agama ketika berada di institusi pemulihan JKM. Berdasarkan temubual yang diadakan juga mendapati pelatih berminat untuk mempelajari dan melaksanakan Islam dalam kehidupan mereka. Peluang ini mestilah digunakan sebaik mungkin oleh pihak yang bertanggungjawab terutama pegawai hal ehwal Islam yang diberikan tanggungjawab dalam memberikan pendidikan keagamaan terhadap pelatih.

Tidak dapat dinafikan bahawa golongan pelatih yang terdiri dari golongan remaja mempunyai emosi dan perasaan ingin mencuba, sedang mencari identiti diri serta sedang menuju tahap kematangan sebagai orang dewasa. Mereka sebenarnya merupakan aset, harta, khazanah negara serta mutiara Islam yang istimewa dan berharga. Remaja juga merupakan tiang negara dan penyambung generasi akan datang. Oleh itu, jika rosak remaja hari ini, maka akan rosaklah sesebuah Negara. Islam memandang golongan remaja sebagai bakal pemimpin ummah yang mesti dididik sebaik mungkin. Al-Quran menyifatkan golongan pemuda As-habul Kahfi sebagaimana firman Allah swt :

نَحْنُ نَقُصُّ عَلَيْكَ نَبَأَهُم بِالْحَقِّ إِنَّهُمْ فِتْيَةٌ آمَنُوا بِرَبِّهِمْ وَزِدْنَا لَهُمُ هُدًى

Maksudnya: Kami ceritakan kepadamu (Wahai Muhammad) perihal mereka Dengan benar; Sesungguhnya mereka itu orang-orang muda Yang beriman kepada Tuhan mereka, dan Kami tambahi mereka Dengan hidayah petunjuk.

Surah al-Kahfi 18: 13

#### 5.2.4. Masalah dalam Pelaksanaan Program Agama di Institusi Pemulihan Akhlak

Secara keseluruhan, kajian ini mendapati terdapat empat masalah utama dalam pelaksanaan program agama di institusi pemulihan iaitu :

- 3.8 Masalah Pendakwah ( Penceramah atau tenaga pengajar )
- 3.9 Sasaran dakwah ( pelatih institusi )
- 3.10 Topik dakwah ( Modul Agama JKM )
- 3.11 Pengurusan dan pentadbiran JKM

Pendakwah yang dimaksudkan di sini ialah pembantu hal ehwal Islam atau guru agama yang dipertanggungjawab untuk melaksanakan program agama di institusi. Antara masalah utama ialah kekurangan kakitangan. Hasil kajian mendapati di setiap institusi hanya mempunyai seorang pembantu hal ehwal Islam yang berperanan sebagai guru

agama di institusi. Merujuk kepada nisbah pelatih, merupakan perkara yang mustahil untuk pembantu hal ehwal Islam yang melaksanakan tugas secara efektif. Memandangkan kesemua pelatih memerlukan perhatian dan pemulihan semula, pembantu hal ehwal Islam di setiap institusi memerlukan guru agama memberikan fokus sepenuhnya terhadap setiap pelatih.

Dalam konteks ini, setiap pembantu hal ehwal Islam mestilah bijak menarik minat pelatih terhadap program-program yang dilaksanakan. Menjawat jawatan sebagai pembantu hal ehwal Islam di institusi pemulihan JKM merupakan cabaran dan amanah yang besar. Menjadi tanggungjawab pembantu hal ehwal Islam serta pihak pengurusan institusi memastikan pelatih bukan sahaja diberikan kemudahan serta keselesaan. Malah, perkara utama yang mesti diberikan kepada pelatih adalah dari segi pemulihan kerohanian atau pendidikan keagamaan.

Kekurangan kakitangan terutama dalam menjalankan tugas-tugas pemulihan secara tidak langsung memberikan zon yang selesa terhadap pelatih. Kerana terdapat pelatih yang menyatakan keselesaan mereka berada di institusi. Keselesaan ini perlu diberikan kepada pelatih, namun ruang masa pelatih mestilah diisi dengan program-program yang mampu mengingatkan mereka tugas dan tanggungjawab mereka sebagai individu muslim.

Memandangkan pelatih yang dimasukkan ke institusi berasal dari golongan yang mengamalkan cara hidup sosial yang bebas dari ikatan agama. Perkara ini, mestilah diberikan perhatian sepenuhnya oleh pihak pengurusan khususnya pengurusan tertinggi JKM memastikan di institusi mereka hidup dalam satu sistem yang mempunyai peraturan tertentu.

Kekurangan kakitangan yang berperanan secara langsung memberikan pemulihan keagamaan kepada pelatih perlu dipandang serius oleh pihak JKM. Pelbagai masalah yang timbul, terutama pelatih tidak mempunyai pengisian yang khusus selepas waktu bekerja juga pada hari Sabtu dan Ahad. Menjadi perkara yang mustahil untuk guru agama memberikan fokus terhadap semua pelatih dan ini diperakui sendiri oleh pembantu hal ehwal Islam dalam temubual yang telah dijalankan.

Pembantu hal ehwal Islam juga berhadapan dengan masalah dalam memahami psikologi pelatih. Kekurangan ilmu serta penguasaan dari segi teknik penyampaian menjadikan program agama kurang diminati berbanding program-program lain seperti kemahiran, kesenian, hiburan dan sebagainya. Latar belakang agama pelatih yang berbeza, secara tidak langsung menjadi cabaran kepada pembantu hel ehwal Islam dalam melaksanakan program terhadap pelatih di institusi. Tambahan pula, di sesetengah institusi, pembantu hal ehwal Islam tidak mendapat kerjasama dari kakitangan yang lain. Ini secara tidak langsung memberikan cabaran kepada pembantu hak ehwal Islam dalam melaksanakan tugas mereka khususnya dalam usaha memberikan pemulihan kerohanian kepada pelatih.

Sasaran dakwah (pelatih) juga menyumbang kepada masalah dalam proses pelaksanaan program agama di institusi. Masalah ini secara keseluruhan berpunca dari dalam diri pelatih itu sendiri. Antara masalah yang dikenal pasti adalah seperti malas mengikuti program-program agama yang diadakan seperti kelas agama, solat berjamaah dan sebagainya. Pelatih juga didapati kurang berminat dengan program agama yang

diadakan. Terdapat juga masalah di mana pelatih terpengaruh dengan senior serta selesa dengan cara hidup bebas mereka sebelum ini.

Secara keseluruhan, pembantu hal ehwal Islam menggunakan Modul Kurikulum Pendidikan Islam di setiap institusi. Hasil kajian mendapati, modul yang digunakan agak tinggi dan kurang bersesuaian dengan tahap pelatih. Kerana kebanyakan pelatih yang dimasukkan ke institusi mempunyai tahap pengetahuan serta latar belakang agama yang lemah. Penyelarasan perlu dibuat di peringkat pengurusan JKM bagi memastikan pelatih yang dimasukkan di institusi mendapat mendidikan serta pemulihan kerohanian yang sempurna. Modul juga mestilah dibuat bersesuaian dengan tahap minima pelatih. Memandangkan modul ini secara rasmi digunakan bermula pada tahun 2007. Penambahbaikan mestilah dibuat, dan modul mestilah dibuat secara sistematik serta disesuaikan dengan tahap pelatih. Di samping, setiap pelatih mestilah diberikan manual asas pendidikan Islam agar mereka mempunyai semangat untuk mempelajari Islam serta mengikuti program-program agama yang diadakan oleh institusi.

Pihak pengurusan merupakan pihak yang seharusnya memberikan kerjasama dan komitmen dalam setiap program yang dilaksanakan. Dalam konteks pemulihan di institusi pemulihan JKM. Dalam konteks melaksanakan program agama terhadap pelatih di institusi, masalah dihadapi apabila pihak pengurusan tidak memberikan kerjasama bukan sahaja terhadap pembantu hal ehwal Islam malah terhadap pelatih itu sendiri.

Terdapat pihak pengurusan yang tidak memberi pemberatan terhadap pelaksanaan program agama di institusi. Di mana tiada jadual khusus diberikan untuk program agama. Solat berjamaah juga tidak dijadikan pemberatan. Terdapat di sesetengah institusi pelatih

tidak dikejutkan untuk solat Subuh. Pada hari Sabtu dan Ahad juga pelatih diberikan kebebasan. Perkara ini secara tidak langsung menyukarkan pembantu hal ehwal Islam untuk melaksanakan program agama di samping mengganggu usaha memberikan pemulihan kerohanian kepada pelatih.

Masalah lain yang timbul apabila pihak pengurusan institusi tidak mencari guru agama tambahan bagi membantu pembantu hal ehwal Islam yang sedia ada. Memandangkan di sesebuah institusi pelatih menjangkau bilangan 200 orang. Menjadi cabaran sekiranya hanya seorang individu dalam institusi yang benar-benar ingin melaksanakan program-program agama kepada pelatih di tambah pula pembantu hal ehwal Islam ini diberikan tugas-tugas sampingan yang lain seperti mengajar kelas tambahan bagi pelatih yang akan menduduki peperiksaan seperti PMR dan SPM.

Proses untuk memberikan pemulihan kepada pelatih merupakan tanggungjawab semua pihak yang terlibat secara langsung di institusi. Namun, penekanan dalam konteks pemulihan kerohanian mestilah diambil secara serius. Tugas dan amanah ini tidak boleh diserahkan semata-mata kepada guru agama (pembantu hal ehwal Islam) yang ditugaskan. Walaupun, pelatih di institusi mempunyai latar belakang agama yang berbeza. Namun, peratusan pelatih yang beragama Islam amat dominan berbanding pelatih yang non-Muslim. Ruang dan peluang ini mestilah digunakan semaksimum yang mungkin dalam usaha membantu memberikan kesedaran seterusnya mempasakkan agama dalam jiwa pelatih. Hingga pelatih sendiri dapat membezakan antara yang haq dan bathil serta cenderung untuk mempelajari Islam serta mengamalkan cara hidup Islam yang berteraskan kepada ilmu akidah, ibadah dan akhlak dalam kehidupan seharian mereka.

### **5.3 Saranan**

Berdasarkan hasil kajian ini, terdapat cadangan serta saranan yang diutarakan kepada pihak-pihak tertentu. Cadangan dan saranan ini diharapkan mendapat pertimbangan atau dilaksanakan sebagai usaha penambahbaikan serta tambah nilai terhadap program agama di Institusi Pemulihan Akhlak JKM.

#### **5.3.1 Pengkaji Yang Akan Datang**

Hasil kajian ini adalah analisis pelaksanaan serta keberkesanan program agama di institusi terhadap pelatih secara umum. Namun, terdapat beberapa isu yang dikenal pasti yang boleh dijadikan sebagai asas untuk pengkaji seterusnya mengkaji secara khusus terutama Modul Kurikulum Pendidikan Islam yang digunakan.

Memandangkan kajian ini berbentuk deskriptif adalah dicadangkan kajian yang berbentuk inferensi seperti ( korelasi, kajian kes, kajian perbandingan atau eksperimental ). Kajian ini juga boleh diteruskan dengan menggunakan kaedah kualitatif. Kajian seperti ini secara tidak langsung dapat menghasilkan dapatan yang lebih terperinci dan mendalam.

Hasil kajian ini, adalah analisis pelaksanaan dan keberkesanan program agama terhadap pelatih. Namun, keberkesanan dinilai dari aspek pengetahuan serta amalan tingkahlaku pelatih khusus dalam ruang lingkup akidah, ibadah dan akhlak. Hasil kajian yang menunjukkan terdapat dapatan yang tidak selari antara pengetahuan dan tingkahlaku

pelatih. Rentetan dari hasil kajian ini boleh dijadikan kajian secara terperinci mengapa keadaan ini berlaku.

Kajian ini juga, membuka ruang kepada pengkaji akan datang untuk membina modul yang sesuai dan efektif terhadap pelatih ( golongan remaja bermasalah ). Modul ini diharapkan dapat digunakan oleh institusi yang ingin memberikan pemulihan kepada pelatih.

Kajian ini, jelasnya merupakan kajian awal mengkaji aspek program agama di JKM. Justeru kajian rentetan perlu dibuat, bagi membantu memperkasakan program pemulihan terhadap pelatih di Institusi pemulihan JKM.

### **5.3.2 Jabatan Kebajikan Masyarakat**

Hasil kajian mendapati, pelaksanaan program agama di institusi tidak dapat dilaksanakan secara efektif memandangkan hanya terdapat seorang pembantu hal ehwal Islam yang ditugaskan di setiap institusi. Rentetan dari permasalahan ini, pengkaji mendapati tidak terdapat unit khusus yang memantau pelaksanaan program agama di institusi.

Di peringkat pusat hanya terdapat seorang pegawai hal ehwal Islam yang diberi tanggungjawab memantau perjalanan program-program agama di setiap institusi di Semenanjung Malaysia termasuk Sabah dan Sarawak. Selain itu, tidak terdapat unit khusus seperti unit hal ehwal Islam di peringkat pusat. Pegawai Hal Ehwal Islam ditugaskan di bawah unit kanak-kanak.



Melalui kajian ini, cadangan kepada pihak Kementerian untuk menilai semula sistem organisasi di JKM. Cadangan untuk menambah unit Hal Ehwal Islam, merupakan idea yang dianggap bernas. Memandangkan, pelatih yang dimasukkan ke institusi adalah mereka yang kebanyakannya beragama Islam. Bahagian atau unit ini penting, bagi memastikan setiap program yang dicadangkan dapat dilaksanakan secara sistematik. Melalui unit ini juga, menampakkan bahawa JKM benar-benar komited dalam usaha memberikan bimbingan agama dan pemulihan yang berbentuk kerohanian kepada pelatih.

Di peringkat JKM pusat, dicadangkan untuk menambah perjawatan khusus memantau dari aspek agama dalam proses pemulihan pelatih di JKM. Seorang pegawai di peringkat pusat memantau perjalanan program agama di setiap institusi seluruh Malaysia adalah tidak relevan. Justeru penambahan sekurang-kurangnya pembantu hal ehwal Islam untuk membantu tugas-tugas pegawai hal ehwal Islam di peringkat pusat JKM.

Manakala di peringkat institusi juga, perjawatan perlu ditambah. Memandangkan hanya seorang pembantu hal ehwal Islam ditugaskan di setiap institusi. Dengan bebanan tugas yang ada di tambah dengan peningkatan jumlah pelatih di setiap institusi. Cadangan untuk menambah perjawatan iaitu meletakkan seorang pegawai hal ehwal Islam dan seorang pembantu Hal Ehwal Islam atau cadangan untuk mengambil guru agama sambilan yang bertanggungjawab membantu pelaksanaan program agama di institusi.

Cadangan kepada pihak JKM juga untuk menilai serta membuat penambahbaikan terhadap Modul Kurikulum Pendidikan Islam yang digunakan oleh semua pembantu hal ehwal Islam di setiap institusi. Cadangan untuk memantapkan modul agama serta

menyelaskan program-program agama di setiap institusi. Modul yang khusus perlu dibuat mengambil nilai pelatih yang dimasukkan ke institusi mempunyai latar belakang yang lemah dari aspek agama terutama dari segi pengetahuan serta amalan mereka.

Cadangan untuk menyediakan jadual yang spesifik untuk pelatih yang beragama Islam. Jadual bersifat harian ini memberikan penekanan terhadap proses pemulihan kerohanian termasuk solat fardhu berjamaah, solat dhuha, amalan membaca al-Quran, berzikir dan Qiamullail. Melalui pemerhatian yang dijalankan, program ini hanya boleh dilaksanakan secara efektif sekiranya setiap pihak di institusi memberikan kerjasama kepada pembantu hal ehwal Islam yang ditugaskan.

### **5.3.3 Pegawai Agama Islam dan Pembantu Hal Ehwal Islam**

Memandangkan pelatih yang dimasukkan ke institusi pemulihan dari latar belakang kehidupan dan agama yang pelbagai. Cadangan kepada Pegawai Agama Islam untuk menganjurkan program-program seperti kursus atau bengkel kepada pembantu hal ehwal Islam dan guru agama yang ditugaskan. Pendedahan ini penting bagi membantu pembantu hal ehwal Islam yang ditugaskan lebih positif apabila berhadapan dengan pelatih.

Program agama yang pelbagai dan tidak berbentuk sehala seperti ceramah, forum, kelas agama juga mestilah dilaksanakan di institusi. Program seperti mukhayyam, usrah, halaqah dan sebagainya adalah merupakan program yang menarik minat pelatih.

Kaedah penyampaian juga mestilah dipelbagaikan tidak hanya berbentuk sehala. Penggunaan teknologi maklumat iaitu penyampaian dalam bentuk interaktif, power point

dan sebagainya secara tidak langsung menarik minat pelatih untuk mengikuti program agama yang dilaksanakan.

#### **5.3.4 Pelatih Institusi Pemulihan**

Hasil kajian menunjukkan, pelatih kurang berminat dengan program agama yang diadakan di institusi. Adalah dicadangkan kepada pelatih, agar lebih komited dengan setiap program yang diadakan.

Program-program agama yang berbentuk kesedaran mestilah diadakan kepada pelatih. Program sebegini amat penting bagi menyedarkan pelatih bahawa perkara yang dilakukan oleh mereka sebelum dimasukkan ke institusi adalah sia-sia serta merosakkan kehidupan dan masa depan mereka.

Kesedaran ini penting bagi membantu membuka dimensi baru dalam kehidupan pelatih bahawa mereka mempunyai harapan dan masa depan dengan syarat mereka sendiri mesti berubah. Perubahan merupakan penghijrahan dalam kehidupan pelatih dan menjadikan kisah lalu mereka sebagai pengajaran.

Pelatih dicadangkan menambah pengetahuan mereka dengan membaca buku-buku bercorak Islam. Ibadat wajib seperti solat fardhu mestilah dijadikan keutamaan dan memperbanyakkan berzikir, membaza ayat suci al-Quran serta melaksanakan ibadat-ibadat sunat yang lain seperti menunaikan solat sunat taubat, tahajjud dan sebagainya.

Pelatih juga dicadangkan sentiasa berfikiran positif dan terbuka dalam menerima teguran. Keyakinan terhadap kefahaman agama serta melaksanakan cara hidup Islam dalam kehidupan seharian menyelamatkan mereka dari melakukan perkara-perkara maksiat mestilah dipasakkan. Dalam konteks ini, pelatih disarankan memberikan kerjasama kepada pihak pembantu hal ehwal Islam, guru agama serta pengurusan institusi dengan memberikan komitmen serta komited terhadap bentuk-bentuk pemulihan yang dilaksanakan khusus dalam konteks pemulihan kerohanian.

### **5.3.5 Badan Bukan Kerajaan ( NGO )**

Berdasarkan kepada kekangan dalam melaksanakan program agama dalam kalangan pelatih di institusi. Saranan pengkaji, pihak JKM sewajarnya mengambil inisiatif dengan menjalankan kerjasama bersama Badan Bukan Kerajaan ( NGO ) seperti Jamaah Islam Malaysia ( JIM ), Ikatan Muslimin Malaysia ( ISMA ) , Pertubuhan IKRAM Malaysia ( IKRAM), Pengurusan Dakwah Islamiah Malaysia ( PEDIM ) dan seumpamanya. Penglibatan NGO secara berkala juga sedikit sebanyak membantu dalam mengurangkan permasalahan kakitangan khususnya guru agama di JKM.

Kekurangan kakitangan khususnya kakitangan yang terlibat secara langsung dalam memberikan pemulihan kerohanian terhadap pelatih merupakan masalah yang dihadapi oleh setiap institusi JKM. Justeru, dengan melibatkan NGO secara tidak langsung program-program agama yang telah disusun dapat dilaksanakan secara konsisten di samping dapat membantu kakitangan sedia ada.

Cadangan kepada NGO juga dapat berkongsi pengalaman dengan memberikan cadangan-cadangan serta berkongsi pengalaman kepada pihak JKM dalam usaha melaksanakan program berbentuk pemulihan khususnya program-program berkaitan agama kepada pelatih. Kerjasama ini dianggap penting bagi membantu pihak JKM melaksanakan program agama secara intensif kepada pelatih.

#### **5.4 KESIMPULAN**

Secara keseluruhan, kajian ini diharapkan dapat memberi sumbangan dalam usaha menyampaikan dakwah Islam. Kajian ini diharapkan dapat menjadi panduan kepada pihak berwajib terutama JKM dalam usaha membeikan perkhidmatan pemulihan kepada pelatih yang merupakan golongan remaja bermasalah. Walaupun kajian ini memfokuskan kepada keberkesanan dari aspek pengetahuan dan amalan yang merangkumi aspek akidah, ibadah dan akhlak. Dapatan ini secara tidak langsung dapat dijadikan panduan oleh pihak yang bertanggungjawab dalam melihat semula program-program agama yang dilaksanakan di institusi. Pelaksanaan sesuatu program yang dilaksanakan secara sistematik dan efektif jelas menyumbang kepada keberkesanan program tersebut terhadap golongan sasar. Justeru, program-program agama mestilah diperhebat serta memastikan program dilaksanakan menarik minat serta merangsang pelatih untuk terus mengikuti setiap program yang dilaksanakan. Pemulihan dalam setiap perkara mestilah berteraskan kepada penerapan nilai agama iaitu akidah, ibadah dan akhlak serta menjadikan al-Quran dan al-Sunnah sebagai panduan. Pelatih yang dimasukkan di institusi pemulihan mestilah diberikan perhatian serta pemulihan khusus dalam memantapkan jiwa mereka. Perkara ini penting bagi memastikan mereka tidak mengulangi kesilapan yang sama.

Sebagai individu masyarakat kita hendaklah membuka mata bahawa nilai pembangunan yang mahal yang terpaksa dibayar dengan keruntuhan akhlak remaja. Prasyarat menyelesaikan semua masalah ini ialah membuka pintu hati, melapangkan fikiran dengan meyakini Islam sebagai Ad-Din yang syumul yang tak lapuk dek hujan dan yang tak lekang dek panas serta sesuai sepanjang zaman, dahulu, kini dan akan datang. Kehebatan Islam menyelesaikan masalah telah menyaksikan kejayaan Nabi Muhammad saw membentuk umat terpilih di tengah masyarakat Arab jahiliah yang hanyut dengan gejala sosial yang dahsyat pada ketika itu. Rasul SAW telah melahirkan khairul Ummah ( ummat yang terbaik ) seperti mana yang dinyatakan dalam firman Allah swt :

كُنْتُمْ خَيْرَ أُمَّةٍ أُخْرِجَتْ لِلنَّاسِ تَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَتَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ وَتُؤْمِنُونَ  
 بِاللَّهِ ۗ وَلَوْ ءَامَنَ أَهْلُ الْكِتَابِ لَكَانَ خَيْرًا لَهُمْ ۚ مِنْهُمْ الْمُؤْمِنُونَ وَأَكْثَرُهُمُ  
 الْفَاسِقُونَ ﴿١١٠﴾

Maksudnya : kamu (Wahai umat Muhammad) adalah sebaik-baik umat Yang dilahirkan bagi (faedah) umat manusia, (kerana) kamu menyuruh berbuat Segala perkara Yang baik dan melarang daripada Segala perkara Yang salah (buruk dan keji), serta kamu pula beriman kepada Allah (dengan sebenar-benar iman). dan kalaulah ahli Kitab (Yahudi dan Nasrani) itu beriman (sebagaimana Yang semestinya), tentulah (iman) itu menjadi baik bagi mereka. (Tetapi) di antara mereka ada Yang beriman dan kebanyakan mereka: orang-orang Yang fasik.

Surah Ali - ‘ Imrān 3 : 110

## BIBLIOGRAFI

Al- Qurān al-Karīm

‘Abd Karīm al-‘Aql (t.t), *Mabāhith Fi Aqīdati ahl al-Sunnah wa al-Jamā’ah*. Saudi Arabia: Dar al-Watan.

‘Abd Karim al-‘Aql, *Mabāhith Fi Aqīdati ahl al-Sunnah wa al-Jamā’ah* (Saudi Arabia: Dar al-Watan, t.t.).

Penulis tidak diketahui”, *Buku Sejarah Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia* (Kuala Lumpur: Jabatan Kebajikan Masyarakat, 1996)

Ab. Aziz Mohd Zin, “Dakwah Bukan Sekadar Ceramah”, *Majalah al-Islam*, Oktober 2011.

Ab. Aziz Mohd Zin, *Metodologi Dakwah* (Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2001).

Ab. Aziz Mohd. Zin. *Pengantar Dakwah Islamiah* (Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 1997).

Abd al-Karim Zaydān, *Uṣūl al- Da’wah* (Baghdad: Maktabah al-Qis, 1987).

Abd al-Naim Muhammad Husnain, *al-Da’wah ila Allah ‘ala Basirah*. Beirut: Dar al-Kutub Islamiyyah, 1984).

Abd Rahman Al- Nahlawi, *Usul al-Tarbiyyah al-Islamiyyah wa Asalibuha* (Damsyik: Dar Al-Fikr, 1979).

- Abd. Al-Halim Mahmud, *Fiqh Al-Dakwah ilā Allah* (Al-Mansurah, Misr: Dar al-Wafa', 1990).
- Abd. Al-Naim Muhammad Hasanin, *al-Da'wah Ila Allah 'Ala Baṣīrah* (Dār al-Kutūb al-Islamiah, 1984).
- Abd. Kodir Salleh, "Dakwah di Kalangan Kakitangan Kerajaan di Kuala Lumpur: Kajian Tentang Penglibatan dan Keberkesanan" (Disertasi API, Universiti Malaya, 1997).
- Abdul Manaf Hj. Ahmad, "Masalah Dakwah Islamiah di Malaysia dan Cara Mengatasinya," dalam *Prinsip dan Kaedah dakwah Dalam Arus Pembangunan Malaysia*, ed. Abdullah Muhammad Zin et al. (Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, 1997).
- Abdul Wahab Zakaria, *Konsep Kepimpinan dalam Islam* (Kuala Lumpur: ABIM, 1982).
- Abdullah Hassan, *Berdakwah Dengan Efektif: Teori dan Teknik Moden Mendorong Perubahan Tingkahlaku* (Selangor: PTS Islamika, 2007).
- Abi Isa Muhammad Bin Isa bin Thaurah, Kitab al-Birr wa al-Ṣillah 'an Raṣūlillah ṣalla Allah 'alaih wa al-salām, Bab Mā Ja'ā fi Husnī al-Khuluqī, no. Hadith 2002 dalam *Sunan al-Tirmidhi* (Istanbul: Dār al-Da'wah, 1981)
- Abu 'Urwah (2003), *Asas-Asas Kefahaman Islam*. Kuala Lumpur: Pustaka Salam,.
- Abu Bakr al-Jazā'irī, *Akidah al-Mukmin* (Qāherah: Dār al-Fikr al-'Arābi, t.t.).
- Adam Kuper dan Jessica Kuper, *The Social Science Encyclopedia* (London: Routledge and Kegan Paul, 1985).
- Affizal bin. Ahmad, "Memahami Perapatan Rakan Sebaya di Kalangan Remaja Delinkuen," *Jurnal Kebajikan Masyarakat* 33, (Disember 2008).
- Afzalur Rahman, *Islam Ideology and The Way of Life* (Kuala Lumpur: Pustaka Hayathi, 1995).
- Ahmād 'Utmān, *Tarbiyyah al-Aulād wa al-Abnā' fi al-Islam* (Beirut: Qutaibah, 1982).



- Ahmad Atory Hussain, *Pengurusan Organisasi* (Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd, 2007).
- Ahmad b. Muhammmad b. Maskawayh, *Tahdhīb al-Akhlāq* (Beirut : Mansurah Dār Maktabah al-Hayah, 1961).
- Ahmad Ibrahim Abu Sin, *Pengurusan Dalam Islam*, terj. Abd Rashid Ngah & Jusoh Kadir (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1997).
- Ahmad Mahmud Abu Zaid, *Pendakwah Masa Kini, Sikap dan Pendekatan*, terj. Usamah bin Hussain (Kuala Lumpur: YADIM, 1996).
- Ahmad Mukhtār ‘Umar, et al., *al-Mu’jam al-‘Arabī al-Asāsī* (Tunis: al-Munazzamah al-‘Arabiah, 1989).
- Ahmad Munawar bin. Ismail, 2008, Pengaruh Akidah Terhadap Penghayatan Akhlak Pelajar-Pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Malaysia, Tesis Ph.D, UKM.
- Al-Alusi, Abu al-Fadl Shihab al-Din al-Sayyid Mahmud al-Baghdadi, *Ruh al-Ma’ani fi al-Tafsir al-Quran al-Karīm wa al – Sab al-Mathānī* (Beirut: Dar al-Fikr, 1978).
- Al-Farābi, *al-Siyāsah al-Mādaniyyah Mulāqqah bi Mabadie’ al-Maujudāt* (Beirut: Thulikiyyah, 1964).
- Al-Fayrūz, Abādī, *al- Qāmūs al-Muhīt* (Kaherah: Muassasah al-Risalah), 1987).
- Al-Imam Abī Hamīd Muhammad bin. Muhammad al-Ghazali, *Ihya ‘Ulum al-Din* (Kaherah: Muassasah al-Jablā wa al-Syanwkah, 1967).
- Al-Qaradawi, Yusuf, Iman dan Kehidupan ( Shah Alam: Dewan Pustaka Fajar, 2008 ).
- Al-Tantawi, Ahmad, *Fi Fann al-Dakwāh Ila Allah*, (t.p.: Dār al-Manar al-Hadith li Al- Nashr wa al-Tauzi’, 2001).
- Alwisral Imam Zaidallah, Drs, *Strategi Dakwah dalam Membentuk Da’I dan Khotib Profesional* ( Jakarta: Kalam Mulia, 2002 ).
- Amna Md. Noor dan Asnarulkhandi Abu Samah, “Masalah Sosial Melayu: Hakikat dan Penyelesaian,” *Jurnal Kebajikan Masyarakat* 35, (Disember 2009).

- Asmah Bee Mohd Noor dan Iran Herman, *Membina Kesejahteraan Remaja* (Selangor: Teknoedar, 1995).
- Azhar Ahmad, 2006, Strategi Pembelajaran dan Pengaturan Kendiri Pendidikan Islam dan Penghayatan Akhlak Pelajar Sekolah Menengah, Tesis Ph.D, UKM.
- Azizi Yahaya dan Shahrin Hashim, *Menguasai Penyelidikan dalam Pendidikan* (Selangor: PTS Professional Publishing sdn. bhd., 2007).
- Azizi Yahaya, *Psikologi Sosial Alam Remaja* (Pahang: PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd., 2005).
- Azman Che Omar, *Pengurusan di Malaysia dari Perspektif Islam* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2003).
- Berhanuddin bin. Abdullah dalam *Dakwah dan Perubahan Sosial* ( Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd. 2000).
- Carta Organisasi Jabatan Kebajikan Masyarakat. Laman Web Rasmi Jabatan Kebajikan Masyarakat. [http://www.jkm.gov.my/content.php?pagename=carta\\_organisasi&lang=bm](http://www.jkm.gov.my/content.php?pagename=carta_organisasi&lang=bm).
- Che Yusoff Che Mat et al., *Dinamika Dakwah dalam Masyarakat* (Bangi: UKM, 1997).
- Chua Yan Piaw, *Asas Statistik Penyelidikan, Buku 2* (Kuala Lumpur: Mc Graw Hill).
- Citra Karya, *Falsafah, Nilai dan Etika dalam Perkhidmatan Awam* (Kuala Lumpur: Intan, 1994).
- Dewan Bahasa dan Pustaka, *Kamus Bahasa Melayu Nusantara*, (cet. ke-1, Brunei Darussalam: DBP, 2003).
- Donovan, J, dan Jessor, R, "Structure of Problem Behavior in Edollescence and Young Adulthood" *Journal of Consulting and Clinical Psychology* 53, (1985).
- Fariza Md. Sham, "Dakwah Kepada Remaja Yang Mengalami Tekanan Emosi: Kajian di Kajang" (tesis, Fakulti Dakwah dan Akademi Islam, Universiti Malaya, 2005), xxi.
- Fathi Yakan, *Madha Ya'ni Fi Intima'e li al-Islam*, cet. ke-8 (Beyrut: Muassasah al-Risalah, 1982).

- Funk & Wagnalls, *Standard Dictionary of English Language* (New York: New International, 1959).
- Ghazali Darussalam, *Dinamika Ilmu Dakwah Islamiah* (Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd., 1996).
- Ghazali Darussalam, *Ilmu Akhlak Islamiah* (Kuala Lumpur: Utusan Publication and Distributors Sdn. Bhd, 1997).
- Gibb, H.A.R, *The Encyclopedia of Islam* (Leiden: EJ. Brill, 1979).
- H. Hamzah Ya,kub, *Tingkat Ketenangan dan Kebahagiaan Mukmin* ( Singapura : Pustaka Nasional PTE. LTD, 1980 ).
- Hans Wehr, *A dictionary of Modern Writen Arabic* (London: Mac Donald & Evans Ltd., 1980).
- Haron Din, *Islam Ada Apa Dengan Islam?* (Kuala Lumpur: PTS Milenia Sdn. Bhd., 2007).
- Hasan Hamzah et al., *Ensiklopedia Malaysiana* (Shah Alam: Anzaqain Sdn. Bhd., 1995).
- Hasan Hamzah, *Kamus Melayu Global* (Shah Alam: Piramid Perdana Sdn. Bhd., 1997).
- Hassan al-Banna, *al- 'Aqa'id* (Kuwait: Maktabah al-Manār al-Islām, t.t.).
- Ibn Manzur, *Lisan al- 'Arab* (Beirut: Dar al-Turath al-'Arabi, 1992), 6:345-346
- Ibrahim Mamat, *Memimpin Remaja Sekolah Teori dan Praktik* (Subang: Kumpulan Budiman Sdn. Bhd., 1997).
- Ibrahim Mustafa et al., *Mu'jam al-Wasit* (Istanbul: Maktabah Islamiah, 1972).
- Idris Awang, *Penyelidikan Ilmiah Amalan dalam Pengajian Islam* (Selangor: Sri Elila Resources, 2009).
- Iran Herman dalam *Dakwah dan Perubahan Sosial* ( Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd. 2000.

J. Spparto, *Kaedah Penyelidikan, Penggunaan dalam Pemasaran* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1986).

Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia, “Kurikulum Pendidikan Islam (Asas-Asas Fardhu Ain) Di Institusi-Institusi Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia” (modul, Bengkel Pengukuhan Kurikulum Pendidikan Islam dan Pengurusan Hal Ehwal Islam di Institusi, Hotel Seaview Langkawi, Kedah, 19-22 Mac 2007).

Jabatan Kebajikan Masyarakat, “Ringkasan Maklumat Mengenai Institusi Kanak-Kanak, Bahagian Kanak-Kanak Jabatan Kebajikan Masyarakat” (Kuala Lumpur: Jabatan Kebajikan Masyarakat, t.t.).

Jabatan Kebajikan Masyarakat, Risalah “Asrama Akhlak” (Kuala Lumpur: Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, t.t.).

Jabatan Kebajikan Masyarakat, Risalah “Sekolah Tunas Bakti” (Kuala Lumpur: Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, t.t.).

Jabatan Kebajikan Masyarakat, Risalah “Taman Seri Putri” (Kuala Lumpur: Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, t.t.).

Hussain Ali, Kuala Lumpur ), dalam temubual dengan penulis pada 10 Mac 2011.

James A.F. Stoner dan Charles Wankel, *Pengurusan*, terj. Yaakob Ibrahim (Petaling Jaya: Amiza Associate (M) Sdn. Bhd., 1989).

James L.Gibson et al., *Organizations: Behavior, Structure, Processes* (cet. ke-11, New York: McGrill –Hill Companies, 2003).

Jessor, Richard, “Risky Driving and Adolescent Problem Behavior: An extension of Problem – Behavior Theory” *Journal of Alcohol, Drugs and Driving* 3, (1987).

Joyce M. Hawkins, *Kamus Dwibahasa Oxford Fajar* (Petaling Jaya: Fajar Bakti Sdn. Bhd., 1991).

Kirk, R.E, *Elementary Statistics*, (California: brooks/Cole Publishing Company, 1984).

- Kirkpatrick, E.M, *Chambers 20<sup>th</sup> Century Dictionary* (Edinburgh: W & R Chambers ltd, 1983).
- Krejcie et al., *Determining Sample Size for Research Activities* (Education and Psychological Measurement, 1970)
- Logo Rasional. Laman Web Rasmi Jabatan Kebajikan Masyarakat. [http://www.jkm.gov.my/content.php?pagename=logo\\_rasional&lang=bm](http://www.jkm.gov.my/content.php?pagename=logo_rasional&lang=bm).
- Lutfi Abas dan Awang Sariyan, *Kamus Pelajar Delta* (Selangor: Pustaka Delta Pelajaran Sdn. Bhd., 1988).
- Mahfūz, Muhammad Jamāl al-Dīn, *Tarbiyyah al-Murāhiq fī al-Madrasah al-Islāmiyyah* (t.tp.: al-Hai'ah al- 'Āmmah li al-Kitab, 1984).
- Md. Mydin b. Md Sheriff, “Gejala Buli, Ponteng dan Menghisap Rokok di Kalangan Pelajar” (kertas kerja Seminar Mencegah Gejala Sosial Negeri Selangor, INPENS International College, Shah Alam: Hotel Grand Blue Wave, 24-25 Jun 2009).
- Mohd Amin b. Abdul Rahim, *Panduan Pendakwah Secara Praktikal* (Kuala Lumpur: Darul Fikir Sdn. Bhd, 2001 ).
- Mohd Majid Konting, *Kaedah Penyelidikan Pendidikan* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2000).
- Mohd Najib Abdul Ghafar, *Penyelidikan Pendidikan* (Johor: UTM Skudai, 1999).
- Mohd Nasir Saludin dan Noreha Mohamed Yusof, “Strategi Menangani Gejala Sosial Remaja: Kajian Kes Kuala Lumpur,” dalam *Keluarga, Gender dan Cabaran Sosial di Malaysia*, ed. Lukman Z. Muhammad et al. (Kuala Lumpur: Utusan Publication and Distributors Sdn. Bhd., 2002).
- Mohd Salleh Lebar, *Asas Psikologi Perkembangan* (Kuala Lumpur: Utusan Publication, 1994),
- Mohd. Farhan Abdullah al-Haffiz, *Panduan Berdakwah di Malaysia*, ( Selangor: HS Massyi Printing Sdn. Bhd, 2008).
- Mohd. Kamal Hassan, *Pendidikan dan Pembangunan: Satu Perspektif Bersepadu* (Kuala Lumpur : Nurin Enterprise, 1988).

- Muhammad Abu al-Fatah Al-bayānūnī, *Al-Madkhal ilā 'ilm al-Da'wah* (Beirut: Muassasah al-Risalah, 1991).
- Muhammad al- Sayyid al-Wakil, *Usūl al-da'wah wa Adāb al-Du'at* (al-Mansurah: Dār al-Wafa', 1986).
- Muhammmad Abu al-Fath al-Bayanuni, *al-Madkhal ilā 'Ilm al-Da'wah* (Beyrut: Muassasah al-Risalah, 1991).
- Muhd. Mansur Abdullah dan Siti Nordinar Mohd Tamin, *Psikologi Remaja* (Petaling Jaya: Fajar Bakti Sdn. Bhd., 1988).
- Munir Ba'al Baki, *al-Munjīd fi Lughah wa A'lam* (Beirut: Maktabah Syarkiyyah, 1986).
- Mustafa Masyhur, *Min Fiqh al-Da'wah* (t.p.: Dar al-Tauzi' wa al-Nashr al-Islamiah, 1995).
- Neuman, W.L, *Social Research Method: Qualitative and Quantitative Approaches* (Needham Heights: Allyn and Bacon, 2000).
- Norasmah Othman, 2001, Keberkesanan Program Keusahawanan Remaja di Sekolah Menengah. Tesis Ph.D, UPM.
- Noresah bt. Baharom et al., *Kamus Dewan*, ed. ke-3 (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2002).
- Othman Puteh, *Kamus Am* (Kuala Lumpur: Crescent News, 1997).
- Pelajar Mati Dibelasah- 14 Penuntut Tingkatan Lima Sekolah Agama di Seremban Direman. laman sesawang Akhbar Utusan Malaysia, dicapai 29 Mac 2004, [http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2004&dt=0330&sec=Muka\\_Hadapan&pg=mh\\_01.htm](http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2004&dt=0330&sec=Muka_Hadapan&pg=mh_01.htm).
- Rauf Syalabi, *al-Da'wah al-Islamiyyah fi 'Ahd al- Makki, Manahijuhā wa Ghayatuhā* (Kuwait: Dar al-Qalam, 1982).
- Rauf Syalabi, *Sikulugiyat al-Ra'i wa al-Da'wah* (Kuwait: Dar al-Kalam, 1882).

Risalah JKM (Kuala Lumpur: Jabatan Kebajikan Masyarakat, t.t.).

Roslan Bin Mohamed, "Gejala Sosial dan Kesannya Kepada Pembangunan Umat" (kertas kerja, Konvensyen Menangani Gejala Sosial Negeri Selangor, Shah Alam: Intekma Resort & Convention Centre, 4 Jun 2009).

Rozhan Othman, *Pengurusan Dakwah* (Selangor: Ummah Media Sdn. Bhd., 1990).

Sa'id Hawwa, *al-Islām* (Beirut: Dār al-Shurūq, 1979).

Sabitha Marican, "Dasar Media Dalam Membendung Tingkahlaku Remaja Yang Bermasalah" (kertas kerja, Seminar Kekeluargaan Peringkat Kebangsaan Universiti Utara Malaysia, 29-30 Julai 1995 ).

Said Hj. Ibrahim, *Akidah ahli Sunnah wa al-Jamaah* (cet ke-2, Kuala Lumpur: Dār al-Ma'rifah, 1996).

Samin 'Atif al-Zamri, *Siaat al-Da'iyah wa Kaifiyyah Haml al-Da'wah* (cet. Ke-2, Beirut: Dar al-Kitabah al-Lubnani, 1975).

Sanep Ahmad, "Pengurusan Ekonomi dalam Pembangunan Dakwah di Malaysia," dalam *Dakwah dan Pengurusan Islam di Malaysia, Konsep dan Pelaksanaan*, ed. Abd. Ghafar Don et al., (Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, 2000).

Santrock, John. W, *Psychology* (Boston: Mc Craw-Hill Companies, 2002).

Sayed Abdul Rahman bin. Sayed Mohd, "Menangani Masalah Sosial", *Jurnal Kebajikan Masyarakat* 20, (Disember 1997).

Sayyid Qutb, *Fi Zilāl al-Qurān*, (cet. ke-7, Beirut: Lubnan, 1971).

Sayyid Sābiq, *al- 'Aqāid al-Islāmiyyah* (Qaherah: al-Fath li I'lām al-Arab, t.t.).

Strategi. Laman Web Rasmi Jabatan Kebajikan Masyarakat.  
<http://www.jkm.gov.my/content.php?pagename=strategi&lang=bm>.

Sulaiman Ibrahim, "Tarbiah Da'awiah Untuk Golongan Remaja: Suatu Tinjauan Terhadap Manhaj al-Ikhwan al-Muslimin" dalam *Dakwah dan Perubahan*

*Sosial*, ed. Fariza Md. Sham, Sulaiman Ibrahim dan Ideris Endot (Kuala Lumpur: Utusan Publications and Distributor Sdn. Bhd., 1997).

Syamsul Bahri Andi Galigo, "Penelitian Terhadap Dakwah Islamiah," dalam *Intelektualisme dan Dakwah Masa Kini*, ed. Mohd Radhi Ibrahim et al. (Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 2001).

Syed Arabi Idid, *Kaedah Penyelidikan Komunikasi dan Sains Sosial* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1998).

Udah Mohsin, *Kesan Ibadah dalam Pembentukan Akhlak Seorang Muslim* (Kuala Lumpur: Al-Rahmaniah, 1986).

Visi, Misi dan Objektif. Laman Web Rasmi Jabatan Kebajikan Masyarakat. [http://www.jkm.gov.my/content.php?pagename=visi\\_misi\\_dan\\_objektif&lang=bn](http://www.jkm.gov.my/content.php?pagename=visi_misi_dan_objektif&lang=bn).

Wan Hussein Azmi, *Panduan Dakwah Islamiah* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1988).

Yahya Osman, *Usrah dan Pelaksanaannya; Penyeragaman, Pengisian dan Tindakan* (Kota Kinabalu: Kinabalu Publishers, 1999).

Yūsuf al-Qarāḍāwī, *Ibadah dalam Islam*, terj. Hasan Idris (Kuala Lumpur: YADIM, 1978).

Yūsuf al-Qarāḍāwī, *Sistem Pendidikan Ikhwan al-Muslimin*, terj. Nabihah Husein (Jakarta: Media Dakwah, 1998).

Yūsūf al-Qarḍāwī, *al-'Ibādah fī al-Islām* (cet. ke-24, Kaherah: Maktabah Wahbah, 1995)

Zainal Madon dan Mohd Sharani Ahmad, *Panduan Mengurus Remaja Moden* (Pahang: PTS Profesional).

Zakaria Stapa, *Akidah dan Akhlak Dalam Kehidupan Muslim* (Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd., 1999).

Zakiah Daradjat, *Remaja, Harapan dan Tentangan* ( Jakarta : CV Ruhama, 1994 ).

## **Temubual**



Aziyah bt. Ahmad ( Pembantu Hal Ehwal Islam, Sekolah Tunas Bakti , Lereh ), dalam temubual pada 25 Okt 2011.

Jamal Zaidi bin. Ismail (Pegawai Agama Jabatan Kebajikan Masyarakat, Putrajaya), dalam temubual dengan penulis, 15 Februari 2012.

Mohd Nor Azan b. Mohamad Zin (Pembantu Hal Ehwal Islam, Sekolah Tunas Bakti, Jerantut, Pahang), dalam temubual dengan penulis.

Mohd Razuki b. Sibi (Pegawai Perancang Ekonomi Jabatan Kebajikan Masyarakat, Putrajaya), dalam temubual dengan penulis, 15 Februari 2012.

Mohd Shamsul b. Ramli ( Pembantu Hal Ehwal Islam, Asrama Kempas, Johor ), dalam temubual pada 31 Okt 2011.

Nor Azura bt Sumailan (Pembantu Hal Ehwal Islam, Taman Seri Putri, Cheras, Kuala Lumpur), dalam temubual dengan penulis, 4 Nov 2011.

Nurrul Ain bt. Alias ( Pembantu Hal Ehwal Islam, Taman Seri Putri, Batu Gajah, Perak), dalam temubual dengan penulis, 28 Okt 2011.

Pelatih 1 dan 2 dalam temu bual dengan penulis di TSP Cheras, Selangor, pada 2 November 2011.

Pelatih 13, 14 dalam temu bual dengan penulis di STB Jerantut, Pahang Darul Makmur, pada 20 Oktober 2011.

Pelatih 19, 20, 21 (Pelatih, Sekolah Tunas Bakti, Sungai Besi, Kuala Lumpur), dalam temubual dengan penulis, 11 Nov 2011.

Pelatih 3,4,5 (Pelatih,Taman Seri Putri, Batu Gajah, Perak), dalam temubual dengan penulis, 28 Oktober 2011.

Pelatih 3,4,5 dalam temu bual dengan penulis di TSP Batu Gajah, Perak Darul Ridzuan, pada 28 Oktober 2011

Shamsul b. Ramli ( Pembantu Hal Ehwal Islam, Asrama Kempas, Johor Baharu ), dalam temubual pada 31 Okt 2011.

Temu bual dengan pelatih 17 dan 18, 25.10.2011, jam 8.00 pg , di Sekolah Tunas Bakti  
Lereh: Melaka.

Yusnadee b. Ahmad ( Pembantu Hal Ehwal Islam, Asrama Sentosa, Sentol ), dalam  
temubual pada 3 Nov 2011.

Zuraimy b. Rosmani (Pembantu Hal Ehwal Islam, Asrama Bukit Baru, Melaka), dalam  
temubual dengan penulis, 8 Nov 2011.

University of Malaya